

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KESEBELAS  
PENGGAL KETIGA  
MESYUARAT KETIGA**

**Bil. 86****Selasa****5 Disember 2006**

**K A N D U N G A N**

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 18(1):</b>	
■ <b>Pembunuhan Suspek Pemberontak Yang Diserahkan Oleh Malaysia Kepada Kerajaan Thailand</b>	
- <i>Y.B. Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang)</i>	(Halaman 28)
<b>RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT</b>	(Halaman 30)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>	
Rang Undang-undang Perbekalan 2007	
<u><b>Jawatankuasa:</b></u>	
<u><b>Jadual</b></u>	
Maksud B.47	(Halaman 31)
Maksud B.48	(Halaman 58)
Maksud B.49	(Halaman 124)
<b>USUL-USUL:</b>	
Anggaran Pembangunan 2007	
<u><b>Jawatankuasa:</b></u>	
Maksud P.47	(Halaman 31)
Maksud P.48	(Halaman 58)
Maksud P.49	(Halaman 124)
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 103)

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**Selasa, 5 Disember 2006**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]** minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan, apakah penyebab utama peratusan Air Tidak Terhasil yang tertinggi di negara ini iaitu negeri Sabah pada kadar 25%.

**Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]:**  
Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Air Tidak Terhasil iaitu NRW ialah perbezaan di antara jumlah kuantiti air yang dibekalkan oleh loji rawatan air dengan jumlah kuantiti air yang direkodkan oleh meter pengguna. Terdapat dua jenis NRW dalam sesuatu sistem agihan bekalan iaitu:

- (i) kehilangan fizikal – kehilangan air berlaku akibat paip air pecah dan kebocoran terutamanya paip daripada jenis simen asbestos yang telah uzur;
- (ii) kehilangan komersial – air yang digunakan tetapi tidak memberi hasil kepada PBAN berikutan kecurian air melalui sambungan haram;
- (iii) ketidaktepatan bacaan kuantiti air yang dicatat oleh meter berikutan keadaan meter yang uzur;
- (iv) penyelenggaraan sistem bekalan air seperti *placing pipe* selepas kerja-kerja pembaikan kebocoran dan tangki-tangki air; dan
- (v) kegunaan-kegunaan bomba.

Pada masa kini, kadar purata NRW di seluruh negara ialah pada paras 38%. Bagi negeri Sabah pula kadar NRW adalah yang tertinggi di negara ini iaitu pada paras 55%. Kadar NRW yang tinggi ini sering menimbulkan pelbagai masalah di negeri tersebut antaranya:

- (i) bekalan air tidak mencukupi, tekanan rendah dan gangguan bekalan yang kerap;
- (ii) penggunaan kualiti air yang menimbulkan rasa tidak puas hati pengguna terhadap Pihak Berkuasa Air Negeri atau PBAN, terutamanya apabila

- ramai pengguna terpaksa memasang alat penapisan air dengan izin, *water filter* untuk mendapatkan bekalan air yang bersih;
- (iii) gangguan kepada operasi sektor-sektor perindustrian dan komersial akibat bekalan air yang tidak boleh dipercayai, *unreliable*, dengan izin; dan
  - (iv) pengurangan kutipan hasil air daripada Pihak Berkuasa Air Negeri.

Kerajaan negeri telah mengenal pasti beberapa punca utama yang menyebabkan kadar NRW yang tinggi di Sabah. Kekerapan berlakunya paip air pecah dan bocor terutamanya paip-paip jenis *asbestos cement* iaitu AC, yang kebanyakan telah usang dan berusia lebih daripada 30 tahun, adalah merupakan salah satu faktor yang menyumbang kadar NRW yang tinggi di negeri tersebut.

Punca utama kedua yang menyumbang kepada kadar NRW yang tinggi ialah masalah kecurian air terutamanya melalui sambungan-sambungan haram. Di antara punca-punca kecurian air yang sering dikesan oleh Jabatan Air Sabah adalah ketidakmampuan untuk membayar penyambungan bekalan air dan pembayaran caj air, kurang kesedaran terhadap kesalahan mencuri air, vandalisme dan sebagainya.

**Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan tadi. Kadar NRW di Sabah adalah tertinggi di Malaysia dan sudah dinyatakan oleh Timbalan Menteri tadi bahawa ini adalah mengakibatkan banyak masalah di negeri Sabah. Persoalannya sekarang ialah apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah untuk mengatasi masalah ini? Apakah pihak kerajaan memberi keutamaan untuk menyelesaikan masalah tadi sebab ia mengakibatkan banyak masalah.

Jadi saya ambil contoh, di kawasan saya di Tuaran, diadakan empangan air yang berharga lebih RM400 juta, tetapi itu langsung tidak kena mengena dengan penyelesaian NRW. Jadi adakah pihak kerajaan telah mengambil keutamaan yang salah dalam soal menangani masalah bekalan air di negeri Sabah?

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, ialah soal kecurian tadi. Sudah dikenal pasti bahawa sebahagian besarnya kecurian ini adalah daripada setinggalan-setinggalan. Setinggalan-setinggalan ini sebahagian besar adalah dahulunya pendatang-pendatang tanpa izin tetapi sekarang mereka adalah penduduk tetap dengan izin. Apakah tindakan-tindakan yang akan diambil oleh pihak kementerian untuk memastikan supaya soal kecurian ini, soal penyambungan haram ini dapat ditangani dengan baik?

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Tuaran. Bagi meningkatkan bekalan air dan mengatasi masalah NRW di Sabah, Kerajaan Persekutuan bersama dengan kerajaan negeri memang bersungguh-sungguh, antaranya Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan RM1,313.35 juta dalam Rancangan

Malaysia Kesembilan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM85 juta adalah untuk program-program pengurangan NRW dan RM10 juta lagi adalah untuk mempertingkatkan pengurusan air paip yang berkomputer antaranya menggunakan *telemetry*, *Geographical Information System (GIS)* dan juga *Supervisory Control Data Accusations System (SCADA)*.

Selain daripada itu, operasi membanteras kecurian air di seluruh negeri dijalankan secara berterusan melalui penguat kuasa undang-undang di bawah Enakmen Bekalan Air Sabah 2003 termasuklah mengenakan kompaun kepada mereka yang didapati mencuri air. Pada masa ini kesan daripada operasi tersebut amat ketara dan pengurangan jumlah kes-kes kecurian air dan kadar NRW juga semakin menurun.

Kerajaan yakin melalui pendekatan-pendekatan yang dinyatakan dan peruntukan yang telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, akan dapat mengurangkan NRW di negeri Sabah yang mana Kerajaan Persekutuan menyasarkan NRW negeri Sabah dapat diturunkan daripada 55% kepada 45% menjelang penghujung Rancangan Malaysia Kesembilan nanti. Terima kasih.

**Dato' Lim Bee Kau [Padang Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya membuat soalan tambahan, saya hendak mengalu-alukan kedatangan rombongan daripada MCA Bahagian Padang Serai dan juga warga emas dari Subang Jaya... [Tepuk]

Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya rasa kadar 38% untuk NRW atau *non-revenue water* dengan izin, adalah satu tahap yang begitu tinggi sekali. Saya rasa daripada apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, kaedah mana ataupun daripada berlakunya NRW ini yang mana paling ketara sekali, sebab kalau kita boleh mengatasi masalah ini, kita boleh kurangkan beban kepada orang ramai supaya tarif tidak perlu dinaikkan walhal kita boleh jimat daripada mengurangkan NRW ini, jadi saya minta supaya kementerian boleh mencari jalan yang paling baik sekali untuk mengatasi masalah NRW supaya ia tidak perlu menaik tarif dan menjadi beban kepada rakyat. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, punca kehilangan.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Padang Serai. Yang Berhormat bertanya yang mana satu dalam banyak-banyak tadi itu yang mana memberi kesan paling tinggi kepada kadar hasil NRW.

Sebagaimana yang telah saya nyatakan tadi, NRW adalah merupakan kuantiti air yang tidak dapat dibilkan kepada pengguna dan sebabnya banyak sebagaimana yang telah saya katakan tadi seperti kebocoran, paip lama, kecurian air, ketidaktepatan meter, penyenggaraan sistem bekalan dan kadang-kadang kegunaan bomba.

Hendak tahu yang paling banyak menyebabkan kehilangan air NRW agak sukar saya bagi jawapan terperinci, kerana ada masa-masa kalau ada pengusaha-pengusaha haram, dia sambung secara haram dan juga bergantung kepada negeri-negeri. Sebab itu bagi Kerajaan Pusat, kita menubuhkan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara yang mana tahun depan insya-

Allah dalam bulan Januari, ia akan ditubuhkan dan kita harap dengan adanya Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara ini dia akan menjadi satu badan kawal selia dan akan memperkuatkan lagi industri bekalan air di negara ini.

Bagi negeri Sabah pula, walau pun mereka tidak ada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara tetapi saya difahamkan dan dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Sabah juga dalam peringkat menggubal enakmen negeri. Ini kerana mereka juga sedar akan masalah yang mereka hadapi iaitu masalah kehilangan air yang begitu banyak, NRW yang begitu tinggi maka mereka dalam peringkat penggubalan enakmen ini. Dari itu, dengan adanya badan selia untuk kawal air di negeri Sabah, saya yakin di Sabah juga akan dapat mempertingkatkan lagi industri bekalan air yang ada di negeri itu.

Selain daripada itu, kesedaran daripada orang ramai bahawa air ini merupakan tanggungjawab bersama iaitu kita kempen-kempen yang kita adakan supaya menghalang orang ramai ataupun pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab daripada melakukan perkara-perkara yang tidak diingini termasuk mencuri air yang akhirnya tidak dapat dibilkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

2. **Tuan Aaron Ago Dagang [Kanowit]** minta Perdana Menteri menyatakan, sama ada kerajaan membuat kajian terhadap impak kenaikan harga barang keperluan harian (akibat kenaikan harga minyak) bagi penduduk di kawasan luar bandar di Sarawak berbanding dengan pendapatan sebenar mereka. Berapakah jumlah keluarga di Sarawak yang mempunyai pendapatan di bawah Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) mengikut kaum etnik.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman]:** Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini tiada kajian khusus dijalankan oleh kerajaan terhadap impak kenaikan harga barangan keperluan di kawasan luar bandar di Sarawak. Walau bagaimanapun, kerajaan sentiasa memantau pergerakan harga barangan keperluan termasuk perkhidmatan melalui Indeks Harga Pengguna atau IHP yang dijalankan setiap bulan di 135 pusat pungutan harga di seluruh Malaysia termasuk 18 pusat di Sarawak. Di samping itu, kerajaan juga memantau pergerakan harga IHP bandar dan luar bandar serta IHP bagi 75 barangan terpilih.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada penyiasatan pendapatan isi rumah terkini, iaitu yang kita buat dalam tahun 2004, pendapatan garis kemiskinan atau PGK bagi Sarawak ialah RM765 sebulan. Berdasarkan PGK berkenaan, bilangan isi rumah yang berada di bawah PGK mengikut kumpulan etnik di Sarawak pada tahun 2004 ialah bumiputera sebanyak 32,200 isi rumah, kumpulan etnik Cina sebanyak 2,500 isi rumah.

Daripada jumlah isi rumah miskin bumiputera tersebut, isi rumah miskin di kalangan kumpulan etnik Iban yang paling tinggi sekali dianggarkan seramai 10,300 isi rumah, Melayu 8,400 isi rumah, Bidayuh 7,600 isi rumah, Melanau 2,600 isi rumah dan lain-lain etnik bumiputera sebanyak 3,400 isi rumah.

**Tuan Aaron Ago Dagang [Kanowit]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Masalah kenaikan harga minyak baru-baru ini menyebabkan banyak masalah kenaikan harga barang keperluan harian di kedua-dua di negeri kawasan pedalaman. Yang saya ingat memang belum ada kemudahan asas, ini yang menyebabkan kos pengangkutan yang begitu tinggi. Sebagai contoh kenaikan harga *benzene* ataupun minyak *benzene* dengan sendirinya di kawasan pedalaman di Sarawak naik kepada RM12 sampai ke RM20 di kawasan Batang Rajang satu gelen ataupun RM3 hingga RM5 satu liter.

Gas masak naik kepada RM35 satu tong. Gula pada suatu ketika naik RM3 sekilogram dan inilah senario yang terjadi di kawasan pedalaman sebab tidak ada siapa yang dapat mengatasi atau mengawal kenaikan harga ini. Yang menjadi mangsa ialah mereka ataupun penduduk-penduduk yang miskin di luar bandar.

Sebagai contoh, saya memberi dua contoh di sini yang benar-benar berlaku di tempat Parlimen saya di Kanowit, apabila mereka sakit dari hulu rumah di sana, untuk pergi ke Sibul ataupun hospital Sibul ataupun Kanowit akan mengambil kos pengangkutan sahaja sebanyak RM500 untuk membeli 10 gelen minyak *benzene*. Sebab itu mereka tidak mampu.

Akhir-akhir mereka pergi ke klinik-klinik desa untuk mendapatkan *panadol*, itu sahaja. 'Toro' cakap tak ada, jadi dia tahulah hujungnya, pesakit menjadi lebih sakit dan inilah mereka lebih teruk.

Satu lagi contoh .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat,

**Tuan Aaron Ago Dagang [Kanowit]:** Sekejap, sekejap Tuan Yang di-Pertua. Ini ada di kalangan ibu bapa yang tidak dapat menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah di bandar sebab kos terlalu tinggi sebanyak RM500 atau RM600 untuk hantar anak balik, jadi terpaksa pontenglah anak mereka. Sebab ini akibatnya mereka ponteng dan prestasi pun sudah lebih teruk.

Soalan saya Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah kerajaan kini sebelum mereka menaikkan barang-barang ini, apakah mereka ini sudah memikirkan kesan-kesan seperti ini bukan sahaja untuk menentukan kepentingan syarikat-syarikat yang sudah kaya raya. Tetapi apabila harga minyak secara besar-besaran minyak turun .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik Yang Berhormat, cukup.

**Tuan Aaron Ago Dagang [Kanowit]:** ..... Kerajaan tadi tidak .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup Yang Berhormat.

**Tuan Aaron Ago Dagang:** ..... Mempunyai banyak alasan .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Banyak cerita.

**Tuan Aaron Ago Dagang:** ..... Untuk tidak menurunkan harga barang-barang ini. Minta penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, baik.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang ditanya tadi ialah adakah kerajaan membuat kajian impak tentang kenaikan harga. Saya telah pun menjawab bahawa kerajaan tidak berhasrat untuk membuat kajian tentang impak kenaikan harga minyak.

Tetapi saya sebutkan tadi bahawa kerajaan sedar bahawa kenaikan harga akan menjejaskan semua pihak, bukan sahaja orang luar bandar tetapi di bandar dan sama ada pendapatan tinggi ataupun pendapatan rendah. Tetapi yang lebih penting kepada kerajaan sebab itulah kita buat kajian tentang indeks harga pengguna atau IHP yang mengukur peratus kenaikan harga berdasarkan bakul atau di sini *basket* ertinya barangan yang kita buat umpamanya di Sarawak tadi saya sebut, kita ada 18 pusat di Sarawak kita buat kajian.

Jadi dalam kajian ini, sudah pasti kerajaan mengambil kira barang-barang yang penting. Barangan dan perkhidmatan yang diliputi dalam bakul ini adalah bagi dikelaskan berpandu kepada klasifikasi yang dibuat oleh *United Nation*. Untuk makluman Yang Berhormat bahawa barang-barangan ini banyak, saya sebutkan tadi, umpamanya yang dikumpulkan dalam makanan, minuman beralkohol, pakaian, kasut, perumahan, air, elektrik dan sebagainya. Ada banyak lagi yang tidak dapat saya sebutkan satu persatu.

Kita memang membuat kajian itu pada setiap masa. Setiap bulan kita ada kajian di kawasan-kawasan yang disebutkan tadi untuk melihat bagaimana kesan daripada harga barang yang berlaku ini sama ada ia akan menjejaskannya secara yang serius ataupun tidak. Inilah juga kerajaan memastikan apabila membuat kajian dalam sesuatu projek kepada rakyat dan sebagainya berdasarkan kepada maklumat-maklumat seperti ini.

Jadi, Yang Berhormat, kerajaan memang sentiasa menyelia dan melihat perkembangan tentang kenaikan harga barang-barang ini berdasarkan kepada indeks harga yang kita buat dari masa ke semasa.

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Tuan Yang di-Pertua, kenaikan harga minyak memang kita sudah pastikan bahawa semua harga barang-barangan naik. Dalam bandar kita boleh kontrol harga barangan dan di luar bandar hingga 300% naik. Yang peliknya, Tuan Yang di-Pertua, soalan ini sepatutnya dijawab oleh Kementerian Hal Ehwal Pengguna bukan Jabatan Perdana Menteri kerana mereka yang mengawal semua 'benda' naik turun ini.

Jawapan daripada Jabatan Perdana Menteri tidak memuaskan hati kerana menyebut segala indeks, *United Nation* yang tidak ada kena mengena dengan luar bandar. Saya tidak pernah nampak pun orang-orang dari *United Nation* pergi ke luar bandar untuk mengkaji semua ini. Tidak pernah saya nampak! Jadi, bagaimana pula kita boleh sebut *United Nation* boleh menentukan ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah, Yang Berhormat.

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Jadi, kita minta supaya mungkin kita selaraskan. Kalau sekiranya Kementerian Hal Ehwal Pengguna yang menjaga ini semua, hantar

penguatkuasa ini ke luar bandar. Siasat sama ada betul atau tidak tuduhan-tuduhan yang dibuat oleh Ahli-ahli Parlimen daripada Sabah dan Sarawak.

Jadi kita mintalah supaya mungkin satu kajian, kalau boleh dibuat supaya satu kementerian yang menjaga kenaikan barang-barang yang ada dalam negara kita ini. Satu kementerian, kalau Kementerian Hal Ehwal Pengguna, Kementerian Hal Ehwal Peggunalah. Kalau Jabatan Perdana Menteri kita pindahkan semua pengawalan ini kepada Jabatan Perdana Menteri. Ini cadangan.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, saya menjawab ini berdasarkan kepada Yang Berhormat yang menyoal ini kepada Jabatan Perdana Menteri, kalau Yang Berhormat bertanya kepada kementerian yang berkenaan, sudah tentulah kementerian berkenaan akan menjawab. Jadi, lain kali kalau saya harap supaya soalan-soalan itu ditanya terus kepada kementerian yang berkenaan.

Mengenai perkara kedua yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat iaitu tentang mengapa *United Nations* dan semuanya ini, bukan begitu! Maksud saya tadi, kita buat kajian ini berdasarkan kepada panduan yang diadakan berdasarkan kepada *United Nations* kerana hendak memastikan kajian yang kita buat ini diterima dan selamat dipakai oleh semua pihak di seluruh dunia. Ini kerana dalam hal yang lain kita juga sentiasa mengadakan panduan-panduan daripada *United Nations* untuk memastikan bahawa ada kredibiliti dari segi kajian yang kita buat. Kalau tidak nanti mereka kata kita buat sewenang-wenang sahaja. Ini kita buat berpandukan kepada panduan yang dibuat oleh *United Nations*. Tetapi bukan orang *United Nations* yang buat ini, kita sendiri yang buat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya jemput Yang Berhormat bagi Muar untuk ...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya mencelah di sini, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kemudian, Yang Berhormat.

**Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]:** [Bangun]

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Masalah yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Kanowit ini serius, Tuan Yang di-Pertua. Orang Ulu, orang di hujung-hujung hutan ini, Tuan Yang di-Pertua, sudahlah pendapatannya begitu rendah....

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** ...Beban hidup yang begitu tinggi, apakah cerita Yang Berhormat bagi Kanowit ini hanya berhembus di angin lalu? Tiada orang yang akan mengambil perhatian? Saya harap siapalah, tidak kira siapa, sebagai kerajaan, kena ambil perhatian dan tindakan. Kalau tidak rakyat tidak berbela, Tuan Yang di-Pertua.



3. **Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan sejauh manakah penguatkuasaan undang-undang yang sedia ada dapat dikuatkuasakan bagi memantau dan mendakwa mereka yang membina rumah secara haram di tapak kepunyaan Kerajaan Persekutuan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tuan Sazmi bin Miah]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, undang-undang yang sedia ada memang mencukupi bagi menangani kes-kes pencerobohan tanah kerajaan. Bilangan kes-kes yang terlibat dikenal pasti adalah sebanyak 34,381 kes pencerobohan membina rumah tanpa izin dengan Sarawak dan Perak mencatatkan jumlah tertinggi iaitu 19,101 dan 14,282.

Daripada bilangan tersebut sebanyak 1,253 telah diambil tindakan merobohkan, mengosongkan serta notis untuk berpindah. Dalam masa yang sama tindakan sedang diambil bagi memindahkan setinggan-setinggan rumah kediaman ke tempat lain dengan kerjasama daripada pihak berkuasa tempatan dan juga dewan-dewan bandar raya di mana tindakan ini adalah selaras dengan dasar kerajaan negeri ke arah setinggan sifar.

Setakat ini tiada kes-kes pendakwaan ke mahkamah kecuali satu kompaun yang diperlukan kerana mereka yang terlibat mematuhi arahan penguatkuasaan supaya berpindah, mengosongkan dan merobohkan rumah kediaman tersebut. Terima kasih.

**Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya berpandangan bahawa tanah merupakan satu aset yang paling penting dalam sebuah negara yang perlu dikendalikan secara bijaksana kerana kegagalan untuk mengendalikan hal tanah ini akan melewati atau mengganggu perancangan kerajaan. Oleh sebab itu dalam Perlembagaan Persekutuan, Perkara 91(5) Majlis Tanah Negara diwujudkan sebagai satu forum untuk menyeragamkan dan memantau penggunaan Tanah Persekutuan di negara ini bersama-sama dengan kerajaan negeri.

Soalan saya, apakah tindakan yang akan diambil kepada 33,000 baki setinggan ataupun pencerobohan yang berlaku dan apakah masalah utama yang dihadapi oleh Majlis Tanah Negara ini dalam merancang, membangun dan membincangkan perkara-perkara yang melibatkan pertanian dan pembangunan yang menjadi dasar tumpuan kerajaan pada hari ini. Terima kasih.

**Tuan Sazmi bin Miah:** Terima kasih, Yang Berhormat. Tindakan kepada 33,000 ini sememangnya kita ambil mengikut lunas-lunas perundangan yang sedia ada iaitu melalui Kanun Tanah Negara, Enakmen Tanah Negeri dan sebagainya. Tetapi apabila kita membuat sesuatu tindakan itu ia berhubung kait dengan keadaan manusia dan sebagainya, banyak budi bicara digunakan. Maksudnya kita tidaklah masuk dan terus menghalau, merobohkan rumah dan sebagainya. Sebab pada kita semua haiwan sepatutnya mempunyai tempat tinggal masing-masing kecuali lalat. Jadi, manusia pun mesti ada tempat tinggal. Tidaklah munasabah bagi kita untuk terus mengambil tindakan. Tetapi secara perundangannya kita tetap mengambil tindakan kepada mereka-mereka yang menceroboh tanah kerajaan.

Untuk persoalan yang kedua, masalah utama di peringkat kementerian untuk menjaga selia tanah ini memang banyak. Pertama sekali dari segi pembangunannya kita tengok ada masalah tanah adat dan tanah pertanian, tanah yang bertindih milik, tanah pusaka dan sebagainya. Ada juga tanah-tanah yang di dalam rizab Melayu dan sebagainya yang mempunyai kekangan tertentu apabila kita ingin mengadakan pembangunan.

Walau bagaimanapun, insya-Allah pada sesi yang akan datang kita akan memasukkan beberapa pindaan terhadap Kanun Tanah Negara dan juga Enakmen Rizab Melayu di mana kita akan cuba menyelesaikan beberapa masalah yang sering timbul berkenaan dengan isu-isu tanah tersebut. Terima kasih.

**Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Setiausaha Parlimen. Seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi, sedangkan alat ada rumah. Jadi, ramai di antara rakyat kita ini yang membina rumah-rumah di kawasan-kawasan tersebut dan ada sesetengahnya mendapat ganjaran, mendapat ganti rugi.

Bagaimanakah cara sesetengah yang dapat dan ada pula yang tidak dapat. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak kementerian dalam menangani masalah keadilan kepada rakyat kita? Terima kasih.

**Tuan Sazmi bin Miah:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Krai. Memanglah saya kata tadi kecuali alat sahaja yang tidak ada rumah, yang lain-lain semua ada rumah. Masalah tersebut, selagi kita tidak mempunyai satu dasar yang lengkap berkenaan dengan satu keluarga, satu rumah dan sebagainya, seperti banyak diadakan di negara maju, kita akan tetap menghadapi masalah yang sama dari tahun ke tahun.

Di dalam perundangan kita juga, sekiranya mereka itu mencero boh di mana kerajaan akan membayar ganti rugi kepada penceroboh-penceroboh tersebut tidak timbul. Jadi yang dibuat oleh kerajaan, saya rasa adalah apabila sesuatu tanah di ceroboh seperti setinggian dan sebagainya, apabila ingin memindahkan bukan dari segi *compensation* ataupun ganti rugi yang diberi. Cuma kerajaan membangunkan satu tempat yang lebih selesa dan yang lebih teratur untuk mereka berpindah ke sana, di mana diberi hak untuk membeli rumah-rumah kos rendah ataupun kos sederhana. Terima kasih.

4. **Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]** minta Menteri Kesihatan menyatakan, keberkesanan strategi-strategi negara kita dalam mengawal penyebaran penyakit AIDS dan setakat manakah negara kita dapat memberikan rawatan percuma '*anti-retroviral drug*' kepada pembawa-pembawa HIV positif tersebut.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]:** Tuan Yang di-Pertua, komitmen kerajaan dalam usaha memerangi HIV AIDS bermula seawal tahun 1985, 21 tahun yang lalu, iaitu kira-kira 20 bulan sebelum kes AIDS pertama dikesan di negara ini. Kerajaan melalui Kementerian Kesihatan dan beberapa agensi kerajaan dan badan bukan

kerajaan telah merancang dan melaksanakan banyak program pencegahan, penjagaan dan rawatan HIV dari masa ke semasa bagi membendung jangkitan ini.

Antara usaha-usaha kerajaan yang telah dijalankan bagi memerangi wabak jangkitan HIV AIDS ini termasuk pemantauan atau *surveillance* secara intensif. Program saringan HIV di kalangan kumpulan sasar tertentu, aktiviti pendidikan dan promosi kesihatan bagi menyedarkan masyarakat tentang bahayanya penyakit ini serta cara-cara pencegahannya melalui media cetak, media elektronik serta pemberian rawatan *anti-retroviral* dan sokongan kepada pesakit.

Hasil daripada usaha yang dilakukan ini, bilangan kes-kes baru HIV dilaporkan setiap tahun secara amnya telah menunjukkan penurunan sejak tahun 2002. Walau bagaimanapun, HIV AIDS masih menjadi ancaman kepada masyarakat dan usaha mencegah dan kawalan masih perlu diperkukuhkan. Pengenalan Pelan Strategik Kebangsaan bagi HIV AIDS dan pelaksanaan dengan izin, *Harm Reduction Program* iaitu pelaksanaan pertukaran jarum suntikan dan pemberian kondom serta program rawatan gantian *methadone* yang telah mula dilaksanakan pada tahun lepas akan dapat membantu usaha kerajaan bagi membendung jangkitan HIV AIDS di negara kita.

Berhubung rawatan *anti-retroviral* iaitu ARV, seramai 3,800 orang mengidap HIV AIDS telah pun menerima rawatan, dengan izin, *highly active anti-retroviral therapy* atau HAART, di hospital-hospital kerajaan di seluruh negara, yang mana meliputi 95% daripada 4,000 penghidap HIV yang disasarkan pada tahun 2005. Rawatan HAART mengandungi tiga jenis ubat-ubatan *anti-retroviral* yang berlainan. Kerajaan menyediakan subsidi dengan memberikan dua jenis ubat ARV secara percuma. Walau bagaimanapun, rawatan untuk ketiga-tiga ARV diberikan secara percuma kepada kumpulan-kumpulan pesakit tertentu. Terima kasih.

**Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya difahamkan bahawa ubat *anti-retroviral* ini sebenarnya merupakan satu rawatan koktel di mana kita campur pelbagai jenis ubat menjadi satu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Koktel?

**Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]:** Rawatan koktel. Saya ingin tahu daripada pihak kerajaan, sebenarnya ubat *anti-retroviral* ini sama ada kita keluarkan di Malaysia ataupun kita beli daripada Amerika Syarikat. Ini kerana saya difahamkan dengan perundingan antara Malaysia dengan Amerika Syarikat dalam Perjanjian Perdagangan Bebas, saya khuatir janganlah kita terikut-ikut ataupun terikat dengan *intellectual property provisions*, dengan izin dalam FTA itu. Yang mana jika kita menandatangani Perjanjian Perdagangan Bebas dengan Amerika, mungkin wujudnya satu keadaan yang mana kos bagi ubat *anti-retroviral* ini akan meningkat. Setakat mana Kementerian Kesihatan bekerjasama dengan MITI dari segi ini? Sekian.

**Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan daripada Yang Berhormat bagi Kota Melaka. Jelas Yang Berhormat bagi Kota Melaka amat arif tentang rawatan dan komitmen kerajaan kepada pesakit HIV AIDS ini. Ingin saya

maklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa prioriti ataupun keutamaan kerajaan yang bertanggungjawab, Kerajaan Barisan Nasional adalah kepada pesakit HIV AIDS memang kriteria dan platform nombor satu. Kita bekerjasama dengan MITI.

Kita faham bahawa kita tertakluk kepada perundangan ataupun perjanjian-perjanjian tertentu tetapi dalam hal HIV ini pada tahun 2004, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, kita *break the rule*. Kita beli ubat-ubat ini daripada negara-negara yang mengeluarkan ubat ini dengan kadar yang lebih murah. Kita *break the pattern rule*, dengan izin. Pada tahun 2004, kita berbelanja hampir RM30 juta untuk membeli ubat ARV ini daripada India. Jadi dalam hal-hal keutamaan kepada pesakit, kerajaan sanggup membuat sesuatu bagi memastikan pesakit dapat rawatan yang diinginkan pada kos yang terendah. Terima kasih.

**Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, soalan saya ialah kalau kita tahu bahawa bilangan pesakit HIV AIDS lebih kurang 60,000 orang tetapi yang kita beri rawatan ialah cuma 3,800 sepertimana yang diberitahu oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jadi, soalan yang saya ingin tanyakan ialah apakah kriteria yang digunakan di Malaysia? Kalau kita lihat banyak negara luar menggunakan bilangan tahap sel darah putih ataupun CD4 500. Adakah kajian dibuat di Malaysia bahawa kita menggunakan kadar yang sama?

Yang kedua, saya melihat *anti-retroviral* ini amat penting penggunaannya semasa ibu yang mengandung kerana ini boleh mengurangkan transmisi daripada ibu kepada anak. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah ibu-ibu mengandung ini kesemuanya disaring untuk pemeriksaan HIV ataupun hanya disaring untuk mereka yang berisiko? Terima kasih.

**Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad:** Terima kasih kepada soalan Yang Berhormat bagi Gombak. Yang Berhormat bagi Gombak mengutarakan dua persoalan. Sebenarnya kita menggunakan garis panduan daripada WHO mengenai siapa yang patut menerima rawatan ARV ini. Yang Berhormat bagi Gombak memang arif tentang HIV ini kerana dia pun doktor pakar kesihatan awam. Cuma kita tidak bagi semua orang rawatan tersebut.

Tahun 2005, sasaran kita 4,000 dan tahun 2006, sasaran kita 5,000. Ekoran daripada itu, kita menggunakan kriteria-kriteria seperti yang saya nyatakan tadi yang telah pun ditetapkan oleh WHO yang dipenuhi dengan pelbagai kajian. Kita juga sedia maklum bahawa kalau kita menggunakan ARV secara semberono, kita takut bahawa kita mungkin akan berlakunya *resistant* terhadap virus tersebut. Mungkin juga kesan sampingan daripada ARV ini tidak menyenangkan pesakit. Jadi kita tidak semberono, dari sudut..

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat semberono itu, apa dia?

**Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad:** Semberono ini sembarangan [*Ketawa*] Tuan Yang di-Pertua. Minta maaf saya daripada Johor. Ada dalam kamus dewan. CD4 ini memang digunakan sebagai kriteria cuma ia mesti kurang daripada 200 per mm, *cubic* mm, tidak 500.

kalau kita gunakan 500 ditakuti bahawa pertama, kita akan mendedahkan pesakit kepada *resistance* tadi.

Soalan kedua, adakah kita melakukan *screening* kepada HIV kepada ibu-ibu mengandung, memang kita mengadakan *screening* kepada semua ibu-ibu mengandung. Kita jangkakan di Malaysia ini antara 450,000 hingga 500,000 ibu mengandung yang kita *screen*. Tetapi tidak semua mereka yang kita *screen*, kita rawat mereka dengan pemberian ARV.

Di Malaysia kita ada seorang pakar yang memang mahir dalam rawatan HIV/AIDS yang kita letakkan di hospital Kuala Lumpur. Terima kasih

*[Soalan No. 5 – Y.B. Datuk Ronald Kiandee (Beluran) tidak hadir]*

**6. Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah perancangan untuk menambah baik kemudahan-kemudahan untuk melatih guru-guru:-

- (a) yang ada sekarang; dan
- (b) yang bakal ada dalam RMK-9

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]:** Tuan Yang di-Pertua, di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, sebanyak lebih kurang RM500 juta telah diperuntukkan secara keseluruhan untuk projek-projek rancangan pembangunan Institut Pendidikan Guru ataupun IPG. Secara terperinci peruntukan tersebut diluluskan bagi tujuan seperti berikut:

- (i) kelulusan sebanyak RM14 juta untuk pembelian buku dan bahan rujukan bagi pusat sumber IPG;
- (ii) projek pembangunan infrastruktur termasuk *full upgrading* enam buah IPG dengan jumlah kos setiap satu IPG berjumlah RM44.4 juta, IPG lain akan mendapat peruntukan ubah suai dan naik taraf RM52.2 juta keseluruhannya; dan
- (iii) bagi pembangunan ICT di IPG sejumlah RM54 juta telah diluluskan sepanjang Rancangan Malaysia Ke-9.

Dari aspek latihan guru, Kementerian Pelajaran Malaysia sentiasa membuka peluang kepada para guru untuk meningkatkan profesionalisme mereka. Pelbagai mode dan program peningkatan profesionalisme telah dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran. Antaranya Program Khas Pensiswazahan Guru atau PKPG, Program Pensarjanaan di bawah Kementerian Pelajaran dan JPA dan yang ketiga Program Pendidikan Jarak Jauh atau PJJ.

Peningkatan profesionalisme melalui program-program yang ditawarkan oleh Kementerian Pelajaran memberi peluang kenaikan pangkat dan imbuhan kepada para guru. Terima kasih.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya selain daripada kepentingan guru-guru, kita tahu bahawa terdapat juga kakitangan sokongan di peringkat sekolah. Saya hendak bawa benda ini Tuan Yang di-Pertua kerana saya telah menerima aduan supaya dapat diketengahkan. Pada masa ini terdapat lebih kurang 4,000 kakitangan sokongan yang telah menerima notis pemberhentian kerja mereka di seluruh negara, sudah dua bulan. Di Perak sahaja ada 600 yang masa sekarang telah menerima notis 31 hari bulan ini tamat kontrak kerana kita telah dengan izin *out source* mereka ini bekerja sebagai kakitangan sokongan ataupun pekerja kontrak. Jadi saya ingin tahu apakah pihak kementerian akan mengambil tindakan kerana mereka ini ada keluarga mereka, buat pinjaman dengan Angkasa dan sebagainya. Jadi apakah pihak kementerian selain menjaga kepentingan guru-guru akan turut melihat kepentingan kakitangan sokongan yang turut menjaga kesejahteraan sekolah-sekolah. Terima kasih.

**Puan Komala Devi:** Tuan Yang di-Pertua saya ucapkan terima kasih Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu itu. Ini adalah satu perkara yang spesifik dan saya akan buat siasatan dan memberi jawapan secara bertulis. Terima kasih.

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** Terima kasih, terlebih dahulu kita mengalu-alukan kehadiran rakyat daripada Hulu Terengganu yang mewakili Parlimen Hulu Terengganu di belakang [*Tepuk*].

Saya ingin bertanya tentang istilah ini. soalan ini menyebut tentang melatih guru. Setiausaha Parlimen juga menyebut tentang latihan guru, tentang BPG itu sebenarnya BPG itu adalah Bahagian Pendidikan Guru, IPG itu adalah Institut Pendidikan Guru. Istilah yang tepat adalah tentang pendidikan bukannya latihan. Kalau latihan itu adalah lebih bersifat teknikal, kalau mendidik itu adalah dia menyentuh emosi dan juga menyentuh perasaan aspek-aspek *emotional intelligent* dan sekali gus.

Saya kira Kementerian Pelajaran juga harus memberi penekanan kepada aspek *the want too*, keinginan untuk mendidik dan mengajar itu sendiri. Saya terus dan ingin bertanya tentang IPG tadi Institut Pendidikan Guru yang melatih guru sekarang ini, kira-kira lima tahun setengah, apakah jangkaan daripada guru-guru yang baru diambil ini yang dilatih dalam tempoh lima tahun setengah ini.

Yang keduanya tentang kebajikan pensyarah-pensyarah di IPG ini. 75% daripada mereka adalah terdiri daripada pemegang sarjana dan Phd. Tetapi mereka tidak diberi *treatment* dari segi imbuhan dan gaji. Mereka sekadar diberi gaji seperti guru-guru biasa sahaja. Bila lagi pendapatan pensyarah-pensyarah di IPG ini dengan yang memiliki sarjana dan Phd sedangkan rakan-rakan mereka di universiti menerima *treatment* yang berbeza.

**Puan Komala Devi:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa soalan-soalan ini telah dibangkitkan dalam Dewan ini dan telah pun di jawab. Memang dari segi pilihan guru, emosi seorang guru dan psikologinya adalah sangat penting. Jadi apabila kita pilih calon-calonnya kita akan menjalankan satu ujian iaitu ujian khas yang dipanggil INSAK, di mana kita cuba mendapat tahu apakah dalam hati guru itu adakah ianya benar-benar hendak menjadi seorang guru. Hanya yang lulus peperiksaan INSAK ini, ujian ini, dan hanya yang ada *qualification* ataupun yang sesuai akan ditawarkan untuk menjalankan latihan untuk menjadi guru.

Dari segi skim imbuhan memang ini telah dibangkitkan dalam Dewan ini dan ini adalah di bawah pertimbangan kementerian pada masa ini. Sebab pada masa ini skim ini berlainan jadi kita tunggu untuk hasil daripada pertimbangan itu. Terima kasih.

**7. Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]** minta Menteri Kesihatan menyatakan kenapa projek pembesaran Hospital Umum Kuching tergendala dan kontraktor-kontraktor yang menjalankan projek itu tidak dibayar atas kerja mereka.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]:** Tuan Yang di-Pertua projek pengubahsuaian blok Menara Utama Fasa 1 Hospital Umum Sarawak di Kuching adalah merupakan salah satu projek pakej induk Hospital Umum di Sarawak yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya Sarawak dengan kos berjumlah RM93 juta. Kerja-kerja pembesaran hospital ini tergendala sedikit daripada jadual asal kerana pihak Jabatan Kerja Raya Sarawak sebagai penguasa projek telah lewat membuat bayaran kepada kontraktor projek pada awal tahun ini dan menyebabkan pihak kontraktor telah bercadang untuk menghentikan kerja-kerja mereka.

Walau bagaimanapun perkara tersebut telah dapat diselesaikan setelah perbincangan di adakan di antara Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak, Jabatan Kerja Raya Sarawak dan juga kontraktor dari Sarawak. Kontraktor tersebut telah pun menyambung semula kerja-kerja mereka ketika ini.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Saya diberitahu oleh pihak-pihak yang berkenaan bahawa diberitahu oleh Kerajaan Negeri Sarawak bahawa kelewatan dalam membayar kontraktor ini adalah disebabkan oleh peruntukan dari *Federal* dari Persekutuan adalah lambat.

Adakah ia benar dan soalan saya adalah, dalam tahun lalu dalam satu jawapan yang diberi dalam Dewan ini projek pembesaran ini akan disiapkan dalam tahun 2010. Memandangkan kelewatan yang telah wujud bilakah projek ini akan disiapkan? Sama ada akan ada kelewatan dalam menyiapkan projek itu.

**Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Dewan, syarikat yang terlibat ialah Syarikat Perbena Emas Sendirian Berhad dari

Kuching. Mengikut perjanjian, kontrak ini bermula daripada 7.1.2005 dan ia akan dijangka siap bukan 2010 tetapi sehingga 6.1.2008.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Itu jawapan yang diberitahu kepada saya dalam Dewan ini. Saya boleh bukti bahawa dahulu menteri ada jawab 2010. Sekarang lebih awal lagi. 2008 akan disiapkan. Lagi baiklah.

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** Ini bukan Hospital Kuching tetapi Hospital di Alor Star. Hospital baru, hospital juga. Saya ingin bertanya sebagai soalan tambahan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, Kolej Kejururawatan di Hospital Alor Star sudah berpindah ke hospital baru dan di situ juga ditempatkan Kolej Pembantu Perubatan Hospital Alor Star. Jadi saya hendak tanya bilakah sebenarnya hospital yang telah siap, iaitu di Alor Star dan juga Sungai Petani akan dibuka kerana ini menjadi masalah kepada penuntut-penuntut Kolej Kejururawatan yang terpaksa berulang alik untuk mendapatkan pelajaran mereka di Hospital Alor Star yang berada di tapak lama. Terima kasih.

**Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih soalan dari Yang Berhormat bagi Pendang. Soalan tambahan bagi Pendang tidak berkaitan dengan soalan asal.

**8. Datuk Seri Panglima Mohd Salleh bin Tun Said [Kota Belud]** minta Menteri Pelajaran menyatakan nisbah bilangan sekolah dengan bilangan penduduk. Apakah kadar pada hari ini telah menunjukkan keseimbangan antara bilangan sekolah yang ada dengan jumlah bilangan penduduk. Apakah perancangan yang dibuat oleh kementerian untuk memastikan supaya kadar bilangan sekolah dengan bilangan penduduk akan menjadi seimbang.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]:** Tuan Yang di-Pertua, bilangan sekolah yang perlu dibina di sesebuah negeri atau di satu-satu kawasan adalah bergantung kepada bilangan penduduk dalam lingkungan umur persekolahan dan taburan penduduk mengikut lokasi. Berdasarkan bilangan sekolah di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia pada 31 Januari 2006 dan anggaran penduduk umur persekolahan pada tahun 2006, nisbah penduduk kepada bilangan sekolah ialah 656 orang bagi setiap sebuah sekolah. Namun begitu setakat ini tiada norma yang menunjukkan nisbah sekolah kepada penduduk dijadikan sebagai indikator perbandingan antarabangsa. Bagi memastikan supaya kadar bilangan sekolah dan bilangan penduduk seimbang, kementerian akan terus merancang pembinaan sekolah baru. Walau bagaimanapun usaha ini bergantung kepada keperluan dan kemampuan kewangan kerajaan. Sekian, terima kasih.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya meneliti jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya memang setuju bahawa kita kena ikut taburan penduduk. Soalan saya Yang Berhormat, kita melihat kalau bekas menteri banyak membina sekolah, sekolah kebangsaan tidak guna sampai sekarang kerana tiada penduduk. Bagaimana kementerian sekarang mengambil tindakan yang proaktif supaya memastikan taburan penduduk itu dengan bilangan sekolah yang diperlukan berdasarkan keperluan dan juga



pelbagai aliran. Saya hendak dapat penjelasan apa polisi terbaru tentang perkara ini kerana mengikut piawai perancangan setiap 7,500 orang perlu sebuah sekolah. Terima kasih.

**Puan Komala Devi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang tidak banyak tetapi mungkin ada segelintir sekolah yang dibina di kawasan-kawasan di mana kurang penduduk, tetapi bilangan sekolah yang terlibat itu tidaklah begitu tinggi dan kebanyakannya sekolah yang dibina adalah di kawasan-kawasan di mana penduduknya adalah padat. Buat masa ini kita ada dalam lingkungan 9,613 buah sekolah dan anggaran penduduk di persekitaran adalah 6 juta orang. Jadi kita dapat nisbah tadi iaitu 650 orang setiap sekolah. Jadi kementerian ini telah mengambil maklum tentang kesilapan yang telah berlaku, dan kini kita mengambil tindakan yang lebih aktif supaya mewujudkan sekolah-sekolah di tempat yang di mana sekolah-sekolah ini diperlukan. Terima kasih.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, walaupun yang dikatakan bahawa pembinaan sekolah adalah mengikut taburan penduduk, tetapi saya sangat hairan mengapa di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan tidak ada rancangan untuk membina SRJK(C) dan SRJK(T). Satu jawapan kepada saya pada 30 November, saya tanya dalam Rancangan Malaysia Kesembilan berapakah SRK(T), SRJK(C) dan SRJK(T), SRK akan dibina? Tetapi kementerian memberi jawapan mengikut negeri berapa buah sekolah yang akan dibina tetapi tidak ada mengikut aliran. Bukankah kita juga memerlukan SRJK(T) dan SRJK(C)? Mengapa tidak ada rancangan. Apakah rancangan ini? Bolehkah memberi satu penjelasan?

**Puan Komala Devi:** Tuan Yang di-Pertua, isu ini telah dijawab oleh menteri sendiri dan seperti mana yang telah dinyatakan beberapa kali dalam Dewan ini, permohonan untuk SRJK(T) dan SRJK(C) atau mana-mana sekolah tidak kira aliran bolehlah dikemukakan kepada kementerian untuk pertimbangan yang sewajarnya. Terima kasih.

**9. Tuan Lim Hock Seng [Bagan]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan kedudukan terkini mengenai Jambatan Pulau Pinang ke-2. Adakah penawaran kontrak seperti jurutera perunding, ukur tanah, ukur bahan, perunding M & E, kontraktor utama, subkontraktor yang dicadangkan dan lain-lain telah dan akan ditender secara terbuka.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat kerajaan telah memutuskan supaya projek ini dilaksanakan secara penswastaan. Adalah dijangka Jambatan Pulau Pinang ke-2 ini akan siap dibina pada tahun 2011 sebagai satu laluan alternatif bagi mengelakkan kesesakan. Sehubungan itu bagi memastikan Projek Jambatan Pulau Pinang ke-2 ini dapat disiapkan mengikut jadual yang ditetapkan, maka kerajaan telah memutuskan supaya projek ini dilaksanakan oleh Syarikat *United Engineers Malaysia Berhad*. Memandangkan prestasi dan keupayaan syarikat ini di dalam melakukan kerja-kerja yang memerlukan kepakaran teknikal yang tinggi.

Pihak UEMB juga melalui anak Syarikat Penang Bridge Sendirian Berhad merupakan syarikat konsesi yang bertindak untuk menguruskan Jambatan Pulau Pinang yang sedia ada. Di samping itu UEMB juga merupakan kontraktor utama di dalam projek pelebaran Jambatan Pulau Pinang sedia ada. Sehubungan itu bagi memastikan daya maju dengan izin, *viability* kedua-dua projek jambatan tidak terjejas maka adalah wajar sekiranya UEMB melaksanakan kedua-dua projek tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat memandangkan projek ini dijalankan secara penswastaan, maka pihak UEMB akan bertanggungjawab di dalam menjalankan kerja-kerja yang melibatkan pelantikan jurutera perunding, ukur tanah, ukur bahan, perunding *mechanical and electrical*, kontraktor utama, subkontraktor dan sebagainya yang berkaitan dengan pembinaan tersebut.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan telah mengumumkan bahawa ada 30% kerja-kerja atau 30% subkontrak akan diberi kepada kontraktor bumiputera tempatan. Bolehkah Yang Berhormat menjelaskan apakah jenis kerja-kerja atau *trade* yang akan diberi kepada 30% kontraktor bumiputera tempatan ini, dan bolehkah Yang Berhormat juga memberitahu syarat-syarat atau *term and condition* kontrak penswastaan ini? Terima kasih.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Terima kasih Yang Berhormat. Secara umumnya seperti yang saya jelaskan tadi, bahawa projek ini adalah satu projek penswastaan. Bahawa kerajaan telah pun melatih pihak swasta untuk menguruskan pembinaan jambatan yang ke-2 ini berasaskan kepada prinsip penswastaan yang sedia ada.

Justeru kerana itu, perkara yang berhubung kait tentang pelantikan kontraktor adalah di bawah tanggung jawab secara langsung oleh pihak yang telah pun diberikan penswastaan ini dan saya yakin UEMB sebagai satu badan korporat yang telah pun menjalankan tugas dan tanggung jawab untuk melaksanakan ini sebagai satu amanah, mereka bersedia untuk menerima pakai garis panduan yang telah pun ditetapkan oleh kerajaan. Jikalau ditanya kepada saya secara peribadi, kenapa 30%, kenapa tidak 70% ataupun perkara-perkara yang berkaitan? Justeru kerana itu untuk memperincikan apakah jenis kerja-kerja subkontraktor yang melibatkan pihak kontraktor tempatan kerana pada dasarnya kerajaan amat menggalakkan kepada pihak UEMB ini untuk menggunakan pakar-pakar tempatan termasuklah kontraktor tempatan untuk melaksanakan jambatan ini.

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang tadi ada mengatakan tentang *viability* dan melihat jambatan pertama dan kedua sebagai satu pakej. Jadi, saya ingin tahu sama ada untuk menjadikan projek kedua ini *viable*, apakah United Engineers telah memohon kepada pihak kerajaan untuk melanjutkan tempoh konsesi bagi jambatan yang sedia ada, supaya UEM dapat

mengutip dana untuk membiayai projek Jambatan Pulau Pinang yang kedua. Sama ada, ada dikemukakan untuk melanjutkan tempoh atau tidak dan sama ada kerajaan akan timbang?

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Yang Berhormat, bahawasanya pembinaan jambatan kedua ini, kerajaan baru mengeluarkan dengan izin, *Letter of Intent*. *Letter of Intent* ini maknanya pihak UEMB pada masa kini sedang menyediakan laporan dan reka bentuk teknikal yang lebih terperinci untuk dikemukakan kepada kerajaan dan kerajaan akan mengkaji tentang kos keseluruhan daripada projek ini, barulah ketetapan dibuat untuk menentukan kadar tol yang akan dikenakan. Jadi, untuk menjawab secara khusus soalan Yang Berhormat itu, perkara ini belum sampai ke peringkat tersebut.

**10. Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan, bagaimanakah Malaysia boleh memainkan peranannya supaya ASEAN boleh mengenali kewujudannya dan menjelaskan peranannya dengan lebih jelas kepada umum di rantau ini lebih-lebih lagi di peringkat bawahan memandangkan ia sudah wujud sekian lama dan hanya dikenali di golongan atasan, peringkat pegawai dan peringkat berpengetahuan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Tuan Ahmad Shabery Cheek]:** Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin mengalu-alukan kehadiran orang-orang kampung daripada PIBG dan guru-guru daripada Sekolah Kebangsaan Air Jernih, Kemaman, Terengganu..... [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Mambong di atas soalan yang dikemukakan. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Mambong bahawa walaupun ASEAN telah wujud selama 39 tahun, masih ramai yang tidak mengetahui, mempunyai pengetahuan yang cukup mengenai ASEAN dan pencapaiannya.

Namun begitu, kita boleh berbangga bahawa keadaan ini telah mulai berubah. Malaysia percaya betapa pentingnya kesedaran mengenai ASEAN dan semangat kekitaan di kalangan warganya dapat dipertingkatkan di segenap lapisan masyarakat dalam usaha ke arah pembentukan komuniti ASEAN menjelang tahun 2020. Dalam hal ini, sepanjang menjadi Pengerusi Jawatankuasa Tetap ASEAN ke 39, dari bulan Julai 2005 hingga bulan Julai 2006, Malaysia telah memberi penekanan kepada pendekatan berteraskan masyarakat.

Antara inisiatif yang diusahakan oleh Malaysia dalam mencadangkan sambutan Hari ASEAN secara bersepadu oleh semua negara anggota pada tahun 2005, dengan tema '*Pembangunan Komuniti ASEAN Untuk Warga ASEAN*', dan diikuti dengan tema, '*ASEAN dan Golongan Muda*' atau dengan izin, '*ASEAN and the Young People*' untuk sambutan pada tahun ini.

Kedua-dua tema ini jelas mencerminkan hasrat untuk meningkatkan kesedaran melalui ASEAN di kalangan warga ASEAN dan pengiktirafan ke atas peranan mereka di dalam pembangunan komuniti ASEAN. Pada tahun 2005 dan 2006, Malaysia telah menganjurkan

upacara menaikkan bendera di Kementerian Luar Negeri serta menerbitkan keluaran khas mengenai ASEAN sempena Hari ASEAN di akhbar-akhbar utama negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri buat pertama kalinya pada tahun 2005 telah menyampaikan satu ucapan berdasarkan tema Hari ASEAN yang telah disiarkan melalui rangkaian televisyen kebangsaan sempena Hari ASEAN. Pada tahun ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah menyampaikan syarahan ASEAN dengan memberi tumpuan kepada peranan golongan muda dalam ASEAN.

Pada tahun hadapan, sambutan ulang tahun ASEAN yang ke 40 akan disambut secara besar-besaran. Sebagai persediaan awal untuk menyambut pelbagai sambutan, satu pertandingan mereka cipta Logo Ulang Tahun ASEAN ke 40, telah diadakan dan melibatkan semua penyertaan rakyat Malaysia. Malaysia juga buat julung kalinya telah menganjurkan persidangan masyarakat sivil ASEAN pada bulan Disember 2005. Ia telah melibatkan penyertaan pelbagai organisasi bukan kerajaan dari setiap negara anggota ASEAN. Usaha turut dijalankan oleh Menteri-menteri Pendidikan ASEAN untuk memasukkan kurikulum ASEAN di dalam sukatan pelajaran di sekolah-sekolah di semua negara ASEAN.

Tuan Yang di-Pertua, inisiatif yang disebutkan sebentar tadi adalah antara beberapa langkah yang telah diambil oleh Malaysia untuk meningkatkan kesedaran dan menggalakkan pemahaman yang lebih mendalam di kalangan masyarakat umum ke atas kewujudan dan peranan ASEAN. Terima kasih.

**Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Setiausaha Parlimen atas jawapan yang begitu substantif dan jelas. Bagi rakyat akar umbi, lebih-lebih lagi di Malaysia, mereka memang mahu melihat manfaat ataupun keuntungan daripada *grouping* ini iaitu *ASEAN grouping* yang telah lama wujud, 39 tahun. Oleh yang demikian, saya ingin bertanya inisiatif-inisiatif yang juga telah lama diwujudkan seperti BIMP-EAGA dan di Utara Semenanjung Malaysia, ada juga satu inisiatif. Apakah manfaat dan keuntungan yang rakyat di akar umbi boleh dapat dalam usaha ini, ataupun inisiatif ini?

**Tuan Ahmad Shabery Cheek:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Mambong di atas soalan tambahan yang dikemukakan.

Kita tahu bahawa ada beberapa kerjasama yang dibuat di peringkat negara-negara di kalangan anggota ASEAN di peringkat Utara, Selatan dan juga di peringkat hubungan dengan Brunei, Filipina dan sebagainya. Kerjasama yang berbentuk ekonomi sudah tentu memberi kesannya kerana ia dapat membantu dari segi pengaturan ataupun pengagihan dari segi bidang-bidang kerja pengeluaran barang-barang yang kita keluarkan dan juga yang membuka pasaran.

Kita bertuah kerana dengan kerjasama yang sebegini, kita dapat melihat bahawa hubungan antara beberapa negara sekitar ASEAN ini yang begitu licin hingga menyebabkan kita mendapat pasaran yang lebih besar di kalangan negara-negara jiran dan negara jiran juga mendapat pasaran di kalangan kita. Tetapi yang paling penting sekali, kalau dilihat dalam sejarah

ASEAN, yang ada hubungan dengan soal kerjasama dan mewujudkan kestabilan serantau, kestabilan itu sendiri adalah merupakan manfaat yang paling penting sekali yang dapat dimanfaatkan oleh rakyat di semua negara ASEAN. Terima kasih.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya amat menyanjung tinggi niat baik kementerian dengan menyebut ASEAN akan mengambil kira golongan muda di dalam memastikan semangat ASEAN ini dapat diterapkan ke akar umbi.

Tuan Yang di-Pertua soalan saya, apakah bentuk sokongan dan dukungan kementerian yang boleh diberikan kepada majlis-majlis belia, memandangkan majlis-majlis belia negara seperti Majlis Belia Malaysia, Komite Nasional Pemuda Indonesia, *Singapore Youth Council* dan sebagainya, ada juga rangkaian-rangkaian yang telah sedia ada. Jadi apakah sokongan dan dukungan yang boleh diberikan oleh pihak kementerian kepada Majlis Belia Malaysia supaya semangat untuk menerapkan ASEAN ini di peringkat akar umbi tercapai?

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Ahmad Shabery Cheek:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Tangga Batu di atas keprihatinan beliau yang mencerminkan aktivis ataupun kecenderungan beliau dalam aktiviti belia yang telah ternyata dikembangkan bukan sebagai seorang aktivis belia di peringkat negara atau di peringkat kebangsaan sahaja. Tetapi saya percaya bahawa keghairahan beliau untuk menggerakkan pergerakan belia di rantau ini adalah merupakan satu usaha yang begitu penting dan begitu dinamik yang telah ditonjolkan oleh beliau.

Dan sudah tentulah di peringkat kementerian sendiri, sebarang aktiviti yang bersifat *trans-boundary* iaitu melangkaui sempadan antara negara kita dengan negara-negara yang lain adalah sesuatu yang sangat digalakkan dan pihak kementerian sendiri akan membuat apa sahaja bagi mempermudah ataupun *to facilitate* segala usaha yang dibuat oleh pihak pertubuhan-pertubuhan belia dalam merapatkan lagi hubungan antara pergerakan belia kita dengan pergerakan belia-belia negara lain khususnya negara ASEAN itu sendiri. Kerana masa depan ASEAN banyak bergantung kepada kesedaran belia asian pada hari ini. Terima kasih.

11. **Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]** minta Menteri Kesihatan menyatakan standard kualiti air yang digunakan, prosedur pengawalseliaan dan kekerapan kerja-kerja pemeriksaan kualiti air untuk penggunaan manusia. Apakah kerajaan bersedia menggubal undang-undang berhubung dengan air minuman yang selamat dan rasional serta implikasinya.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]:** Tuan Yang di-Pertua, tahap kualiti air yang digunakan adalah berdasarkan pada garis panduan Pertubuhan Kesihatan Sedunia atau WHO dan juga turut mengambil kira beberapa tahap kualiti air minum di beberapa negara lain di dunia. Ianya dibahagikan kepada empat kumpulan utama iaitu; fizikal,

bakteria, kimia, ini termasuk organik dan juga bukan organik, termasuk logam berat dan keempat adalah sisa baki racun perosak.

Pengawalseliaan ketika ini dilaksanakan oleh Badan Kawal Selia Air di setiap negeri di bawah Kementerian Tenaga Air dan Komunikasi. Kementerian Kesihatan hanya bertindak sebagai agensi pemantauan sahaja dengan menjalankan pensampelan dan memberikan khidmat nasihat supaya syarikat pembekal air mematuhi tahap kualiti air minum. Dan juga sekiranya berlaku ketidakpatuhan terhadap kualiti air minum, Kementerian Kesihatan akan meminta syarikat pembekal air supaya dapat melaksanakan tindakan pemulihan dengan secepat mungkin.

Pensampelan air diambil di stesen sampel yang mewakili satu kawasan pada frekuensi tertentu. Parameter bakteria dan fizikal dilaksanakan setiap minggu di loji rawatan air dan setiap bulan di kawasan agihan. Manakala parameter kimia bukan organik diambil pada setiap bulan di loji rawatan air dan setiap enam bulan di kawasan agihan. Kerajaan pada ketika ini sedang menggubal Undang-undang Air Minum yang selamat. Rasional rang undang-undang ini adalah bagi melindungi pengguna dan mewujudkan satu sistem pemantauan yang disokong oleh satu undang-undang supaya ia lebih berkesan dan efektif. Implikasinya rakyat akan menerima bekalan air yang lebih terjamin mutunya, seterusnya dapat memberikan keyakinan kepada pengguna terhadap kualiti air yang dibekalkan.

**Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas jawapan yang diberikan. Dan tahniah kerana kementerian sedia untuk menggubal undang-undang yang berkaitan dengan *Safe Drinking Water Act*.

Tuan Yang di-Pertua, kini kita sedar bahawa penjualan air dalam botol sama ada air mineral ataupun air suling dan sebagainya adalah begitu laris sekali dan ini menggambarkan keraguan orang ramai terhadap kualiti air yang dibekalkan. Kita menggunakan klorin untuk merawat air dan ini hanya dapat mengelakkan pembiakan bakteria ataupun mikroorganisma dan bukannya mencegah bahan-bahan pencemaran yang lain ataupun *pollutant* yang lain. Dan kegunaan klorin yang berlebihan itu ada kesan-kesan sampingannya, mungkin ini dapat dijelaskan oleh pihak Kementerian Kesihatan.

Walau bagaimana pun di negara maju Tuan Yang di-Pertua, bahawa macam Amerika Syarikat, mereka membuat *review* ke atas piawaian kualiti air setiap enam tahun sekali seperti yang diperuntukkan dalam *Safe Drinking Water Act*. Dan paras minima kualiti air dipertingkatkan dari masa ke semasa. Soalan saya ialah, bilakah *review* ke atas piawaian kualiti air di negara kita dibuat kali yang terakhir dan bilakah akan dibuat sekali lagi? Dan apakah kita dapat mempertingkatkan dari semasa ke semasa tentang piawaian air yang berkualiti ini? Minta penjelasan daripada kementerian.

**Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kelana Jaya. Seperti saya katakan tadi, oleh kerana kita melakukan pemeriksaan kerap, umpamanya tiap-tiap minggu bagi tujuan mengenal pasti sama ada air yang kita minum itu terdapat bakteria yang

biasa kita ketahui melalui *fecal coliform* atau *total coliform* dan ini tiap-tiap minggu, bermakna sebagai contoh untuk tahun 2005, kita melakukan 115 ribu sampel air. Maknanya kita hendak beritahu bahawa pengguna harus berasa selamat dengan contoh piawaian yang dilakukan bagi memastikan air yang dibekalkan kepada pengguna dan rakyat adalah air yang selamat dan berkualiti.

Ekoran daripada itu, negara-negara maju seperti Yang Berhormat katakan tadi, Amerika dia buat *review* tentang piawaian ini enam tahun sekali. Saya kira dengan adanya rang undang-undang mengenai undang-undang air minum yang selamat ini, dia ada parameter dan juga prosedur yang tertentu bagi mengenal pasti bila kita patut lakukan *review* tersebut.

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** Soalan ini tidak terkeluar. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita lihat berita malam tadi, Pengarah Jabatan Alam Sekitar menyebut 2/3 daripada sungai di negara kita ini dicemari oleh hasil kumbahan daripada rumah-rumah kediaman. Dan hasil kumbahan ini pergi masuk ke sungai dan kita bimbang takut-takut 2/3 sungai inilah yang digunakan untuk disedut air dan dibekalkan ke rumah-rumah kediaman. Dan kita dapati kebanyakan rumah kediaman sekarang ini menggunakan *filter* kerana tidak begitu yakin dengan kebersihan air paip yang dibekalkan.

Adakah kementerian membuat penyiasatan ataupun menjalankan apa-apa siasatan terhadap air yang kesan daripada *filter-filter* tersebut, sama ada ia memudaratkan kesihatan ataupun tidak. Ataupun mengambil sampel-sampel air selepas *filter* tersebut kerana berbagai-bagai jenis mineral ataupun batu-batu yang digunakan di dalam *filter* tersebut, kita takut mungkin ini memberi kesan buruk untuk jangka panjang. Terima kasih.

**Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad:** Terima kasih soalan tambahan daripada Yang Berhormat bagi Pendang, memang relevan daripada soalan tambahan. Buat masa ini, secara khusus tidak ada kajian yang kita khususkan kepada apa juga jenis ataupun alatan *filter* yang digunakan oleh pengguna, tidak ada kajian terperinci. Walau bagaimanapun, dalam kita merangka *Medical Device Act*, mungkin peralatan-peralatan ini yang digunakan untuk kesihatan dan juga perawatan boleh kita gunakan sebagai sama ada alat-alat tersebut selamat ataupun tidak bagi pengguna. Kalau mengikut takrifan kepada *Medical Device Act*, Bilnya yang akan dibentangkan dalam sesi Parlimen akan datang adalah apa juga yang boleh digunakan oleh orang ramai selain daripada ubat. Jadi untuk secara spesifik, kajian tidak dilakukan oleh Kementerian Kesihatan. Terima kasih.

12. **Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah faktor dan iklim ekonomi telah menyumbang kepada peningkatan tahap daya saing sejagat berada di tangga 23 berbanding 28 sebelum ini dan kecekapan kerajaan meningkat kepada tangga 20 berbanding 26 sebelumnya.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah]:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat, mengikut *World Competitiveness Year Book 2006*, dengan izin, kedudukan keseluruhan daya saing Malaysia telah meningkat dari tangga 28 bagi tahun 2005 kepada tangga 23 pada tahun 2006 daripada 61 negara yang dikaji. Kedudukan daya saing ini dinilai dengan menggunakan empat faktor utama iaitu:

- (i) kecekapan kerajaan;
- (ii) kecekapan perniagaan;
- (iii) prestasi ekonomi; dan
- (iv) infrastruktur.

Daripada empat faktor yang diukur, Malaysia mencatat penambahbaikan dalam tiga faktor iaitu kecekapan kerajaan dari tangga 26 pada tahun 2005 kepada tangga ke-20 pada tahun 2006, kecekapan perniagaan dari tangga ke-25 kepada tangga 20 dan infrastruktur dari tangga 34 kepada tangga ke-31.

Dari segi prestasi ekonomi, kedudukan Malaysia jatuh sedikit dari tangga ke-8 ke tangga ke-11. Ini disebabkan penurunan kedudukan yang dicatatkan bagi pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar sebenar iaitu di tangga ke-11 kepada tangga ke-19, kemasukan pelaburan asing dari tangga ke-10 kepada tangga ke-20, pertumbuhan guna tenaga dari tangga ke-3 kepada tangga ke-21 dan pengangguran di kalangan belia dari tangga ke-9 kepada tangga ke-21.

Namun begitu Malaysia mencapai kedudukan 10 teratas bagi kriteria prestasi ekonomi berikut:

- (i) tangga ke-3 bagi eksport barangan;
- (ii) tangga ke-4 bagi imbalan akaun semasa dan nisbah jumlah perdagangan kepada KDNK;
- (iii) tangga ke-5 bagi pendapatan pelancongan, dan
- (iv) tangga ke-9 bagi kadar inflasi.

Di samping itu kriteria prestasi ekonomi yang mencatatkan peningkatan yang ketara bagi tahun 2006 berbanding 2005 termasuk:

- (i) pertumbuhan sebenar eksport perkhidmatan komersial dari tangga ke-57 ke tangga ke-20;
- (ii) pertumbuhan sebenar stok pelaburan langsung Malaysia di luar negara dari tangga ke-51 ke tangga ke-29; dan
- (iii) pertumbuhan sebenar stok pelaburan dalam negara dari tangga ke-53 ke tangga ke-40.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi faktor kecekapan kerajaan pula, Malaysia mencatatkan kedudukan 10 teratas bagi kriteria berikut:

- (i) tangga ke-5 bagi sumbangan keselamatan sosial oleh majikan;



- (ii) tangga ke-6 bagi kefahaman parti politik mengenai cabaran ekonomi masa kini; dasar tukaran asing yang menyokong daya saing *enterprise*; dan cukai pendapatan individu yang tidak menghalang seseorang bekerja dengan lebih kuat untuk lebih maju;
- (iii) tangga ke-7 bagi persepsi bahawa pengurusan kewangan awam dijangka bertambah baik dalam tempoh dua tahun akan datang, cukai korporat tidak menghalang aktiviti keusahawanan dan dasar kerajaan yang fleksibel kepada perubahan ekonomi;
- (iv) tangga ke-8 bagi prestasi bahawa perundangan buruk tidak menghalang aktiviti perniagaan; dan
- (v) tangga ke-9 bagi persepsi bahawa dasar bank pusat mempunyai impak positif ke atas pembangunan ekonomi.

Kriteria-kriteria kecekapan kerajaan mencatatkan peningkatan ketara termasuk:

- (i) persepsi bahawa dasar perlindungan tidak menjejaskan perniagaan dari tangga ke-50 ke tangga ke-30;
- (ii) persepsi bahawa subsidi tidak menjejaskan persaingan dan pembangunan ekonomi dari tangga ke-37 kepada tangga ke-19;
- (iii) persepsi bahawa penggalakan cukai tidak menjejaskan aktiviti ekonomi dari tangga ke-32 ke tangga ke-17;
- (iv) persepsi bahawa kontrak awam lebih terbuka kepada pembida asing dari tangga ke-53 kepada tangga ke-38;
- (v) birokrasi dari tangga ke-25 ke tangga ke-11;
- (vi) kestabilan kadar tukaran asing dari tangga ke-47 kepada tangga ke-34; dan
- (vii) persepsi terhadap pihak berkuasa kastam yang membantu kecekapan pengendalian barangan dalam transit dari tangga ke-29 ke tangga ke-26.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun faktor prestasi ekonomi merosot sedikit, kedudukannya masih lebih tinggi berbanding faktor kecekapan kerajaan, kecekapan perniagaan dan infrastruktur. Kedudukan ini disebabkan kriteria bagi prestasi ekonomi seperti eksport barangan, imbalan akaun semasa, jumlah perdagangan, pendapatan pelancongan dan inflasi berada pada tangga ke-10 teratas dan kriteria-kriteria lain mencatatkan peningkatan ketara.

Begitu juga dengan faktor kecekapan kerajaan yang mana beberapa kriteria berada pada tangga ke-10 teratas di samping beberapa kriteria lain mencatatkan peningkatan ketara. Peningkatan kedudukan bagi kriteria-kriteria seperti eksport barangan, jumlah perdagangan, stok pelaburan dalam dan luar negara, dasar bank pusat dan tukaran asing dan perundangan buruh, jelas menunjukkan faktor dan iklim ekonomi negara telah menyumbang kepada penambahbaikan

kedudukan keseluruhan tahap daya saing global Malaysia dan kecekapan kerajaan. Terima kasih.

**Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih jawapan timbalan menteri. Di antara kayu pengukur kepada peningkatan tahap daya saing adalah prestasi ekonomi. Soalan saya, saya ingin tahu adakah kritikan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir terhadap kerajaan boleh menjejaskan peningkatan tahap daya saing dan kurangnya keyakinan pelabur dalam negara atau daripada luar negara untuk melabur di dalam negara kita?

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, saya melihat perkara ini daripada sudut pelaburan yang masuk ke negara kita. Untuk makluman Dewan, bagi tahun 2006 dari Januari hingga September, kita telah mencatat pelaburan yang telah diluluskan sebanyak RM13.9 bilion berbanding dengan RM10.4 bilion pada waktu yang sama pada tahun lalu iaitu peningkatan sebanyak 39.7%. 60% adalah pelaburan baru dan 40% pelaburan untuk *expansion*, dengan izin.

Jika ini digunakan sebagai faktor, maka kritikan Tun Dr. Mahathir kepada kerajaan sekarang tidak menjejaskan ekonomi negara. Di samping itu ingin saya nyatakan bahawa dari segi pelaburan, syarikat-syarikat yang membuat pelaburan ini syarikat yang berwibawa dan mereka akan melihat kepada tiga faktor utama dari segi, dengan izin, *political risk*, *business risk* dan juga *financial risk*.

*Political risk* ini akan menjadi faktor utama jika sesuatu isu itu boleh membawa kepada ketidakstabilan politik negara yang boleh menjejaskan pelaburan serta aktiviti-aktiviti sesebuah negara, barulah negara-negara tidak masuk ke negara tersebut. Dari segi negara kita, ketiga-tiga faktor tersebut cukup kukuh.

13. **Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah peranan yang dimainkan oleh Malaysia selaku Pengerusi NAM dan OIC dalam menangani ketegangan:

- (a) di Selatan Lubnan; dan
- (b) krisis pelancaran peluru berpandu oleh Korea Utara.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Tuan Ahmad Shabery Cheek]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Putatan ke atas soalan yang dikemukakan. Sebagaimana yang Ahli Yang Berhormat sedia maklum hampir kesemua soalan berhubung isu Lubnan yang dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini sebenarnya telah pun dijawab baik secara langsung atau tidak langsung dalam sesi perbahasan yang lepas.

Namun demikian ingin saya maklumkan bahawa Malaysia merupakan negara OIC pertama yang mengambil langkah untuk membentuk kesepakatan negara-negara anggota OIC

bagi menangani ketegangan di Selatan Lubnan dengan menganjurkan Mesyuarat Khas Jawatankuasa Eksekutif OIC bersama negara-negara rakan Pengerusi Sidang Kemuncak Ke-10 OIC peringkat ketua-ketua kerajaan pada bulan Ogos tahun 2006, tahun ini.

Ini adalah antara bukti kukuh berhubung komitmen tinggi Malaysia dalam usaha membela nasib rakyat Lubnan hasil kerjasama serantau melalui OIC, NAM dan ASEAN, akhirnya Resolusi 1701 yang memaksa Israel untuk menerima gencatan senjata telah dicapai pada 14 Ogos tahun ini. Kementerian Luar Negeri ingin terus menekankan bahawa walaupun Resolusi 1701 telah berkuat kuasa, Malaysia tetap meneruskan komitmen untuk membantu dalam mengekalkan keamanan di negara tersebut. Seramai 360 orang anggota tentera Malaysia telah pun berkhidmat di bawah pasukan UNIFILL, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) berdasarkan kata putus yang telah diberikan oleh badan dunia tersebut.

Selain menghantar pasukan pengaman, Malaysia turut menyumbang bantuan kemanusiaan bernilai USD1 juta kepada Lubnan di mana penghantaran akhir bantuan tersebut telah pun disempurnakan pada 13 dan 14 Oktober yang lalu. Di samping itu bantuan kemanusiaan yang bernilai USD250 juga telah disalurkan melalui Program Makanan Sedunia atau dengan izin, *World Food Program* bernaung di bawah PBB.

Manakala bagi isu nuklear Korea Utara pula, sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum Malaysia telah melepaskan teraju sebagai Pengerusi NAM pada bulan September 2006 dan peranan ini telah diteruskan oleh Cuba. Korea Utara telah menarik diri daripada menjadi negara anggota Perjanjian Pengawalan Senjata Nuklear atau NPT. Malaysia sedar isu pemilikan atau keupayaan nuklear Korea Utara itu boleh mengancam kestabilan serantau dan kita berharap isu nuklear Korea Utara ini akan diselesaikan secara aman melalui proses dialog berterusan dan rundingan khusus dalam kontes Rundingan Negara-negara Kuasa Enam atau dengan izin, *Six Party Talks* yang terdiri daripada Korea Utara, Amerika Syarikat, China, Rusia, Jepun dan Korea Selatan.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang menjawab dengan begitu jelas. Saya hujah sedikit tentang apa yang berlaku di Selatan Lubnan pada masa sekarang iaitu berlaku tunjuk perasaan untuk mengugut atau mengutuk kerajaan yang dipimpin oleh Fuad Siniora yang sebenarnya menyatakan bahawa Kerajaan Lubnan sekarang ini seolah-olah menjadi *puppet* kepada negara-negara barat. Ini agak menyusahkan usaha untuk mendapatkan satu keamanan di rantau itu. Selain daripada mesyuarat yang diadakan pada 14 Ogos tahun ini, adakah pihak kerajaan kita berunding dengan ahli-ahli terutama sekali Liga-Liga Arab untuk mendapat satu tindakan yang agak berkesan untuk mencapai keamanan di Selatan Lubnan. Soalan yang seterusnya berkenaan dengan Korea. Baru-baru ini kita telah mendapat satu kenyataan daripada media Jepun...

**Tuan Yang di-Pertua:** Tanya soalan Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Ini soalan yang kita hendak tanya iaitu keberkesanan rundingan ini. Tokyo Shimbun yang menyatakan pihak Rusia telah ditawarkan untuk menghasilkan deposit uranium di Korea Utara supaya pihak Rusia tidak akan memihak kepada usaha Amerika untuk menyita program nuklearnya. Apakah keberkesanan rundingan itu?

**Tuan Ahmad Shabery Cheek:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Putatan. Ada dua soalan di atas soalan tambahan tersebut. Kalau diizinkan saya jawab. Soalan yang pertama tentang senario yang berlaku di negara Lubnan itu sendiri di mana berlaku keadaan yang dianggap kurang stabil sekarang terutamanya selepas peristiwa pembunuhan salah seorang kepada Menteri Kerajaan - Menteri Kabinet di Lubnan tersebut. Ekoran dari situ, ada beberapa siri tunjuk perasaan bagi menyokong pihak parti yang diwakili oleh menteri yang dibunuh dan memberi reaksi bahawa tunjuk perasaan itu kononnya membantah campur tangan negara-negara lain. Kemudiannya ada ekoran siri tunjuk perasaan yang lain pula yang menganggap bahawa kerajaan yang ada sekarang dianggap sebagai pro kepada Amerika Syarikat dan sebagainya.

Dari segi pendirian Malaysia, kita tidak boleh mengambil pendirian untuk menyokong mana-mana pihak kerana kita tahu bahawa di Lubnan itu sendiri terdapat beberapa parti, terdapat pelbagai kumpulan Kristian, Mormon di kalangan Hizbullah, di kalangannya Syiah, Sunni, Druze dan sebagainya. Apa yang kita boleh katakan bahawa untuk masa depan Lubnan itu, ia banyak bergantung kepada keupayaan mereka untuk duduk bersama bersatu. Sebab itulah dalam Mesyuarat NAM yang lepas, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pernah memberitahu kepada Setiausaha Agong Liga Arab yang turut hadir di sini, sedikit sebanyak contohilah Malaysia.

Bagaimana keupayaan kita yang terdiri pelbagai kaum, agama dan mempunyai latar belakang bahasa yang berbeza boleh duduk bersama dan ini menjadikan Malaysia itu sebagai negara yang kuat dan tidak mudah untuk menjadi alat ataupun ditunjuk untuk menurut perintah pada negara-negara lain. Itu yang kita beritahu pada mereka tentang pendirian kita. Kita mengharapkan bukan sahaja Lubnan di Palestin, pihak dalaman dapat mampu bersatu dalam menghadapi musuh yang lebih besar seperti Israel dan rejim-rejim yang lain. Yang kedua tentang Korea Utara. Saya sendiri tidak jelas sama ada laporan daripada Asahi Shimbun kalau disebutkan tadi adalah sebenarnya itu menjadi punca tentang soal isu deposit uranium di Rusia dan sebagainya sebagai sokongan Rusia.

Tetapi kita perlu tahu bahawa selepas peristiwa ujian nuklear di Korea Utara baru-baru ini yang menggemparkan dunia bahawa terdapat kesepakatan semua negara dalam dunia terutama sekali di kalangan negara-negara yang menjadi anggota Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk mengeluarkan kenyataan mengutuk tindakan tersebut termasuk Rusia dan China yang sebelum ini dia menganggap bahawa mereka lebih berlembut dengan negara Korea Utara dan sebagainya. Tetapi kemungkinan apa yang disebutkan dan dinyatakan dalam akhbar

Asahi Shimbun dan pandangan-pandangan dari negara Jepun ialah kebimbangan mereka dalam isu Korea Utara. Ternyata bahawa negara yang dilihat paling bimbang tentang perkembangan tersebut ialah negara yang paling berhampiran dan yang dianggap negara yang paling tidak berbaik dengan Korea Utara iaitu Korea Selatan dan juga negara Jepun.

Ini juga yang menjadi kebimbangan kita semua bahawa peningkatan keupayaan ketenteraan Korea Utara akan mencetuskan usaha negara-negara yang saya sebutkan tadi untuk menambahkan keupayaan ketenteraan mereka. Dan mereka akan mungkin termasuk dalam pandangan negara Amerika Syarikat yang telah mengklasifikasikan negara Korea Utara sebagai *the axis of evil* yang dimaksudkan sebagai memberi peluang ataupun memberi alasan kepada mereka untuk mengadakan tindakan-tindakan serangan *pre-emptive*. Kalau ini juga mempunyai pandangan yang sama dari Jepun, Korea Selatan dan negara yang lain, saya memikirkan bahawa rantau kita akan berhadapan dengan keadaan yang terancam dan inilah yang dinyatakan oleh Malaysia sebagai kebimbangan kita terhadap isu ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah Yang Berhormat, masa cukup untuk soal jawab lisan.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]**

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT  
DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1)**

**PEMBUNUHAN SUSPEK PEMBERONTAK YANG DISERAHKAN OLEH MALAYSIA  
KEPADA KERAJAAN THAILAND**

**11.37 pagi**

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) dan (2), dengan ini diberi notis bahawa saya akan mengusulkan supaya Mesyuarat ini ditangguhkan untuk membincangkan usul yang melibatkan perkara tertentu, berkepentingan ramai dan perlu disegerakan. Saya Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, Ahli Parlimen Rantau Panjang mohon mencadangkan bahawa mesyuarat ini hendaklah ditangguhkan bagi membolehkan Dewan yang mulia ini merundingkan isu pendedahan Panglima Tentera Thailand, Jeneral Sonthi Boonyaratglin bahawa Kerajaan Thailand membunuh suspek pemberontak yang diserahkan oleh Malaysia kepada Thailand.

Tuan Yang di-Pertua, sejak Selatan Thai bergolak pada Januari 2004, lebih 1800 orang terbunuh dengan pembunuhan di Tak Bai serta peristiwa di Masjid Krisek dan sehingga kini kira-kira 1,000 buah sekolah ditutup kerana bimbang serangan terhadap para guru dan pelajar. Melihat kepada apa yang telah dinyatakan oleh Panglima Tentera Thailand, Sonthi Boonyaratglin bahawa suspek militan yang bersembunyi di Malaysia telah dikenakan tindakan bunuh dan

bukannya diadili mengikut lunas-lunas undang-undang sebelum menjatuhkan hukuman. Ianya juga telah melanggar Aku Janji, penyerahan yang telah ditetapkan undang-undang antarabangsa.

Apakah undang-undang yang diiktiraf oleh Kerajaan Thailand sedemikian, tanpa dihakimi dengan adilnya? Apakah proses penyerahan antara kita dan negara lain begitu mudah? Saya berharap usul ini dapat melengkapkan undang-undang yang berkaitan dengannya untuk memastikan siapa sahaja yang datang ke negara kita berikan keselamatan yang terjamin. Walaupun Kerajaan Malaysia telah memberi kerjasama dengan Kerajaan Thailand pimpinan Thaksin dengan menyerahkan suspek yang dikatakan militan seperti yang diminta, Kerajaan Thailand didapati telah gagal membendung keganasan di tiga wilayah sempadan Selatan Thai iaitu Yala, Narathiwat dan Pattani. Malah dengan tindakan Thaksin membunuh pejuang-pejuang Selatan Thai ini, suasana politik di wilayah tersebut menjadi lebih buruk dan huru-hara.

Usaha menyerahkan suspek yang dikatakan militan oleh Kerajaan Thai perlu dikaji dengan teliti iaitu dengan mengkaji dasar menghantar peluang pelarian Selatan Thai kepada pemerintah Thailand.

Kerajaan Malaysia juga perlu mengkaji semula dasar menyerahkan atau menghantar pulang pelarian-pelarian politik daripada negara-negara lain seperti Myanmar dan Aceh. Kerajaan Malaysia didesak supaya berwaspada dengan permintaan kerajaan Thailand yang meminta kerjasama Malaysia dalam usaha membendung keadaan tidak stabil di wilayah selatan Thai supaya peristiwa membunuh suspek tidak berulang lagi di masa hadapan.

Kerajaan Malaysia perlu mendesak kerajaan Thailand kini supaya membawa kes ini ke mahkamah antarabangsa agar keadilan kepada mangsa pembunuhan dapat ditegakkan dan pergolakan di selatan Thailand dapat dihentikan dengan segera. Saya mencadangkan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Rantau Panjang pada hari Jumaat, 1 Disember 2006. Teks Usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini dipertimbangkan oleh Majlis Mesyuarat pada hari ini, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat:

- (i) bahawa perkara itu tertentu;
- (ii) bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa perkara ini perkara tertentu dan ia adalah bagi kepentingan orang ramai, walau bagaimanapun, perkara ini tidak perlu disegerakan.

Kerajaan amat prihatin dengan keadaan di selatan Thailand. Walau bagaimanapun, perbincangan mengenai isu di Dewan ini dikhuatiri boleh menimbulkan persoalan-persoalan sensitif yang boleh menjejaskan hubungan dua hala Malaysia dan Thailand. Dalam pada itu kerajaan Thailand sekarang ini nampaknya sedang mengambil langkah-langkah untuk meredakan keadaan. Oleh yang demikian, saya menolak Usul ini di bawah Peraturan Mesyuarat 18(2).

### **RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

#### **RANG UNDANG-UNDANG JALAN PARIT DAN BANGUNAN (PINDAAN) 2006**

##### **Bacaan Kali yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974, dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

#### **RANG UNDANG-UNDANG ARKITEK (PINDAAN) 2006**

##### **Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Arkitek 1967, dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

#### **RANG UNDANG-UNDANG PENDAFTARAN JURUTERA (PINDAAN) 2006**

##### **Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pendaftaran Jurutera 1967, dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG  
PEMAJUAN PERUMAHAN (KAWALAN DAN PELESENAN)  
(PINDAAN) 2006**

**Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966, dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG  
BANGUNAN DAN HARTA BERSAMA  
(PENYELENGGARAAN DAN PENGURUSAN) 2006**

**Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi penyelenggaraan dan pengurusan bangunan dan harta bersama dengan sempurna dan bagi perkara-perkara yang bersampingan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG**

**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2007**

**DAN**

**USUL  
ANGGARAN PEMBANGUNAN 2007**

**Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 2007 dan Anggaran Pembangunan 2007 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis". *[Hari Kelapan belas]*

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.*

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Maksud B.47 [Jadual] –  
Maksud P.47 [Anggaran Pembangunan 2007] -**

**Tuan Pengerusi:** Saya jemput Menteri Penerangan untuk meneruskan menyambung jawapan. Saya ingin menerangkan sedikit di sini bahawa persoalan-persoalan semalam



dibangkitkan dalam Jawatankuasa dan saya harap pihak kementerian akan menjawab persoalan-persoalan seperti yang telah dibangkitkan dalam Jawatankuasa dan tidak menyentuh dasar. Silakan.

**11.45 pagi.**

**Menteri Penerangan [Datuk Seri Zainudin bin Maidin]:** Tuan Pengerusi, saya memohon untuk menyambung penggulungan atas Kementerian Penerangan dari semalam.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Pertama sekali saya juga ingin menyatakan penghargaan dan terima kasih saya kepada Yang Berhormat bagi Sungai Petani yang telah memberikan pandangan-pandangan yang konstruktif dan selaras dengan hasrat kementerian ini terutamanya dalam usaha untuk menggunakan *footage* Filem Negara bagi sambutan kemerdekaan dan juga bagi faedah-faedah dan kegunaan-kegunaan yang lain bagi membangkitkan kesedaran terhadap kepentingan kebangsaan dan negara.

Filem Negara antara lain saya jelaskan akan menerbitkan dokumentari-dokumentari mengenai kemerdekaan sepanjang menuju 50 tahun Merdeka. Daripada awal tahun iaitu antaranya yang telah kita siapkan ialah menuju kemerdekaan, pengisian kemerdekaan, Tunku Bapa Kemerdekaan kita, temu ramah dengan rakan-akan perjuangan Tunku, aktiviti Tunku sepanjang Ogos 1957. Di antara *footage* yang kita ada ialah yang khusus ada eksklusif bagi Filem Negara ialah temu ramah khas kita dengan Almarhum Tunku Abdul Rahman yang tentunya akan paling menarik dan perlu dihebahkan untuk ditonton oleh seluruh rakyat. Filem Negara juga akan menerbitkan filem-filem berbentuk *thriller*, kapsul seperti berikut dan yang telah kita terbitkan ialah Menjunjung Kasih dan juga Raja Berperlembagaan yang akan dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Agong.

Filem-filem berbentuk *thriller*, kapsul seperti berikut:

- i) Dataran Merdeka;
- ii) Stadium Merdeka;
- iii) Padang Pahlawan Melaka;
- iv) Panggung Anniversari;
- v) Federal Hotel yang menjadi sejarah hotel yang pertama di negara ini yang direstui malah dicadangkan oleh Tunku Abdul Rahman untuk penempatan tetamu-tetamu negara yang menghadiri perayaan kemerdekaan. Bukan perayaan perisytiharan kemerdekaan. Ramai orang yang tidak tahu tentang sejarah hotel ini;
- vi) Lapangan Terbang Sungai Besi;

- vii) 49 perarakan yang lalu hari kemerdekaan yang telah berjalan; dan
- viii) tema dan logo hari kebangsaan 2007.

**Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]:** *[Bangun]*

**Datuk Seri Zainudin bin Maidin:** Mengenai latihan, setiap penyampai berita RTM lalui latihan intensif tidak kurang dua bulan di Institut Penyiaran....

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi padang terap bangun. Hendak bagi jalan kepada Yang Berhormat bagi padang terap?

**Datuk Seri Zainudin bin Maidin:** *[Mengangguk kepala]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya Yang Berhormat sila.

**Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kita dapati bahawa TV3 telah mendahului RTM di dalam mempromosikan ataupun mengingati sejarah kemerdekaan terutama 50 tahun 2007 nanti di mana kita sering pagi-pagi sudah ada menemu bual rakyat tentang Perdana Menteri kita pertama hingga terakhir, menemu bual rakyat tentang Rukun Negara, mengimbau sejarah.

Jadi alhamdulillah tadi Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa RTM akan melaksanakan tugas ini pada awal tahun 2007 nanti. Bilakah agaknya program ini akan bermula supaya benar-benar kita menghayati 50 tahun merdeka yang akan dibuat bulan satu, bulan dua ataupun bilakah tarikh sebenarnya Tuan Pengerusi. Terima kasih.

**Datuk Seri Zainudin bin Maidin:** Tuan Pengerusi, sebenarnya kita telah terlebih lama mengeluarkan tentang jejak-jejak kemerdekaan yang telah kita siarkan sepanjang masa kemerdekaan dan kita juga telah menyiarkan tentang Rukun Negara. Kita sedang menjalankan kempen Rukun Negara daripada awal lagi. Tapi kita telah menyediakan satu diari kemerdekaan yang meliputi semua kegiatan jabatan di Kementerian Penerangan yang kita akan jadikan sebagai kalendar yang akan kita berikan kepada orang ramai.

Ia bermula daripada awal tahun pada 1 Januari, barangkali 1 Januari ialah hari *public holiday*, tetapi mulai hari itu kita akan lancarkan tentang 50 tahun sebuah buku *Mendaki Jambatan Emas*, semuanya kita telah siapkan tetapi kita akan siarkan sepanjang - tiap-tiap hari kita akan ada. Ini adalah secara *constructive* dan bukan secara sambilan, bukan hendak mendahului sesiapa tetapi apa yang ada, khazanah yang ada pada Filem Negara tidak ada pada orang lain, inilah yang akan kita kemukakan.

Jadi tentang latihan pemberita tadi.....

**Dato' Mahadzir bin Mohd Khir [Sungai Petani]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Sungai Petani.

**Datuk Zainuddin bin Maidin:** Sila.

**Dato' Mahadzir bin Mohd Khir [Sungai Petani]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Penerangan, apabila saya bangkitkan itu, saya sanjung penghargaan kepada kementerian Yang Berhormat. Cuma tadi Yang Berhormat bagi Padang Terap bangkitkan program kemerdekaan, saya anggap juga dan berharap benar pihak kementerian Yang Berhormat dapat membuat satu persediaan yang secara besar-besaran kerana tahun hadapan 2007, kita akan merayakan kemerdekaan kita yang ke-50, itu kemuncak kita. Oleh yang demikian, apakah sebulan, dua bulan sebelum 31 Ogos kita akan tayangkan *footage* tadi daripada sebelum kemerdekaan, peperangan, kemerdekaan dan selanjutnya Peristiwa 13 Mei misalnya. Itu juga memberi pengajaran kepada kita jangan lagi peristiwa itu berlaku lagi. Oleh yang demikian saya berharap benar kepada Yang Berhormat, adakah program secara besar-besaran itu akan diadakan dalam RTM apabila menyambut 50 tahun kemerdekaan negara kita? Terima kasih.

**Datuk Seri Zainuddin bin Maidin:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Sungai Petani, sebenarnya itulah kita bukan hanya hendak merayakan apabila dua, tiga bulan baru menjelang 50 tahun merdeka, tetapi kita akan bermula pada 1 Januari yang kegiatannya telah kita susun melibatkan semua jabatan kita dengan perarakan kemerdekaan, dengan program-program yang diadakan tiap-tiap hari akan ada program mengenai kemerdekaan, kita tidak buat hanya sekadar - sebab kita terlalu awal, kita tidak mahu memulakan dengan terlalu awal, tetapi kita akan mulakan apabila melangkah masuk tahun kemerdekaan yang ke-50. Semua susunan program ini akan kita dijadikan kalender dan orang ramai boleh melihat sama ada apakah kegiatan Jabatan Penerangan, apakah kegiatan RTM, apakah kegiatan Bernama, apakah kegiatan JASA, semuanya terlibat secara langsung untuk membangunkan kesedaran rakyat secara meluas terhadap ertinya kemerdekaan bagi kita, itu yang kita lakukan, sebab itu kita menunggu masa yang sesuai dan kita bukan berhasrat untuk mendahului tetapi kita menunjukkan bahawa kita telah menyusun langkah-langkah yang mantap, berkesan dan akan memberikan penerimaan yang luas, itu yang kita aturkan.

Saya minta kalau boleh sebab terlalu banyak, kalau boleh.....saya akan cuba jawab seberapa ringkas ya, iaitu tentang latihan tadi memang kita telah adakan dan bagi mempertingkatkan keberkesanan penyampaian berita RTM, pada masa hadapan akan melantik pembaca berita daripada kalangan wartawan penyiaran sendiri bukan *newsreader* dalam bahasa Inggeris tetapi *newscaster*.

Apa yang kita lihat di CNN dan sebagainya mereka bukan *newsreader*, mereka adalah *newscaster* yang mempunyai maklumat, mereka adalah berasal dari wartawan bukan hanya ambil pembaca berita mukanya cantik membaca berita, tetapi mereka tidak tahu apa-apa. Ini akan mengambil masa untuk melatih, untuk menjadikan mereka wartawan yang berbicara bukan seorang.....atau seorang burung tiung yang berbicara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, RTM masih lagi menggunakan sistem analog, jadi kualiti penerimaan siaran RTM bergantung kepada banyak faktor antaranya

penggunaan jenis *antenna* dan arah penalaan yang betul. Kita belum sepenuhnya pergi pada digital kita masih mencuba, di kawasan hanya Lembah Klang untuk 2000, *respondent*. Belum, kita belum lagi pergi kepada digital jadi janganlah harap bahawa nilai atau kualiti gambar yang ada di televisyen sekarang kualiti digital, bukan, belum lagi, 2000 ambil masa yang panjang. Kemudian, wakil daripada Cameron Highlands, saya berterima kasih terhadap.....

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Minta penjelasan, minta penjelasan.

**Datuk Zainuddin bin Maidin:** Ya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Seputeh.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Tentang *newscaster* yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Menteri, ada dua isu. Saya pernah dengar kritikan atau komen daripada wartawan ataupun mereka dalam bidang pemberitaan. Yang mereka berkata pegawai yang agak berpengalaman dalam bidang ini dalam RTM, mereka sebenarnya yang berpengalaman itu sama ada mereka bersara dan yang mana tempoh jawatan mereka tidak dipanjangkan dan yang sekarang adalah orang yang kurang pengalaman yang *in charge session* berita bahasa Inggeris. Jadi mereka ada komen yang kata kualiti bahasa Inggeris itu tidak begitu baik dan sebagainya mungkin ini untuk perhatian Yang Berhormat Menteri.

Komen yang kedua ialah kita tahu beberapa bulan yang lepas terdapat *newscaster* yang membaca berita bahasa Tamil mereka sangat tidak puas hati kerana mereka dipaksa untuk pakai baju kebaya ataupun baju kurung, yang mana mereka kata bercanggah dengan hak mereka dan kebebasan mereka untuk berpakaian tidak dihormati. Jadi saya hendak tanya, adakah ini satu dasar dari RTM yang mana yang semua *caster* ini mesti pakai baju kurung ataupun baju kebaya?

**Datuk Seri Zainuddin bin Maidin:** Terima kasih. Pertama sekali, Yang Berhormat suka membawa perkara-perkara yang boleh membangkitkan perasaan.

**Beberapa Ahli:** Betul! Betul!

**Datuk Seri Zainuddin bin Maidin:** Kita cuba keluar, cuba kita menjadi orang yang rasional, melihat kepada masalah. Sebenarnya, sebenarnya, pembaca-pembaca warta berita pun tidak dipaksa, kita tidak ada paksaan. Siapa hendak pakai, pakailah tetapi pada hari yang membaca berita kita minta hanya kepada bahagian Tamil, itu hanya kalau tidak mahu pakai seminggu sekali, sama sahaja, sekarang mereka pakai apa? Lihatlah! Mana ada paksa.....

**Dato' Ahmad Raja Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Saya hendak minta penjelasan lagi Yang Berhormat.

**Datuk Zainuddin bin Maidin:** Tidak apa, tidak apa, saya .....

**Dato' Ahmad Raja Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Pasal Yang Berhormat bagi Seputeh itu, pergi ke rancangan perdana ini, apa yang dipanggil .....? Forum Perdana, dengan saya! Saya hendak tanya apakah Yang Berhormat itu dipaksa memakai baju kebaya. Dia pergi dengan saya waktu Forum Perdana, baru-baru ini.....

**Datuk Seri Zainuddin bin Maidin:** Tidak, tidak apalah.....

**Dato' Ahmad Raja Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Baru-baru ini, saya hendak tanya, adakah RTM memaksa dia memakai baju kebaya! Hah minta penjelasan. Jangan buat tuduhan macam itu!

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Itu tidak berkaitan, saya.....Yang Berhormat Menteri, hari itu saya boleh jelas.....saya muncul sama-sama dengan dia.....saya memakai baju kebaya tetapi ini adalah pilihan saya.....

**Dato' Ahmad Raja Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Ini tidak bagus, buat tanggapan seolah-olah kita.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang lain diam, cukuplah, cukuplah Seputeh, sila duduk!

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Jadi soalan saya, adakah dasar RTM yang mana semuanya pada masa itu dipaksa untuk pakai pakaian baju kurung? Itu soalan saya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yalah, berilah peluang menteri jawab!

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Ada dipaksa atau tidak?

**Datuk Seri Zainuddin bin Maidin:** Tidak ada, tidak ada paksaan!

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah!

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Ada dipaksa?

**Datuk Seri Zainuddin bin Maidin:** Tidak ada paksaan. Saya tidak percaya kepada paksaan, saya tidak percaya. Sejarah negara ini tidak percaya kepada paksaan dari masa ke semasa, tetapi pandangan pembangkang ada melihat sebagai paksaan.

*[Dewan menjadi riuh seketika]*

Sebab itulah kalau boleh saya minta.....

**Dato' Ahmad Raja Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Sebab Yang Berhormat saya minta tadi, bertanya kepada Ahli Yang Berhormat, adakah Seputeh ini dipaksa?

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yalah, cukuplah, biar menteri jawablah, ya!

**Dato' Ahmad Raja Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** *[Menyampuk dan percakapannya tidak jelas]*

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** *This one is really excited!*

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Hormatlah menteri ini sedikit!

*[Dewan masih riuh dan gamat]*

**Datuk Seri Zainuddin bin Maidin:** Tidak, tidak, kita tidak paksa. Itu sebabnya kita boleh melihat tetapi orang-orang Cina yang membaca berita, dia dengan sukarela tidak ada jadi masalah? Tidak jadi masalah pun dan dia membaca sambil memakai baju kebaya, tidak ada masalah. Kenapa bagi orang-orang Tamil, bahagian Tamil membuat laporan, membuat hasutan dan melebarkan fitnah, kenapa berperangai begini?

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tanya, tanya pihak-pihak berkenaanlah, kalau dipaksa untuk.....

*[Dewan gamat seketika]*

**Seorang Ahli:** Baju ceongsam boleh pakai menteri!

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Dia memberi saluran.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat bagi Ipoh Barat, minta penjelasan.....menteri beri atau tidak?

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Bukan...okey penjelasan.

**Datuk Zainuddin bin Maidin:** Tidak apalah, tidak apalah, ini saya.....saya...

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Bukan, senang saja. Menteri ini tidak mahu jawab, apabila dipaksa, diarahkan.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, sila duduklah Yang Berhormat, cukuplah!

**Datuk Seri Zainuddin bin Maidin:** Itu fitnah, fitnah yang serupa juga disebar dalam Dewan ini .....*[percakapan yang tidak jelas]*

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Harap-harap itu betul!

**Datuk Seri Zainuddin bin Maidin:** Kalau itu fitnah di luar tetapi tidak apa, tetapi satu fitnah yang dibawa ke dalam Dewan ini adalah keterlaluan. Kita tidak seharusnya.....kita tidak seharusnya.....

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Saya juga difahamkan terdapatnya satu sekular kepada *newscaster* ini yang mana.. *[percakapan tidak jelas]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah, Seputeh, menteri tidak beri jalan.....beri peluanglah!

**Datuk Seri Zainuddin bin Maidin:** Kita tidak seharusnya menyebarkan fitnah di dalam Dewan.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Ada sekular berkenaan tidak?

**Datuk Seri Zainuddin bin Maidin:** Kita tidak seharusnya menyebarkan fitnah dalam Dewan.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Ada sekular berkenaan yang mengatakan mereka .....

**Datuk Seri Zainuddin bin Maidin:** Ada! Ada! Ada!

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Ada? Ada? Ada bukan?

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Hah! Ada.....tengok, ada!

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tengok Tuan Pengerusi!

**Datuk Seri Zainuddin bin Maidin:** Tidak, tidak ada sekular, bukan sekular kita, cara permintaan kita, cara yang bertolak-ansur. Kalau mahu pakai, tidak boleh pakai tiap-tiap hari,

pakai seminggu sekali. Tetapi saya cukup sedih kadang-kadang kita membawa cakap-cakap kutu embun, cakap-cakap orang yang tidak ada nilai, cakap-cakap tepi jalan, cakap-cakap ular air di bawa ke sini.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Kalau tidak ada paksaan, tidak akan dibawa!

**Datuk Seri Zainuddin bin Maidin:** Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh percaya kepada apa yang Yang Berhormat mahu percaya. Saya tidak menyekat, Yang Berhormat boleh teruskan dengan kepercayaan Yang Berhormat.

*[Dewan riuh seketika]*

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Penjelasan, penjelasan ....

**Datuk Seri Zainuddin bin Maidin:** Cukuplah, saya ingat.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah Bukit Mertajam, dia tidak beri jalan.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Penjelasan, penjelasan, boleh atau tidak penjelasan?

**Datuk Seri Zainuddin bin Maidin:** Kita buang masa, kita buang masa, kita buang masa! Minta maafah. Tidak mahulah, tidak mahulah!

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dia tidak beri jalan, sila duduk, sila duduk Yang Berhormat.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Boleh atau tidak penjelasan? Penjelasan?

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Menteri tidak beri jalan, sila duduk ya.

**Datuk Seri Zainuddin bin Maidin:** Cukuplah!

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** *[Masih bercakap tanpa pembesar suara]*

**Datuk Seri Zainuddin bin Maidin:** Kita membuang masa, kita membuang masa rakyat, kita memberi masa rakyat, bagi rakyat....

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** *[Menyampuk]*

**Datuk Seri Zainuddin bin Maidin:** Kita membuang.....

**Beberapa Ahli:** Mengapa tidak boleh jawab? Mengapa?

**Datuk Seri Zainuddin bin Maidin:** Bukan tidak boleh jawab, saya telah jawab.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri, teruskan benda lainlah ya Yang Berhormat, teruskan. Bukit Mertajam sila duduk.

*[Dewan menjadi riuh seketika]*

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** *[Menyampuk]*

**Datuk Seri Zainuddin bin Maidin:** Mengenai cadangan Yang Berhormat daripada RTM untuk menambah program dan rancangan serta forum dalam Bahasa Tamil, kementerian saya akan mengkajinya dari semasa ke semasa. Secara keseluruhannya program Tamil di RTM

meliputi 10% daripada waktu siaran dengan jumlah jam sebanyak 16 jam. Ini tidak termasuk siaran dalam bahasa Hindi selama lima jam yang merupakan tiga peratus daripada waktu siaran seminggu.

Untuk makluman Yang Berhormat, oleh kerana setelah mengkaji dan ada bantahan daripada orang-orang kaum India, bahawa kita telah memberikan masa yang tidak sesuai pada pukul 6.30 petang bagi siaran Berita Tamil sebab saya rasa barangkali orang di bandar ini memanglah tidak sesuai tetapi orang-orang atau pekerja-pekerja ladang atau orang-orang India yang bekerja di kampung tentulah sesuai. Tetapi oleh kerana ada bantahan maka RTM dengan sikap yang bertolak ansur, sikap yang tidak memaksa, sikap yang mendengar maka kita akan menukar kembali Berita Tamil pada pukul 8.30 malam di waktu perdana mulai pada tahun hadapan.

**Dato' Jacob Dungau Sagan [Baram]:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** *[Bangun]*

**Datuk Seri Zainuddin bin Maidin:** Yang Berhormat bagi Pensiangan membangkitkan

.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] :** Ya, Yang Berhormat ada dua yang bangun, hendak bagi jalan? Yang Berhormat bagi Baram dengan Yang Berhormat bagi Tangga Batu, yang mana satu hendak bagi jalan.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Tangga Batu atau Baram.

**Dato' Jacob Dungau Sagan [Baram]:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] :** Yang Berhormat bagi Baram bangun dahulu Yang Berhormat. Ya, Yang Berhormat bagi Baram, sila.

**Dato' Jacob Dungau Sagan [Baram]:** Ya? Baram?

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] :** Ya, Yang Berhormat bagi Baram sila teruskan.

**Dato' Jacob Dungau Sagan [Baram]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi Yang Berhormat Menteri mengatakan penyiaran dalam Bahasa Tamil ini..... jadi saya ini sekiranya wakil daripada masyarakat Orang Ulu.

Saya amat tertarik dengan kenyataan Yang Berhormat Menteri tadi. Malaysia ini memang mempunyai masyarakat terdiri daripada berbagai-bagai kaum dan di negeri Sarawak sahaja kita mempunyai banyak bangsa ataupun suku kaum. Saya boleh menyatakan termasuk Melayu, Melanau, Cina, Iban, Bidayuh dan Orang Ulu.

Dalam masyarakat Orang Ulu sahaja mempunyai 11 suku kaum. Tetapi suku kaum yang besar adalah suku kaum Kenyah, Kayan, Penan, Kelabit, Lunbawang dan juga yang lain-lain lagi. Kebanyakan mereka ini tinggal jauh di pedalaman negeri Sarawak dan kebanyakan juga yang tidak tahu Bahasa Malaysia ataupun bahasa suku kaum yang lain. Memandangkan kawasan pedalaman ini tidak ada surat khabar, mereka ini bergantung sangat kepada penyiaran radio



yang ada sekarang untuk menerima berita ataupun maklumat-maklumat dasar daripada kerajaan, lebih-lebih lagi yang terlibat dengan pembangunan mereka di kawasan pedalaman .

Oleh sebab itu penyiaran radio ini amat penting bagi mereka. Saya minta supaya Kementerian Penerangan iaitu Yang Berhormat Menteri memberi peluang atau slot masa radio ataupun program radio ini kepada suku kaum ini untuk menyiarkan berita dalam bahasa suku kaum itu seperti dalam bahasa Kayan, Kenyah, Penan, Kelabit ataupun Lunbawang.

Setakat ini radio Sarawak telah memberi slot masa penyiaran berita dalam bahasa Kayan, Kenyah, mungkin 30 minit kalau saya tidak salah. Akan tetapi mereka ini hanya menyiarkan dalam bahasa Kayan sahaja. Saya mintalah supaya slot masa penyiaran radio untuk penyiaran berita juga diberi ke bahasa Kenyah, Penan, Lunbawang ataupun Kelabit dan jika boleh bahasa yang lain juga. Saya minta supaya Yang Berhormat Menteri mempertimbangkan cadangan ini untuk kebaikan suku kaum yang tinggal jauh di kawasan pedalaman.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] :** Cukuplah Yang Berhormat. Tak bolehkah Yang Berhormat cakap minta bahasa Iban disiarkan, ringkas sahaja soalan.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Yang Berhormat Menteri, saya .....

**Datuk Seri Zainuddin bin Maidin:** Saya minta cuba kita ringkaskan dan saya akan bagi perhatian.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] :** Ya, silakan Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

**Dato' Jacob Dungau Sagan [Baram]:** Yang Berhormat Menteri .....

**Datuk Seri Zainuddin bin Maidin:** Perkara ini telah pun dibangkitkan sesi perbahasan oleh beberapa orang wakil. Saya akan jawab, perkara itu ada dalam jawapan saya. Okay, terima kasih.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Saya ringkas sahaja Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Pengerusi. Memandangkan RTM akan menyiarkan kembali Berita Tamil pada jam 8.30 malam dan saya dapati jawapan Yang Berhormat Menteri tadi menampakkan ada suatu sikap *responsive* ataupun *reactive* oleh pihak kementerian.

Saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri, apakah sebenarnya kaedah yang digunakan oleh kementerian untuk mengetahui pola penonton mengikut kaum, mengikut bahasa dan sebagainya, itu sahaja.

**Datuk Seri Zainuddin bin Maidin:** Untuk maklumat Yang Berhormat, kita menggunakan kajian berasaskan kepada responden yang kita kaji menerusi Jabatan Penerangan. Kita mempunyai pegawai-pegawai kita di seluruh negara dan kita meminta mereka membuat kajian.

Untuk pengumuman juga, saya hendak maklumkan bahawa berita *Prime News*, berita dalam Bahasa Inggeris kita akan pergi ke RTM2 dengan menamakan *News At 10* mulai tahun depan juga di mana lebih sesuai dan kita harap dapat penuntun yang lebih besar. Oleh kerana

penyiaran berita-berita Bahasa Inggeris pada *prime news* pada pukul 7.30 malam telah menjejaskan juga berita Warta Perdana oleh kerana orang yang melihat berita bahasa Inggeris dia tidak lagi melihat Warta Perdana pada pukul 8.00 malam. Kita akan sesuaikan. Kita berharap mulai tahun hadapan, Warta Perdana dan juga semua berita akan menjadi lebih hebat dan siaran Bahasa Mandarin, kita sedang berunding dengan akhbar-akhbar Cina supaya mereka dapat menjalankan satu segmen ekonomi khusus sebab saya rasa masyarakat Cina terlibat secara langsung dalam kegiatan ekonomi ini harus berita ekonomi harus lebih banyak di kalangan masyarakat Cina yang ingin tahu dan saya harap rundingan-rundingan yang sedang saya jalankan dengan beberapa akhbar Cina ini supaya mereka sendiri dapat mengendalikan berita ekonomi di RTM.

Saya minta kalau boleh saya teruskan iaitu.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]** : Yang Berhormat Menteri tak payah minta. Yang Berhormat sendiri teruskan.

**Datuk Seri Zainuddin bin Maidin:** [*Ketawa*] Saya kalau saya tidak dapat jawab semua, saya minta maaf tadi barangkali saya *lost temper* dengan satu dua perkara [*Disorak*] [*Ketawa*] Perkara-perkara yang tidak betul kadang-kadang menyakitkan hati.

Pembinaan bangunan kompleks penyiaran Sabah dibuat di bawah *private finance initiative*. Projek ini akan dilaksanakan pada tahun 2007 dan dijangka siap pada pertengahan tahun 2009. Perolehan peralatan untuk bangunan ini hanya akan dibuat setelah bangunan tersebut siap yakni selepas pertengahan tahun 2009.

Walau bagaimanapun, sekiranya bangunan tersebut pada awal tahun 2008, peruntukan *token* RM10 itu disediakan supaya boleh dibuat pindah peruntukan mengikut keperluan kos peralatan.

Mengenai liputan TV di kawasan terlindung, Yang Berhormat bagi Pensiangan membangkitkan. Untuk makluman, projek liputan TV kawasan terlindung Fasa 1 yang meliputi seluruh negara adalah merupakan projek RMK-8 yang telah siap dilaksanakan. Peruntukan *token* disediakan di dalam RMK-9 bertujuan untuk membolehkan pembayaran akhir dibuat jika perlu.

Kemudian sejauh mana pelaksanaan RTM Interaktif, untuk maklumat Yang Berhormat, RTM Interaktif dikenali dengan RTM I – ujian siaran digital yang merangkumi RTM I telah bermula sejak 1 September 2006 untuk jangka masa enam bulan. RTM ini menyiarkan rancangan TV dengan aplikasi interaktif mulai pukul 7.00 malam sehingga pukul 12.00 tengah malam setiap hari.

**Tuan Bernard S. Maraat @ Ben [Pensiangan]:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]** : Ya, Yang Berhormat bagi Pensiangan. Yang Berhormat bagi Pensiangan bangun Yang Berhormat.

**Datuk Seri Zainuddin bin Maidin:** Keberkesanan ..... sekejap [*Memberi isyarat supaya tunggu sekejap kepada Yang Berhormat bagi Pensiangan*] Keberkesanan siaran ujian RTM ini akan dinilai melalui laporan semua pihak yang terlibat setelah tempoh ujian siaran tamat pada bulan Mac 2007.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini di RTM terdapat ..... sila.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] :** Ya, Yang Berhormat bagi Pensiangan, sila.

**Tuan Bernard S. Maraat @ Ben [Pensiangan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Syabaslah kalau sekiranya kompleks RTM Sabah itu dapat dikendalikan dalam tahun 2006 ini. Lama sudah kita tunggu-tunggu.

Yang pertama tadi saya menyoalkan semalam mengenai dengan peralatan-peralatan umpamanya peralatan OB Van yang sudah 35 tahun yang tidak diganti-ganti dan justeru itu gambar atau imej-imej yang dikeluarkan daripada kamera-kamera tersebut adalah semua yang tidak jelas dan tidak terang.

Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri mengenai dengan kualiti siaran-siaran televisyen di pedalaman khususnya di Sabah dan juga di Sarawak, saya nampak sebenarnya bukan daripada keluaran daripada studio yang kita buat penerbitan dan sebagainya. Ini terpulang kepada faktor-faktor umpamanya sekarang ini kita belum lagi mendapat prasarana umpamanya infrastruktur mengenai dengan *broad band* dan sebagainya. Oleh itu siaran-siaran kita mungkin tergendala.

Saya ingin tahu daripada Kementerian Penerangan sama ada Telekom ini memainkan peranan penting dalam usaha mereka membantu RTM untuk menyiarkan siaran-siaran yang berkualiti. Saya difahamkan RTM membayar lebih kurang RM50 juta tiap-tiap tahun untuk menggunakan sistem-sistem ataupun infrastruktur yang disediakan oleh Telekom.

Saya percaya Telekom ini tidak betul-betul berkhidmat untuk memberi satu perkhidmatan yang terbaik kepada RTM. Justeru itu kita mendapat siaran-siaran kita yang kurang berkualiti.

Kedua, adakah mereka tidak beri perkhidmatan (*service*) yang terbaik disebabkan mungkin Jabatan ataupun Kementerian Penerangan masih terhutang dengan Telekom, maka mereka tidak membantu dengan sepenuh hati untuk menyiarkan siaran-siaran yang berkualiti ini. Terima kasih.

**Datuk Seri Zainuddin bin Maidin:** Mengenai OV van, kita memang ada peruntukan untuk menggantikan OV van. Insya-Allah saya akan teliti di mana yang benar-benar diperlukan kita akan ganti.

Mengenai Telekom ini, saya harap suara Yang Berhormat juga didengar oleh pihak Telekom tidak hanya suara saya. Saya juga kadang-kadang mempunyai perasaan yang sama. Sebab kadang-kadang kita yang lebih sensitif terhadap tempat-tempat tertentu. Setelah saya sendiri memaklumkan ataupun pihak-pihak memaklumkan barulah mereka bertindak. Saya

harap suara ini didengar oleh pihak Telekom. Sekiranya ada hutang dan sebagainya, maka itu adalah antara yang saya rasa tentulah tidak menjadi persoalan sebab tidak ada orang yang tidak percaya bahawa kerajaan tidak akan bayar.

Soal lain yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ialah di RTM terdapat 826 pekerja bakat dan seni berjadual - artis berjadual. Saya sendiri tidak senang dengan keadaan ini. Dari semasa ke semasa saya membuat tekanan supaya mereka diambil sebagai kakitangan tetap dan hasil daripada desakan itu saya juga sudah memaklumkan bahawa tidak hanya apa yang diperuntukkan dan diberikan oleh JPA tetapi kita harus menyedari hakikat di mana kekurangan kita untuk kita mendesak supaya jawatan ini ditambah.

Ini telah pun dibuat dan dikemukakan. Ini adalah satu kawasan di mana memerlukan bakat-bakat yang penting seperti mana Yang Berhormat bagi Seputeh timbulkan tadi iaitu sebenarnya bukan kita membuat tetapi kita meminta mereka yang telah mahu bersara supaya terus bersara. Malah hari ini saya menyampaikan satu anugerah baru sebelum ini kepada Harjit Singh sebagai seorang legenda dalam media. Ia telah saya sampaikan supaya mereka ini dapat terus kekal berkhidmat. Dia adalah seorang pegawai tetap. Dalam banyak hal juga yang berkebolehan masih tidak menjadi pegawai tetap, tetapi ada juga yang memang tidak mahu menjadi pegawai tetap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Larut.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat. Kenapa banyak sangat kakitangan RTM ini merupakan kakitangan kontrak, sedangkan mereka sudah bekerja lama dan pengalaman? Tidakkah kementerian melihat perkara ini supaya mereka ini diusahakan untuk diserapkan kerana mereka ada pengalaman?

**Datuk Seri Zainuddin bin Maidin:** Itulah yang saya hendak jawab.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Kalau mereka berhenti ini akan merugikan juga pihak RTM kerana saya difahamkan ada stesen TV swasta yang sekarang ini telah pun cuba mengintai-intai dan merebut kakitangan yang berpengalaman daripada stesen TV. Saya tidak pasti sama ada melibatkan RTM ataupun tidak. Terima kasih.

**Datuk Seri Zainuddin bin Maidin:** Saya telah pun mendapat khabar ini, maka itulah saya telah mengarahkan supaya tindakan diambil dengan cepat dan membuka peluang kepada semua kakitangan yang ada untuk membuat permohonan menjadi kakitangan tetap. Beberapa orang telah pun membuat permohonan untuk menjadi kakitangan tetap sebab mereka sendiri pun kadang-kadang juga bekerja hanya untuk menjadikan RTM ini sebagai tempat latihan dan kemudian cuba mencari peluang-peluang pekerjaan yang lebih baik. Tetapi satu hal yang tidak dapat dinafikan bahawa perbezaan gaji antara swasta dengan kerajaan adalah terlalu jauh bezanya.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Bolehkah dikaji tentang kaedah yang lain, Yang Berhormat? Sayang, Yang Berhormat, sebab ada di kalangan mereka itu penerbit, penolong penerbit dan sebagainya. Ia agak merugikan kerana kerajaan telah membelanjakan banyak wang untuk mendidik dan melatih mereka.

**Datuk Seri Zainuddin bin Maidin:** Saya cukup faham dalam soal ini. Usaha-usaha penyerapan mereka dan dengan apa cara juga yang boleh kita buat supaya mereka dikekalkan tetap.

Untuk makluman, daripada tempoh tahun 2005 hingga 2006 seramai 125 orang artis berjadual telah diserapkan ke jawatan tetap. Usaha ini akan terus dilaksanakan setelah cadangan penyusunan semula struktur RTM diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Saya telah mengarahkan agar perkara ini disegerakan.

Untuk perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Jerai...*[Memandang ke arah tempat duduk Yang Berhormat bagi Jerai]*. Yang Berhormat bagi Jerai tidak ada di sini, ya?

**Beberapa Ahli:** Tidak ada.

**Datuk Seri Zainuddin bin Maidin:** Jadi tidak payah jawab?

**Beberapa Ahli:** Tidak payah.

**Datuk Seri Zainuddin bin Maidin:** Tidak payah jawab, ya? Okey. Kalau tidak ada saya tidak jawablah dan saya pun telah menjawab sebahagian daripada perkara yang dibangkitkan.

Kemudian, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Yang Berhormat, saya berterima kasih di atas pandangan yang saya anggap secara ikhlas telah diberikan. Tetapi saya suka menyatakan bahawa sebenarnya RTM bukanlah satu stesen radio yang terikut-ikut. Kalau sesiapa yang dapat mengikuti RTM setiap hari dari pagi hingga ke larut malam akan mendapati RTM bukanlah siaran ikutan. Sebaliknya ia adalah sebuah stesen yang mengambil tanggungjawab untuk membangunkan kesedaran....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Orang PAS tengok RTMkah?

**Datuk Seri Zainuddin bin Maidin:** Saya ingat tengok juga. Dia tengok. Mengambil tanggungjawab untuk membangunkan kesedaran dengan mengambil kesempatan dari peristiwa-peristiwa dalaman dan juga luaran. RTM cuba mengalih peranan artis supaya tidak hanya memberikan hiburan tetapi juga peranan artis dan hiburan itu sebagai satu Misi Nasional yang dapat membangunkan kesedaran rakyat.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Saya...

**Datuk Seri Zainuddin bin Maidin:** Sekejap, ya? Saya hendak habiskan dulu. Saya bagi contoh, umpamanya kita mengambil kesempatan daripada peristiwa kekejaman dan penyembelihan orang-orang Lebanon. Kita adakan Ekspresi Malam Lebanon dan kita panggil semua artis tanah air bukan hanya Melayu, dari semua kaum artis berkumpul mengadakan satu demonstrasi, ekspresi yang disiarkan secara langsung.

Pada malam itu, antara lain saya bacakan. Izinkan saya membacakan apa yang dinyatakan oleh M. Nasir. M. Nasir membacakan satu sajak 'Topeng Globalisasi' yang kita boleh hayati. Pendek sahaja:

*“Sinar kemenangan telah menyinsing  
koka merah warnanya  
Cola-cola menjadi air mata  
Tidak dapat lagi meneguknya  
Burger ketulan daging manusia  
Piza tompok darah di sana sini  
Ayam goreng tulang para syuhada  
Kita tidak sanggup lagi menelannya.  
Sungguh syahdu di pusara ini  
Wanginya roh-roh meresapi  
Membangunkan anak-anak berani mati  
Yang tidak sanggup lagi menjadi proxy  
Sebuah globalisasi yang bertopengkan demokrasi”*

Suara ini adalah suara RTM dan tidak ada suara ini di stesen yang lain. Jadi RTM bagi keperibadian yang tersendiri untuk menegakkan misi bangsanya. Bukan sahaja Melayu tetapi semua kaum. Mereka ini berkumpul dan orang-orang ini dari kaum Melayu, Cina dan India. Ini satu kesedaran baru yang timbul yang kita kadang-kadang di sini tidak memahaminya.

Tadi membangkitkan soal bahasa....

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** *[Bangun]*

**Datuk Seri Zainuddin bin Maidin:** Saya minta maaf - supaya saya dapat menjawab. Soal bahasa, kita boleh bersuara tentang meminta bahasa Iban dan meminta bahasa Mandarin tetapi kita jangan terbawa dalam arus ini. Arah tuju kita jangan hilang. Arah tuju kita ialah bahasa Melayu sebagai bahasa perpaduan, bahasa perpaduan. Jadi kita jangan lupa bahawa generasi baru yang bukan Melayu telah dapat bercakap bahasa Melayu lebih baik daripada orang Melayu sendiri. Di BSKL, kalau saya minta, orang-orang Cina dapat memberikan analisis saham yang lebih baik daripada orang Melayu. Orang-orang India apatah lagi!

Jadi, orang-orang Melayu sendiri menjadi keliru dalam soal ini. Umpamanya bila baru-baru ini di gereja, di Ipoh, paderi bercakap dalam bahasa Melayu. Bukan kerana dia hendak bercakap kepada orang Melayu tetapi oleh kerana anak-anak India sudah tidak dapat memahami bahasanya sendiri. Dia terpaksa tetapi kita telah salah mengerti.

Kita di sini juga datang bersuara tentang bahasa-bahasa daerah, bahasa Iban, bahasa Mandarin dan sebagainya. Saya terima. Tetapi kita jangan lupa apakah arah tuju kita? Sebab kepada anak-anak kita, barangkali kita tidak bercakap bagi pihak generasi baru. Kita bercakap

menyuarakan - kita yang orang elit ini. Sedangkan orang-orang elit dalam Dewan ini juga memahami bahasa Melayu dengan baik.

Siapakah *the elitist* dalam negara? Siapakah lagi yang tidak memahami bahasa Melayu? Akhbar-akhbar menjadi korban kepada suatu sentimen, kepada suatu pembohongan agensi-agensi iklan. Agensi-agensi iklan dalam bahasa Melayu lebih berkesan, lebih dapat menjual dan sekarang kesedaran ini telah timbul di Astro dan di TV 3, maka itulah siaran TV 3 ditambah lagi satu. Astro juga telah meningkatkan siaran bahasa Melayunya. Ini disebabkan jumlah kumpulan orang-orang yang memahami bahasa Melayu sudah meluas. Tidak semua anak orang-orang Cina tahu bahasa Inggeris. Kita bukan hendak menidakkan bahasa Inggeris. Tidak. Tetapi jangan sampai kita terbawa dalam arus mendesak untuk bahasa Mandarin dan bahasa Iban sehingga kita lupa bahawa anak-anak kita telah menguasai bahasa Melayu - bahawa mereka memahami bahasa Melayu dengan baik.

Pemikiran kita dikelirukan. Kita lupa pertumbuhan, perkembangan dan kebangkitan satu generasi baru. Ini kita jangan silap.

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** [*Bangun*] Minta laluan.

**Datuk Seri Zainuddin bin Maidin:** Jangan silap sangka sehingga kita menidakkan golongan ini di dalam negara kita. Ini kita akan terbawa oleh arus pembohongan, arus penipuan dan akhirnya kita sendiri menjadi korban kepada matlamat kita.

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Sedikit sahaja, Tuan Pengerusi.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada dua yang bangun Yang Berhormat, hendak bagi yang mana? Ya, siapa.

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Mengenai dengan penapisan tadi Astro, sebab dia sebut ia ada penapisan sendiri. Apakah kita tidak boleh satu sahaja? *Double standard*, saya nampak. Kita sudah ada di bawah KDN. Minta penjelasan.

**Datuk Seri Zainuddin bin Maidin:** Saya tidak berkuasa di atas Astro, itu telah berkali-kali saya nyatakan. Saya tidak ada apa-apa kuasa ke atas Astro ataupun TV3.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Putatan bangun, Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Putatan! Hendak beri jalan, Yang Berhormat? Yang Berhormat bagi Putatan.

**Datuk Seri Zainuddin bin Maidin:** Jadi,.....

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ringkas sahaja, Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Sebelum itu saya memberi tabik hormat kepada Yang Berhormat Menteri untuk berani membuat perubahan di RTM sebagai satu media mulut kerajaan. [*Disampuk*] Lidah! [*Ketawa*] Terima kasihlah.

Soal kesedaran kepada semua lapisan masyarakat di negara kita. Sedarkah pihak kementerian bahawa pihak generasi muda kita lebih memilih kepada TV swasta daripada TV nasional. Jadi, saya bercerita sedikit tentang pengalaman yang kita lihat di luar negara. Ada TV nasional negara masing-masing mengadakan satu kempen kesedaran bahawa ia memberi satu set TV kepada kebanyakan arked ataupun *shopping complex*. Menyediakan satu set TV supaya ditunekan, diwajibkan kepada TV nasional supaya masyarakat kita sedar apa yang disebarkan melalui TV kerajaan ini dapat diilhamkan kepada semua lapisan masyarakat.

Ini memaksa, bukan perkataan 'memaksa' tetapi supaya ia dapat dipertingkatkan lagi. Kalau tidak TV1, TV2, tidak laku. Jadi, bersetujulah Yang Berhormat, kalau satu tindakan perubahan ini dibuat.

**Datuk Seri Zainuddin bin Maidin:** Saya cukup sedar dan sedang melakukannya. Malah saya telah menghantar surat kepada semua atas nama saya sendiri kepada semua jabatan-jabatan kerajaan, kepada rumah-rumah sakit, kepada kaunter-kaunter supaya beralih kepada RTM1. Kalau tidak apa gunanya kita menyiarkan ucapan-ucapan *live telecast* Perdana Menteri bercakap dan sebagainya sedangkan Tabung Haji sendiri orang-orangnya melihat hiburan. Banyak saya melihat.

Saya bukanlah hendak memaksa orang melihat tetapi tidak ada pilihan. Kita tidak memaksa tetapi kita meminta kerjasama. Begitu juga perubahan-perubahan yang drastik sedang dibuat oleh RTM2 dengan membanyakkan siaran Mandarin, membanyakkan siaran-siaran bahasa Inggeris dan sebagainya. Sekarang, untuk makluman, saya mendapat laporan daripada luar negara, daripada satu kajian yang di buat, saya tidak perlu sebutkan di sini, dibuat oleh suatu Telco antarabangsa di negara kita, mendapati bahawa kedudukan RTM2 sekarang adalah yang kedua. Daripada nombor satu, TV3 tetapi sekarang RTM2 berada pada kedudukan yang kedua.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Sabak Bernam bangun.

**Datuk Seri Zainuddin bin Maidin:** Kajian ini adalah kajian yang benar sebab ia juga membuat kajian tentang penerbitan yang besar di Malaysia sekarang. Saya tidak boleh memaklumkan siapa yang membuat kajian ini. Penerbitan yang terbesar sekali, satu majalah hantu, majalah Mastika - 350,000, yang keduanya ialah URTV dan yang ketiganya ialah Mangga. Itu majalah-majalah terbesar sekali di Malaysia.

Jadi, hal-hal inilah penipuan terhadap pengiklan-pengiklan ini adalah juga merunsingkan kita dan bahawa mereka adalah *western oriented gentleman (WOG), they are not Malaysian.* *[Disampuk] They are WOG.*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Sabak Bernam, hendak beri jalan.

**Datuk Seri Zainuddin bin Maidin:** Ya!



**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Terima kasih Menteri. Saya bimbang dengan kenyataan kementerian ini tidak ada kuasa, dalam *quote*, yang digunakan oleh Menteri tadi terhadap saluran TV swasta ini. Saya telah bertanya kepada hampir semua kementerian ini. Ada lima kementerian yang bertanggungjawab terhadap penapisan ataupun *screening*, dengan izin, kepada program dan acara di media elektronik ini yang sangat mempengaruhi media anak-anak kita.

Oleh kerana itu apa pandangan ataupun cadangan daripada kementerian sendiri terhadap isu ini?

**Datuk Seri Zainuddin bin Maidin:** Yang Berhormat, *make it short*, - pendek, itu tidak perlu bimbang lama-lama sebab sebenarnya KeKKWa, KTAK dan juga Kementerian Penerangan sedang berunding untuk kita menemukan satu metodologi yang berkesan supaya kita dapat kembalikan semuanya ke arah yang kita kehendaki dengan nilai-nilai kita, dengan penyiaran yang mengikut kesesuaian kita. Ini sedang dirundingkan, bukan bertujuan untuk menyekat kebebasan tetapi untuk kembali kepada nilai-nilai kita, kembali kepada nilai Malaysia, kembali kepada kebangsaan Malaysia, kebangsaan Malaysia bukan Melayu tetapi adalah kebangsaan Malaysia yang sebenarnya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Panjang lagikah Yang Berhormat?

**Datuk Seri Zainuddin bin Maidin:** Panjang lagi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kalau boleh minta cepatkanlah.

**Datuk Seri Zainuddin bin Maidin:** Saya belum habis lagi, saya minta izin menjawab tentang menyatakan kita sebagai pak turut. Sebenarnya tidak, saya terpaksa menjawab. Umpamanya, saya bawa satu contoh lagi. RTM telah bertakbir daripada malam nampaknya anak Syawal sehingga ke pagi hari. Tidak pernah dilakukan ini. Ini telah mensyahdukan hari-hari kebesaran kita bagi pertama kalinya. Kita juga siarkan Rumah Panjangku, yang menunjukkan bahawa rumah panjang telah bertukar menjadi rumah batu dan anak-anak rumah panjang telah menjadi doktor, menjadi peguam, menjadi orang-orang profesional di Sarawak. Rumah panjang tidak lagi rumah panjang dan ini telah kita siarkan.

Kemudian kita mengambil tanggungjawab membersihkan *toilet*, yang kita masih ada masyarakat yang kotor, *toilet* kita masih kotor dan komitmen RTM untuk menjalankan kempen *toilet* untuk selama lima tahun akan datang kita akan teruskan. Kita hendak *doctrine the society* bahawa *toilet* kita mesti bersih. Ada orang yang kompelin kenapa RTM siarkan *toilet* ini waktu makan, waktu *dinner* tetapi supaya kita sampai kepada peringkat di mana orang dapat lihat *toilet* ketika makan. Itu keazaman kita.

Saya ingat itulah di antara rancangan-rancangan yang boleh menarik banyak kita siarkan, saya hanya hendak menolak. Tetapi dalam soal bahasa, bahasa rojak dan sebagainya RTM telah pun mengumumkan bahawa kita akan *black listed*, atau menghitamkan penerbit-penerbit yang menghantar drama-drama yang bercampur aduk. Tetapi kita menghadapi

masalah. Semalam ada tulisan dalam sebuah akhbar menyatakan kita akan menyebabkan penderitaan kepada penerbit-penerbit sebab dia orang sudah mendapat 100 jam, 300 jam dan sebagainya. Ini adalah suatu perkara yang tidak mungkin, tidaklah orang menyediakan semua sekali sampai 300 jam, satu siri atau episod untuk sesuatu yang mereka dapat.

Mereka buat sesuatu dan kita bukan tidak berperikemanusiaan, kita kembalikan mereka, betulkan dan orang katakan, "*Oh! Bukan realiti*". Umpamanya, jom pergi *lunch*, itu cakap campur dengan orang putih, realiti masyarakat. Tetapi tugas RTM, orang hendak bercakap, cakap tetapi tugas kita adalah untuk membentuk masyarakat menggunakan bahasa yang baik. Orang hendak pakai, pakai. Kenapa bahasa Inggeris tidak campur dengan bahasa-bahasa lain, kenapa kita tidak boleh membentuk masyarakat yang dapat menggunakan bahasa yang baik.

Tugas kita ialah untuk mendidik masyarakat yang agak sofistikated, yang mempunyai nilai yang tersendiri, seperti masyarakat British itu sendiri, dengan keagungan, kebudayaannya yang kukuh. Jadi, ini kita mesti ada identiti kita sendiri, identiti Malaysia. Kita mesti yakin kepada apa yang kita buat.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Penjelasan!

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Hendak beri jalan? Ya.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Saya rasa ini kita tidak perlu

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Sudah jelas apa lagi!

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** ...untuk masa yang *rigid* kerana dalam masyarakat memang ada orang yang menggunakan bahasa yang baik. Sekarang ada bahasa SMS, ini pun adalah suatu identiti Malaysia. Kalau cakap bahasa Malaysia ada Hokkien seperti Yang Berhormat bagi Jerai, ada Inggeris dan ada bahasa-bahasa yang lain yang di campur, itu bergantung kepada program itu. Kalau program itu menggambarkan apa yang berlaku di dalam *society*, apa salahnya. Ini adalah suatu seni, bukan bahasa. [*Ketawa*]

**Datuk Seri Zainuddin bin Maidin:** Dalam beberapa hal saya bersetuju dengan Yang Berhormat tetapi kadang-kadang bahasa Inggeris yang dicampuradukkan itu seperti disengajakan. Umpamanya dalam skrip penulisan, kita boleh menulis terlebih dahulu, kita boleh berfikir, kenapa harus kita campurkan. Sengaja dicampurkan. Ada penulis yang boleh menulis dengan bahasa yang baik. Diada-adakan. Itu masalah. Tetapi kalau kita hendak bincang perkara ini saya ingat terlalu panjang.

Kemudian selain daripada Yang Berhormat bagi Kubang Kerian... Tentang siaran Parlimen ini pada lewat malam. Yang Berhormat kata pada jam 11.30 malam adalah lewat, tetapi saya dapati ramai orang yang tengok pada jam 11.30 malam. Sebab kata orang, bila lewat malam, orang muda pulang bertandang, orang politik pulang bersembang dan orang pembangkang barangkali ada masa yang lapang. Jadi amat sesuai pada jam 11.30 malam kerana kebanyakan orang politik balik lambat.

Kemudian daripada Yang Berhormat bagi Tuaran, Yang Berhormat bagi Serdang dan Yang Berhormat bagi Sri Aman sekali lagi, meningkatkan liputan siaran dalam bahasa Mandarin telah saya jawab kesemuanya tadi. Untuk perkara yang sama dan mencadangkan pegawai-pegawai Iban ditambah di RTM Sarawak, itu akan kita lakukan. Saya tidak ada hal tentang itu. Orang-orang Iban ini pun bagus kerana mereka pandai menyanyi lagu-lagu Melayu dan sebagainya. Cukup hebat daripada orang Melayu sendiri.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Bera, Yang Berhormat. Hendak bagi jalan?

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Ini bukan fasal Iban. Ini fasal radio Orang Asli. Asyikfm memang *very popular* bagi Orang Asli sebab seperti yang kita tahu, Orang Asli memang tidak ada budaya membaca dan kawasan mereka terpencil, jadi bahan-bahan bacaan kurang. Jadi mereka bergantung kepada Asyikfm.

Malangnya, siaran Asyikfm adalah daripada pukul 1.00 tengah hari hingga 10.00 malam sahaja. Jadi saya bagi pihak Orang Asli memohon kalau boleh dipanjangkan waktu siarannya dari pagi hingga jam 12.00 tengah malam. Terima kasih.

**Datuk Seri Zainuddin bin Maidin:** Insya-Allah saya akan pertimbangkan. Saya tengok kewajarannya dan kita akan laksanakan. Kemudian daripada Yang Berhormat bagi Ketereh, beliau ada menyatakan mengenai pembaca berita Melayu untuk membaca berita Tamil dan Mandarin sepertimana orang India dan Cina yang membaca berita bahasa Melayu. Kedua-dua ini menjadi satu masalah yang besar dalam RTM. Hendak cari orang Cina dan India yang boleh berbahasa Melayu, pasaran mereka lebih hebat. Cari kerja tempat lain. Demikian juga orang Melayu yang pandai berbahasa Mandarin pun juga mendapat pasaran. Jadi agak sukarlah dalam soal ini, ini masalah yang kita hadapi.

Sekarang ini ada seorang anak orang Cina yang baru-baru ini membuat laporan tentang MAHA. Siapa tengok begitu hebat. Jadi saya tidak tahu berapa lama dia akan kekal, saya cuba akan mengekalkan dia. Jadi ini masalah yang kita hadapi. Menjadi rebutan stesen dan ini memang macam Yang Berhormat bagi Kubang Kerian kata kita hendak buat CNN dan kita hendak buat BBC. Harapan Yang Berhormat bagi Kubang Kerian itu juga harapan saya, tetapi kita hendak melahirkan johan satu pun susah. Kita hendak melahirkan seorang lagi macam Aznil. Berapa orang Aznil? Berapa orang johan di Malaysia? Kalau di Amerika ada Larry King, kita boleh bilang. Jadi ini orang-orang yang *talented*.

Jadi, tambahan pula kita satu bangsa yang kecil untuk mengetengahkan *talent-talent* yang semua orang ini - kalau ada Yang Berhormat di sini berbahasa Melayu bagus dan mahu berhenti dari menjadi anggota Parlimen untuk bekerja di RTM, boleh kita... Yang Berhormat bagi Ayer Hitam cukup baik bahasanya, begitu juga dengan Yang Berhormat bagi Cameron Highlands. Jadi hal-hal ini adalah satu masalah yang besar.

Kemudian Yang Berhormat bagi Ketereh juga mencadangkan supaya Jabatan Penerangan memperbanyakkan aktiviti selain Program Komuniti Bestari. Pada masa ini tiga aktiviti utama menjadi tumpuan Jabatan Penerangan iaitu Komuniti Bestari, pembangunan Pusat Maklumat Rakyat dan Pentarama.

Bagi aktiviti Komuniti Bestari, Jabatan Penerangan merancang untuk menubuhkan 696 Komuniti Bestari mengikut mukim untuk tempoh lima tahun yang akan datang. Jabatan telah pun menubuhkan 457 Komuniti Bestari, ini bermakna dalam tempoh lima tahun yang akan datang, jumlah 1,153 Komuniti Bestari akan ditubuhkan di seluruh negara.

Kemudian, PMR di Pejabat Penerangan Daerah berjumlah 139 di seluruh negara. Kemudian kita juga telah membuat pembelian tiga buah lori Pentarama untuk mengadakan lawatan ke kampung-kampung bagi menyampaikan maklumat...

**Dato' Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Kuala Pilah.

**Dato' Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Menteri, saya seronok bila sebut bestari tadi sebab ini adalah salah satu daripada program yang begitu diminati oleh rakyat di kampung-kampung. Tidak silap saya, baru-baru ini kementerian ada menganjurkan Rapat Bestari yang pertama kalinya dibuat dan dilancarkan di Port Dickson.

Satu program yang begitu baik dan mendapat sambutan yang begitu hangat daripada rakyat dan saya lihat selepas daripada itu senyap. Rapat Bestari senyap. Jadi saya hendak mendapat tahu daripada pihak kementerian, adakah cita-cita dan rancangan untuk mengadakan Program Rapat Bestari ini di semua negeri sebagaimana pernah dibuat dulu waktu Program Semarak dan sebagainya. Itu sahaja Tuan Pengerusi.

**Datuk Seri Zainuddin bin Maidin:** Memang kita telah mengaturkan program-program itu diadakan pada setiap negeri. Itu rancangan kita. Tapi oleh kerana kebanyakan rakyat mengharapkan kehadiran Perdana Menteri di setiap perhimpunan itu, maka ini menyebabkan kita terpaksa menangguhkan dari masa ke semasa. Jadi sebab itu kita mahu Perdana Menteri turut hadir, sebab harapan orang ramai ialah Perdana Menteri turut hadir. Tetapi memang kita sudah merancang dan ada yang terpaksa kita batalkan terlebih dahulu oleh kerana masalah ini. Jadi insya-Allah kita akan tengok bagaimana supaya dapat dipastikan dan akan diadakan di seluruh negara.

Kemudian mengenai Yang Berhormat bagi Maran juga, beliau ingin mengetahui pecahan peratus program RTM untuk pelanggan berdasarkan kumpulan sasaran seperti agensi kerajaan, swasta, masyarakat antarabangsa dan masyarakat Malaysia. Kita hanya menyediakan berasaskan kepada 'giner' iaitu berdasarkan:

- Agama - 40.5%
- Berita - 14%
- Drama - 27.5%

- Hiburan - 70.5%
- Penerangan dan pendidikan - 29%
- Kanak-kanak - 7%
- Sukan - 30.25%
- Remaja - 2.5%
- *Trailer, promo* dan selingan - 4.5%
- Iklan - 4%

Kemudian selain daripada itu, saya ingat daripada Yang Berhormat bagi Ketereh lagi tentang JASA. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahawa sememangnya JASA memberikan tumpuan utama dalam merancang dan melaksanakan program. Ia juga dapat memberikan penerangan yang menyeluruh dan berkesan kepada setiap lapisan masyarakat mengenai dasar-dasar dan program kerajaan.

Program penerangan ini dilaksanakan melalui ceramah, seminar, kursus, bengkel, forum, tazkirah dan dialog mengenai isu-isu semasa. Semua pegawai-pegawai JASA telah dilatih di dalam Kursus Penceramah Berwibawa untuk memastikan mereka mempunyai pengetahuan, kemahiran dan keterampilan dalam menyampaikan maklumat berkesan. Yang Berhormat bagi Pasir Puteh dan Yang Berhormat bagi Serdang mencadangkan supaya kita...

**Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Tanah Merah bangun, Yang Berhormat.

**Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Berkenaan dengan pegawai JASA ini, kadang-kadang-kadang pegawai ini mengambil kesempatan untuk bergiat dalam politik. Saya rasa ini tidak tepat apabila pegawai ini mempunyai kepentingan diri dalam menjalankan tugas.

Saya sarankan kepada kementerian supaya lihatlah memang banyak berlaku di tempat saya sendiri dan di lain-lain tempat pun berlaku, supaya pegawai ini disyaratkan supaya tidak terlibat dalam politik. Diri dia sendiri lah maksudnya. Kalau kita lihat BTN, BTN ini bagus dari segi penglibatan dalam politik kerana syarat untuk menjadi pegawai BTN tidak dibenarkan untuk bermain politik. Saya sarankan kepada kementerian supaya pegawai JASA ini juga tidak terlibat diri dia sendiri untuk menjadi orang politik. Sekian, terima kasih.

**Datuk Seri Zainuddin bin Maidin:** Kita prihatin terhadap perkara ini. Kita akan ambil ingatan dan kita akan terus berusaha supaya pegawai-pegawai JASA ini tidak bersaing di mana-mana kawasan dan untuk juga menjadi orang politik.

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dalam perbahasan saya semalam, saya ada menimbulkan beberapa perkara termasuklah dari segi kemudahan peralatan kepada Jabatan Penerangan Daerah umpama Maran contohnya. Saya lihat *transport* yang ada telah agak usang dan kemudahan alat PA sistem. Saya juga ada sebutkan tentang program radio Orang Asli.

Tentang bagaimana kementerian menambahkan program-program pendidikan kepada

masyarakat Orang Asli melalui radio mereka. Akhir sekali, saya sebut tentang apakah Kementerian ada perancangan bagi memindahkan Angkasapuri yang ada sekarang kerana saya mengucapkan terima kasih kepada menteri khususnya yang menjemput kita ke Angkasapuri dan kita melihat kemudahan-kemudahan yang ada. Tetapi kita tengok kawasan itu telah *adjusted* ataupun terlalu sempit dan tidak tersusun. Jadi apakah Kementerian bercadang untuk memindahkan satu kawasan yang lebih besar dan boleh menempatkan seluruh agensi di bawah Kementerian Penerangan.

**Datuk Seri Zainuddin bin Maidin:** Secara ringkasnya kita akan berpindah ke Putrajaya. Sedang dibina dan jawapan saya ini ada. Dan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan peruntukan bagi perolehan kenderaan dan peralatan siaraya adalah seperti berikut. Bagi kenderaan berjumlah RM3 juta untuk membeli 30 buah kenderaan. Peralatan siaraya berjumlah RM3 juta telah diluluskan bagi 80 pejabat Penerangan Daerah. Kenderaan dan peralatan siaraya ini akan diagihkan pada kepada daerahnya pada tahun ....

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Yang Berhormat saya minta penjelasan sedikit kenapa Angkasapuri dipindahkan ke Putrajaya sedangkan ini merupakan satu sejarah di mana bermulanya Angkasapuri. Tapak bermulanya Angkasapuri. Boleh Yang Berhormat bagi alasan rasionalnya.

**Datuk Seri Zainuddin bin Maidin:** Saya jawab. Biar saya jawab mengenai perkara ini.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Kalau dahulu pun ada ura-ura hendak pindahkan Bangunan Parlimen, kita pertahankan.

**Datuk Seri Zainuddin bin Maidin:** Secara ringkasnya pejabat saya yang berpindah tetapi RTM tidak akan berpindah. Kemudian kenderaan dan peralatan siaraya akan diagihkan kepada daerah-daerah pada tahun 2007.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Bera.

**Datuk Seri Zainuddin bin Maidin:** Kemudian, sekejap saya habiskan di dalam perkara yang dibangkitkan oleh.... Terima kasih di atas prihatin mengenai kebajikan dan keselesaan kakitangan Kementerian Penerangan. Untuk makluman Yang Berhormat pagi ini sendiri, saya sendiri telah mengarahkan, bukan kerana semalam. Saya melawat stesen radio Singapura yang baru dua tiga hari sudah, yang tua, yang lebih dahulu daripada kita tetapi dapat mewujudkan suasana yang ceria. Memang saya setuju dengan *carpet* yang tidak bertukar, dengan lorong-lorong yang agak gelap dan tidak menyegarkan. Jadi saya sendiri telah bercakap tadi, panjang mengenai hal ini, supaya prihatin terhadap perkara ini dan insya-Allah mereka berubah.

Tetapi saya perlu jelaskan juga iaitu kakitangan untuk makluman Yang Berhormat, Kompleks Kementerian Penerangan setinggi 30 tingkat sedang dibina di Presint 4, Putrajaya dan dijangka siap pada tahun 2010. Kompleks ini akan menempatkan pegawai-pegawai Kementerian Penerangan, Jabatan Penerangan dan Jabatan Ehwal Khas. Pejabat RTM, Bernama dan Filem

Negara akan kekal di bangunan sedia ada. Saya pun sentimen di sini, tetapi kalau dengan ini ruang pejabat yang lebih selesa dapat disediakan untuk semua kakitangan dan kementerian.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak berbalik kepada JASA tadi. Saya hendak tanya dari segi menentukan program yang JASA buat. Adakah pegawai itu sendiri yang menentukan atau diarahkan oleh ibu pejabat? Misalnya banyak isu-isu yang kadang-kadang kita tidak dapat penerangan. Bila tanya pegawai JASA kata tidak ada peruntukkan dan sebagainya. Jadi adakah garis panduan atau program yang hendak diterangkan oleh JASA diberi oleh ibu pejabat?

Yang kedua, misalnya dalam soal isu Tun Dr Mahathir. Banyak Tun Dr Mahathir turun ke merata-rata tempat untuk memberi macam-macam cerita tentang kerajaan sekarang. Saya tidak nampak pegawai JASA memberi penerangan di peringkat akar umbi untuk menjelaskan apa yang diperkatakan oleh Tun Dr Mahathir yang nampak gaya mengkritik secara tidak berasas kepada pihak kerajaan. Itu saya hendak tahu, siapa yang memberi arahan untuk satu-satu isu ini untuk diterangkan.

**Datuk Seri Zainuddin bin Maidin:** Apabila timbul isu-isu yang besar biasanya semua pegawai-pegawai JASA dipanggil ke Kuala Lumpur untuk diberikan penerangan. Demikian juga program-program mereka diaturkan oleh Ketua-ketua Pengarah Negeri dengan arahan daripada Ketua Pengarah JASA. Pengarah-pengarah Negeri membuat program dan ini bergantung pada keperluan dan kajian kita sama ada perlu atau tidak sama ada sesuatu itu akan menimbulkan lebih buruk daripada baiknya. Semua itu, kajian dibuat.

Jadi biasanya adalah rundingan dibuat daripada peringkat negeri, perundingan dengan Ketua Pengarah dan bukanlah mereka memandai-mandai. Jadi soal sensitiviti-sensitiviti politik ini kadang-kadang berlaku dan ada juga kita dapati pegawai-pegawai tidak menjemput Ahli Parlimen yang berkenaan, jadi hal-hal ini kita telah buat teguran dari semasa ke semasa.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat banyak lagi ke? Yang Berhormat sila habiskan.

**Datuk Seri Zainuddin bin Maidin:** Ya, saya hendak habiskan ini. Saya ingat habislah soal JASA itu, kemudian mengenai pegawai-pegawai JASA dalam.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Serdang bangun. Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Yap Pian Hon [Serdang]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Berkenaan dengan pegawai JASA saya minta tambah di kawasan Parlimen.

**Datuk Seri Zainuddin bin Maidin:** Saya hendak menjawab bilangan pegawai-pegawai JASA semakin bertambah dari masa ke semasa. Setakat ini pegawai JASA adalah berjumlah 563 orang iaitu terdiri daripada 446 pegawai Melayu, 43 Cina, 9 India dan 65 orang peribumi Sabah dan Sarawak. Pegawai-pegawai Cina akan ditambah. Untuk makluman Yang Berhormat

kerajaan juga telah meluluskan sebanyak 222 jawatan baru Pegawai Penerangan S41 yang akan ditempatkan ke seluruh negara termasuklah daripada kalangan orang Cina.

Proses temu duga sedang berjalan dan dijangka jawatan tersebut akan diisi sepenuhnya pada awal 2007 manakala sebanyak 122 jawatan S27 yang masih kosong juga akan diisi dalam tempoh yang sama. Mengenai cadangan untuk menambah peruntukkan tahunan bagi melaksanakan program-program JASA, kementerian berpendapat peruntukkan sedia ada adalah mencukupi. Walau bagaimanapun, saya mengucapkan terima kasih di atas saranan dan pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu menyarankan supaya RTM sebagai media kerajaan memaparkan kisah-kisah kehidupan rakyat Malaysia yang terdiri dari nelayan, petani, guru dan lain-lain lagi. Sebenarnya seperti yang saya katakan tidak semua kita melihat RTM 24 jam. Selain dari drama-drama yang mungkin kita tidak senang, banyak juga drama-drama yang boleh dijadikan contoh saya sebutkan satu dua umpamanya *Sayang Di Sayang*, *Bertuah Kamek Etnik Sabah Sarawak*, *Panorama* dan lain-lain lagi. Rancangan ini akan diteruskan dan ditambah dari semasa ke semasa.

Kemudian Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu juga telah membangkitkan tentang seperti soal *Mat Rempit*, *Minah Karan*, *Mat Sepanar* dan sebagainya. Kita tidak gunakan ini. Mengenai isu yang dibangkitkan tentang program dan istilah *Malaysia Idol*, *Akademi Fantasia* dan *Mat Rempit*, ingin saya tegaskan rancangan ini bukan terbitan RTM. RTM sentiasa peka dalam memastikan istilah-istilah yang akan disiarkan melalui radio dan TV sesuai untuk siaran umum.

Yang Berhormat bagi Sabak Bernam antara lain mencadangkan orang di kawasanya dapat diberi peluang membuat berita dan liputan bergambar untuk di bekal kepada RTM untuk disiarkan. Beliau juga meminta isu-isu masyarakat seperti hiburan yang melampau, dibuat kajian khusus dan dibicarakan dalam media elektronik dan program khusus. Beliau turut mencadangkan tokoh-tokoh sejarah, ini telah kita lakukan dari semasa ke semasa dan umpamanya dalam soal contoh dadah. Kita telah membawa orang-orang yang telah cuba untuk membetulkan dirinya untuk membuat *comparison* dalam RTM termasuk *Jamal Abdillah* dan juga *Saleem* telah kita lakukan. Tetapi untuk pengambilan orang-orang di kawasan Yang Berhormat bagi kerja-kerja profesional ini adalah seharusnya mengikut proses yang betul.

Kemudian selain dari itu, Ahli Yang Berhormat bagi Sungai Petani telah pun saya jawab tadi.

Yang Berhormat bagi Tanjong bangkitkan isu peletakan jawatan oleh lima orang kakitangan di IFM secara beramai-ramai yang dikatakan mengendalikan program *Morning Talk Show* di IFM. Yang Berhormat mendakwa peletakan jawatan ada unsur tekanan politik. Untuk makluman Yang Berhormat, peletakan jawatan itu adalah secara sukarela. Seorang daripada mereka telah mendapat kerja di stesen TV swasta, seorang di Bernama kalau dia tidak suka



dasar kita, dia tidak akan pergi Bernama. Seorang mengikut suami ke Johor, seorang melanjutkan pelajaran di peringkat sarjana dan seorang lagi telah berusaha meningkatkan kerjaya di tempat lain. Nyata sekali tidak ada unsur tekanan politik daripada lima orang yang meletak jawatan.

Hanya seorang sahaja yang bertugas sebagai DJ dalam *Morning Talk Show*. Sukacita dimaklumkan *Morning Talk Show* ini tetap diteruskan siarannya memandangkan program ini berjaya menarik minat ramai pendengar tidak kira siapa yang bertugas.

Yang Berhormat bagi Pendang. Untuk makluman Yang Berhormat semua, stesen swasta dan RTM menyiarkan filem-filem telenovela. Yang Berhormat bagi Pendang tidak ada. Kemudian, Alhamdulillah saya ingat saya telah sampai kepada jawapan saya yang terakhir iaitu tentang *rating* warta perdana. Saya suka menyatakan bahawa keadaan *rating* warta perdana adalah berada di tahap yang tidak....

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Yang Berhormat sebelum yang terakhir. Terima kasih kerana menjawab yang sebutkan semalam tetapi ada satu perkara lagi yang saya sebut iaitu mengenai program Jabatan Penerangan yang dahulunya adalah *out reaching the public* dengan izin tetapi sekarang ini kurang *outreach*, mereka tidak lagi ke masyarakat untuk memberi penerangan tentang isu-isu kerajaan bahkan kebanyakannya menunggu program itu datang. Terima kasih minta penjelasan.

**Datuk Seri Zainuddin bin Maidin:** Sebenarnya Yang Berhormat, dahulu kita barangkali hanya ada satu *Malayan Filem Union* ataupun cara dengan menghantar *field officer* kita keluar.

Tetapi oleh kerana sekarang, umpamanya cara penyebaran maklumat ini telah bertukar di bawah komuniti bestari. Kemudian PMR dan sebagainya dan dia tidak menonjol lagi seperti dahulu. Sebab dahulu kita tidak ada persaingan. Tetapi sekarang penyampaian maklumat seperti radio, TV dan sebagainya, maka mereka tidaklah begitu kelihatan.

Tetapi dalam keadaan tertentu, saya ingat mereka masih berkesan dan Pentarama terus pergi ke kampung-kampung dan mengadakan pertunjukan-pertunjukan yang mendapat sambutan hebat. Jadi, kita banyak bergantung juga kepada JASA. Semua ini adalah juga penerangan. Dahulu hanya Jabatan Penerangan, tetapi sekarang ada JASA. Jadi, itulah yang saya ingin menjelaskan dan seperti yang saya katakan tadi, akhirnya iaitu *rating* Warta Perdana adalah tidak menggalakkan. Masih jauh daripada TV3, oleh sebab seperti yang saya katakan bahawa kita adalah cuba. Bukan kita kekurangan, terlalu kurang sangat.

Tetapi kita dalam beberapa hal, kita mengingatkan, bahawa kita tidak mahu umpamanya dalam soal berita jenayah. Kita tidak mahu membuat sehingga orang menyatakan bahawa negara ini berada dalam jenayah. Dalam satu negara jenayah. Kita memberikan gambaran, kita mengadakan Slot 999 dan sebagainya. Seolah-olah kita menggambarkan hari-hari, di Malaysia ini jenayah. Adakah ini dilakukan di Singapura? Tidak ada. Ini adalah sensualism yang akan memberikan suatu *impression* yang cukup salah kepada orang luar dan juga kepada negara ini

dan menakutkan kita. Sehingga kita tidak yakin untuk berjalan seorang diri. Bukan sekadar untuk hanya memberikan maklumat jenayah, tetapi untuk menunjukkan kedahsyatan jenayah itu sendiri.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Tambah sikit, tambah sikit. Selain daripada...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat..

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** .. cerita-cerita jenayah ini, jangan juga masuk hal keruntuhan rumah tangga. Sebab kita sudah *establish* rumah tangga. Buat apa dok tunjuk lagi hak runtuh-runtuh? Ini saya setujulah, dua menteri ada di sini.

**Datuk Seri Zainudin bin Maidin:** Itu realiti hidup. Kadang-kadang ada orang yang ingin kahwin muda. [*Ketawa*] Jadi, macam mana kita nak sembunyi? Jadi, kadang-kadang saya pun tak setuju dari segi bila nak adakan majlis kahwin kita siarkan perbelanjaan yang hebat ya? [*Tepuk*] Yang orang katakan sebagai suatu kehebatan beli semuanya daripada Italy. Beli pakaian-pakaian yang mahal. Apakah itu yang harus kita ajarkan kepada masyarakat kita? Kita mengajar rakyat ke arah materialisme. Ke arah *imitation of life* yang tidak positif. Ini yang kita harus sedar. Jadi, *extravaganza* dengan *affluence* yang kadang-kadang orang kampung tengok dia menyatakan itu adalah kebenaran. Itu adalah kebenaran. Itu adalah sebenarnya hidup, sedangkan itu adalah mimpi mereka dan kita semakin menjauhkan mereka daripada realiti yang sebenarnya. Ini menyebabkan harapan-harapan yang tinggi sedangkan mereka melihat kehidupan orang-orang bandar membelanjakan berjuta ringgit untuk perkahwinan.

Jadi, hal-hal ini kita harus sedar dan kita cuba, RTM cuba untuk lebih melambangkan kemurnian cinta daripada hanya cerita yang hebat. Dalam soal ini saya pada akhirnya, saya juga menyatakan hanya satu sahaja yang saya hendak - yang semalam walaupun Yang Berhormat bagi Jerai tidak ada di sini dan barangkali Yang Berhormat Aziz ada di sini, sebenarnya tidaklah benarnya mengatakan radio klasik ini tidak menyiarkan lagu-lagu cinta. Tidak benar. Sebab apa yang mencandui Yang Berhormat semua adalah lagu-lagu cinta, lagu-lagu kasih sayang yang menyebabkan kita mengenangkan zaman lalu yang tidak akan kembali lagi.

Jadi, itulah sebabnya orang-orang tua, orang-orang yang sudah pertengahan umurnya mencintai lagu klasik ini yang harus kita persembahkan lagi. Umpamanya, semalam saya sendiri duduk mendengar lagu klasik, terpaku dan yang tersentuh hati saya bila mendengarkan 'Bulan Purnama'.

Di antaranya, yang perlu saya sebutkan, yang bait-bait katanya,

*Di tepi pantai yang indah,*

*Ku duduk mengenangkan cinta ku tak sampai,*

*Putus di tengah jalan*

*Sedih nian rasanya.*

Jadi hal-hal beginilah yang telah menambatkan, dengan kehebatan yang disuarakan oleh suara *National Classic*, Klasik Nasional. Ini tak boleh ditandingi. Ini akan semakin hebat dan pagi ini kita telah memberikan hadiah yang besar kepada Chuari yang mengendalikan Radio Klasik ini, *Classic National* ini sehingga mendapat hadiah daripada KeKKWa.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya.

**Datuk Seri Zainudin bin Maidin:** Dan itulah akhirnya saya memohon kepada semua kalau kita hendak mendidik anak-anak kita. Hendak menjadikan anak-anak yang mencintai bangsanya, mencintai negaranya. Mencintai ketulenan keperibadian bangsanya, dan menjadi anak-anak yang dihargai, kembalilah kepada RTM kerana RTM boleh diyakini untuk memimpin mereka ke arah ini. [*Tepuk*] Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Baik Yang Berhormat, baik Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM1,009,275,400 untuk Maksud B.47 di bawah Kementerian Penerangan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM1,009,275,400 untuk Maksud B.47 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM138,219,200 untuk Maksud P.47 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2007 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM138,219,200 untuk Maksud P.47 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2007.

**Maksud B.48 [Jadual] –  
Maksud P.48 [Anggaran Pembangunan 2007] –**

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sekarang Kepala Bekalan 48 dan Kepala Pembangunan 48 di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat terbuka untuk dibahas. Ya, Yang Berhormat bagi Bukit Gantang.

**Dato' Yap Pian Hon [Serdang]:** Yang Berhormat Tuan Pengerusi ..

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Bukit Gantang. Serdang tak dengar? [*Ketawa*] Bukit Gantang.

**Dato' Yap Pian Hon [Serdang]:** *Sorry, sorry.*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Wanita dahulu.

**12.59 tgh.**

**Cik Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin sentuh dua butiran sahaja 040900 - Warga Tua dan Keluarga. Butiran 040300 - Kaunseling dan Psikologi.

Tuan Pengerusi, banyak warga tua di negara kita dalam keadaan yang terbiar tanpa belaian dan jagaan anak-anak yang tidak bertanggungjawab dan derhaka, dan anak-anak yang tidak berkemampuan untuk menjaga ibu bapa mereka. Apatah lagi di negara kita tidak ada undang-undang untuk mendenda anak-anak kita yang tidak mahu menjaga ibu bapa. Keadaan ini memang amat menyedihkan kerana warga tua ini hidup dalam keadaan sungguh menyedihkan iaitu ia sebatang kara, dalam keadaan uzur, tanpa bantuan kebajikan kerana masih mempunyai waris. Oleh itu kita berharaplah kementerian perlu mengkaji semula dalam pemberian bantuan kebajikan dan membenarkan warga-warga tua ini yang walaupun mempunyai anak-anak dibenarkan untuk tinggal di rumah warga tua. Sekiranya tempat untuk warga tua ini tidak cukup, kita perlulah bina rumah untuk warga tua ini, kerana kita tahu bahawa kerajaan kita adalah sebuah kerajaan penyayang dan prihatin.

Tuan Pengerusi, wanita mahupun kaum bapa juga pada hari ini tidak kira *gender*, kita tahu bahawa mereka mempunyai pelbagai masalah. Masalah dari segi masalah kerja, masalah keluarga, masalah penceraian, masalah kemiskinan hingga melibatkan Along dan sebagainya. Seribu satu macam masalah. Tempat untuk mereka mengadu sebenarnya memang tidak ada. Sehingga mereka terpaksa mencari jalan penyelesaian dan untuk menghilangkan tekanan mereka membunuh diri mereka sendiri termasuklah anak-anak mereka. Saya ingat peristiwa ini telah banyak berlaku di negara kita dan oleh itu kita haraplah kementerian Yang Berhormat Menteri dapatlah menubuhkan apa yang kita katakan pusat khidmat dengan menempatkan kaunselor-kaunselor yang bertauliah, supaya rakyat yang mempunyai masalah ini ada tempat untuk mencurahkan hati mereka dan dapat membantu. Dengan ini saya menyokong. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Larut.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak pergi kepada Butiran 040000 iaitu Kebajikan Masyarakat. Tahniahlah kepada Yang Berhormat Menteri kerana telah mengambil satu pendekatan supaya pejabat-pejabat kebajikan mulai tahun hadapan, Januari akan dibuka pada hari Sabtu dan saya pernah mencadangkan Tuan Pengerusi di Dewan yang mulia ini supaya pejabat-pejabat yang ada pertalian rapat dengan orang ramai ini, selain daripada Jabatan Kebajikan, Imigresen, Pendaftaran, sebagai contoh, pejabat tanah, kerajaan tempatan diadakan pada hari Sabtu. Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, sebab selepas cadangan itu dibuat, Ketua Setiausaha Negara menyatakan bahawa cadangan tersebut merupakan cadangan yang terkebelakang. Jadi apakah pandangan, cadangan Yang Berhormat ini juga terkebelakang?

Jadi, saya tidak setujulah dengan pandangan yang mengatakan, bahawa kalau dibuka pada hari Sabtu ia merupakan satu cadangan yang tidak sesuai dan tidak *relevan*. Tahniah kepada Yang Berhormat Menteri dan kita berharap dengan adanya pembukaan pejabat kebajikan pada hari Sabtu ini akan memudahkan lagi kumpulan sasaran sebagaimana yang telah disebut oleh Yang Berhormat Menteri untuk mereka menyelesaikan masalah pada hari yang di luar daripada hari cuti. Jadi, saya berharap dengan demikian juga sistem penyampaian pejabat kebajikan bukan bertambah baik, tetapi merupakan satu agensi kerajaan yang benar-benar dapat membantu mereka yang memerlukan bantuan dan pertolongan, dan seterusnya dapat direalisasikan segala usaha yang baik untuk meningkatkan lagi kalangan mereka yang sentiasa mengharapkan bimbingan, bantuan daripada kementerian ini. Dengan itu saya menyokong.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Serdang.

**Dato' Yap Pian Hon [Serdang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, sambung petanglah.

**Dato' Yap Pian Hon [Serdang]:** Terima kasih.

***Majlis Mesyuarat bersidang semula***

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] ***mempengerusikan Mesyuarat***]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Majlis bersidang semula. Ahli-ahli Yang Berhormat mesyuarat ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

***Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.01 petang.***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.***

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.*

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ahli Yang Berhormat daripada kawasan Serdang, sila sambung ucapan.

**2.32 ptg.**

**Dato' Yap Pian Hon [Serdang]:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Butiran 00102 – Dewan Nur, Butiran 01001 – pusat jagaan harian warga tua. Tuan Pengerusi, pihak kementerian telah melancarkan dua projek yang penting untuk masyarakat iaitu projek Dewan Nur di mana projek ini dilancarkan dengan bertujuan untuk memberi kemudahan kepada golongan wanita dalam menjalankan aktiviti atau program sosial. Projek kedua iaitu pusat jagaan harian warga tua ialah untuk memberi kemudahan kepada aktiviti-aktiviti warga tua di kawasan-kawasan tertentu. Kedua-dua projek ini telah dilancarkan sebenarnya di seluruh kawasan Parlimen tetapi hanya pada waktu ini oleh kerana dengan adanya kecacatan, kelemahan atas alasan peruntukan yang tidak cukup, maka pihak kementerian hanya memilih kawasan-kawasan tertentu untuk mendirikan Dewan Nur atau pusat jagaan harian warga tua.

Dengan keadaan sedemikian, telah timbullah masalah, projek ini kemudahan yang diberi kepada kawasan-kawasan tertentu sahaja tidak meliputi kawasan-kawasan lain. Jadi ertinya golongan wanita atau golongan warga tua di kawasan-kawasan tanpa projek yang dilibatkan itu, maka mereka tidak akan menikmati kemudahan demikian. Maka apa langkah yang boleh pihak kementerian akan mengatasi kecacatan ini? Kerana kawasan-kawasan tidak mempunyai Dewan Nur atau pusat jagaan harian warga tua itu, ertinya mereka tidak mempunyai kemudahan untuk menjalankan aktiviti yang sebenarnya. Maka adakah pihak kementerian akan menggunakan dewan orang ramai atau balai raya, mungkin satu cara alternatifnya supaya memberi sebagai kemudahan kepada kedua-dua golongan yang begitu penting di dalam masyarakat kita. Ini adalah satu tugas dan tanggungjawab pihak kementerian untuk meningkatkan lagi golongan wanita dan juga warga tua.

Jadi itu sebab pentingnya oleh kerana yang berlaku ketidakseimbangan di mana kawasan Parlimen yang lain itu, maka akan merasa kecewa sedikit sebanyak seperti di kawasan saya. Kerana golongan wanita begitu berminat untuk menjalankan aktiviti tanpa kawasan, tanpa ada dewan, apa cara untuk mengatasinya? Saya pun sedang menghadapi masalah itu. Seperti mana warga tua di kawasan saya, walaupun ada persatuan warga tua diadakan, cuba untuk mengadakan berbagai aktiviti untuk meningkatkan lagi aktiviti kemasyarakatan oleh warga tua itu. Jadi dengan demikian, saya mintalah pandangan dan ulasan, cara mana untuk memberi satu kemudahan seperti Dewan Nur atau pusat jagaan harian itu atau bagaimana caranya supaya setiap kawasan Parlimen boleh mendapat kemudahan sedemikian untuk menjalankan aktiviti sosial untuk memberi satu galakan kepada golongan wanita atau warga tua.

Tuan Pengerusi, satu lagi, saya difahamkan bahawa seramai 90 ribu OKU masih belum mendaftarkan dirinya dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Apa sebab berlaku demikian? Adakah usaha Jabatan Kebajikan Masyarakat tidak begitu lancar atau apa sebabnya OKU enggan membuat demikian? Supaya dapat kemudahan-kemudahan yang dibekalkan oleh kementerian. Ini satu masalah besar dan juga ada sentiasa terdapat OKU tidak berpuas hati dengan kemudahan-kemudahan yang tidak disediakan untuk mereka. Ini adalah satu masalah yang dihadapi, saya minta pihak kementerian cara mana untuk menyelaraskan segala masalah yang dihadapi oleh OKU ini dengan pihak agensi kerajaan supaya tidak akan lagi mengecewakan hati mereka.

Satu lagi Tuan Pengerusi, kanak-kanak. Kanak-kanak yang tidak berdosa sentiasa dijadikan mangsa atas masalah keluarga. Ini adalah satu hakikat yang berlaku yang begitu nyata dan merupakan satu tanda pahit kepada masyarakat kita. Maka perkhidmatan nasihat daripada jabatan atau pihak kementerian, cara mana untuk mengatasi masalah yang sering berlaku di dalam masyarakat kita. Dan juga saya harap pihak kementerian akan melipat gandakan usahanya untuk memberi bantuan masalah-masalah kanak-kanak kita untuk memberikan satu kedudukan yang lebih selesa untuk mereka menjadi dewasa.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, gulung.

**Dato' Yap Pian Hon [Serdang]:** Akhirnya, di masa ini, ramai wanita dan kanak-kanak menjadi korban peperangan. Mereka tidak berdosa tetapi konflik peperangan itu telah menjadi mereka mangsa. Jadi saya mintalah pihak kementerian untuk melalui hubungan Jabatan Hal Ehwal Antarabangsa melalui persidangan-persidangan atau seminar-seminar antarabangsa untuk membangkitkan masalah ini supaya prihatin daripada pihak Malaysia terhadap wanita dan kanak-kanak dijadikan korban dalam peperangan yang sering berlaku dalam dunia ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Gelang Patah.

**2.39 ptg.**

**Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Satu perkara yang saya ingin menyentuh dalam Dewan yang mulia ini ialah mengenai Butiran 04100 – kurang upaya. Saya ingin menarik perhatian pihak kementerian tentang masalah kemudahan yang diberikan kepada orang cacat atau kurang berupaya di tempat awam seperti menara pejabat, kompleks.

Tuan Pengerusi, terdapat ramai orang kurang upaya atau orang cacat yang mengadu tentang kemudahan-kemudahan yang ada di tempat awam adalah tidak mengambil perhatian kepada mereka. Disebabkan kecacatan daripada segi fizikal, mereka tidak dapat menggunakan infrastruktur atau kemudahan yang ada dengan sepenuhnya. Sebagai contohnya, terdapat tandas awam yang tidak disediakan untuk orang cacat dan tiada tanda-tanda yang dapat dikenali oleh orang yang cacat dari segi penglihatan di dalam lif.

Selain itu, tiada tempat yang dikhususkan kepada mereka, sekiranya mereka ingin membuat bayaran di tempat awam seperti di pejabat pos, pusat beli-belah dan sebagainya. Oleh itu, saya ingin mengambil peluang ini menyeru pihak kementerian bahawa adakah pihak kementerian terdapat cadangan yang baik untuk menjaga kepentingan golongan yang cacat atau orang yang kurang upaya. Ini supaya cadangan ini dapat mendatangkan faedah kepada mereka dan membenarkan mereka menggunakan kemudahan awam dengan sepenuhnya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Bukit Bintang.

**2.41 ptg.**

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian membahas dalam Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Di bawah Butiran 06040 – Jabatan Kebajikan Masyarakat, peruntukan sebanyak RM116,025,700. Tuan Pengerusi, saya ingin membangkitkan masalah OKU dan kemudahan untuk mereka. Saya ingin bertanya kementerian walaupun masalah OKU sudah lama

dibangkitkan dan berulang-ulang dibangkitkan tentang kemudahan untuk mereka seperti laluan memasuki bangunan, bas, LRT dan lain-lain. Beberapa hari yang lalu, OKU ada membuat satu bantahan secara terbuka terhadap kelewatan pengurusan Rapid Kuala Lumpur menyiapkan 100 bas yang ada kemudahan untuk OKU, tetapi sehingga kini masih belum disediakan. Ini menimbulkan kesusahan kepada OKU untuk bergerak dari satu tempat ke satu tempat pada kos yang lebih murah.

Tuan Pengerusi, saya tahu kementerian telah berbuat sesuatu untuk meningkatkan kemudahan dan menggalakkan pihak swasta supaya melakukan sesuatu yang ada mesra OKU, malah menyediakan insentif cukai untuk mereka. Namun kita tahu berapa ramai majikan swasta yang tampil membantu OKU.

Tuan Pengerusi, walaupun negara kita ada kemudahan kelas pertama tetapi ia patut menyediakan kemudahan OKU. Memang sedih kerana ada OKU tidak boleh access bangunan dan lama tunggu di luar serta menanti ada orang untuk membantu mereka. Menanti lama di tepi jalan untuk menaiki bas dan teksi tetapi tiada manusia yang datang membantu mereka. Kita boleh lihat di mana bahagian dalam bandar raya, selain menyeru kementerian supaya peka dan membuat susulan ke atas keputusan dan tindakan. Saya menyeru orang ramai dan swasta supaya peka dan prihatin terhadap golongan OKU yang sentiasa senyum menanti pertolongan.

Tuan Pengerusi, saya ingin tahu bagaimana dan apakah tindakan yang boleh diambil oleh kementerian – Yang Berhormat Menteri ada datang pada petang ini – untuk membantu ibu tunggal yang sangat memerlukan bantuan kerajaan seperti membantu mereka mendapatkan rumah pangsa atau PPR untuk disewa.

Saya difahamkan bahawa permohonan untuk menyewa rumah pangsa awam atau PPR suka diperolehi dan mereka terpaksa menunggu begitu lama, bertahun-tahun, kadangkala permohonan mereka tidak diberi keutamaan.

Tuan Pengerusi, saya berharap permohonan ibu tunggal untuk menyewa rumah pangsa awam atau PPR boleh disokong penuh oleh kementerian Yang Berhormat dan saya ingin tahu bagaimana satu mekanisme antara pihak berkuasa tempatan seperti DBKL dan kementerian Yang Berhormat boleh mewujudkan untuk mempercepatkan semua permohonan ibu tunggal tanpa melalui prosedur yang lama dan sulit. Ada ibu tunggal yang sentiasa berulang alik ke DBKL bertanya permohonan tetapi belum berjaya.

Tuan Pengerusi, merujuk 040800 – Kanak-kanak, peruntukan sebanyak RM45,569,900. Saya ingin tanya apakah tindakan kementerian untuk membantu kanak-kanak terbiar di mana-mana kawasan yang terdedah kepada suasana persekitaran yang tidak sihat seperti sarang pelacuran, mak nyah dan penagih dadah seperti yang berlaku di Lorong Haji Taib.

Saya tidak bersetuju dengan beberapa orang Ahli Parlimen di Dewan ini mengatakan Kuala Lumpur khususnya Bukit Bintang sebagai satu tempat pelacuran yang amat dibimbangkan seperti Pat Pong di Thailand. Walau bagaimanapun kita tidak memandang ringan tentang



masalah sosial ini dengan mengambil kawalan dan juga satu tindakan yang sewajarnya bagi memastikan bahawa masalah ini boleh dikawal dan juga boleh ditangani. Saya ingin tahu sejauh mana pusat asuhan kanak-kanak yang berjaya...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Minta gulung, Yang Berhormat ya.

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** ...mengatasi masalah ini. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri bahawa ini boleh diatasi sebab saya dapat satu aduan tentang di kawasan Chow Kit, Lorong Haji Taib 3 ialah satu *child care center*, Pusat Asuhan Kanak-Kanak yang diuruskan oleh Yayasan Salam, PAKK ini di Chow Kit, saya minta satu penjelasan daripada Yang Berhormat bagaimana boleh membantu mereka untuk menjauhkan diri daripada masalah sosial ini. Sekian, terima kasih.

**Beberapa Ahli: [Bangun]**

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ramai lagi, Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Sri Gading dahulu.

**2.48 ptg.**

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, [Disampuk] salam sejahtera dan selamat petang. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak menyentuh dua perkara. Hendak dikatakan pendek pun, pendek, hendak dikatakan panjang pun panjang. Saya berharap Yang Berhormat Tuan Pengerusi dapat bersabar dengan saya.

Sebelum itu saya hendak ucap tahniah dan syabas Yang Berhormat Menteri ini, satu-satunya menteri yang bersemangat tinggi untuk menjayakan misi negara, [Tepuk] soal keluarga dan soal wanita. Yang terbaik bagi menteri ini bukan sahaja bersemangat tinggi, mengorbankan masa dan tenaga, malahan beliau dalam pemerhatian saya, bekerja dengan hati nurani dan [Disampuk] bekerja dengan perasaannya. Ini yang tidak terdapat pada menteri-menteri lelaki.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Perasaan apa Yang Berhormat? Perasaan keibuan?

**Beberapa Ahli: [Menyampuk]**

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Memang Tuan Pengerusi, saya bersetuju. Beliau sebagai seorang isteri memahami sangat isteri-isteri di seluruh negara, faham sangat dengan hati dan perasaan wanita. Sebagai seorang ibu faham sangat kasih sayang yang mendalam kepada anak-anak dan keluarga.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat belum masuk butiran?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Belum masuk butiran Tuan Pengerusi. [Ketawa] Yang baik harus dikatakan baik Tuan Pengerusi. Di Dewan yang mulia ini, pujian harus diberi kepada mereka yang berhak mendapatnya Tuan Pengerusi.

**Beberapa Ahli: Setuju.**

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Banyak peruntukan yang telah turun ke bawah bagi membantu masyarakat yang kurang berupaya bagi membantu ibu-ibu tunggal, anak-anak yatim, fakir miskin Tuan Pengerusi. Menteri ini Tuan Pengerusi, membuat kebajikan mudah-mudahan.... [Tepuk] amal ibadahnya, khairatnya itu beliau tertulis menjadi wanita ahli syurga. [Tepuk] [Sorak] Amin Yarabil Alamin.

Tuan Pengerusi, saya bercakap tentang perkara Butiran 060500 – Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN). Kita menyokong seluruh gerak kerja hasrat dan peranan yang dimainkan oleh Yang Berhormat Menteri ini hendak menyamakan taraf kedudukan wanita di negara ini supaya setanding dengan lelaki, dan kita memang mendoakan hasrat Yang Berhormat Menteri hendak menentukan 30% wanita dalam negara ini boleh bersama-sama dalam memutuskan dasar, setuju sangat mudah-mudahan tercapai. Tetapi Tuan Pengerusi, wanita yang terpelajar yang kita ingini, wanita yang berkelayakan yang kita ingini, wanita yang mempunyai serba-serbi yang canggih-canggih ini Tuan Pengerusi, ada satu masalah besar iaitu mereka menghidap *cancer* payu dara.

Jadi, apabila mereka ini sudah mencapai begitu baik tahapnya, tetapi apabila sampai kepada tahap mereka dihindangi oleh penyakit *cancer* payu dara, kita akan kehilangan mereka. Dia menjadi kerugian kepada negara, kepada keluarga dan lebih-lebih lagi kepada lelaki, menjadi kehilangan dan kita telah kehilangan Wanita Pertama Malaysia kerana penyakit ini dan penyakit ini menjadi penyebab, pembunuh yang utama kepada wanita moden hari ini. Sebab mengapa terjadi, wallahuallah.

Ini menjadi pembunuh dan ini menjadi ketakutan bagi kita kerana kita akan kehilangan dan kerugian. Wanita pertama kita dihidapi *cancer* payu dara dan wanita pertama belum berganti lagi. Kita lihat betapa ruginya negara ini. Mudah-mudahanlah wanita pertama negara kita akan berganti mudah-mudahan insya-Allah. Ini hakikat. Jadi Tuan Pengerusi, apa peranan Yang Berhormat Menteri Wanita dalam mengatasi perkara ini, apakah ada peruntukan yang besar disediakan, apakah ada langkah-langkah yang lain yang harus agaknya dapat kita sogokkan ke dalam masyarakat kita bagi menghindarkan penyakit yang menjadi pembunuh kepada wanita ini. Saya lelaki Tuan Pengerusi, amat sayang kepada wanita, sayang sangat Tuan Pengerusi. Itu jangan dipertikaikan Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Semua suami sayang isteri Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Saya setuju Tuan Pengerusi, kita bersama-sama Tuan Pengerusi. Jadi, apakah ada langkah-langkah yang konkrit yang diusahakan atau difikirkan, apakah agaknya memerlukan satu peruntukan? Mari, kita di Dewan yang mulia ini akan sedia kerana kalau wanita berkorban untuk lelaki, kita lelaki juga sanggup berkorban untuk wanita. Ini hakikat Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Baiklah Yang Berhormat, mesej sudah sampai kepada menteri, boleh berhenti Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Itu satu. Yang kedua Tuan Pengerusi. Cukup Tuan Pengerusi di situ, kalau tidak saya tambah lagi dia punya hujah-hujah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Kenapa penting sangat penyakit *cancer* payu dara. Saya pun tidak faham macam mana boleh payu, macam mana dara. Tidakkannya dara pula naik ke dada. Saya tidak faham, dara boleh naik ke dada ini saya tidak faham. Agaknya Tuan Pengerusi lebih faham dari saya sebab dia doktor. Payu dara, payu itu bahasa apa pun wallahualam. Kita ini kadang-kadang main turun saja, kadang-kadang pun tidak faham apa yang kita cakap.

Yang kedua Tuan Pengerusi, saya menyentuh tentang Butiran 040000, betul Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi ini tidak percaya saya.

Jangan begitu, detailnya Tuan Pengerusi, Butiran 060400 – Jabatan Kebajikan Masyarakat. Saya tidak akan menipu Tuan Pengerusi kerana Tuan Pengerusi seorang yang jujur dan sifat saya memang sifat jujur sentiasa berada di sanubari saya Tuan Pengerusi, percayalah saya Tuan Pengerusi. Kebajikan masyarakat untuk tahun 2007 diperuntukkan insya-Allah boleh dibelanjakan terus, dibelanjakan habis RM116 juta... sen itu tidak usah ceritalah Tuan Pengerusi. Sedangkan kerajaan menghabiskan wang memperuntukkan wang sebanyak - ini perbandingan, kerajaan memperuntukkan untuk memperbaiki kereta-kereta kerajaan setahun RM300 juta. Memperbaiki kereta ada satu *company* namanya saya tidak hendak sebut di sini....

**Beberapa Ahli: [Menyampuk]**

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** ... RM300 juta setahun hendak menghidupkan manusia, hendak membantu manusia, hendak memberikan masa hadapan manusia, hendak memberikan pendidikan kepada manusia, hendak memberikan kebajikan kepada manusia RM116 juta. 50% pun tidak sampai Tuan Pengerusi, maka itu Yang Berhormat Menteri yang jelita ini...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sampaikan maksud Yang Berhormat, habiskan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Saya habiskan, tetapi 'menteri jelita' ini jangan dipotong dengan saya punya .... kami menyokong Tuan Pengerusi, kami menyokong Yang Berhormat Menteri supaya carilah satu jalan bagaimana hendak menambah peruntukan ini, Yang Berhormat bagi Padang Terap.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Padang Terap, ringkas.

**Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Saya bersetuju dengan pendapat dan saranan oleh Yang

Berhormat bagi Sri Gading tentang peruntukan yang dianggap sedikit diberikan kepada kementerian ini. Yang Berhormat setuju atau tidak dengan saya tanggungjawab untuk memberi bantuan kepada orang miskin, orang kurang upaya juga diberi kepada kerajaan negeri. Kerajaan negeri tidak mempunyai wang yang banyak untuk mengeluarkan bantuan bagi mengatasi masalah ini. Kita serahkan seratus peratus bantuan ini diambil alih oleh Kerajaan Pusat untuk memberi bantuan secukupnya kepada orang kurang upaya ini di setiap negeri, terima kasih Tuan Pengerusi.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Padang Terap. Saya pun sebelum jadi Ahli Parlimen, jadi Menteri Kebajikan, macam Dato' inilah, cuma dia di Federal, saya di negeri. Memang kerajaan negeri pun ada bantuan. Tetapi macam kata Yang Berhormat bagi Padang Terap tadi, tidak berapa sangat sen dia, tidak cukup. Jadi, itu sebabnya supaya jangan kita pening-pening kepala, jangan kita susah-susah, jangan kita menuding sana menuding sini masalah yang harus kita perjuangkan harus selesai, kita minta menteri pada masa akan datang, agaknya tahun 2008, tambah peruntukan, jangan takut-takut mohon peruntukan berkali ganda untuk kita salurkan kepada ibu tunggal, orang miskin, anak yatim piatu, supaya benar-benarlah orang yang hendak kita bela ini mendapat pembelaan yang sewajarnya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Habislah Yang Berhormat, cukuplah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Jadi Tuan Pengerusi, saya taat kepada Tuan Pengerusi. Saya harap Yang Berhormat Menteri akan terus bekerja dengan gigih, kami di sini sentiasa memberikan sokongan, saya menyokong Tuan Pengerusi.

**Beberapa Ahli: [Bangun]**

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Ketereh.

**3.00 ptg.**

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang. Saya ada tiga butiran untuk diambil perhatian oleh Yang Berhormat Menteri. Yang pertamanya mengenai 040000-Kebajikan Masyarakat. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Sri Gading yang telah menyatakan bagi pihak kita bahawa kementerian ini adalah satu kementerian yang sentiasa mendapat restu, rahmat dan pahala daripada Allah kerana bantuannya adalah *direct* kepada orang yang sepatutnya menerima. Mudah-mudahan pahala ini bukan sahaja dapat kepada Yang Berhormat Menteri tetapi juga dapat kepada kita yang bekerjasama dengan Yang Berhormat Menteri, insya-Allah.

Kebajikan masyarakat tajuknya. Saya hendak *extend* apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat bagi Padang Terap tadi iaitu bantuan kebajikan masyarakat ini ada dua. Satu yang negeri, satu yang pusat. Macam saya di Kelantan, saya tidak tahulah di negeri lain, ia jadi terlalu *politicking* sehingga bila bantuan daripada kerajaan negeri yang sebahagian kecilnya juga ambil peruntukan daripada Kerajaan Pusat, dia akan salurkan melalui kerajaan negeri dan melupakan

langsung kita - Parlimen. Tetapi bukan kita hendak berebut bagi, tetapi soal pembahagiannya dan pemilihannya sedangkan ianya dipilih oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat yang berada di bawah naungan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Sebab itu saya berpendapat tidak perlu ada dua bantuan ini. Bantuan negeri kad merah, bantuan pusat kad biru. Bantuan negeri sekian banyak - sedikit, bantuan pusat banyak ini. Sesetengahnya ambil yang Kerajaan Pusat bagi kepada kerajaan negeri.

Akhirnya kita tahu penerima bantuan cacat ini, ini negeri punya, ini pusat punya. Seolah-olah macam tidak ada penyatuan. Pada saya bantuan kebajikan masyarakat seharusnya dengan izin *cross the boundary of politics*, bangsa, agama dan lain-lain. Sebenarnya PAS yang mengajar ini. Yang Berhormat bagi Pasir Mas kata UMNO ajar tetapi saya tahu. Sebenarnya jangan usik sarang tebu. Saya Pengerusi MAYANG Parlimen Ketereh. Ahli MAYANG saya itu adalah ADUN Kadok PAS. Saya lantik ahli, orang lain mungkin tidak lantik, saya lantik dan dia tidak pernah datang mesyuarat. Saya minta supaya penyampaian bantuan ini untuk negeri dan pusat diadakan bersama. Saya tak pergi pun tak apa. Penggawa bagi tetapi pegawai kebajikan masyarakat daerah saya kata, "Tak boleh Yang Berhormat, tak boleh. Ini kerajaan negeri punya, mati saya. Saya pegawai kerajaan negeri". Sampai begitu sekali. Kenapa ini berlaku? Kerana terlalu besar perbezaan politik ini. Pada saya politik hanya sewaktu pilihan raya.

**Beberapa Ahli Pembangkang:** Ya!

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Selepas pilihan raya, kita kena berhenti daripada berpolitik yang begitu besar. Sebab itu saya tadi hendak keluar tajuk sedikit, saya tak setuju ada sekolah rendah jenis kebangsaan Cina. Saya setuju ia jadi sekolah rendah jenis kebangsaan Mandarin. Sebab sekolah rendah jenis kebangsaan Tamil, bukan sekolah rendah jenis kebangsaan India. Kenapa guna perkataan Cina? Kenapa tidak dijadikan sekolah rendah jenis kebangsaan Mandarin. Bahasa pengantarnya yang penting, bukan bangsanya. Bukan bahasa Cina, bahasa Mandarin adalah bahasa Cina, *mainnya*. Seperti juga bahasa Tamil. Sekolah rendah jenis kebangsaan Tamil. Kita tak panggil sekolah rendah jenis kebangsaan India. Sekolah rendah jenis kebangsaan Inggeris. Kita tak kata sekolah rendah jenis kebangsaan British. *But* itu bukan tajuknya. Maksud saya kita kena pecahkan perasaan ini supaya kita dapat membantu orang miskin.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Yang Berhormat bagi Seputeh, sokonglah Yang Berhormat.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Terima kasih. Itu butiran yang pertama. Butiran yang kedua 040300-Kaunseling dan Psikologi. Yang menyedihkan saya, saya tengok di Kuala Lumpur di bahagian saya ada satu kumpulan manusia yang saya rasa tertinggal iaitu orang-orang yang tidak OKU, tetapi dia ini kurang siuman tapi berkeliaran di bandar. Rambutnya tak terurus, kadang-kadang baju tak pakai dan yang telanjang pun ada. Hendak kata

orang gila, dia kata dia tak gila. Mungkin dia gila-gila. Tetapi saya hendak tahu apakah ini di bawah kementerian....

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Jarang orang gila cakap dia gila, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Dia gila?

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Memang jarang orang gila cakap dia gila.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Dia gila. Dia gila banyak jenis gila, Tuan Pengerusi. Ada gila politik, ada gila bersyarah, ada gila perempuan, ada 4,000 jenis gila. Gila air, gila talak dan macam-macam jenis gila. Ada seorang gila di kawasan saya dia boleh sebut dalam masa lima minit seribu jenis gila. Tapi saya hendak tahu orang macam ini duduk bawah Kementerian Kesihatan kah, duduk bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sebab Butiran 040300 ini tentang kaunseling dan psikologi. Saya tahu Jabatan Kebajikan Masyarakat ada satu tempat di Johor. Tapi di Johor sahaja, bagaimana di negeri lain? Saya hendak mencadangkan supaya Jabatan Kebajikan Masyarakat mengambil perhatian kepada kumpulan orang ini sebab orang ini juga adalah rakyat Malaysia yang perlu diberi perhatian dan mendapat bantuan sepertimana yang kita harapkan.

Akhir sekali butiran saya mengenai 020000-Pembangunan Wanita atau 030000-'Latihan Pembangunan Sosial'. Yang ini kita menghadapi masalah dengan ramai orang yang memikirkan selalu bercakap mengenai *gender equality*. Saya berpendapat *misconception* dengan izin, salah faham mengenai *gender equality* ini berlaku di kalangan lelaki dan juga di kalangan perempuan. Saya berpendapat kejadian wanita itu sebenarnya, wanita ini adalah amanah daripada pencipta, daripada Allah (tuhan orang Islam), pencipta tuhan agama orang lain kepada lelaki. *Eve* atau hawa dijadikan sebagai *companion* kepada Adam. Itu adalah amanah kepada Adam untuk menjaganya. Kemudian Islam atau universal *value* meletakkan bahawa wanita ini harus dijaga oleh lelaki.

Tetapi akhirnya timbul satu 'Gerakan *Women Sleep*' yang meminta supaya perempuan ini sama dengan lelaki. Pada saya antara lelaki dan perempuan, ada masanya perempuan itu jauh darjatnya lebih tinggi daripada lelaki. Tetapi ada masa dalam keadaan-keadaan tertentu pula lelaki itu terpaksa melebihi lelaki seperti firman Allah [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] "Aku jadikan lelaki itu fizikalnya jauh lebih kuat daripada perempuan". Kita tak boleh hendak mengadakan pertandingan karate antara wanita dengan lelaki. Tak boleh sebab itu tak adil tetapi kita boleh mengadakan pertandingan-pertandingan lain seperti sekolah dan sebagainya.

Jadi saya hendak minta kementerian ini supaya memberi fahaman yang jelas kepada golongan ini iaitu golongan yang cuba hendak menyamakan. Sebenarnya ia ada sama dan ada tidak supaya dia betul-betul faham apa itu fungsi kejadian wanita, apa itu fungsi kejadian lelaki. Kerana tak faham inilah maka timbul gerakan kononnya *women sleep* lah, *gender equality*, orang

lelaki menganiaya perempuan. Sebab dunia hari ini menghadapi dua masalah besar kepada orang Islam. Orang Islam, Tuan Pengerusi pun tahu dilihat sebagai pengganas. Itu *misconception* yang pertama, yang harus diperbetulkan tanggapan salah barat. Yang kedua, Islam dilihat sebagai penindas kepada kaum wanita sedangkan kebebasan yang pertama kepada wanita ini diberikan oleh Islam kepada wanita. Tetapi kerana tidak faham asas tujuannya, kaedahnya dan kejadiannya, maka kita katakan begitu dan kebetulan pula ada mereka dari kalangan lelaki yang mengambil *take advantage* dengan izin, daripada kelemahan ini untuk mencari kesempatan diri mereka.

Jadi sudah sampai masanya Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di bawah peruntukan ini memberi penerangan yang jelas apa itu peranan wanita, apa itu peranan lelaki supaya kita tidak berebut-rebut dan bergaduh dalam soal-soal yang sungguhpun besar tetapi ianya merosakkan sebegini. Terima kasih.

**Beberapa Ahli:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ramai lagi. Yang Berhormat bagi Sungai Petani.

**3.08 ptg.**

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat tetapi tak ramai wanitalah.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Jangan bisinglah, giliran akan dapat. Pertama sekali ialah saya juga seperti sahabat saya Yang Berhormat bagi Sri Gading iaitu kami memberi pujian dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang bekerja keras untuk menjayakan segala macam program khususnya Program Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Tahniah Yang Berhormat.

Saya hendak bangkitkan di sini hanya beberapa perkara butiran di sini mengenai dengan 010000-Pengurusan dan Perancangan Dasar yang mana saya rasa adalah sampai pada masanya bahawa kementerian ini berperanan begitu luas dalam membangunkan masyarakat dan juga keluarga. Oleh itu, saya pohon kepada kementerian ini supaya mendapatkan peruntukan yang lebih besar untuk pengambilan kakitangan dalam pengurusan sebab kalau di kawasan-kawasan tertentu, di daerah misalnya kita dapati amat berkurangan pegawai yang hendak mengendalikan program-program yang dijalankan oleh pihak kementerian.

Oleh itu saya ingin tahu penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, berapakah pengambilan yang akan dilakukan pada tahun hadapan di mana kita lihat cukup ramai daripada mahasiswa-mahasiswi kita yang sekarang ini memikirkan untuk datang berkhidmat dengan pihak kementerian. Oleh itu saya amat berterima kasih kalau Yang Berhormat dapat menyatakan kepada kita tentang pengambilan pegawai-pegawai ini pada tahun hadapan. Janganlah tunggu

sampai bila dekat dengan pilihan raya baru kita hendak mengambil pegawai-pegawai tadi. Jadi saya pohon kepada Yang Berhormat untuk melakukan perkara yang demikian.

Perkara dalam butiran yang kedua ialah tadi telah dibangkit oleh Yang Berhormat Ketereh, kebajikan masyarakat yang khusus kepada Butiran 040300, Kaunseling dan Psikologi. Di sini juga saya berharap pihak kementerian dapat memperuntukkan wang yang lebih besar untuk mengambil pegawai-pegawai yang benar-benar tahu dalam bidang kaunseling dan psikologi, malah kita tidak ada memperuntukkan pegawai yang khusus dalam bidang kaunseling dan psikologi untuk menasihatkan sekiranya nasihat diperlukan. Saya percaya ini telah dijalankan oleh Jabatan Agama misalnya dari segi kaunseling kepada keluarga. Tetapi mengapa tidak, pihak kementerian Yang Berhormat juga mengambil alih tentang soal kaunseling dan juga psikologi, begitu juga selanjutnya untuk membawa semacam kesedaran di kalangan masyarakat mengenai dengan kesihatan mental.

Baru-baru ini kita dapati kesihatan mental amatlah diperlukan oleh masyarakat di mana kempen-kempen harus dilakukan, jika tidak inilah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ketereh tadi, macam-macam masalah yang kita tahu hari ini masalah psikologi di kalangan keluarga amatlah besar sekali. Misalnya tentang cerai-berai, misalnya anak-anak muda lari daripada rumah, kemudian soal yang kita bangkit tadi mengenai dengan pelacuran dan sebagainya. Mengapa tidak soal ini saya minta Yang Berhormat Menteri, mengambil pegawai-pegawai ataupun orang yang benar-benar berminat dalam bidang ini.

Saya percaya kita tidak ketandusan orang-orang dalam bidang kaunseling dan juga psikologi di seluruh negara. Apatah lagi universiti-universiti tempatan banyak mengendalikan kursus-kursus ini. Kalau pun tidak ada sangat, mengapa tidak menghantar pegawai-pegawai yang senior dalam kementerian Yang Berhormat untuk mengikuti kursus-kursus jangka pendek mengenai dengan psikologi dan kesihatan mental.

Seperkara lagi yang saya ingin juga bangkit iaitu mengenai dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sri Gading tadi, saya juga ingin menyertai dalam perbincangan ini iaitu Jabatan Kebajikan Masyarakat kita, Butiran 060400. Saya rasa peruntukan ini amatlah terlalu kecil kalau kita hendak bandingkan dengan peruntukan-peruntukan di kementerian yang lain, mengapa tidak pihak kerajaan saya berharap kebijaksanaan Yang Berhormat untuk pohon lebih banyak lagi peruntukan bagi Jabatan Kebajikan Masyarakat terutama sekali kalau kita lihat bukan sahaja di kementerian, di tiap-tiap buah negeri itu ia memerlukan peruntukan yang begitu besar.

Jadi saya percaya, Yang Berhormat Menteri kita, dapat mengajukan pengunjuran ini kepada pihak yang berkenaan untuk mendapat peruntukan yang lebih. Kalau RM116,025, 700 saya rasa tidak mencukupi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, habiskan Yang Berhormat.



**Dato' Mahadzir bin Mohd Khir [Sungai Petani]:** Dan inilah yang saya katakan lagi sekali, saya berharap juga dalam Jabatan Kebajikan Masyarakat ini peruntukan-peruntukan yang lain iaitu yang mana kalau kita lihat hari ini peningkatan warga emas yang mana, saya tidak tahulah, yang ini bagaimana Yang Berhormat hendak lakukan, saya serahkan kebijaksanaan ini kepada Yang Berhormat, yang mana saya lihat ramai daripada penduduk di kampung-kampung hari ini, saya telah menjalankan beberapa program.

Saya dapati ramai warga emas ini, yang ada anak tetapi tidak layak untuk mendapat peruntukan jawatan Kebajikan Masyarakat tetapi apakah kita hendak biarkan mereka begitu sahaja. Oleh yang demikian, saya berharap kelonggaran daripada segi syarat-syarat yang begitu ketat dapat dilonggarkan kerana saya lihat untuk kita menurunkan kemiskinan sifar tadi, dia bermula daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat. Saya tengok dari semasa ke semasa kenapa dia meningkat?

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Habiskan Yang Berhormat ya.

**Dato' Mahadzir bin Mohd Khir [Sungai Petani]:** Peningkatan ini, akan memburukkan lagi keadaan kemiskinan di kampung-kampung. Oleh itu saya berharap benarlah Jabatan Kebajikan Masyarakat dapat diperuntukkan dengan peruntukan yang lebih, saya berharaplah ini dapat dilakukan secepat mungkin dan Yang Berhormat sendiri boleh bawa ini ke Kabinet dan minta merayu kepada Kementerian Kewangan Malaysia supaya ditambahkan sedikit lagi. Kalau RM116 juta ini,..memang tidak cukup!

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat, cukup, cukup Yang Berhormat.

**Dato' Mahadzir bin Mohd Khir [Sungai Petani]:** Saya percaya Yang Berhormat ini.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah Yang Berhormat, fahamlah itu dia.

**Dato' Mahadzir bin Mohd Khir [Sungai Petani]:** .....macam tadi Yang Berhormat Sri Gading kata, pohon. Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya ucapkan ribuan terima kasih kerana beri peluang kepada saya. Terima kasih daun keladi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ampang.

**3.16 ptg**

**Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Seperti Sri Gading saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana kementerian ini merupakan salah satu kementerian yang betul-betul bekerjasama dengan wakil-wakil rakyat bagi memastikan bantuan sampai kepada akar umbi. [*Tepuk*] Saya ingin berucap ringkas sahaja, yang pertama ialah Butiran 040900 iaitu Warga Tua dan Keluarga. Tuan Pengerusi, kita semua tahu oleh kerana dasar-dasar kerajaan yang begitu baik, dasar-dasar kesihatan, kebajikan dan sebagainya maka kita lihat jangka hayat penduduk Malaysia ini semakin meningkat, terutamanya

di kalangan wanita di mana jangka hayat wanita melebihi lelaki kalau tidak silap saya, puratanya ialah 79 tahun.

Oleh itu, kita melihat bahawa ramai warga-warga emas, wanita terutamanya yang berstatus ibu tunggal tetapi dasar kementerian yang mana saya juga setuju, bahawa dasar kementerian keutamaan diberikan kepada ibu-ibu tunggal yang masih produktif, yang masih mempunyai anak-anak kecil dan sebagainya. Maka ibu tunggal warga emas ini agak tidak ketentuan dan tidak ada ketentuan ataupun kepastian tentang bantuan yang harus disalurkan. Maka kita lihat ada sesetengah kes, saya sendiri bila pergi rumah ke rumah dalam program jalinan mesra bersama rakyat, kita melihat setengah ibu tunggal itu dibiarkan dari pagi, warga emas ini dari pagi sampai malam kerana anaknya bekerja tidak mampu untuk menggaji orang gaji, maka ditinggalkan bagi makan awal pagi, malam balik baru dapat makan lagi sekali. Saya sendiri melihat beberapa kes seperti ini.

Kita juga faham bahawa pendirian kementerian untuk tidak menggalakkan menghantar warga emas kepada pusat-pusat jagaan di atas dasar untuk menyemarakkan masyarakat penyayang, ini satu konsep yang cukup bagus tetapi apa yang saya ingin minta di dalam Bajet 2007 ini supaya diadakan seperti tadika tetapi untuk warga emas, *Day Care Center* dengan izin yang mana warga-warga emas ini tidak perlu tinggal di situ tetapi sebagai pusat jagaan harian semata-mata.

Yang kedua ialah Butiran 041100, iaitu Pembangunan Sosioekonomi dan Bantuan. Kita berterima kasih kerana kerajaan mengenal pasti orang-orang miskin dan diberi bantuan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat. Walau bagaimana pun yang membimbangkan saya, selaku wakil rakyat di kawasan bandar, saya rasa Yang Berhormat Menteri juga faham kerana beliau juga wakil rakyat di kawasan bandar ialah tidak dibezakan bantuan itu. Yang mana paras kemiskinan sebenarnya di bandar itu angkanya itu jauh lebih tinggi.

Maknanya jika kita tidak boleh membandingkan *apple to orange* dengan izin. Di mana kos sara hidup yang begitu tinggi di bandar, maka kita lihat kemiskinan di bandar ini menjadi satu fenomena yang agak membimbangkan dan kita dapati bahawa apabila orang susah di kawasan luar bandar mereka pindah pula ke bandar maka lebih ramai orang yang menjadi mangsa kemiskinan bandar. Jadi saya harap supaya program yang di namakan Program Pembangunan Sosioekonomi ini pihak kementerian dapat menerangkan apakah bentuk jangka panjang perancangan supaya mereka ini tidak bergantung kepada wang kebajikan sahaja.

Apakah bentuk jangka panjang perancangan supaya mereka ini dapat berdikari dan mereka ini tidak merasa sempit di dalam arus pembangunan bandar dan juga saya terpaksa tidak hendak menegur bahawa kadang-kadang bantuan bulanan tidak tetap. Bantuan bulanan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat tidak tetap dan apabila katalah dalam tiga bulan kemudian baru dapat, jumlah yang dia dapat itu bukan kali tiga tetapi pada kadar pada bulan itu sahaja.

Sekian sahaja saya mengucapkan terima kasih. Saya mohon menyokong.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa dahulu.

### 3.21 ptg

**Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya akan bercakap pertama sekali di bawah Butiran 02000 – Pembangunan Wanita, yang kedua di bawah Butiran 010300 – Pengurusan Sumber Manusia dan Butiran 06000 – Kebajikan Masyarakat.

Tuan Pengerusi, di antara menteri-menteri yang saya kagumlah yang boleh diharap ialah menteri yang ada di hadapan kita ini, walau pun wanita tetapi kerjanya keras [*Di sorak*] [*Dewan riuh*]

Sebab itu saya mencadangkan beberapa perkara yang saya rasa walau pun tidak tepat sangat dengan tugas kementerian ini tetapi ada kaitan yang sangat tepat. Pertama sekali mengenai lebih daripada 200,000 lepasan SPM yang menganggur sekarang ini. Saya minta supaya kementerian ini dapat menjadi *lead agency* ataupun menjadi pelopor kepada menubuhkan industri pengasuhan dan pembantu wanita atau pembantu rumah.

Kalau kita dapat asuh 100,000, kita dapat mengurangkan import pembantu rumah daripada Filipina, Indonesia dan lain-lain sebanyak 100,000. Kalau kita katakan Kementerian Sumber Manusia nampaknya melepasi tangan. Dia mengharapkan semua ini dijalankan oleh pihak swasta. Sebagaimana di Indonesia dijalankan oleh pihak swasta.

Tetapi saya tidaklah 100% meminta kementerian ini bertanggungjawab tetapi menjadi *lead agency* untuk menubuhkan satu industri baru bagi yang ada kaitan dengan wanita dan juga mengurangkan masalah-masalah wanita.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, kalau bercakap tengoklah Tuan Yang di-Pertua, hanya tengok Yang Berhormat Menteri sahaja mengapa? [*Dewan riuh*]

**Seorang Ahli:** Janganlah cemburu.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Kalau menteri itu cantik apa hendak buat?

**Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]:** [*Ketawa*] Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Menteri cantik apa hendak buat?

**Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]:** Tarikan itu sangat kuat [*Ketawa*] [*Di sorak*]

Yang kedua Tuan Pengerusi, saya sangat bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Ketereh di bawah Butiran 040600 – Kebajikan Masyarakat.

Saya bersetuju pada dasarnya supaya mengurangkan *politicking*. Pegawai-pegawai yang ada di negeri-negeri ini ialah pegawai pusat kerana kebajikan masyarakat ialah satu jabatan

yang sama iaitu *concurrent department*. Pegawainya, pengarahnya sampai kepada daerah adalah Kerajaan Pusat melantik.

Saya yakin bahawa pihak atasan ini tidak main politik sama ada pihak Barisan Nasional atau PAS tetapi di bawah sangat main politik, sehinggakan buku bantuan bila persekutuan, dia taruh gambar dacing. Kenapa tidak taruh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat. Lambang di buku sendiri ialah lambang dacing.

**Seorang Ahli:** Masjid pun ada dacing.

**Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]:** Soal masjid lain. Soal hendak bagi bantuan ini, yang penerima ini gambar dacing. Jadi kita yakin kalau dapat dibagikan, dikurangkan ini dan diagih bersama dalam pembahagian ini di antara pihak negeri dengan pihak pusat yang disampaikan oleh pihak mana-mana Wakil Rakyat sama Barisan Nasional ataupun PAS, saya rasa kita boleh mengurangkan politik.

Pegawai-pegawai ini saya rasa saya yakin mereka tidak akan main politik pegawai-pegawai ini. Tetapi yang mainnya ialah sama ada penghulu, ketua kampung ataupun JKKK. Ketua kampung itu bagi pihak kerajaan negeri, PPM ini bagi pihak Kerajaan Pusat. Dia ada dua ketua kampung Tuan Pengerusi. Ini yang menjadi masalah.

Yang ketiga Tuan Pengerusi, saya hendak bangkitkan masalah wanita mualaf iaitu wanita yang memeluk Islam sama ada secara kahwin atau kerana sebab berkahwin atau lain-lain ramai diceraikan dan merana. Sebahagiannya balik kepada agama asal mereka atau keluarga asal mereka. Saya minta perhatian yang sangat-sangat daripada kementerian ini supaya melihat perkara ini dengan penuh tanggungjawab supaya dapat diselamatkan.

Jabatan Kebajikan Masyarakat ini juga saya harap bahawa perlunya ada pangkalan data. Saya tengok Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Sri Gading dan Sungai Petani mencadangkan supaya ditambah peruntukan. Saya rasa boleh ditambah tetapi kementerian ini mesti mempunyai pangkalan data yang cukup *sophisticated* setiap negeri, berdasarkan ini saya rasa Kabinet meluluskan bantuan kepada kebajikan ini. Sekian Tuan Pengerusi, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Bera.

### 3.26 ptg

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada satu sahaja Butiran 041000 – Kurang Upaya. Sebelum itu saya hendak mengucapkan setinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana janji Yang Berhormat Menteri untuk meluluskan PDK Purun di tempat saya telah pun diluluskan. Terima kasih Dato' Seri.

Saya ucapkan tahniah kepada pihak kementerian dan juga Semai Bakti kerana menubuhkan PDK-PDK yang merupakan usaha yang amat murni sekali. Tetapi saya rasa fokus bagi pandangan saya fokus mesti diberikan kepada PDK kerana masa depan anak-anak cacat ini, anak-anak OKU ini sangat bergantung kepada PDK ini. Saya tidak boleh bayangkan bila

melihat anak-anak PDK dan anak-anak OKU di tempat saya - saya mempunyai empat PDK yang berada di PDK saya tidak boleh bayangkan masa depan mereka kalau ibu bapa mereka sudah tiada, PDK amat penting bagi mereka.

Walau bagaimanapun, terdapat banyak kekurangan di dalam PDK yang perlu diberikan perhatian. Misalnya kekurangan peralatan sama ada peralatan di dalam kelas untuk belajar dan juga peralatan permainan di luar kelas tidak ada. Mereka terpaksa memohon daripada Ahli-ahli Yang Berhormat misalnya untuk membantu mereka mendapatkan peralatan di dalam kelas dan di luar bilik darjah. Perkara ini mesti diberikan perhatian.

Yang kedua yang lebih penting ialah kekurangan guru-guru pakar, di luar bandar terutamanya. Saya difahamkan tidak ada masalah sangat di bandar tetapi di luar bandar. Misalnya guru bagi anak-anak bisu dan pekak. Tidak ada guru yang boleh mengajar bahasa isyarat misalnya. Yang ada guru-guru biasa dengan tidak adanya guru yang tidak boleh mengajar bahasa isyarat bermakna anak-anak OKU yang belajar di PDK tadi hanyalah bermain bersama kawan-kawan tetapi tidak mempunyai kepandaian kerana mereka tidak mampu memahami apa yang diajar dan mereka juga tidak boleh mendengar, jadi guru-guru pakar seperti bisu dan pekak mesti diwujudkan di kawasan-kawasan PDK di luar bandar.

Saya merujuk juga kepada masalah guru. Tadi masalah anak-anak, sekarang masalah guru. Saya sudah bangkitkan di sini dan perkara ini telah pun diberi perhatian tetapi masih belum ada tindakan lagi. Mungkin ada tindakan tetapi belum ada hasil iaitu gaji guru-guru terlalu rendah. Gaji mereka hanya RM500 guru-guru PDK ini tidak ada elaun dan tidak ada bonus hanya RM500 sebelum ditolak EPF. Gaji bersihnya adalah terlalu kecil. Berbanding dengan guru-guru KEMAS, gaji mereka adalah RM800 dan RM850. Mereka juga adalah guru-guru kontrak tidak tetap dan berpencen. Saya cadangkan naikkan gaji guru-guru PDK sekurang-kurangnya sama dengan KEMAS dan jawatan mereka hendaklah tetap dan berpencen.

Yang Berhormat Dato' Seri, saya faham, Dato' Seri memang prihatin kepada masalah mereka ini.

Bayangkanlah untuk menjaga anak-anak OKU ini lebih susah, kata mereka, berbanding dengan menjaga anak-anak yang belajar di Tadika. Saya sendiri beberapa jam bersama mereka, saya dapat memahami. Melihat bagaimana anak-anak OKU ini kelakuannya kadang-kadang tidak boleh dikawal oleh guru-guru tersebut. Ini mungkin kerana masalah-masalah yang kita tidak faham tetapi guru-guru ini memahami. Jadi mereka minta supaya dinaikkan gaji dan diberikan taraf tetap dan berpencen.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah, Yang Berhormat.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Sikit sahaja. Satu butiran sahaja, Tuan Pengerusi.

Mereka juga memerlukan kursus lanjutan. Sekarang ini kursus disediakan oleh Semai Bakti sahaja. Saya harap pihak kementerian mengambil perhatian untuk memberikan lebih

kursus lanjutan seperti yang dibuat oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar bagi guru-guru KEMAS.

Saya juga memohon supaya diberikan kenderaan bagi setiap PDK sebab anak-anak PDK tidak mampu untuk pergi belajar sendiri. Mereka perlu dihantar dan diambil. Biasanya mereka dihantar oleh ibu bapa mereka. Kadang-kadang ibu bapa mereka mempunyai perkara-perkara lain yang lebih penting dan perlu dibuat pada hari tersebut. Dengan itu anak-anak PDK ini tidak mampu untuk belajar dan akhirnya tidak bersekolah kerana tidak ada kenderaan untuk pergi. Jadi, saya minta supaya diadakan kenderaan bagi mereka.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, bagi anak-anak PDK yang berjaya mereka dihantar ke sekolah khas. Tahniah kepada pihak kementerian kerana mempunyai program seperti ini. Tetapi apakah jaminan masa depan untuk mereka? Misalnya OKU yang ingin mengusahakan bengkel kraf tangan ataupun bengkel membaiki barang-barang elektrik misalnya. Mereka hendak menjadi usahawan. Bagaimanakah mereka hendak mendapatkan bantuan? Bank? Bank tidak ada peruntukan khas untuk membantu OKU.

Saya berharap supaya pihak kementerian mewujudkan bantuan khas untuk membantu OKU yang ingin menjadi usahawan sama ada peruntukan khas diberikan oleh kerajaan melalui kementerian ataupun mendapatkan persetujuan bank supaya diperuntukkan peruntukan khas untuk membantu OKU di sini.

Saya juga meminta supaya dikenal pasti pekerjaan yang bersesuaian mengikut kemampuan OKU, supaya lebih mudah untuk kita hantar OKU bekerja. Saya hendak ambil contoh, Tuan Pengerusi. Misalnya pengutip tol - pekerja yang di dalam tol, saya rasa tidak perlu orang yang sempurna duduk di dalam tol untuk mengutip duit dan mengeluarkan resit. Mengapa tidak kita berikan kepada OKU yang cacat anggota kaki misalnya. Tidak ada kaki tetapi mereka boleh duduk di kerusi dan masih boleh menggunakan tangan dan pemikiran mereka untuk menerima wang daripada pembayar tol dan mengeluarkan resit kepada pembayar tol. Inilah contohnya supaya kita kenal pasti apa yang sesuai untuk mereka, supaya lebih senang menyediakan pekerjaan untuk mereka.

Saya amat berharap supaya pihak Yang Berhormat Menteri dapat memastikan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam supaya memastikan ada peratusan khusus untuk mengambil OKU bekerja. Contohnya, di setiap perkhidmatan awam ada 5% OKU yang bekerja. Bagi saya OKU lebih memerlukan kerajaan dari segi soal bekerja ini. Kalau tidak mereka akan ketinggalan.

Akhirnya saya berharap dan meminta supaya pihak kementerian berbincang dengan pihak Majlis Tempatan, Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah supaya semua bandar di negara kita mesra OKU kerana saya lihat tandas-tandas OKU tidak ada di mana-mana. Rem-rem untuk naik ke kaki lima tidak ada. Misalnya perkhidmatan bas di Kuala Lumpur yang baru-baru ini keluar di TV 3 tidak ada mesra OKU dan sebagainya.

Jadi, Yang Berhormat Menteri dan Tuan Pengerusi saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

**3.34 ptg.**

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hendak menyentuh beberapa butiran. Saya rasa kementerian ini akan menghadapi satu cabaran yang baru iaitu keluarga yang dilanda oleh HIV positif sama ada anaknya ataupun isterinya kerana kini kita mendapati ada satu trend di mana wanita yang menghidap HIV ini semakin meningkat.

Ini adalah trendnya. Ia akan semakin meningkat. Saya tidak tahu sama ada kementerian Yang Berhormat Menteri telah bersedia untuk menghadapi cabaran ini. Bagaimanakah kita akan dapat memberikan bantuan kepada anak-anak yang mungkin akan menjadi anak yatim kerana ibu bapanya telah mati kerana AIDS. Saya telah memantau bahawa peruntukan untuk rumah kanak-kanak telah bertambah. Saya tidak tahu sama ada ini adalah salah satu sebabnya. Tetapi saya ingin menyeru supaya dapat membuat persediaan.

Tuan Pengerusi, saya telah memantau bajet untuk Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ini dari tahun 2003 hingga tahun ini. Dahulu ia dipanggil Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga. Sekarang ia ditambahkan masyarakat. Saya juga telah memantau bahawa sumber dan tenaga (*resources*) semuanya telah bertumpu kepada kerja-kerja kebajikan. Saya juga mendapati bahawa kesaksamaan *gender* telah tenggelam. Tidak ada butiran dalam Bajet 2007 untuk program-program bagi mencapai matlamat kesaksamaan *gender*.

Dalam Bajet 2003 kita ada satu butiran iaitu latihan *gender*. Sekarang ini sudah tidak ada dan tidak tahu sama ada program ini masih dijalankan. Kita memerlukan latihan ini kerana baru-baru ini di Pulau Pinang, Yang di Pertua MPPP mengatakan bahawa CCTV di MPPP yang ditumpukan kepada peha seorang wartawan wanita adalah kerana pakaiannya sangat seksi. Saya rasa ini menunjukkan bahawa kita perlu memberi latihan *gender* kepada semua *decision maker* dan saya tidak tahu sama ada kementerian ini masih ada peruntukan untuk program ini.

Saya memantau bahawa di dalam butiran ada pembangunan wanita tetapi tidak ada butiran. Pembangunan wanita ini apa maksudnya? Untuk program apa? Saya tidak dapat melihat apakah program yang konkrit.

Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Ketereh pada pemahaman saya ialah beliau percaya bahawa tidak boleh mencapai kepada kesaksamaan *gender* kerana wanita dan lelaki adalah tidak sama. Saya rasa perspektif inilah yang perlu diperbetulkan kerana Yang Berhormat Menteri dan saya tahu kesaksamaan *gender* bukan maksud kita wanita hendak sama dengan lelaki, tetapi pada hak asasinya kita hendak sama kerana kita semua manusia. Hak asasi manusia kita patut sama. Di hadapan undang-undang kita adalah sama. Jadi, saya rasa ini perlulah diperjelaskan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, khasnya mereka yang tidak faham.

Sejak tahun 2003 matlamat utamanya ialah mencapai kesaksamaan *gender* tetapi pada hari ini matlamat ini bukanlah menjadi matlamat utama. Saya mendapat bahawa kesaksamaan *gender* pun telah tidak menjadi matlamat. Yang menjadi strateginya ialah memastikan perspektif *gender*, keluarga dan kumpulan sasaran yang diintegrasikan dalam penggubalan dasar, perancangan serta pelaksanaan program.

Tetapi bolehkah Menteri menunjukkan kepada saya dalam bajet ini, di manakah ada perspektif *gender* yang saya dapati walaupun kita katakan bahawa pada tahun ini kita sudah hendak melaksanakan *gender analysis of the budget* tetapi saya tidak lihat dalam ucapan bajet Yang Amat Berhormat tidak ada sebut langsung mengenai perspektif *gender*, mengenai *main streaming of the gender*. Walaupun kita ada *committee gender focus point* tetapi saya rasa sampai hari ini saya tidak tahu berapa *meeting*, mesyuarat ia sudah ada.

Saya rasa kita perlu fokus balik kepada objektif ini untuk mencapai kesaksamaan *gender* dan ia perlu adakan satu pejabat atau satu *department* yang khas. Seperti di sini ada satu *department* untuk populasi atau kependudukan, ada satu jabatan untuk kebajikan masyarakat, kita patut ada satu jabatan untuk kesaksamaan *gender*.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Gulung, Yang Berhormat.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Supaya ia tidak ditenggelamkan. Tuan Pengerusi, baru-baru ini kita lihat satu tragedi di mana tiga adik-beradik daripada satu keluarga dibunuh oleh ibu bapa sendiri kerana desakan Along. Ini merupakan satu tragik yang sangat menyedihkan. Kita ada pusat khidmat wanita, sekarang dipanggil Dewan Nur. Apakah peranannya, untuk memberi bantuan kepada keluarga yang dilanda krisis seperti ini.

Mengapa keluarga yang dilanda krisis seperti ini tidak ingat kita ada tempat untuk mendapat bantuan. Kita ada Pusat Khidmat Wanita. Adakah Pusat Khidmat Wanita atau sekarang dikenali dengan Dewan Nur ini memainkan peranan yang sepatutnya. Saya rasa ini tidak sepatutnya berlaku. Ramai yang tidak tahu lagi di mana Pusat Khidmat Wanita, di mana Dewan Nur, apakah perkhidmatan yang diberi kepada masyarakat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, cukup, Yang Berhormat.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Salah satu masalahnya ialah saya rasa kerana pusat-pusat ini ia tidak dikelolakan atau diurus oleh profesional, mereka yang betul-betul tahu kerjanya. Ia lebih digunakan sebagai satu pusat aktiviti untuk wanita, ia bukan untuk *crisis intervention*, di mana pusat-pusat ini patut menjadi *crisis intervention measure* kepada individu-individu, khususnya kanak-kanak dan wanita yang dalam krisis.

Jadi, saya ingin mendapat penjelasan bagaimana.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, cukuplah.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Bagaimana Yang Berhormat Menteri akan meningkatkan keberkesanan pusat-pusat seperti ini.



**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, dengarkah, Yang Berhormat?

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Ya, tetapi ada banyak lagi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah, yang lain pun sama, Yang Berhormat.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Ada banyak lagilah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang lain pun hendak berucap juga. Ya, cukup.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Cukupkah?

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah, sila duduk. Yang Berhormat bagi Tebrau.

**3.44 ptg.**

**Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Tiga minit sahaja.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Matematik tidak luluslah, Yang Berhormat. *[Ketawa]*

**Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]:** Tuan Pengerusi, izinkan saya meminjam puji-pujian yang dihujani oleh rakan-rakan kita tadi kepada Yang Berhormat Menteri. Saya rasa pujian itu memang tepat dan ikhlas. *[Disampuk] [Tepuk]*

Tuan Pengerusi, kita sentiasa mengingatkan generasi muda bahawa warga tua banyak berjasa kepada masyarakat, maka perlu kita membalas budi kepada kumpulan warga tua. Ini di bawah Butiran 040900 – Warga Tua dan Keluarga. Peruntukan RM2,900 juta pada tahun 2007 harus digunakan dengan sebaik-baiknya untuk membantu warga tua yang berjumlah RM1.66 juta yang berumur 60 ke atas. Kerajaan harus lebih proaktif dan berpandangan jauh dalam menyediakan program dan memberi perlindungan kepada keperluan warga tua.

Tuan Pengerusi, mengikut unjuran Bangsa-Bangsa Bersatu, Malaysia akan menjadi *ageing nation*, dengan izin, pada tahun 2035, di mana warga tua yang berumur 65 ke atas akan menjangkau 15% daripada jumlah penduduk negara kita. Izinkan saya kemukakan beberapa langkah untuk membantu warga tua:

- (i) seperti dimaklumkan, satu bilangan besar kakitangan kerajaan yang menerima bayaran persaraan bulanan di bawah RM750.00 sebulan atau di bawah garis kemiskinan purata. Jadi, bayaran persaraan perlu disusun semula supaya kadar bayaran persaraan yang diterima boleh menggambarkan kos kehidupan dan harus *sustainable* ataupun cukup makan bagi kumpulan pesara ini;
- (ii) saya bercadang hospital khas ditubuhkan untuk warga tua supaya mereka tidak perlu menunggu berjam-jam di hospital biasa yang penuh

sesak dengan penyakit-penyakit. Hospital warga tua ini harus berpengkhususan dalam membekalkan rawatan penyakit-penyakit yang berkaitan dengan warga tua;

- (iii) satu kajian *Malaysian Public Health Institute* terkini menunjukkan 82% daripada warga tua kita menderita dengan sekurang-kurangnya satu penyakit kronik. Apabila 13% menderita dengan menghidap tiga ataupun lebih penyakit, 27% ada menghidap darah tinggi, 16% sakit jantung dan 12% diabetes. Selain daripada itu, saya cadangkan kemudahan-kemudahan untuk senaman dan kegiatan fizikal harus disediakan juga untuk menggalakkan warga emas kita kekal aktif secara fizikal;
- (iv) kerajaan harus juga menambahkan pengecualian kadar pengecualian cukai pendapatan bagi penjagaan ibu bapa yang tua dan ameniti awam yang lebih baik perlu disediakan. Misalnya, pusat terapi yang mampu membekalkan pelbagai jenis terapi disediakan untuk orang tua. Ini hanya menunaikan janji kerajaan untuk membentuk masyarakat penyayang;
- (v) kerajaan harus prihatin tentang kesulitan warga tua untuk mendapat bantuan kewangan daripada bank dan syarikat insurans juga telah menutup pintu kepada mereka. Misalnya, bagi pinjaman bank, misalnya untuk membeli kereta; dan juga yang akhir sekali ialah
- (vi) untuk menangani masalah warga tua, satu dasar kerajaan dan juga pelan tindakan perlu diambil untuk warga tua supaya masalah-masalah yang dihadapi oleh warga tua ini diberi perhatian yang munasabah dan kerajaan juga perlu menimbang secara serius dan *with sense of urgency*, dengan izin, untuk meningkatkan umur persaraan ke 60 tahun.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Pasir Mas.

**3.50 ptg.**

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Assalamualaikum w.b.t. Terima kasih Tuan Pengerusi yang telah mengizinkan saya pada petang ini mengambil bahagian sama dalam membincangkan perkara maksud Bekalan 48 - Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Saya rujuk kepada Butiran 010200 dasar wanita. Dasar Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Apa yang saya ingin sebutkan di sini pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih banyak kepada Yang Berhormat Menteri kerana dapat melakukan kerja-kerja yang begini sukar

dan begini membebankan. Tetapi setakat ini Alhamdulillah dapat diceritakan dengan penuh kebajikan dan kebaikan, moga Allah S.W.T memberikan ganjaran pahala dunia dan akhirat, insya-Allah serta memudahkan kerja-kerja bagi menangani masalah-masalah wanita yang merupakan separuh daripada kehidupan dunia ini.

Tentang dasar pembangunan wanita dan keluarga, saya menyebut di sini iaitu, kita sudah ada dasar tetapi dasar ini tidak dibuktikan sebagaimana sepatutnya. Pertama saya menyentuh tentang kerja wanita. Kita melihat kerja wanita yang dilakukan wanita-wanita kita ini tidak kira siang malam dan perkara ini sudah saya sebut dalam ucapan..

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat kita tidak bincang dasar Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Ya bukan bercakap dasar tapi butiran ini, butiran ini ada menyebut dasar. Saya terus kepada butirannya iaitu kerja wanita ini mesti kita hadkan kerana masalah sosial yang berlaku sekarang ini. Kita dapat melihat bahawa bila wanita kerja dengan tidak tentu masanya, pagi, petang, malam, subuh. Oleh yang demikian dasar kerja ini mesti *didetailkan* dan mesti dinyatakan sehingga wanita kita tidak terjebak dengan benda-benda yang tidak baik yang berlaku di negara kita ini.

Contohnya saya minta kepada Kementerian ini supaya mengehendkan kerja misalnya di bulan Ramadan. Di bulan Ramadan wanita ini sepatutnya mereka ada juga di rumah setidak-tidak 2-3 jam sebelum daripada berbuka puasa. Jadi kalau dapat tentukan wanita kita hanya bekerja berapa jam sehari, dua jam daripadanya ataupun tiga jam mereka balik awal, diberi kesempatan dalam bulan Ramadan mereka balik awal sebagaimana di negeri Kelantan. Di negeri Kelantan sekarang ini Alhamdulillah bagaimana wanitanya dan pekerjanya diberi kesempatan balik awal di bulan puasa sehingga mereka dapat menyediakan makanan, menyediakan minuman dan bersama dengan anak-pinak mereka untuk menyediakan bekalan buka puasa. Tengok di Kuala Lumpur ini di waktu kita berpuasa di sini kita dapat melihat bahawa kehidupan wanita khususnya dalam keadaan tidak menentu khususnya dalam bulan Ramadhan.

Saya minta dikaji, apakah wanita ini dilanjutkan masanya sama dengan laki-laki sehingga mereka beli makanan di tepi-tepi jalan yang terdedah dengan penyakit, terdedah dengan debu dan sebagainya. Lagi kalau wanita ini masak sendiri dengan air tangannya sendiri, kan Menteri kita tahu cerita ini. Dia lebih mesra makan bekas isteri, makan bekas tangan isteri rasa kasih sayang. Kerana kita hendak memupuk kasih sayang, kerana kita hendak memupuk kasih sayang bukan daripada hanya 2-3 jam dengan isteri kita, kita memupuk kasih sayang ini berjam-jam.

Kerana itulah Al-Quran menyebut [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*], "Kamu kahwin dengan dia untuk melahirkan 'sakinah' duduk bersama". Bila duduk bersama lama sikit, rasa kasih sayang. Sekarang ini Yang Berhormat Menteri, yang menyebabkan suami hilang punca setengah-setengahnya terpaksa pergi ke Sungai Golok, pergi ke Thailand. Saya tahu...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Buat apa Yang Berhormat?

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Bukan orang Kelantan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Buat apa Yang Berhormat?

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Itulah dia, pergi kahwin dua. Kerana tidak ada kemesraan. Bagaimana hendak mesra kerana isterinya sebahagian daripada... saya tahu saya daripada Pasir Mas. Pasir Mas dengan Rantau Panjang ini terlalu dekat sebenarnya. Saya sentiasa ke Sungai Golok dan bekas imam di Sungai Golok ini adik-beradik kepada saya. Jadi saya tahulah perkahwinan lebih kurang, jadi ramai orang-orang pantai barat yang pergi sana kahwin sana. Tidak ada masalah hendak kahwin itu, tapi hasil daripada tidak ada kemesraan yang Allah S.W.T menyebut [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*], kamu kahwin dengan dia, kamu duduk dengan dia, kamu mesra dengan dia, kamu bergurau dengan dia. Jadi barulah kemesraan, daripada kemesraan itulah [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*], "Rahmat dia pada kita dan kita pada dia dan ada kasih sayang". Bila ada kasih sayang tidak banyak masalah-masalah yang timbul dalam rumah tangga, tidak porak-peranda dan hasil daripada itu anak-anak dapat dikawal, dapat dijaga dan dapat dibelai kasih sehingga mereka dapat keluar dapat menyambung pelajaran mereka kerana universiti dan sebagainya.

Kita kena mengambil pendekatan Al-Quran sebenarnya. Hasil daripada Tuan Pengerusi, kita tinggal Al-Quran, tinggal sunah Nabi S.A.W., saya yakin kalau pendekatan kita melalui Al-Quran, melalui sunah, melalui pandangan-pandangan ulama muktabar, seluruh masyarakat akan merasa aman. Tidak kira masyarakat apa, tidak kira masyarakat Melayu ke masyarakat apa sekali pun, sekiranya kita benar-benar menjadi dasar kita kerana saya setuju benar bahawa kita mesti ada dasar. Dasar tadi menghadkan kerja dia tidak sebagaimana laki-laki.

Yang kedua pula, kerja-kerja yang sesuai, kerja yang tidak sesuai, kita kenal pasti kerja-kerja yang tidak sesuai pada wanita. Takkan lah dia hendak panjat tiang elektrik itu hendak panjat juga. Betul sama rata kita tidak syak. Saya setuju dengan Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam tadi bahawa [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*],...

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan jawatankuasa*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat boleh gulung Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Baru hendak masuk..

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Baru masuk?

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Sebagaimana Tuan Pengerusi juga baru masuk, saya pun baru masuk juga.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya sudah mengikuti ucapan Yang Berhormat. Cukuplah.

**Beberapa Ahli Dewan:** *[Ketawa]*

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Jadi Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam tadi menyebut betul. Manusia ini sama, laki-laki perempuan sama di hadapan, dosa pahalanya sama. Siapa dia yang buat baik, maka dia dapat pahala banyak, siapa dia buat jahat, maka dia mendapat dosa atau mendapat balasan daripada Allah S.W.T.

Yang kedua, dia mempunyai saksama dari segi undang-undang, peraturan. Islam melihat begitu, jadi walau bagaimanapun kita hendaklah meraikan dengan penyesuaian dengan fitrah yang ada pada wanita. Tidak syak dan tidak ragu bahawa fizikal kita berbeza. Laki-laki dijadikan macam huruf 'H', fizikal kita ini macam huruf 'H' sedangkan wanita dijadikan macam huruf 'V'.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat ini semua bawah mana satu butiran?

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Butiran 010200

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Apa itu?

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Dasar pembangunan wanita.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Sebut peruntukan Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Peruntukan lah ini, saya cakap dalam butiran dia. Jadi hendaklah kita meraikan fitrah wanita itu sendiri di waktu kita memilih kerja dia. Perguruan misalnya perlu kepada wanita, kedoktoran perlu kepada wanita, jururawat perlu kepada wanita....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat sekarang masalah itu peruntukkan yang dipohon itu cukup kah?

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Itu yang kita minta supaya menteri buat peruntukkan...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah..

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Dan yang ketiga, satu lagi Tuan Pengerusi iaitu umur pencen, ini penting orang lain tidak sebut lagi Tuan Pengerusi umur pencen. Mengapa kita tidak boleh rendahkan sikit umur pencen jangan sampai 55 tahun....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ini siapa punya kuasa? Ini bukan kementerian..

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Tidak apa kementerian boleh lanjutkan perkara ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, masa kementerian sampai tanya kepada kementerian, cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Jadi saya minta supaya menteri wanita kemukakan juga dalam Jemaah Menterinya supaya umur wanita kerana berkaitan dengan Butiran Tuan Pengerusi. Umur wanita ini bukan 55%...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat itu dasarnya.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Ya ini dasar, saya sebut pun dasar juga ini dalam dasar Tuan Pengerusi. Dan yang terakhir sekali Tuan Pengerusi, saya tidak banyak bercakap, 2-3 hari tidak bercakap jadi bila bercakap banyaklah sikit Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Hendak cakap boleh tunggu tahun depan lah.

**Beberapa Ahli Dewan:** *[Ketawa]*

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Tidak tahu lagi mati bila Tuan Pengerusi. Esok atau lusa kita tak tahu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Itu Tuhan Allah akan tentukan

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Ada satu Tuan Pengerusi, minta maaf ada satu lagi. Iaitu dasar perlindungan kepada wanita, di dalam Butiran ini dasar perlindungan kepada wanita. Pertama sekali kementerian hendaklah mengambil suatu tindakan yang sungguh-sungguh bagaimana menjaga kanak-kanak ini sehingga mereka tidak dijadikan mangsa kepada mana-mana golongan untuk mendapat rezeki yang tidak halal daripada kanak-kanak, daripada wanita-wanita kita yang separuh umur, yang sembilan tahun seperti mana yang dilaporkan. Daripada satu *research* yang di buat oleh UKM, memalukan kita.

Yang kedua perempuan yang ditinggalkan oleh suami sama ada mati ataupun cerai...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat cukuplah, Yang Berhormat sudah berucap 10 minit. Cukuplah

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Cukup sudah? Sayang, ada banyak lagi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak apa, boleh simpan, jangan buang kertas itu. Okey cukup.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Ya, saya hormati Tuan Pengerusi dan saya ucapkan Assalamualaikum.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Kelana Jaya, Yang Berhormat ringkas ya. Apa yang telah dibangkitkan tidak perlu ulang sekali lagi.

### 3.59 ptg.

**Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak sentuh tentang perkara 010000 tentang pengurusan dan perancangan dasar yang juga berkaitan dengan Butiran 040000 khidmat kebajikan masyarakat dan juga OKU - Orang Kurang Upaya.

Tuan Pengerusi, kita menganggarkan dalam negara kita terdapat lebih kurang 1% penduduk adalah orang kurang upaya. Kita dapati di bawah kementerian yang kita bincangkan hari ini bahawa bilangan OKU yang didaftarkan sehingga sekarang adalah 170,445. Kita juga dapati bahawa kementerian ada menyediakan peruntukan untuk membantu OKU menjalani hidup yang lebih selesa kepada mereka yang berpendapatan lebih rendah daripada RM750. Maka sehingga sekarang kita hanya dapati bahawa tahun 2005 cuma ada 11,167 OKU yang menerima

bantuan ataupun elaun pekerja cacat. Maksudnya ada ramai lagi yang tidak dikenal pasti ataupun kita hendak tahu di manakah yang lain-lain itu. Apakah mereka telah bekerja ataupun mempunyai pendapatan yang lebih daripada RM750? Sekiranya tidak ada, apakah mekanisme yang digunakan oleh pihak kementerian untuk membantu OKU itu yang tidak mendapat kerja?

Seperkara lagi tentang OKU ini juga Tuan Pengerusi, kita amat berterima kasih kepada pihak kementerian yang telah banyak membantu OKU dan dua hari yang lepas saya berkesempatan berjumpa dengan 125 OKU kerana atas seruan pihak kementerian untuk membantu mereka. Mereka telah mengutarakan rintihan mereka kepada saya. Mereka katakan bahawa sekarang ini di bawah peruntukan kementerian, ada diberi geran pelancaran untuk mereka menjalankan perniagaan kecil sebanyak RM2,700. Tetapi kalau kita bandingkan dengan kementerian-kementerian lain, peruntukan diberikan sama ada Kementerian Belia dan Sukan ataupun Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, tabung ataupun dana yang diberikan untuk memulakan perniagaan adalah lebih tinggi. Apa yang boleh dibuat oleh OKU ini dengan hanya RM2700? Apa yang boleh dibuat? Sedikit sahaja.

Bukan itu sahaja, walaupun diberi geran pelancaran mereka tidak ada lesen untuk berniaga. Maka saya rasakan oleh kerana Kementerian Sumber Manusia ada mencadangkan agar semua agensi kerajaan mengambil sekurang-kurangnya 1% staf ataupun pegawai dari golongan OKU, maka saya cadangkan kepada kementerian agar sampaikan dan kena buat kertas kerja supaya menteri dapat sampaikan di dalam Kabinet di mana semua PBT ataupun kerajaan tempatan haruslah menyediakan 1% daripada jumlah lesen perniagaan ataupun penjaja diberikan kepada OKU. Kalau ada bantuan geran pelancaran daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat tetapi dia tidak ada lesen untuk berniaga, macam mana? Itu satu perkara.

Yang keduanya Tuan Pengerusi, kita lihat memang sepertimana yang telah dikatakan oleh rakan-rakan dalam Dewan ini bahawa persekitaran pekerjaan dan persekitaran komuniti tidak begitu *user-friendly* dan tidak begitu selesa kepada OKU. Di kawasan bandar khususnya Tuan Pengerusi, di mana OKU harus bergerak dari satu kawasan ke kawasan lain, ada di antara mereka menggunakan kereta. Mereka turun hendak cari *parking*, hendak pergi bayar tiket, ambil tiket dan sebagainya tetapi mesin tiket itu tidak dapat dicapai. Ini kerana tempat kereta terlalu dekat, maka mereka tidak dapat masuk ke tempat untuk mengambil tiket. Maka saya cadangkan agar kementerian juga mengambil perhatian bahawa supaya memberi cadangan kepada kementerian ataupun kerajaan tempatan supaya semua OKU diberi pelekat kereta (*car sticker*) supaya mereka dikecualikan daripada bayaran letak kereta. Inilah perkara-perkara yang saya hendak bangkitkan supaya pihak kementerian dapat mengambil perhatian dan melaksanakannya. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, cukup. Yang Berhormat bagi Lipis.

**4.04 ptg**

**Dato' Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Bagi maksud Bekalan 48 dan Pembangunan 48 ini, saya pertamanya akan bercakap mengenai Butiran 010500 iaitu Pelaksanaan Dasar Sosial Negara. Tuan Pengerusi, dasar ini merupakan satu dasar yang baik dan kita memang berterima kasih kepada pihak kementerian kerana telah mengadakan dasar ini. Hanya apa yang merisaukan saya ialah dasar ini tidak sampai ke peringkat akar umbi dari segi pelaksanaannya dan juga dari segi kejelasan dasarnya. Jadi ini mengakibatkan pelaksana-pelaksana di peringkat akar umbi atau di peringkat bawahan seperti saya percaya penghulu, ketua kampung, pegawai-pegawai kebajikan dan pegawai di pejabat daerah sendiri tidak memahami ke manakah arah tuju dasar ini.

Akhirnya kalau ada mesyuarat mengenai dasar sosial negara ini hanyalah melihat rangka dan kadang-kadang kita bincangkan perkara-perkara yang mungkin juga tidak berkaitan dengan keperluan atau pelaksanaan dasar ini. Jadi apa yang saya harapkan kepada pihak kementerian untuk tahun depan ini sekurang-kurangnya memberi penjelasan yang betul-betul dan yang sejelas-jelasnya terutamanya kepada pelaksana-pelaksana dasar ini agar dasar ini dapat sampai dan berjaya. Yang keduanya...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, saya fikir yang mustahak kita hendak dengar jawapan daripada Yang Berhormat Menteri pada hari ini juga. Kalau esok mungkin dia ada satu mesyuarat yang penting dan tidak dapat bersama.

**Dato' Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]:** Minta satu lagi. Yang kedua iaitu yang terakhir mengenai Dewan NUR. Jadi Dewan NUR ini, dahulu semasa saya mula-mula menjadi wakil rakyat di Lipis ada disebut hendak dibina Dewan NUR tetapi sehingga kini ceritanya sudah senyap. Jadi saya mohon penjelasan dari Yang Berhormat Menteri tentang status Dewan Nur yang hendak dibina di kawasan Parlimen Lipis. Sekian, terima kasih.

**Datuk Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Satu perkara sahaja, Butiran 040200 Kebajikan Masyarakat bahagian Perancangan dan Pembangunan. Untuk makluman Yang Berhormat, Pegawai Kebajikan Masyarakat perlulah bukan hanya mengetahui akan kawasan yang mereka tadbir, urus berkaitan dengan soal keperluan ataupun tanggungjawab Jabatan Kebajikan Masyarakat tetapi juga mengenali dengan sebenar-benarnya masyarakat setempat. Maka saya ingin mencadangkan supaya Pegawai JKM ini biarlah anak tempatan. Kalau boleh biarlah dia datang dari daerah yang sama supaya ini akan membolehkan... Ini kerana Yang Berhormat, Pegawai JKM ini suka atau tidak suka aspek kerja kebajikan, kerja lebih masa ataupun ciri-ciri kesukarelaan itu terlalu diharapkan oleh masyarakat. Kalau mereka ini datang dari anak tempatan, maka banyak perkara asas yang dapat mereka selesaikan. Saya ingin mencadangkan melalui Butiran 040200 ini supaya Pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat ini datangnya daripada anak tempatan. Terima kasih.



**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, cukup Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu.

#### 4.07 ptg

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** Terima kasih. Saya ingin tarik perhatian tentang Butiran 041000 iaitu Kurang Upaya. Kenapa istilah ini digunakan? Saya kira ia boleh membawa konotasi-konotasi yang negatif dan juga stigma-stigma tertentu. Sebagai contoh, seorang anak yang dilahirkan dengan *visually impaired* atau cacat penglihatan pernah dijual oleh ibunya sendiri dengan harga kira-kira RM450 sahaja. Anak itu menyesal kerana sikap ibunya sendiri yang telah menjualnya dan saya petik di sini, "*I was very angry. I didn't feel like going back to my parents or meeting them. I could not accept my natural mother*".

Ini antara salah satu stigma yang kita gunakan dalam konsep kurang upaya ini. Malah baru-baru ini, atlet yang terlibat dalam kejohanan olahraga peringkat KL'06 FESPIC baru-baru ini terpaksa melalui pelbagai derita untuk mendapat latihan, tempat-tempat untuk mereka berlatih dan kemudahan-kemudahan pada mereka. Ini di antara contoh yang boleh disebut sebagai stigma yang melekat pada pemikiran kita bila kita menggunakan satu istilah yang boleh membawa kepada konotasi yang negatif. Seterusnya saya ingin menarik perhatian ialah dalam usaha kita untuk kita menyuburkan rasa sayang, prihatin dan juga *caring* kita kepada masyarakat kurang beruntung ataupun manusia istimewa yang disebut sebagai kurang upaya ini iaitu kita mengerakkan aktiviti-aktiviti kesukarelawan.

Maka perkara serupa ini amat sukar didapati dalam masyarakat yang serba pantas mengejar kehidupan, kesenangan dan materialisme ini kerana apa yang dilakukan dalam aktiviti sukarela ini adalah datang daripada suara hatinya. Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan kepada kementerian untuk memikirkan dengan bersungguh-sungguh bagaimanakah melalui proses pendidikan, asuhan, kesedaran dan gerak kerja ke arah menyedarkan masyarakat agar simpati kepada orang yang tidak beruntung ini diberi keutamaan. Sekian.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, cukup. Yang Berhormat bagi Seputeh.

#### 4.10 ptg.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 010000 - Pengurusan dan Perancangan Dasar, dan 040000 - Kebajikan Masyarakat.

Tuan Pengerusi, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat merupakan satu kementerian yang penting. Kebanyakan isu yang dirangkumi di bawah kementerian ini merupakan isu dan agenda yang paling penting di negara-negara maju khususnya negara yang mementingkan dasar kebajikan sosial. Kementerian ini juga adalah

amat penting bagi merealisasikan objektif masyarakat penyayang yang termaktub dalam Wawasan 2020, tetapi sedihnya peruntukan yang diberi kepada kementerian ini selalu adalah jauh lebih kurang daripada kementerian lain dan lebih jauh daripada keperluan. Keadaan ini menunjukkan yang Kerajaan Pusat kita ini sebenarnya tidak begitu mementingkan isu berkenaan kebajikan sosial dan wanita.

Di sini saya ingin membangkitkan beberapa isu untuk perhatian Yang Berhormat Menteri. Isu pertama adalah tahanan remaja di dalam penjara. Saya diberitahu bahawa kebanyakan pusat pemulihan akhlak bagi penjenayah remaja sudah pun penuh dan tidak dapat muat orang baru lagi. Sehingga sekarang terdapatnya 550 tahanan remaja di Penjara Sg. Buloh dan 450 tahanan remaja di Penjara Kajang dan juga terdapat segolongan tahanan remaja dikurung di Pusat Tahanan Simpang Renggam. Kebanyakan tahanan remaja ini adalah di bawah umur 18 tahun. Kesalahan mereka adalah termasuk kesalahan kecil seperti menjual VCD cetak rompak, Mat Rempit dan pergaduhan sehingga jenayah yang serius seperti merompak, merogol dan sebagainya.

Kebanyakan tahanan remaja di penjara ini, sebenarnya mereka menunggu perbicaraan atas kes mereka. Oleh sebab proses mahkamah adalah agak perlahan, oleh itu ramai di antara mereka terpaksa merengkok di dalam penjara berbulan-bulan dan malah bertahun-tahun. Mereka tidak diberi kaunseling dan tidak diberi peluang untuk menyertai apa-apa bentuk kursus dan juga pendidikan. Sekiranya mereka dijatuhkan hukuman oleh mahkamah, maka mereka terpaksa merengkok lebih lama di dalam penjara dan bergaul dengan penjenayah yang lain yang lebih berpengalaman...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Apakah cadangan kepada kerajaan?

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ya, ya. Sekejap, saya akan bagi cadangan. Dengan itu apabila mereka keluar dari penjara...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Teruskan dengan cadanganlah.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** ...mereka pun dilatih menjadi penjenayah yang dahsyat ataupun *hardcore criminal*. Oleh itu saya ingin menyeru pihak kementerian memberi keprihatinan kepada tahanan remaja di penjara kita sekarang dan bekerjasama dengan Jabatan Penjara untuk menangani masalah tahanan remaja yang semakin meningkat. Selain daripada itu, saya ingin menyeru kementerian membina lebih banyak pusat pemulihan bagi penjenayah remaja ini. Adalah penting bagi kementerian untuk memberi pendidikan dan kaunseling kepada penjenayah di bawah umur ini.

Tuan Pengerusi, selain itu adalah penting bagi kementerian untuk memberi lebih tumpuan kepada program khidmat masyarakat atas pesalah muda yang termaktub dalam pindaan terbaru dalam Kanun Tatacara Keseksaan atau *Criminal Procedure Code* yang akan dilaksanakan pada 1 Januari 2007. Saya faham tentang masalah untuk melaksanakan program

khidmat masyarakat ini kerana ini bukan sahaja perkara yang baru bagi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat tetapi ia juga melibatkan kerjasama daripada kementerian yang lain dan memerlukan lebih pegawai untuk melaksanakan program khidmat masyarakat bagi penjenayah remaja ini.

Oleh itu, saya mencadangkan supaya kementerian mengadakan kerjasama yang lebih erat. Mengadakan kerjasama yang erat dengan Kementerian Pelajaran, Jabatan Penjara..

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** ... dan kerajaan tempatan supaya kita sama-sama menyempurnakan ..

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** .. khidmat masyarakat yang membantu penjenayah remaja untuk bertaubat dan balik ke pangkuan masyarakat.

Tuan Pengerusi, saya ada tiga isu lagi...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, cukuplah. Tak apalah. Yang Berhormat, ramai rakan Yang Berhormat juga nak berucap, cukuplah.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ya, saya faham. Ini berlainan. Saya juga ingin menyeru pihak kementerian supaya mengadakan lebih rumah perlindungan bagi golongan yang kurang bernasib baik.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Selalunya rumah orang tua. Rumah orang cacat dan sebagainya, yang HIV Aids. Semua ini adalah dioperasikan oleh pihak swasta, tetapi pihak kerajaan tidak campur tangan dalam isu ini. Jadi saya minta kementerian..

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Minta bantuanlah. Baiklah, cukuplah Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** ... mengadakan lebih rumah kebajikan ini dan juga satu lagi isu. Satu percaya Tuan Pengerusi juga ada lihat. Selalunya kita ada banyak, ramai pengemis yang semakin bertambah di kawasan Yang Berhormat juga, mungkin di Johor Bahru dan di Kuala Lumpur. Mereka ada yang tanpa tangan, tanpa kaki dan terbaring atas tepi jalan nak minta sedekah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, apa cadangan? Cadangan, cadangan Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Cadangan ini, adakah mereka ini di bawah satu sindiket yang memperalatkan mereka untuk meminta sedekah? Ini adalah khabar angin yang kita dengar. Jadi saya rasa pihak kementerian haruslah menghantar pegawai untuk menghulurkan bantuan kepada mangsa. Mungkin mangsa sindiket dan juga pengemis yang perlukan bantuan ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Akhir sekali, akhir sekali. Tentang masalah pendatang asing dan juga pelarian. Selalunya bagi golongan wanita, bila mereka nak melahirkan anak pergi ke Hospital Kuala Lumpur ataupun hospital kerajaan. Mereka terpaksa membayar kos perubatan yang jauh lebih tinggi daripada pendapatan mereka. Jadi saya rasa ini adalah agak kurang dan tidak berperikemanusiaan bagi golongan wanita. Kerana mereka adalah pendatang asing dan juga pekerja asing, pendapatan mereka sudah begitu kurang....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah. Ini dasar boleh bincang dengan Kementerian Kesihatan. Baik, cukup.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** ...tetapi mereka dipaksa untuk membiayai kos perubatan yang sangat tinggi. Akhir sekali Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, selalu..

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Akhir sekali, mengenai satu isu...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, selalu suka bohong *Speaker!*

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *[Ketawa]* Saya tak pakai cermin mata. Jadi saya silap. Ada satu lagi isu. Tuan Pengerusi, saya memujilah pihak kementerian yang selalu menunjukkan keprihatinan kepada ibu tunggal. Tetapi sekarang dalam proses adakan dasar setingan sifar.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** *[Berjalan memasuki Dewan].*

**Puan Teresa Kok Sh Sim [Seputeh]:** Ada nampaknya ramai setingan. Yang mereka ada bujang, sama ada lelaki macam Sri Gading...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah cukup..

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** ...ataupun seperti saya yang tidak berkeluarga, kami dinafikan hak untuk diperuntukkan rumah PPR oleh kerajaan tempatan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ini adalah sangat tidak adil. Saya ingin menyeru Yang Berhormat Menteri juga memperjuangkan mereka yang bujang, mereka yang pilih tidak berkahwin itu supaya mereka juga diberi hak dan juga kebajikan yang termaktub dalam undang-undang kita supaya mereka tidak dinafikan hak untuk perumahan bagi rumah kerajaan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Lain kali beri peluang Seputeh terakhir sekali berucap ya? Akan datang ya?

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya bagi Yang Berhormat bagi Keponglah. Kepong sudah mari lama.

**4.16 ptg.**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi, Butiran 010000 – Pengurusan dan Perancangan Dasar, 040000 – Kebajikan Masyarakat, 040500 – Komuniti. Saya sangat setuju dengan Seputeh tadi. Perlulah bagi Yang Berhormat Lembah Pantai untuk mengkaji setakat mana industri pengemis berlaku di Malaysia ini? Termasuklah di pasar-pasar malam di Johor Bahru pun ada, di Pontian pun ada. Itu bukan sahaja di Kepong. Tiap-tiap kali ada pasar malam ada pengemis. Pengemis yang diimport.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Lembah Pantai ada tak Yang Berhormat?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Lembah Pantai memang ada juga. Tetapi itu..

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Kulai ada? Kulai, Kulai.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Tentu ada.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Ahli Parlimen di situ tidak begitu prihatin kepada masalah..

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Siapa? Siapa? Siapa?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Bukan mesti Lembah Pantai sahaja.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Oh, bukan Kulailah Yang Berhormat ya?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Yang seterusnya saya berharap, Yang Berhormat Menteri sudah lama saya tak ada teguran kerana ada kelemahan-kelemahan sedikit di dalam kementerianya. Dia ada berusaha, memang ada. Berusaha, berikhtiar itu tidak cukup lagi. Yang penting sekali saya berharap..*[Disampuk]*...memanglah kita puji dia sedikitlah tu. Ya, saya berharap..

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Mengapa Yang Berhormat? Mengapa sedikit? Banyak pun tidak apa.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Terlalu banyak, itu kepala itu besarlah tu..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Oh, itu... *[Dewan riuh ketawa]*

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Sedikit cukup.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Yang Berhormat, saya berharap Yang Berhormat dapat menyiasat keadaan wanita dan kanak-kanak yang menghidap HIV dan Aids. Sebab kalau kita mengkaji, seluruh peruntukan lebih RM700 juta di dalam bajet kita. Tidak ada kaunseling dari segi kementerian untuk ibu-ibu yang menghidap HIV dan juga Aids. Juga hanya dia boleh teliti. Saya tahu. Tidak ada di dalam dan tambah juga masalah yang kena-mengena dengan penagih dadah dan ibu dan kanak-kanak yang menderita. Kerana ada suami yang menjadi penagih dadah dan ibu serta kanak-kanak menderita.

Pihak kementerian penting sekali berhubung dengan PEMADAM misalnya untuk bagaimana kita memberi sokongan kepada PEMADAM, untuk menyelesaikan masalah ibu dan kanak-kanak dan yang penting sekali sekarang mengenai ibu dan kanak-kanak yang menghidap

HIV dan Aids yang kurang diberi perhatian oleh Yang Berhormat Menteri, dan kali ini saya berharap Yang Berhormat dapat mengambil perhatian untuk menolong memberi kaunseling, memberi sokongan ibu-ibu yang menghidap HIV, Aids dan sebagainya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, Yang Berhormat Permatang Pauh.

**4.20 ptg.**

**Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Izinkan saya menyentuh perkara B.48 di mana ia dalam Butiran 040000 iaitu Kebajikan Masyarakat yang meliputi peruntukan untuk beberapa bahagian yang penting telah dikurangkan secara drastik. Walaupun secara umumnya perbelanjaan untuk kementerian ini kelihatan telah bertambah. Program dan butiran yang telah dikurangkan termasuk Butiran 040100 - Khidmat Pengurusan, Butiran 040700 - Penyelarasan dan Ehwal Antarabangsa, sebanyak hampir RM40 juta. Dan Butiran 040800 - Kanak-kanak yang jatuh ke tahap yang amat ketara sebanyak RM125 juta sahaja.

Dalam butiran-butiran penting tersebut telah menunjukkan *priority* atau *prioritize* yang semakin menurun contohnya badan NGO yang prihatin dalam isu kanak-kanak dan wanita, telah menggesa agar program-program yang berkaitan dengan isu kanak-kanak yang di pinggir oleh masyarakat dilaksanakan seperti golongan kanak-kanak yang didera, kanak-kanak yang mengalami penderaan seksual dan kanak-kanak muda yang terpaksa melarikan diri atau dibuang oleh keluarga mereka. Selain daripada itu, kita seharusnya mengadakan program-program pendidikan tentang hak kanak-kanak kerana negara kita telah menandatangani Konvensyen Hak Kanak-kanak Antarabangsa.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat mungkin ada alasan bahawa peruntukan tersebut dialih ke program-program yang lain seperti golongan kurang upaya dan orang tua, namun peruntukan kementerian ini harus ditambahkan untuk merangkumi program-program baru sebagai program yang masih memerlukan peruntukan tidak terjejas.

Terdapat beberapa butiran yang disenaraikan sebagai dasar baru seperti dalam Butiran 060000 yang termasuk Jabatan Pembangunan Wanita dan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Soalan saya adalah, bukannya program-program ini telah wujud sebelumnya, adakah ini merupakan program-program yang baru ataupun program-program lama yang diberi gelaran yang baru?

Saya ingin meminta penjelasan daripada Menteri juga, adakah Butiran 060500 dan Butiran 076000 iaitu Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara meliputi peruntukan dan pendidikan dalam rancangan keluarga dengan izin *family planning*. Yang merupakan satu hak asasi untuk wanita. Dalam *survey* kesihatan penduduk dan keluarga dengan izin *population and family health survey* menunjukkan bahawa kegunaan *contraceptives* tidak meningkat sejak tahun 1984 dan hanya pada kadar 54%.

Dalam penyelidikan yang sama sejumlah 25% wanita tidak menggunakan apa-apa *contraceptives* tetapi pada masa yang sama mereka juga tidak mempunyai rancangan untuk menambah saiz keluarga. Adakah golongan wanita tersebut tidak ada akses dalam program rancangan keluarga? Mengapakah kadar penggunaan *contraceptives* belum sampai ke tahap negara jiran kita seperti Vietnam dan Thailand dan juga negara-negara maju?

Saya ingin meminta satu lagi penjelasan iaitu Kementerian Pembangunan Wanita dan daripada kementerian ini mengadakan program yang meneliti isu-isu semasa dari masyarakat orang Asli. Saya merasa khatir apabila membaca penyelidikan tentang kadar kematian ibu-ibu yang mengandung atau baru melahirkan anak dengan izin *methanol death rate* yang amat tinggi di antara wanita orang Asli. Mereka merupakan golongan wanita yang menghadapi risiko paling tinggi menghidap dengan izin *postpartum hammer age* dan '*pephrosexcy*' kalau dibandingkan dengan golongan dan masyarakat yang lain. Saya ingin mengakhiri....

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Cameron Highlands.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** Asli, asli, Orang Asli ini.

**Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Saya tidak ada masa.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, gulung.

**Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Saya ingin mengakhiri ucapan saya dengan mengatakan bahawa wanita merupakan penduduk majoriti di negara kita tetapi akses kepada proses membuat keputusan dengan izin *decision making*, kebajikan masyarakat dan peruntukan pembangunan adalah terhad, dan tidak mencerminkan keperluan wanita hari ini. Wanita harus diberi akses kepada perkhidmatan dan dana yang mencukupi supaya keperluan dan hak wanita tidak diabaikan. Adalah lebih baik kalau kita boleh meningkatkan perbelanjaan dalam bidang seperti latihan dan program meningkatkan kesedaran dan skim-skim mikro kredit daripada menggunakan wang untuk membina satu atau dua bangunan.

Saya menyeru kementerian agar memberi peluang yang sejati supaya kaum wanita akan benar-benar membangun di dalam negara kita. Terima kasih.

#### 4.25 ptg.

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak sentuh beberapa perkara.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Beberapa perkara? Satu.

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Beberapa perkara.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Satu.

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Lebih kurang satulah. Butiran 040000 - Kebajikan Masyarakat di bawahnya meliputi ialah Program Pemulihan Dalam Komuniti.

Saya berterima kasih kepada kementerian kerana mengadakan program ini dan kita perhatikan banyak PDK ini telah ditubuhkan di kawasan-kawasan di seluruh negeri. Cuma saya hendak mencadangkan kepada kementerian supaya dapat ditubuhkan di seluruh kawasan Parlimen. Dan Datuk Seri Menteri saya mohon benar di kawasan saya Parlimen Maran, ada 90 orang kurang upaya yang saya sendiri pergi melihat mereka dan saya minta supaya di Maran ditubuhkan satu PDK segera.

Tentang kanak-kanak, saya hendak bertanya setakat ini di rumah kanak-kanak ini, berapa orang kanak-kanak yang berada di sana? Dan saya dapati mereka ini banyak terlibat dengan program-program dianjurkan oleh pelbagai badan, sehinggakan bantuan-bantuan yang diberikan oleh badan-badan ini termasuklah orang kenamaan menyebabkan anak ini menjadi satu yang kebanggaan pada mereka. Jadi kalau ada kumpulan lain yang membuat program di tempat itu dan memberikan sumbangan yang nilainya rendah, pandangan mereka telah memandang kecil kepada mereka. Jadi saya takut nanti anak-anak ini bila keluar nanti menjadi seorang anak yang mungkin ego, besar diri, kerana mereka diraikan begitu hebat oleh orang-orang kenamaan. Saya minta supaya apa langkah kerajaan, kementerian dalam perkara ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, cukup.

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Dan satu lagi Tuan Pengerusi, tentang orang tua dan keluarga ini. Saya hendak tanya setakat ini berapa ramai ibu-ibu, bapa tua yang berada di rumah-rumah orang tua. Dan kita tahu ramai juga ibu-ibu dan bapa tua ini dihantar ke rumah-rumah orang tua kerana sikap yang negatif yang ada pada anak-anak mereka. Saya hendak bertanya berapakah kes yang melibatkan seperti ini di mana anak-anak cuai, tidak kisah kepada ibu-ibu mereka sehingga sanggup menghantar ibu mereka ke rumah orang-orang tua. Bahkan ada di antara mereka sanggup menyenaraikan ibu dan ayah mereka ini sebagai orang PPRT, rakyat miskin walaupun anak-anak mereka mampu untuk menyelenggarakan mereka.

Jadi saya hendak tahu apakah usaha yang dibuat oleh kementerian dalam menangani isu negatif ini supaya anak-anak yang kita lahirkan nanti bertanggungjawab terhadap ibu bapa mereka yang banyak berjasa. Terima kasih, saya menyokong.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Sabak Bernam, satu perkara dibenarkan. Yang Berhormat, saya hendak berikan masa yang cukup untuk Menteri jawab.

#### **4.28 ptg.**

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Kementerian ini dia proaktif kontra reaktif, jadi saya hendak mencadangkan beberapa perkara sahaja dalam perkara yang baik yang banyak dilaksanakan oleh kementerian ini, saya hendak cadangkan dua perkara. Yang pertama, menyambung daripada Maran itu sebenarnya ada



dalam subjek saya. Jadi saya hendak mencadangkan supaya kementerian mengadakan satu kajian tindakan terhadap permasalahan dalam komuniti kita yang sekarang ini kita sedang hidup dalam dunia tekanan, saya pun bercakap ini dalam tekanan juga.

Oleh kerana itu saya masuk kepada tajuk yang akhir iaitu mencadangkan kepada kementerian supaya kaunselor ini ditambah melalui satu kumpulan pakar daripada kalangan guru-guru kaunselor daripada sekolah yang pencen, sihat dan mahu berkhidmat. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**4.29 ptg.**

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, memang suka, saya semua suka.

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** Pertama Butiran 040000 - Kebajikan Masyarakat. Saya ingin mendapat penjelasan daripada kementerian berhubung dengan kerjasama di antara kementerian ini dengan pihak JPJ. Kerana saya dapati banyak di antara orang-orang OKU ini memohon lesen-lesen khusus untuk orang cacat ini tetapi mereka berkali-kali bila pergi ke JPJ, suruh pergi ke Jabatan Kebajikan, kemudian ditolak macam bola. Maknanya kalau orang itu memang dia telah cacat dan tidak mempunyai keupayaan untuk mendapat lesen biasa, kenapakah tidak kita memberi satu cara yang automatik, dia mendapat surat daripada kebajikan, terus kepada JPJ dan mendapat lesen setelah ujian-ujian tertentu dijalankan dari segi JPJ lah.

Banyak kes begini berlaku di tempat saya. Kemudian tentang warga tua ini kalau kita tengok pengalaman seorang ibu boleh menjaga 10 anak tetapi 10 anak belum tentu dapat menjaga seorang ibu. Kalau kita tengok di dalam kemudahan kesihatan misalnya, dalam kad Parlimen kita sendiri pun tidak diperuntukkan rawatan untuk ibu bapa. Kenapakah tidak kementerian ini bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan memasukkan satu *clause* perubahan selain daripada isteri-isteri, anak-anak dan juga orang-orang di bawah tanggungannya, ibu bapa juga mendapat kemudahan kesihatan. Itu sahaja. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik. Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

**4.31 ptg.**

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Beberapa perkara yang ingin saya bangkitkan ialah 010200 – Dasar Pembangunan. Dato' Seri, saya sangat risau sering kali, kelmarin saya membaca dalam surat khabar bayi-bayi dibuang dan bayi-bayi...

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Bayi, b-a-y-i. Masalahnya ialah mereka baru-baru ini dilaporkan dibuang dari tingkat *flat* yang tinggi dan dia punya tali pusat masih *intact* dan ini meninggalkan satu kerisauan terhadap saya. Apakah punca masalah sedemikian boleh terjadi? Di manakah perikemanusiaan masyarakat kita dalam aspek ini? Sebelum ini kita baca bayi dibuang, ditinggalkan di hotel, bayi ditinggalkan di gereja dan ada juga fetus *diflush* dengan izin, dalam *toilet* dan juga dibuang di dalam sungai. Jadi apa yang telah berlaku dalam masyarakat kita? Apakah kerana kurangnya pendidikan seksual di dalam aspek ini? Apakah kerana masalah sosial?

Laporan yang sentiasa kita baca ada satu kes budak hanya berumur 14 tahun, mengapa mereka kena mengambil langkah sedemikian? Jadi saya ingin Yang Berhormat, kementerian maklumkan setakat ini apakah ada kajian dibuat? Apakah punca masalah ini timbul? Berapakah *abandoned babies*, dengan izin, yang ditinggalkan sedemikian? Apakah tidak ada pusat-pusat yang boleh membantu golongan ini, golongan yang tidak kahwin, saya percaya ramai kerana golongan yang belum kahwin, yang muda, *young girls*, dengan izin, yang terpaksa mengambil tindakan sedemikian. Apakah pihak kementerian sudah ada rancangan untuk menangani masalah ini?

Setahu saya buat masa ini kalau mana-mana individual bawah umur atau yang belum kahwin, mereka akan ada satu stigma oleh masyarakat. Ini belum kahwin, kelakuan tidak bermoral. Tetapi sebelum ini apakah kita ada mengajar mereka apa yang patut, apa yang tidak patut? Kalau berlaku di mana-mana, mereka boleh ada kaunseling, bantuan atau sokongan. Di manakah pusat-pusat berada kalau ada untuk membantu kategori mereka yang seperti ini.

Perkara yang kedua yang saya ingin bangkitkan ialah OKU. Seminggu yang lepas kita nampak *banner*, dengan izin, sukan OKU yang terbesar tetapi pada masa yang sama kita baca dalam surat khabar bahawa OKU-OKU yang *physically challenge*, mereka membantah dan memprotes tidak boleh menaiki bas Rapid KL yang di mana *budget* ini memperuntukkan 1,000 bas Rapid KL baru kerana hendak tambah rangkaian perkhidmatan mereka. Mengapakah hanya 100 buah sahaja yang membekalkan kemudahan untuk golongan ini? Apakah yang akan dibuat oleh pihak kementerian ini? Mengapakah tidak boleh memastikan setiap kementerian yang menjalankan sesebuah projek atau kemudahan pembangunan untuk masyarakat meliputi juga sensitif kepada kaum wanita dan juga golongan OKU, golongan minoriti ini? Jadi saya pohon jawapan kepada perkara ini.

Cuti bersalin – Yang Berhormat ada bangkitkan, ada laporan mengatakan cuti bersalin ditambah kepada 84 hari ini akan ditangguhkan kerana kementerian...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, semalam sudah bangkit. Ada bangkit. Yang Berhormat sudah bangkit.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Ha, saya ada bangkit. Saya hendak tahu daripada Yang Berhormat Menteri, maklumkan kami dalam Dewan terutama ahli wanita dalam Dewan ini, kementerian mana yang membantah lanjutan permohonan...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, Yang Berhormat.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** ...cuti bersalin tambah kepada 84 hari ini? Kalau ini yang 'IOO' yang membekalkan standard ini, mengapa kementerian yang lain? Apakah mereka adalah yang didominasi oleh lelaki dalam kementerian yang lain?

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, Yang Berhormat, cukup.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Jadi apabila undi wanita, mereka mahu tetapi aspek ini mereka kata, "Oh, tidak boleh. Kita akan kerugian, kos yang tinggi."

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, Yang Berhormat.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Dan akhirnya, Tuan Pengerusi, saya pohon ialah mengenai isu undang-undang, *Law Reform (Marriage and Divorce) Act*.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ini dasar.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Masalah nafkah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Sekarang kita dalam Jawatankuasa.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Ada perundangan *advocacy* berkenaan perundangan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ini Jawatankuasa.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Dan juga...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Faham, saya faham.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Kata hendak pinda undang-undang nafkah. Saya beritahu Dato' Seri, hari Jumaat yang lalu, awal pagi ada 4 kes cerai...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, Yang Berhormat, ini semasa dasar...

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** ...tetapi mereka tidak boleh dapat nafkah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** ...Yang Berhormat boleh berucap. Yang Berhormat...

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Masalah Biro Bantuan Guaman. Juga masalah imigresen. Kalau ia ialah suami asing, masih wujud perbezaan peraturan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, perkara ini dasar. Yang Berhormat boleh bawa semasa perbahasan dasar, Yang Berhormat.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Suami asing dan isteri asing untuk menetap di Malaysia. Ini bukan dasar, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, dasar, dasar. Cukup.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Ini berkenaan ada butiran...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, cukup, cukup.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** .. untuk aspek ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya faham. Saya faham.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Jadi saya pohonlah. Kami wanita di sini sokong Yang Berhormat Menteri, *[Disampuk]* kami sokong. Kalau Yang Berhormat Menteri buat tugas dan pentingkan wanita untuk masyarakat, kami sokong

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Semua sokonglah. Lelaki pun sokong.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Tetapi apa masalah yang dihadapi, mengapa ada masalah halangan semasa. Nampaknya *baby step* yang diambil oleh kementerian sahaja yang kami tunggu-tunggu...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, Yang Berhormat.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** ...agar kami memang benar-benar *equal* di dalam negara ini, dengan izin.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik.

**Beberapa Ahli: [Bangun]**

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Banyak lagi ya? Bolehlah, senanglah, satu orang 3 minitlah. Yang Berhormat bagi Pasir Puteh, dua minit.

**4.37 ptg.**

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Menteri, saya sudah tidak perlu puji sebab banyak yang sudah puji.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak perlulah, tidak perlulah.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Saya bawa sepatah sahaja pepatah Arab. *[Menyebut pepatah Arab]* "Siapa berjalan atas rel, akan sampai ke destinasi." Maka dasar pelaksanaan sosial negara, kita tengok ada Majlis Sosial Negara, Jawatankuasa Pembangunan Sosial, Jawatankuasa Kerja Pembangunan, Pelan Integriti Nasional (PIN), kita doakan semoga Yang Berhormat Menteri dengan jenteranya, pegawai-pegawai kanannya dapat melaksanakan dasar ini dengan RM116 juta ini, insya-Allah, tetapi saya minta tambah sedikit, 04000 – Kebajikan Masyarakat. Tambah sedikit peruntukan. Buat secara *reengineering*, tidak payah *restructuring*. Jadi kita buat pindaan dalaman kerana penting kepada peruntukan-peruntukan yang dicakup oleh Yang Berhormat kita tadi. Terima kasih, saya menyokong.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik. Saya bagi Yang Berhormat bagi Bagan. Yang Berhormat bagi Bagan. Tadi tidak bangun ya, Yang Berhormat.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Tadi sudah bangun.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Mula-mula, nombor satu sudah bangun. Orang tua susah duduk dan berdiri.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Kalau orang tua, tidak payah cakaplah.

**4.38 ptg.**

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** 04100 – Orang Kurang Upaya. Tuan Pengerusi, ada satu program iaitu peruntukan program perkhidmatan untuk orang kurang upaya diberi sebanyak RM4,000 kepada setiap kawasan Parlimen. Mengapa pihak sini tidak dapat peruntukan ini?

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Wah! Teruklah, main politik.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Tadi Yang Berhormat bagi Ketereh kata, *cross the boundary of politic*, saya tidak faham tetapi mungkin dia boleh menjelaskan. Jadi saya ingat sekiranya kami tidak diberi kuasa untuk menganjurkan program ini, sejumlah RM6,000 ini bagaimana ia dikendalikan di dalam kawasan pembangkang. Mujurlah kalau kawasan kami ini tidak ada OKU langsung, itu satu berita yang baik tetapi sebenarnya bukan. Semua kawasan pun ada. Jadi bagaimana ia dilakukan?

Lagi satu perkara sahaja iaitu bantuan segera oleh Ahli Parlimen iaitu skim bantuan segera oleh tiap-tiap Ahli Parlimen. Saya ucap terima kasih kepada kementerian kerana pada mula-mulanya dia dimaklumkan kepada kami semua di sini dan kami telah membantu mangsa-mangsa atau orang-orang yang memerlukan permohonan ini dengan menyalurkan sumbangan dengan mengeluarkan wang kami sendiri dan selepas itu dituntut balik dari pengarah negeri.

Tetapi sekarang Pengarah negeri kata beliau tidak diberi kuasa untuk meluluskan permohonan ini dan segala permohonan-permohonan perlu dikirim kepada Ketua Pengarah iaitu Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia di Jalan Raja Laut dan ini pasti akan mengambil masa yang panjang kerana saya juga ada satu pengalaman di mana permohonan telah disalurkan melalui Jabatan Negeri kepada Kuala Lumpur, tetapi sehingga sekarang sudah dua bulan belum dapat apa-apa kelulusan. Ini sudah tidak bermakna bukan bantuan segera. Jadi, saya berharap Yang Berhormat boleh menolong kami...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, cukup Yang Berhormat.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** .... Ya.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Minta penjelasan Yang Berhormat.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Ya, ya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukup, cukup, baiklah.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Yang Berhormat bagi Bagan, apakah Yang Berhormat....dia bagi laluan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya kata tidak perlu.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Singkat sahaja. Apakah Yang Berhormat bagi Bagan sedar bahawa kalau permohonan bantuan khas ini, saya pernah tanya di Pejabat Pengarah Kebajikan, dia kata 'Oh, bagi wakil rakyat Barisan Nasional mereka ada *channel* yang lain....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, cukup Yang Berhormat.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** .... diluluskan oleh Menteri Besar'. Mengapa apabila mahu membantu mangsa orang miskin dan OKU pun ada diskriminasi, mohon penjelasan Yang Berhormat.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Saya berharap ini tidak berlaku, ini satu masyarakat yang penyayang, satu *democratic country* jangan ada perbezaan di antara sini dan sana.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Bandar Kuching.

**4.41 ptg.**

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya pun hendak minta.....

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat baru masuk.

*[Ketawa]*

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** .... hendak sebut satu ketidakadilan yang dilakukan oleh kementerian Yang Berhormat Menteri terhadap orang-orang Melayu Muslim yang tinggal di kawasan saya dan juga di kawasan-kawasan yang dipegang oleh parti pembangkang. Dua minggu sebelum Hari Raya tahun ini, saya dihubungi oleh pegawai dari Kementerian Yang Berhormat dan dia memberitahu saya bahawa ada satu peruntukan sejumlah RM5000 diperuntukkan kepada semua setiap kawasan Parlimen untuk menganjurkan majlis buka puasa untuk orang Muslim yang miskin.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** YB pun tidak puasa.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Untuk orang Islam yang miskin di kawasan kita. Oleh itu saya pun menghadiri mesyuarat itu. Selepas mesyuarat itu saya dihubungi lagi oleh pegawai-pegawai kementerian dan diberitahu bahawa peruntukan ini tidak ada untuk kawasan pembangkang, tidak ada untuk ahli Parlimen pembangkang.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Adakah ini polisi kementerian Yang Berhormat.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikanJawatankuasa**]*

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Penjelasan.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Boleh.

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Adakah Yang Berhormat setuju bahawa pengundi-pengundi yang beragama Islam itu barangkali juga merupakan penyokong Barisan Nasional, tidak undi kepada Yang Berhormat yang mewakili pembangkang. Bukankah dengan cara ini

penyokong-penyokong Barisan Nasional diketepikan, dipinggirkan oleh dasar-dasar Barisan Nasional sendiri?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Itu awak punya tuduhan.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Saya memang setuju.....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Awak punya tuduhan.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Saya fikir perayaan buka puasa, kita tidak sepatutnya mempolitisekan....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tidak ada politik, ini ibadatlah.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:**..... perayaan selagi Yang Berhormat Menteri mahu diskriminasi terhadap parti pembangkang atau kawasan pengundi-pengundi yang tinggal di kawasan yang dipegang oleh pembangkang, saya fikir itu Yang Berhormat tidak layak untuk memegang jawatan ini kerana...

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** ... kerana ini adalah untuk kebajikan orang miskin.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Boleh bagi laluan?

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Tidak payahlah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Saya kasi terang sama awak....

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Ini Barisan Nasional tidak payah....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** ... supaya awak tidak keliru.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Saya haraplah, saya harap.....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Ini jamuan buka puasa....

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** ... untuk menjalankan polisi.....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** .....terbuka untuk semua orang.....

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Tidak, tidak, tidak. Saya diberitahu...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tidak ada politik.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** ... tidak untuk kawasan parti pembangkang. Saya harap Yang Berhormat Menteri, pada tahun hadapan kalau ada peruntukan-peruntukan ini, saya tidak tahu sama ada ini arahan daripada Yang Berhormat Menteri atau adalah atas arahan orang bawah. Tetapi, saya harap Yang Berhormat Menteri pada tahun hadapan....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Selesailah, selesailah....

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** .... jikalau ada peruntukan sebegini, janganlah mendiskriminasikan pengundi-pengundi di....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Semua orang boleh datang makan.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** ... kawasan yang dipegang oleh pembangkang kerana kita semua di sini untuk menjalankan tugas kita agar kebajikan rakyat kita. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Baik Yang Berhormat. Ada satu usul daripada Menteri.

### USUL

#### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**4.45 ptg.**

**Menteri Pembangunan Wanita dan Masyarakat [Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) saya mohon mencadangkan bahawa mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 7.30 malam dan selepas itu mesyuarat akan ditangguhkan sehingga pukul 10.00 pagi esok hari esok Rabu 6hb Disember 2006.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya jemput Yang Berhormat bagi Ipoh Barat.

**4.46 ptg.**

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Parlimen, Butiran 040300 gejala sosial di kalangan masyarakat India telah menjadi kronik. Pembabitian remaja dalam kegiatan jenayah adalah lebih daripada 23%. Berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh Yayasan Pencegahan Malaysia jumlah tahanan juvana India adalah lebih dari 10%, manakala pelajar India yang terlibat dalam pelbagai kesalahan adalah lebih dari 6.2% iaitu untuk tempoh 10 bulan pertama 2004. 3.9% kes membunuh diri adalah dari kalangan masyarakat India, begitu juga dengan kes keganasan rumah tangga iaitu hampir 35.8%, bilangan ibu tunggal juga sudah mencapai tahap membimbangkan.

Hampir 70% daripada mereka kehilangan suami bercerai atau ditinggalkan oleh suami. Daripada jumlah itu 60% berumur sekitar usia tidak lebih di antara 25 hingga 40 tahun dan



mempunyai anak dalam usia muda atau belasan tahun. Mengikut kajian dan angka yang pernah diterbitkan hampir 63% masyarakat India ditangkap di bawah Akta Darurat untuk jenayah ganas. 41% adalah pengemis dan 20% adalah penderaan kanak-kanak adalah dari masyarakat India. Dalam keadaan ini perkara-perkara ini saya apabila Yang Amat Berhormat menggulung dalam Rancangan Malaysia Kesembilan telah mengatakan bahawa ada polisi-polisi yang spesifik yang akan disediakan untuk masyarakat India untuk mengatasi, bukan sahaja masalah ini tetapi program-program yang spesifik untuk menolong masyarakat ini.

Jadi, saya hendak tahu adakah polisi-polisi itu sedia ada telah diwujudkan dan adakah ia telah diimplementasikan dan banyakkah ia telah membawa kebaikan kepada masyarakat ini. selain daripada itu Tuan Pengerusi, adalah mengenai pada tahun 2003 dalam bajet Tuan Pengerusi, dikatakan lebih 130 ribu orang di negara ini adalah ibu tunggal, 1.2% dan difahamkan bahawa pada masa itu kerajaan telah mengatakan bahawa sesiapa yang mendapat kurang dari RM600 *household income* itu, akan diberi *low cost* dengan izin *to own a low cost house to enable them to be located within the same vicinity*.

Jadi, dalam perkara ini adakah ia telah diimplementasikan di manakah ia telah diimplementasikan kerana saya sendiri tahu dan saya difahamkan bahawa ramai di antara ibu tunggal ini belum mendapat manfaat yang telah dijanjikan. Adakah janji yang dibuat ini akan ditunaikan dan setakat manakah polisi-polisi kerajaan ini telah membawa manfaat kepada ibu tunggal di negara ini.

Yang terakhir saya ingin mengatakan mengenai Brickfields di Kuala Lumpur. Tuan Pengerusi, kita semua tahu di sana adalah satu tempat di mana OKU yang tidak ada penglihatan. Tetapi kalau kita pergi ke tempat tersebut di tempat-tempat di mana OKU ingin menggunakan jalan dia ada spesifik jalan di atas *pavement* tetapi semua tempat *pavement* ini telah menjadi tempat perniagaan hingga menjadi halangan. Saya rasa ini adalah satu perkara yang perlu diberi perhatian oleh kementerian supaya kita bukan sahaja perlu membuat sesuatu untuk menolong OKU tetapi betul-betul patut memberi manfaat *bring real changes to this people*. Apa guna kita ada satu dasar dan polisi tetapi kasihan kepada orang ini kerana kalau kita tengok setiap kali kita ke Brickfields orang-orang yang tidak ada penglihatan akan berhenti kerana dia hendak *cross the road* dan sebagainya dan ini adalah kerana ada halangan-halangan tertentu dan apakah yang akan dibuat oleh kementerian supaya perkara-perkara seperti ini akan dapat diatasi dan jikalau kita ada satu tempat seperti Brickfields di sini tetapi bagaimana pula di lain-lain tempat seperti di Ipoh, di Pulau Pinang dan di Johor Bahru. Adakah tempat-tempat ini akan disediakan. Terima kasih.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Saya jemput Yang Berhormat bagi Jerai dan selepas ini pihak kementerian akan menjawab.

**4.51 ptg.**

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya hendak bercakap dua tajuk sahaja iaitu kebajikan masyarakat dan orang kurang upaya. Pertamanya saya hendak ucapkan tahniah dan berterima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana menjalankan tugas yang cukup baik. Tidak ada rungutan, tangisan dan juga rasa sayu dan sebagainya. Semuanya baik, alhamdulillah.

Saya hendak pergi kepada Butiran 041000-Orang Kurang Upaya. Pertamanya Tuan Pengerusi saya memohon kepada pihak kementerian supaya menghubungi pihak Kementerian Sumber Manusia supaya mengarah syarikat-syarikat dan jabatan-jabatan kerajaan supaya memberi sedikit kuota kepada orang-orang kurang upaya ini untuk bekerja. Kadang-kadang mereka tersisih. Tidak ada siapa makhluk manusia yang mahu mereka dilahirkan dengan sedemikian rupa Tuan Pengerusi. Tetapi kita perlu memberi mereka peluang.

Saya ada kes dalam kawasan saya yang kurang upaya tetapi berkelulusan universiti dan mengambil pinjaman PTPTN dan dia tidak dapat kerja sudah bertahun dan PTPTN suruh dia bayar. Dia tak mampu hendak bayar. Jadi kita guna budi bicara alhamdulillah boleh ditanggungkan dan sebagainya. Tetapi kalau pihak syarikat-syarikat dan pihak kerajaan sendiri memberi sedikit kuota peruntukan tawaran kerja untuk mereka yang datang bertemu duga apabila mereka ini OKU mereka ini harus diberi keutamaan kerana sekurang-kurangnya mereka boleh berdikari dengan keadaan mereka yang kurang bernasib baik ini. Tetapi kalau kita lihat persepsi manusia kadang-kadang apabila melihat orang yang kurang upaya ini kita menganggap mereka ini tidak boleh menolong, mereka ini tidak boleh bekerja dan sebagainya. Tetapi budak ini ataupun yang lain-lain berkelulusan universiti. Bermakna mereka sudah lulus universiti sama dengan orang yang tidak OKU.

Jadi di sini saya berharap pihak kementerian Yang Berhormat Datuk Menteri boleh menasihati kementerian-kementerian dan juga agensi-agensi kerajaan, GLC-GLC untuk memberi keutamaan sedikit kepada orang kurang upaya ini supaya mereka dapat bekerja seperti orang biasa.

Satu lagi, saya bersetuju bahawa pihak kerajaan harus membuat satu peraturan kepada *public transport*, penggunaan bas-bas dan sebagainya supaya OKU ini boleh menggunakan kemudahan awam ini dengan cara mereka. Saya lihat dalam kaca TV di mana bas di ibu kota ini tidak menyediakan kemudahan untuk OKU menaiki bas. Paksa mereka naik secara orang biasa. Kalau dia naik kerusi roda macam mana dia hendak bawa kerusi roda itu naik. Jadi yang dipohon ialah tangga itu boleh digunakan juga oleh OKU ini.

Begitu jugalah bas-bas ekspres dan sebagainya kerana kebanyakan OKU ini saya sayu dan sedih apabila melihat TV menemu ramah mereka, mereka kata kami ini dahlah tak senormal orang yang normal. Pendapatan kami ini kecil, kami hendak naik bas hendak naik *public transport* dan sebagainya, kami tidak ada kemudahan dan ini menyebabkan kadang-kadang

mereka tersisih dan kita harus ambil perhatian kerana di negara-negara maju kita lihat kemudahan untuk OKU ini diutamakan.

Saya juga berterima kasih kepada sesetengah *local government* ataupun kerajaan tempatan yang menyediakan tempat letak kereta kepada OKU. Tetapi kadang-kadang yang tak OKU ini ambil tempat OKU. Begitu juga tandas yang digunakan untuk OKU dan sebagainya yang normal pun masuk. Kadang-kadang OKU ini hendak masuk tahu-tahu yang keluar itu orang normal. Terkejut dia. Walaupun yang tu normal tapi kadang-kadang tubuh badan dia tak normal. Dia harus kita beri perhatian Yang Berhormat Menteri. Ini rintihan yang saya lihat.

Lagi satu saya minta pihak kementerian tambah sedikit duit kepada NGO-NGO yang membantu anak-anak yang kurang upaya ini. Di kawasan saya pun ada dan saya percaya di kawasan-kawasan Yang Berhormat lain pun ada. Apabila kita pergi berhari raya bersama mereka kadang-kadang kita lihat keadaan mereka itu agak daif dan saya memohon supaya kalau boleh pihak kementerian kenderaan-kenderaan yang telah diguna pakai oleh agensi-agensi kerajaan lain mungkin boleh kita bagi kepada rumah-rumah ini untuk diubah, dibaiki semula dan digunakan untuk membawa anak-anak OKU ini daripada rumah ke pusat-pusat mereka. Kalau kita hendak beli yang baru mungkin tidak ada duit. Jadi daripada kita tender keluar kenderaan-kenderaan kerajaan yang masih boleh dipakai seperti van ini kita buat perubahan sedikit. Tak apalah yang sedikit-sedikit ini wakil rakyat boleh guna duit untuk *repair* balik.

**Tuan Pengerusi:** Baik Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Tuan Pengerusi, sedikit lagi Tuan Pengerusi. Nanti orang-orang tua kampung marah Tuan Pengerusi. Sedikit lagi. Jadi yang ini kebajikan masyarakat pula. Yang ini kalau saya tak bercakap.....

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah seminit lagi.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Sedikit lagi Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi baik Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Yang ini mereka kompelin fasal duit lambat sampai Tuan Pengerusi. Orang kebajikan ini mereka kadang-kadang boleh RM150 pun rahmat sudah. Yang itulah mereka hendak beli beras, hendak beli 'toyu' - kicap dan sebagainya. Tapi kadang-kadang *miss* tiga bulan, *miss* dua bulan. Jadi mereka ini kadang-kadang hendak pergi ambil duit itu tak ada apa dalam poket sudah. Orang Kedah kata 'sekepiang' pun tak ada sudah. Dia harap bila dia jolok di bank itu duit keluar. Tahu-tahu jolok-jolok tak keluar. Dia hendak balik modal pun tak ada. Hendak modal pun tak ada.

Jadi saya berharap pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di peringkat negeri dan di peringkat pusat supaya peruntukan bantuan kebajikan ini kita bagi *online* secara tepat. Maknanya kalau 28 hari bulan macam orang dapat pencenlah. Macam kita pegawai-pegawai kerajaan dapat gaji 28 hari bulan atau berapa hari bulan duit sudah masuk dalam akaun. Jadi mempermudah mereka.

Jadi ini sahajalah rintihan-rintihan. Yang lain-lain itu semua sudah baik Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Pengerusi:** Ya baik.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Teruskanlah dan tambahkanlah kepada Ahli Parlimen Barisan Nasional. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Saya jemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

**4.58 ptg.**

**Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil]:** Bismillahirrahmanirahim. Assalamualaiku w.b.t. Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Terlebih dahulu bagi pihak kementerian saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat kerana telah pun berucap dengan begitu berapi dan sebenarnya menjadi sumber inspirasi kepada saya dan semua di kementerian.

Kepada Yang Berhormat bagi Sri Gading beliau menyatakan tadi bahawa insya-Allah atas kerja-kerja yang dijalankan terutama kerja-kerja kebajikan insya-Allah kami semua ini akan menjadi ahli syurga. Jadi saya hendak kata kepada Yang Berhormat bagi Sri Gading, kalau kami ditakdirkan ke syurga biarlah Yang Berhormat bagi Sri Gading ikut bersama.

*[Ketawa] [Tepuk]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Jerai macam mana?

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Ahli-ahli Yang Berhormat, setelah saya mendengar hujah-hujah Yang Berhormat saya menginsafi sebenarnya tugas dan tanggungjawab kementerian begitu besar sekali. Amanah yang kami tanggung pada saya adalah satu nikmat dalam hidup ini. Insya-Allah saya dan pegawai-pegawai akan menjalankan tugas dengan sebaik-baiknya.

Sebenarnya Yang Berhormat kumpulan sasar kami dengan izin adalah *from the cradle to the grave* dan kumpulan ini didapati terdiri daripada kumpulan-kumpulan yang dengan izin *marginalize*. Tetapi dengan keprihatinan dan juga perhatian yang diberikan terutama oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, saya rasa tugas dan tanggungjawab saya dan semua di kementerian dapat diringkatkan. Hari ini sepetang bersama Ahli-ahli Yang Berhormat saya bukan hanya rasa *inspired* dengan izin, tetapi juga saya telah mendapat idea-idea yang baru. Banyak idea yang saya kumpul pada petang ini, sepetang bersama Ahli-ahli Yang Berhormat. Kalau 365 hari bersama Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tidak tahu apa akan jadinya. *[Dewan riuh seketika]*

Bagi menjawab soalan daripada Yang Berhormat bagi Bukit Bintang, anak-anak yang tidak menjaga ibu bapa. Sama ada boleh atau tidak pihak kementerian menentukan bahawa ibu bapa ini dapat dimasukkan ke rumah-rumah di bawah jagaan Jabatan Kebajikan Masyarakat, saya hendak maklumkan bahawa kementerian akan mengkaji dan menimbangkan cadangan-

cadangan. Walau bagaimanapun, secara dasarnya kemasukan ke rumah orang tua berdasarkan kepada kelayakan berikut:

- (i) mereka yang daif dan berumur lebih dari 60 tahun;
- (ii) tidak menghidap penyakit berjangkit;
- (iii) tidak mempunyai sanak-saudara ataupun penjaga;
- (iv) tidak ada tempat tinggal yang tetap; dan
- (v) berupaya menjaga diri sendiri.

Namun begitu bagi orang tua yang mempunyai sanak-saudara yang tidak mampu menjaga kebajikan mereka, pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat kes-kes tersebut. Kes seperti ini untuk ditempatkan di rumah-rumah Sri Kenangan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat. Walau bagaimanapun pihak kementerian tidak menggalakkan anak-anak menyerahkan tanggungjawab tersebut kepada pihak kerajaan kerana untuk makluman Yang Berhormat, kementerian ini menyediakan penjagaan alternatif bagi anak-anak yang menghadapi masalah untuk menjaga orang tua mereka seperti *home health* dan juga pusat-pusat penjagaan harian untuk warga emas.

Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Gantang juga bertanya tentang kes kaunseling. Ada yang terdapat pada hari ini kes bunuh diri dan lain-lain. Saya hendak menjawab untuk semua Ahli Yang Berhormat yang berucap tentang kaunseling. Memang betul Yang Berhormat, masanya sudah tiba untuk kementerian dan jabatan di bawahnya mengambil isu kaunseling ini dengan seriusnya. Insya-Allah pada tahun akan datang, saya akan tentukan bahawa setidak-tidaknya di semua Rumah NUR atau Dewan NUR yang ada di seluruh negara akan dilengkapi dengan kaunselor-kaunselor yang terlatih. Ini kerana Yang Berhormat sebenarnya kaunseling bukanlah satu perkara yang mudah, bukan semua kita boleh menjalankan kaunseling kerana kaunseling ini perlu beberapa kepakaran. Namun begitu sepertimana yang saya nyatakan insya-Allah ia akan dijadikan satu agenda utama di bawah naungan kementerian dan saya berjanji bahawa akan tentukan setidak-tidaknya semua Dewan NUR ataupun Rumah NUR yang ada di seluruh negara akan dilengkapi dengan kaunselor-kaunselor yang terlatih. Bagi menjawab...

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi:** Ya, Yang Berhormat bagi Bera, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Okey.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya minta maaf, saya hendak ke belakang sedikit mengenai rumah orang tua tadi. Seperti yang kita tahu bahawa pihak kementerian tidak mempunyai cukup wang untuk membina setiap daerah rumah orang tua, tetapi ada NGO-NGO yang membina sendiri rumah orang tua macam di tempat saya ada dibina rumah orang tua dengan wang NGO sendiri. Dari segi pengurusan pun mereka sendiri yang mengeluarkan wang. Jadi adakah pihak kementerian bercadang untuk memberikan

bantuan kewangan kepada NGO-NGO yang membuka rumah orang tua dan apa sahaja yang tidak boleh dibuat oleh pihak kementerian.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Yang Berhormat, saya hendak maklumkan sebenarnya peratusan besar daripada peruntukan yang diberi kepada kita (Jabatan Kebajikan Masyarakat), kita agihkan kepada pusat-pusat jagaan warga tua. Kita memberi kepada mereka geran-geran supaya mereka dapat menjalankan tugas sebagai *smart partner* dengan kementerian. Saya tidak ada butiran yang selanjutnya, tetapi saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat bahawa boleh dikatakan lebih kurang 50% daripada NGO yang menjalankan pusat-pusat harian ini untuk warga emas, mereka dapat beroperasi kerana mendapat geran-geran daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Bagi menjawab pertanyaan daripada Yang Berhormat bagi Larut, pejabat dibuka pada hari Sabtu, saya hendak maklumkan bahawa insya-Allah kita akan bereskan dengan Ketua Setiausaha Negara. Ini kerana kita sedia maklum bahawa sebenarnya hari Sabtu dan hari Ahad adalah hari pelepasan. Tetapi oleh kerana saya fikir bahawa kita hendak beri kaunter servis yang lebih efisien, sebab itulah saya minta supaya Jabatan Kebajikan Masyarakat mengadakan satu peraturan *flexi hours* dengan pegawai-pegawainya supaya dapat memberi perkhidmatan yang lebih sempurna dan efisien. Kalau ada sedikit-sebanyak pendapat yang berlainan dengan KSN, itu perkara yang kecil dapat kita bereskan di peringkat pentadbiran kerajaan nanti. Bagi menjawab...

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Yang Berhormat, tadi saya ada bertanya sama ada tujuan Yang Berhormat hendak adakan Sabtu ini akan melibatkan pelantikan kakitangan baru tambahan dan kakitangan sokongan umpamanya?

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tidak ada Yang Berhormat, sebab apa ini buat permulaan, kita hanya buka di ibu pejabat sahaja - ibu pejabat negeri. Ini supaya kalau ada kes-kes kecemasan, adalah tempat satu tempat setidak-tidaknya di mana mereka boleh pergi untuk mendapatkan bantuan. Tetapi di Selangor, kita *identify* Petaling Jaya dan Gombak. Kita ada tiga pejabat di Selangor yang kita buka, sebab *case load* mereka terlalu tinggi.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Yang Berhormat kenapa tidak? Sekarang ini musim banjir.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Ya.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Mungkin akan tiba dan berlaku. Kenapa tidak diteruskan untuk bukan hanya buat pemantauan tetapi untuk memastikan mereka yang terlibat dengan pemindahan ini terus dapat bantuan.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Yang Berhormat, kalau kes banjir berlaku Yang Berhormat jangan cemas sebab kalau kita tengok tradisi perkhidmatan Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah yang terbaik. Walaupun Jabatan Kebajikan Masyarakat dibawa masuk di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat baru dua tahun, tetapi

saya mesti mengakui bahawa sekian lama wujudnya Jabatan Kebajikan Masyarakat iaitu 60 tahun mereka berkhidmat untuk rakyat Yang Berhormat, tidak kenal letih, sakit atau apa-apa. Kadang-kala orang tidak tahu pun mereka ini - Pegawai-pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat yang turun berkhidmat, mereka insya-Allah akan membela nasib rakyat.

Kalau taufan kah, kalau tsunami kah, kalau banjir kah, bakar kah, apa pun saya percaya Yang Berhormat mesti mengakui bahawa pegawai JKM lah orang pertama bersama-sama Yang Berhormat untuk membela nasib rakyat.

Bagi menjawab soalan daripada Yang Berhormat bagi Serdang tentang Dewan NUR dan pusat jagaan warga tua tidak meliputi semua kawasan dan tidak dapat dibina. Saya akui bahawa Yang Berhormat, niat murni kementerian bukan mudah hendak dicapai. Saya ingat lebih kurang tiga tahun dahulu, apabila saya dapati perlu adanya satu tempat tumpuan setempat dimulakan untuk menjalankan aktiviti untuk wanita. Apabila saya minta kepada Kabinet diluluskan RM300,000 untuk membina Dewan NUR tetapi apabila ianya telah diluluskan saya dapati bahawa sebenarnya dengan izin, *it is not so easy to do that*.

Duit sudah ada, kerajaan sudah bagi tetapi tempat di mana hendak cari? Ada masalah untuk perolehan di antara kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan. Jadi lambat-laun saya pun rasa rimas kenapa impian kita susah sangat hendak menjadi kenyataan. Tetapi Alhamdulillah di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, anggaran peruntukan RM300,000 itu dinaikkan kepada RM700,000. Saya pun telah memberi arahan bahawa tempat-tempat yang kalau susah sangat hendak bina Dewan NUR ini, biarlah kita beli tempat bangunan yang sedia ada sebab dahulu kita hendak bina.

Jadi saya kata, okeylah susah sangat hendak bina, kita beli. Kalau susah hendak beli, kita sewa. Jadi saya hendak minta kepada Ahli Yang Berhormat, tengok-tengoklah dan bantu Pengerusi MPWK di kawasan Parlimen masing-masing supaya dapat diwujudkan. Untuk pusat jagaan harian warga emas ini kita hanya dapat satu. Tetapi sebab apa Yang Berhormat, saya rasa kadang-kala kalau dapat bantuan daripada Yang Berhormat selalu bercakap tentang isu-isu sosial, warga emas, warga tua, kanak-kanak dan orang kurang upaya, jadi ramai daripada pemimpin teratas akan mendengar tentang isu-isu ini kerana suara Yang Berhormat adalah suara emas. Yang Berhormat sentiasa bincang di Dewan yang mulia ini, saya percaya bahawa isu-isu ini dapat pertimbangan. Insya-Allah pada tahun hadapan akan dapatlah kementerian dan jabatan-jabatannya peruntukan yang lebih.

Saya tahu memang peruntukan kita kalau dibandingkan dengan yang lain, saya selalu kata peruntukan kita hanya *equivalent* dengan satu tiang seri mungkin politeknik atau universiti mana, satu tiang seri. Tetapi Yang Berhormat mesti ingat kalau ada tiang seri itu runtuhlah negara ini. Betul tak? [*Dewan riuh*]

Kepada kami tak kira walau banyak mana bagi kepada kita, yang mustahak kita mesti manfaatkan walau 'seduit' pun diberi insya-Allah prestasi kerja kita akan kita tentukan.

Yang Berhormat bagi Serdang juga dan beberapa Yang Berhormat lain menyatakan tentang pendaftaran OKU. Sekarang hanya 90,000 sahaja yang berdaftar. Memang betul, kita pun kecewa tetapi Yang Berhormat, bukan semua keluarga OKU minat untuk mendaftar anak-anak mereka. Suatu ketika dahulu, semua orang sembunyi anak OKU mereka. Dia malu hendak kata saya ada ahli keluarga OKU tetapi hari ini oleh kerana kita ada buat iklan, melalui MAYANG, NGO dan macam-macam lagi yang kita buat, orang sudah tidak malu sebab mereka tahu bahawa mereka mesti mengangkat martabat OKU dalam keluarga mereka.

Insya-Allah kalau sabar sedikit, saya percaya bahawa dalam masa terdekat ini ramai lagi akan *register*. Tetapi kita tahu yang tidak *register* itu sebenarnya mungkin datang daripada keluarga yang dia tidak tahu boleh *register* ataupun yang tidak memerlukan pendaftaran.

**Dato' Yap Pian Hon [Serdang]:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi:** Baik, Yang Berhormat.

**Dato' Yap Pian Hon [Serdang]:** Yang Berhormat, penjelasan.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Penjelasan..... bagi dia dululah.

**Dato' Yap Pian Hon [Serdang]:** Serdang ada kaitan.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Serdang.

**Dato' Yap Pian Hon [Serdang]:** Yang Berhormat Menteri, pendaftaran OKU itu bolehkah MAYANG ditugaskan untuk menjalankan pendaftaran supaya lebih dekat dengan mereka? Kalau pergi ke pejabat KKM itu memang jauh atau tidak ada kenderaan. Bolehkah berbuat demikian dengan MAYANG?

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Yang Berhormat, sebenarnya kita memberi peruntukan sedikit melalui MAYANG untuk melakukan pendaftaran. Saya hendak *check* dengan pegawai di kawasan Parlimen Yang Berhormat, kenapa beliau tidak memaklumkan kepada Yang Berhormat tetapi isu itu insya-Allah akan diselesaikan.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Penjelasan.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Yang Berhormat, saya kagum kerana Yang Berhormat membawa satu isu yang jarang sekali dibawa iaitu tentang ramai wanita dan kanak-kanak korban peperangan. Insya-Allah di medan antarabangsa, kementerian sentiasa membawa isu ini untuk perhatian pihak-pihak berkuasa.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Tentang pendaftaran OKU, saya pernah minta bahawa mereka didaftar mengikut jenis ketidakupayaan seperti *autistic* mereka mesti didaftarkan. Tetapi sampai hari ini belum didaftarkan lagi. Sekiranya kita tidak mendaftar mereka mengikut jenisnya kita susah untuk merancang program pendidikan untuk mereka. Saya merayu supaya ia dilaksanakan serta-merta. Terima kasih.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Yang Berhormat, kita akan mengambil tindakan yang sewajarnya.



Ahli Yang Berhormat bagi Gelang Patah turut menyatakan masalah kemudahan awam untuk OKU tidak mencukupi. Ramai daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang juga membawa isu ini. Memang betul, pada hari ini Yang Berhormat, kementerian menganjurkan satu program OKU *round table - issue accessibility*.

Saya hendak maklumkan sebenarnya isu OKU ini diperjuangkan di semua peringkat. Pada bulan Julai kalau tidak salah saya baru-baru ini, saya dan rombongan daripada kementerian telah berjumpa dengan Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan kita telah kemukakan secara terancang isu-isu OKU dan juga kerajaan tempatan.

Kita dapati bahawa sebenarnya seperti mana Yang Berhormat Menteri itu menjelaskan kepada saya, undang-undang sedia ada. Undang-undang, *all the by-laws and regulation* sudah ada tetapi yang tidak mengikut undang-undang ini adalah pihak berkuasa tempatan (PBT) kerana apa Yang Berhormat? Kerana mereka merasakan isu OKU tidak mustahak.

Pada saya apa dia masalahnya? Dengan izin *what is the problem* untuk mengikut dan menentukan *by-laws* itu diikuti, kerana:

- (i) mereka tidak prihatin;
- (ii) mereka tidak peduli;
- (iii) kerana mereka malas untuk menentukan bahawa kaedah-kaedah itu diikuti.

Tetapi saya hendak maklumkan, saya hendak bagi amaran kepada semua pihak berkuasa tempatan (PBT) kalau *by-laws* ini tidak diikuti, rasalah kamu nanti. Kami daripada kementerian, kita akan tentukan sebab saya sudah tubuhkan satu Jawatankuasa *Auditing of Access* di mana dengan izin, *town planners* juga arkitek dan lain-lain lagi duduk dalam jawatankuasa teknikal itu dan kita akan pantau.

Saya juga hendak maklumkan bahawa 11 bandar utama di Malaysia telah pun di *identify*, di mana kita akan buat kajian dan kita akan paparkan nama-nama bangunan-bangunan sama ada kerajaan ataupun bukan kerajaan yang tidak mengikut *by-laws* atau peraturan-peraturan pembangunan ini.

Tetapi insya-Allahlah, nampak gaya betul-betul hendak kena jihad tentang isu-isu OKU tetapi dengan sokongan Yang Berhormat, saya rasa itu tidak akan menjadi masalah. Saya harap dengan jawapan itu dapat saya jawab soalan-soalan daripada Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Bintang juga.

Yang Berhormat bagi Sri Gading saya ingat saya sudah jawab tadi yang Sri Gading tanya.....

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Penjelasan, sedikit penjelasan. Seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri bahawa memang *by-laws* sudah ada pada 1993 dan 1994, sudah ada tetapi tidak dilaksanakan. Sekiranya mereka masih enggan melaksanakan apakah dari segi undang-undang, apa yang boleh diambil ke atas *local government* ini?

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Saya hendak maklumkan bahawa sebenarnya sudah ada satu keputusan. Tadi saya maklumkan *stage* pertama, kita jumpa dengan Yang Berhormat Menteri Perumahan. Selepas itu kita membawa satu Kertas Kerja (Memorandum) ke Majlis Tindakan Kerajaan Tempatan yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri di mana semua Menteri, Ketua Menteri dan Menteri Besar menjadi ahli majlis tindakan itu dan di antara keputusan yang dibuat bahawa:

- (i) isu OKU dan *access* kepada prasarana dalam bangunan dan luar bangunan tidak boleh diketepikan;
- (ii) semua bangunan sedia ada mesti membuat perubahan;
- (iii) bangunan-bangunan yang akan datang jika tidak mengikuti kaedah-kaedah itu akan tidak diberi kelulusan.

Saya harap bahawa tahun akan datang ini oleh kerana ada keputusan tertinggi kerajaan dari segi pentadbiran, saya harap bahawa akan adalah perubahan. Kalau tidak ada juga perubahan dalam masa setahun, lepas itu kita terpaksa ambil tindakan lain yang sewajarnya.

Yang Berhormat bagi Sri Gading .....[*Dewan riuh*] Saya memang mati akal dengan Yang Berhormat bagi Sri Gading ini. Yang tadi Yang Berhormat menyuarakan tentang ramai wanita yang menghadapi kanser payu dara. Memang betul Yang Berhormat. Terima kasih di atas keprihatinan.

Saya hendak maklumkan di antara program di peringkat akar umbi yang dibuat secara besar-besaran ialah program pencegahan kanser payu dara. Kementerian memberi wang yang banyak kepada NGO melalui LPPKN dan 53 klinik LPPKN. Kita ada program apa yang dinamakan BSE dengan izin, *breast self-examination* mengajar wanita bagaimana untuk membuat pemeriksaan payu dara sendiri supaya dapat kesan awal, dapat mengesannya lebih awal dan dalam program-program kita ini, kita dapati beberapa kes hasil daripada program kita dapat mereka kesan dengan awal untuk menjalankan *chemotherapy* dan insya-Allah dapatlah menyelamatkan diri.

Saya juga hendak memaklumkan satu kejayaan kementerian ialah baru-baru ini, untuk bajet kali ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan bahawa kerajaan akan *subsidize* RM50 untuk tiap-tiap *mammogram* yang dijalankan. Ini kejayaan kementerian. Kerajaan akan *subsidize* RM50 untuk semua pemeriksaan *mammogram* yang dijalankan melalui klinik-klinik yang diiktiraf oleh LPPKN.

Kami dalam perundingan dengan Perbendaharaan untuk hendak mencari kaedah macam mana untuk kita turunkan program ini. Saya rasa bahawa bulan Februari tahun 2007 akan kita mulakan program *mammogram* ini dengan secara besar-besaran. Yang Berhormat puas hati dengan jawapan?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Bolehlah.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Alhamdulillah.

Yang Berhormat bagi Ketereh tadi bercakap tentang pembahagian dan penamaan dan *crossing the boundaries of politics* dalam pengagihan dan juga pemberian bantuan. Saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat. Memang betul falsafah Yang Berhormat utarakan. Kami di kementerian pun sebenarnya kita tidak ada *dual list* untuk BN atau untuk pembangkang.

Banyak kes yang diutarakan, yang diberikan kepada saya sendiri oleh Ahli Parlimen atau ADUN Pembangkang, apabila pegawai saya turun, *check* dan tengok betul-betul memerlukan bantuan, kita bagi. Tidak pernahlah setakat ini, masih lagi waras fikiran, kita tidak mendiskriminasikan.

Saya bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Ketereh. Saya tahu Yang Berhormat bagi Ketereh adalah di antara Pengerusi Mayang yang paling aktif di Kelantan. Saya harap bahawa di antara kedua kita, Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri janganlah ada dusta. Maksudnya janganlah pula kalau ada bantuan yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan itu tidak diberi pengiktirafan.

Jadi, Insya-Allah kita akan cari satu sistem penyampaian yang lebih adil supaya mereka tahu bahawa kerajaan yang ada terutama Kerajaan Barisan Nasional adalah adil dan membela nasib rakyat.

Tentang kaunseling, Yang Berhormat...

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Minta penjelasan. Terima kasih, Yang Berhormat. Yang Berhormat kata memang tidak ada *dual list*, sebab itu tidak ada diskriminasi dalam memberi bantuan. Tetapi tidak ada *dual list* untuk memberi bantuan bukan bermakna tidak ada diskriminasi. Apabila cara penyaluran bantuan itu berbeza, itu sudah jelas diskriminasi. Apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat merupakan peruntukan program perkhidmatan bagi orang kurang upaya dari Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sebanyak RM6,000. Minta Ahli-ahli Backbenchers pergi menghubungi pegawai kebajikan masyarakat untuk mendapatkan RM6,000 untuk membantu orang OKU. Mengapa di sebelah sini, pembangkang tidak ada terima?

Jadi, apabila penyaluran itu berbeza, itu sudah jelas diskriminasi. Saya pohonlah satu jawapan.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Yang Berhormat, saya hendak memaklumkan secara rasmi, dengan izin, *once and for all* bagaimana kita bekerja di peringkat akar umbi. Sistem yang diwujudkan adalah sebegini. Apabila saya dapati bahawa kita tidak mencukupi pegawai kebajikan, sama ada di peringkat negeri, daerah ataupun mukim, banyak rungutan yang kita terima seperti kenapa tidak ada bantuan segera, siapa hendak bantu kita daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat. Dengan itu kita di kementerian telah pun mewujudkan Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat (Mayang) dan menteri telah pun membuat pelantikan yang sewajarnya. Jadi, tidak ada satu *list* atau *dual list*. Semuanya diberi melalui Mayang tidak kira siapa pun yang menjadi pengerusi. Semua program termasuklah sama ada -

saya ingat Yang Berhormat bagi Bandar Kuching kata, kenapa tidak dapat duit untuk bulan Ramadan.

Itu tidak betul. Duit kita beri kepada semua kawasan Parlimen melalui Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat (Mayang). Kalau Yang Berhormat tidak menjadi Ahli Mayang, kalau ada program atau hendak minta peruntukan, sila hantar surat kepada saya. Pintu saya terbuka. Kepada saya, *we look* dengan izin, kita ikut kes. Kita tidak ikut mana-mana fahaman politik. Saya hendak maklumkan, misal kata Yang Berhormat bagi Batu Gajah ada kes-kes yang dirasakan perlu perhatian, hantar surat kepada saya. Tidak jadi masalah, Yang Berhormat.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** *Sorry, I sudah lambat, Yang Berhormat. I sudah bagi chance kepada you, ok?*

Tuan Pengerusi, saya hendak jawab tentang isu *gender equality* yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Ketereh dan juga yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Sebenarnya isu kesaksamaan *gender (gender equality)* dengan izin, bukannya satu perkara yang mudah difahami oleh semua. Tetapi ini adalah satu konsep yang kita tidak boleh ketepikan kerana mengikut arus zaman dan lain-lain, isu *gender equality* ini menjadi satu isu perjuangan semua kerajaan dan di Malaysia kita tidak ketinggalan.

Dengan izin, *we can call it by any name, gender equality, gender equity, whatever it is.* Kita mesti ada kesaksamaan dan keadilan di antara lelaki dan wanita. Cuma mungkin cara dia lain. Itu sahaja. Dengan izin, *equal opportunity* - peluang yang sama, kebebasan, hak asasi itu adalah daripada kami di kementerian, dengan izin *gender equality*.

Jadi kepada semua yang terbabit jangan susah hati. *Branding gender equality* di bawah kementerian saya adalah satu *branding* yang adil dan saksama untuk kaum wanita dan juga kaum bapa.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, kalau dapat habiskan jawapan sebelum pukul enam.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Ok. Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Sungai Petani memohon peruntukan lebih. Kalau kakitangan tidak cukup, bolehkah mengambil pegawai-pegawai lebih. Insya-Allah, akan saya tentukanlah, kalau boleh dengan bantuan daripada pihak JPA nanti.

Yang Berhormat bagi Ampang menyatakan tentang *day care centres* untuk warga emas. Insya-Allah, Yang Berhormat bagi Ampang, ini perjuangan kita. Kadangkala hendak mendapatkan duit daripada kerajaan susah. Sebab itu kita memberikan geran-geran kepada NGO. Kalau di kawasan Yang Berhormat ada NGO yang hendak buka *day care centre*, maklumkan kepada kami, akan kami berilah sedikit sebanyak peruntukan.

Mengenai bayaran tertunggak yang dibawa oleh Yang Berhormat bagi Jerai juga. Saya, insya-Allah, seperti mana yang saya katakan kita monitor. Saya sedia maklum bahawa ada kesulitan di sana sini tetapi sekarang kita hendak tentukan bahawa bayaran dibuat dengan cepat.

Saya dan juga Ketua Pengarah JKM menghalusi, kita *check* dan bagi *warning* kepada pegawai jangan lambat, sekarang saya sudah kata. *Within* sebulan semua kena beres kes-kes yang dikemukakan. Boleh atau tidak boleh maklumkan kepada mereka.

Saya sudah maklumkan kepada pegawai JKM tidak boleh lambat. Saya bersetuju kalau ada kes-kes lambat emelkan kepada kementerian dan kita akan tentukan ia tidak berlaku.

Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa. Saya hendak maklumkanlah, Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa ini bahasanya begitu tinggi sekali. Walaupun beliau daripada pembangkang tetapi saya dengar hujah beliau penuh beradab, menghormati wanita. Yang lain-lain itu saya tidak tahulah macam mana di sebelah sana. Tetapi saya hendak mengucapkan terima kasih di atas pujian Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Yang Berhormat bagi Kepong baik.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Yang Berhormat bagi Kepong, ada kalanyalah. Tetapi saya mengucapkan terima kasih. Seramai 200,000 lepasan SPM, pengasuhan dan pembantu rumah, insya-Allah, akan kita ambil perhatian dan kalau boleh kita akan adakan kursus-kursus untuk mereka.

Yang Berhormat bagi Bera - Semai Bakti, saya hendak memaklumkan kepada Yang Berhormat, program PDK adalah program di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat. Jangan sesiapa tidak tahu pula tentang itu. PDK ini telah bertahun-tahun diwujudkan. Baru dua, tiga tahun ini, alhamdulillah, Semai Bakti bersama-sama sebagai *smart partner* dengan JKM, mereka wujudkan program di kawasan FELDA dinamakan Semai Bakti. Saya takut nanti jasa JKM yang bertahun sudah buat orang tidak tahu.

Hendak wujudkan PDK, Yang Berhormat, bukan sekelip mata boleh. Ia memakan masa. Jadi, mesti ingat, PDK adalah hasil usaha Jabatan Kebajikan Masyarakat. Kementerian bagi sebanyak RM500,000 untuk Semai Bakti jalankan program. Insya-Allah, untuk gaji guru PDK, kursus mereka dan semuanya, Yang Berhormat, sebenarnya diuruskan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam membangkitkan mengenai HIV/AIDS. Yang Berhormat, saya pun bimbang. Kepada kaum bapa saya hendak mengingatkanlah berhati-hati....

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Yang Berhormat, saya hendak cadangkan, guru-guru tadi itu janganlah dilantik di kalangan orang-orang yang sihat. Berilah peluang kepada orang OKU juga menjadi guru supaya menampakkan bahawa mereka diberi peluang dan diberi penghormatan untuk mendidik mereka yang kurang upaya. Apa pandangan Yang Berhormat tentang masalah ini?

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Saya bersetuju. Saya pun tidak teringat sebelum ini. Alhamdulillah, saya akan bincang dengan JKM, Yang Berhormat.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Kalau boleh kita mulakanlah mulai tahun depan, Yang Berhormat, berapa orang yang patut menjadi guru OKU di kalangan orang yang kurang upaya sahaja, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Ok, tidak menjadi masalah, Yang Berhormat. Kita mulakan di Larut.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Yang Berhormat, saya faham di bawah JKM ini sebab itu saya utarakan kepada Yang Berhormat perkara-perkara yang saya cadangkan tadi, masalah guru, masalah kekurangan dan macam-macam tadi. Tetapi saya belum mendapat jawapan. Apa jawabannya?

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Ya, kita akan mempertingkatkan lagi kursus-kursus latihan dan lain-lain keperluan untuk menentukan PDK ini adalah yang terbaik. Terima kasih, sebab saya tahu Yang Berhormat, memang berminat tentang PDK. Oleh sebab itu dalam masa terdekat kita akan tentukan PDK di kawasan Yang Berhormat menjadi kenyataan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]:** Ambil hati tu!

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, yes, memang betul. Ini sebagai peringatan kepada kaum bapa, berhati-hatilah. Saya tidak payahlah hendak berikan syarahan yang panjang lebar tetapi berhati-hatilah.

Untuk Yang Berhormat bagi Tebrau, saya rasa banyak daripada soalan Yang Berhormat bagi Tebrau telah pun dijawab, hospital khas untuk warga emas, boleh kita ketengahkan.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Penjelasan.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Kalau ada Insya-Allah. Ya!

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Sedikit mengenai HIV Aids. Yang Berhormat Menteri saya kluatir kerana dasar yang kita ada sekarang, polisi yang kita ada sekarang tidak ada apa-apa yang menyekat sesiapa yang ada penyakit Aids itu untuk berkahwin dan sebagainya. *Epecially among the Indian, arrange marriage*, dengan izin, *it is a very common thing*. Selepas ini saya ada pelanggan yang keadaan macam ini, selepas dia kahwin, ada anak, baru dia sedar. *She is an innocent women was caught* tetapi oleh kerana tidak ada apa-apa undang-undang, masyarakat *just keep a look*. *But I think* itu adalah satu perkara yang perlu perhatian. Apa usaha yang boleh dibuat supaya mengatasi masalah ini.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya kerajaan memberi peruntukan yang besar kepada Kementerian Kesihatan untuk menangani isu HIV Aids ini tetapi kita menjadi rakan dalam perjuangan bersama Kementerian Kesihatan. Saya ada bincang dengan Menteri kesihatan supaya dapat kita ada satu *comprehensive plan* untuk menangani isu ini.

Yang Berhormat bagi Pasir Mas, kerja wanita mesti dihadkan tentu masa. Sebenarnya saya sudah maklumkan bahawa zaman sudah berlalu. Saya dengar ucapan Yang Berhormat tadi, saya rasa nostalgia. Satu ketika dahulu memang betul wanita semua duduk di rumah jaga anak tetapi hari ini itu bukan kenyataan. Kenyataan hari ini, wanita terpaksa bekerja, terpaksa menampung pendapatan keluarga, kalau tidak memang tidak boleh hendak menjaga keluarga.

Namun begitu saranan Yang Berhormat akan saya bawa kepada kerajaan, kita tengoklah macam mana.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ya, Yang Berhormat bagi Ketereh, bersetujukah?

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat. Adakah Yang Berhormat bersetuju kalau saya katakan daripada membiarkan isteri balik awal dan memasak, kemudian kita kena suap sendiri, adalah lebih baik isteri beli makanan di luar, dia balik suap kita. Setuju atau tidak? Terima kasih.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Kes suap ini. *[Ketawa]*

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Susah hendak jawab itu. Kepada saya beginilah, Yang Berhormat, tepuk dada tanya selera. *[Ketawa]* Kalau Yang Berhormat suka isteri masak di rumah seperti mana Yang Berhormat ini kata, air tangan isteri lagi sedap, kalau bolehlah, *go a head*, tidak ada masalah.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Tetapi kena suap sendiri.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Kena sama-sama.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Dia masak, kita suap sendiri.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Yang Berhormat, beginilah sama-samalah kita suap.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Ya, suap-menyuaplah. *[Ketawa]*

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Saya hendak tanya, kenapa pula.....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Setuju suap-menyuap.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Saya tidak setuju, Yang Berhormat bagi Ketereh. Sudah bini masak, kita suaplah.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Kepada saya, saya tidak setuju itu.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Muda-muda tidak apalah.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Pada saya zaman ini kalau hendak suap, dua-dua kena suap sekali. Betul atau tidak?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Suap-menyuaplah. *[Ketawa]*

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Kenapa pula wanita sahaja yang hendak suap suami, suami pun kena suap isteri. Kemesraan yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi.

*[Dewan riuh]*

**Beberapa Ahli:** Betul, betul.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Betul, ya. Terima kasih pembangkang.

[Ketawa]

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Suap-menyuaplah.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Kepada Yang Berhormat bagi Kelana Jaya, geran pelancaran pada masa ini memanglah tidak banyak, akan kita lihat kembali. Yang Berhormat bagi Lipis dan semua Ahli Yang Berhormat yang tanya fasal dasar sosial negara, memang betul, saya mengambil maklum tentang prestasi implementasi dasar sosial negara. Insya-Allah, saya sudah maklumkan ini adalah di antara, selain daripada OKU, ini adalah agenda utama untuk tahun 2007.

Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu, kenapa kita masih guna orang kurang upaya (OKU). Saya bersependapat dengan Yang Berhormat, tetapi malangnya di dalam dialog-dialog kementerian dengan persatuan dan juga OKU, majoriti daripada mereka tidak setuju kita tukar OKU kepada orang kelainan upaya. Sebab mereka kata, kalau dia kurang upaya, kurang upaya, kalau saya buta, saya buta, saya pekak, saya bekak. Mereka yang tidak mahu beri kebenaran kepada kementerian untuk menukar.

Saya hendak pujuk sekali lagi tetapi saya fikir pula, kita yang bukan dalam kategori orang kurang upaya, siapalah kita hendak buat keputusan untuk mereka. Tiap-tiap kali saya guna perkataan orang kurang upaya saya sendiri hendak rasa macam menitis air mata. Saya sendiri hendak guna perkataan orang kelainan upaya tetapi mereka kata, 'no'. Jadi, kita di dalam rundingan ini, kalau dapat kelulusan daripada mereka kita akan tukarkan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tidak payah tukarlah.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Yang Berhormat, saya takut masa berlalu ini, hendak jawab lagi atau hendak berhenti di sini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Kalau boleh berhentilah.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Berhenti.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ringkaskanlah, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Okey. Untuk tahanan, Yang Berhormat bagi Seputeh. Tahanan remaja yang *offenders* akan kita ambil tindakan yang sewajarnya.

Yang Berhormat bagi Pematang Pauh, *family planning*, kegunaan *contraceptive*, kurang, tidak naik. Dengan izin, *I wonder why it is*, bahawa kegunaan *contraceptive* ini kekurangan dan tidak naik. Mungkin kita perlu ada satu kajian untuk mendapati kenapa insiden ini berlaku dan apabila kajian itu dibuat akan kita maklumkan kepada Yang Berhormat bagi Permatang Pauh.

Yang Berhormat bagi Maran, isu PDK. Isu PDK telah pun kita jawab. Yang Berhormat bagi Sabak Bernam, kajian kaunselor di tambah. Insya-Allah akan kita tambah. Yang Berhormat bagi Pendang, JPJ – hendak cari satu cara. Kita akan maklumkan kepada JPJ.....

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** [Bangun]



**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Maran bangun.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Yang Berhormat bagi Maran, yes.

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Yang Berhormat, tentang PDK bukan saya hendakkan keseluruhan tetapi saya hendakkan supaya di Maran diwujudkan satu PDK sebab kita ada 90 orang, orang kurang upaya. Harap dapat diluluskan.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Okey, kita akan tentukan. Saya pun pernah turun di kawasan yang akan kita jalankan.

Yang Berhormat bagi Batu Gajah, bayi dibuang - puncanya. Macam-macam puncanya, Yang Berhormat. Saya hendak maklumkan sebenarnya jangan sesiapa memikirkan kerajaan tidak ada tempat untuk mereka. Saya hendak maklumkan di rumah-rumah perlindungan, di bawah JKM ada beberapa kes seperti ini, cuma kita tak hebohkan. Kalau kita hebohkan bahawa kita ada rumah perlindungan untuk kes-kes seperti ini, bayi yang dilahirkan luar daripada nikah, nanti orang kata kita pula hendak buat promosi. Jadi, saya hendak memaklumkan bahawa kalau ada kes seperti ini rujuk kepada pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat, ada tempat perlindungan yang selamat untuk ibu dan anak.

Yang Berhormat bagi Bagan, sama juga peruntukan OKU dan lain-lain. Yang Berhormat bagi Kuching, saya sudah jawab. Yang Berhormat bagi Ipoh Barat, gejala sosial, masyarakat India. Kita ada ..... India di bawah kementerian, saya akan tentukan ianya berjalan dan mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri akan dapat membantu saya dengan beberapa NGO dan juga yayasan untuk agenda ini. Kita telah pun mendapat permohonan daripada beberapa NGO untuk mengadakan program-program spesifik untuk kaum India akan kita jalankan.

Akhir sekali Yang Berhormat bagi Jerai....

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Yang Berhormat, cuti bersalin.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Ha, cuti bersalin. Yang Berhormat, malangnya usaha kita yang 84 hari itu memanglah - ceritanya begini, kerajaan tidak tolak, cuma apabila perbincangan dibuat saya nampak bahawa beberapa yang khuatir, bukan kerana mereka tidak mahu bagi tetapi kementerian-kementerian mereka khuatir, nanti kalau kita bagi 84 hari kepada wanita, mungkin *employer*, ....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Majikan.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Majikan tidak mahu lagi wanita menjadi pekerja, sebab dia kata leceh, lambat. Jadi, itulah keraguan kementerian yang lain, bukan kerana mereka diskriminasi atau rasakan ia tidak mustahak. Jadi, saya tarik balik kertas kerja itu, kita buat lagi kajian dan kita hendak tunjuk kepada kementerian, insya-Allah, jangan khuatir. Sebab apa, hari ini persekitaran pekerjaan wanita ramai, kalau kita tidak siap persekitaran yang lebih mesra wanita, dari segi *crèche* atau pusat jagaan kanak-kanak, cuti bersalin, tempat penyusuan, satu hari dalam masa terdekat wanita tidak akan bekerja.

Jadi, kepada kaum bapa fikirlah, hendak wanita bekerja, ada pilihan lain, kita mesti sedia persekitaran yang lebih mesra keluarga tetapi saya faham apabila saya tengok ada yang lain hendak tanya soalan, macam dia ragu-ragu saya tarik balik kertas kerja buat sementara, gencatan senjata. Ini tidak bermakna bahawa kita kalah di dalam peperangan. Wanita mana boleh kalah di dalam peperangan.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Saya bersetuju, Yang Berhormat!

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Kita akan masuk balik selepas ini.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Yang Berhormat bagi Kepong marah, Yang Berhormat bagi Kepong marah.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Yes, Yang Berhormat bagi Kepong.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Yang Berhormat bagi Kepong, sensitif.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Wanita tidak boleh kalah sekarang.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Yang Berhormat bagi Kepong, mahu sokong atau tidak?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Pengarah pun, Naib Canselor pun daripada wanita sudah, sekarang.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, apa kena mengena tengok itu buku, tiga kali lima. *[Ketawa]*

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi, saya hendak tanya.....

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Buku along. *[Ketawa]*

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Memang ada banyak soalan tetapi tadi Yang Berhormat belum lagi jawab soalan saya, teguran saya, permintaan saya, supaya.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Belum sampailah, Yang Berhormat, belum sampai. Yang Berhormat bagi Kepong, belum sampai.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Bukan, tadi dia kata yang terakhir. Dia sayang kepada Yang Berhormat bagi Jerai.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Oo!

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Saya baik.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Macam mana tidak cuba, tanya dia lah, baik atau buruk saya tidak tahulah itu.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Yang Berhormat sebenarnya, dengan izin, *I'm saving the best for last*. Yang Berhormat yang *last*, tapi *the best*, sebab saya Ketua Wanita di Kepong, saya kenal Yang Berhormat daripada mula saya masuk politik, jadi terlekat di hati saya senyuman Yang Berhormat. Jadi apa dia Yang Berhormat hendak tahu, beritahu kepada saya Yang Berhormat. Apa dia yang saya tidak jawab lagi soalan Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Dia cemburu [*ketawa*]

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tapi apa jua bicara Yang Berhormat, saya telah ambil maklum, Insya Allah kita akan ambil tindakan yang sewajarnya. Itulah saja Yang Berhormat saya ucapkan terima kasih.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ucapan saya..[Ketawa]

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Yang mana Yang Berhormat?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Yang Jerai tidak selesai lagi.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Yang Jerai...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Seputeh juga ada banyak isu yang belum dijawab.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** OKU, kuota kepada OKU yang bekerja, Yang Berhormat sebenarnya kita sudah ada polisi Yang Berhormat. Polisi kerajaan supaya ada penempatan orang kurang upaya dalam kerajaan. Tapi, ia makan masa. Saya telah hantar surat kepada KSN yang dahulu memperingati beliau bahawa sebenarnya ada polisi dan pihak JPA sedang mengambil tindakan yang sewajarnya.

Jadi kes Yang Berhormat itu, bagi pada saya kalau bolehlah kita akan bantu untuk menempatkan OKU Yang Berhormat kata tadi daripada Jerai.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Saya hendak tanya mengenai, dengan izin, rumah kos rendah untuk ibu tunggal.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Itu orang bujang.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Okey Yang Berhormat *last 2 question* yang bujang dengan penempatan ibu tunggal di rumah kos rendah.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Pengemis?

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Okeylah 3 isu lah. Yang Berhormat, sebelum kewujudan kementerian, ibu tunggal memang tidak ada tempat, tidak ada tempat langsung. Tetapi hasil daripada perjuangan kementerian, sedikit sebanyak pada hari ini mereka, maruah mereka terbela dan selain daripada itu ada beberapa polisi kerajaan yang memberi keutamaan kepada mereka. Hari ini, ada polisi kerajaan yang menyatakan bahawa ibu tunggal apabila mereka mendaftar untuk mendapat rumah kos rendah, mesti diberi keutamaan. Kalau yang tidak dapat Yang Berhormat, ia bermakna bahawa kawasan itu tidak cukup rumah PPR atau kos rendah. Kawasan saya sendiri pun Yang Berhormat, bukan semua ibu tunggal yang *register* dengan DBKL dapat saya sokong untuk beri rumah. Masalah dia bukan kerana tidak diiktiraf ibu tunggal, kerana tidak cukup *number* (bilangan) rumah kos rendah ini.

Tapi Insya Allah hari ini Yang Berhormat pada sayalah perhatian yang diberi sewajarnya kepada ibu tunggal. Bagi menjawab...

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:**... Mengenai rumah kos rendah itu, macam di kawasan Ipoh, ada rumah yang telah disiapkan. Akan tetapi agensi kerajaan perlukan deposit

RM500, RM600 yang perlu dibayar. Mereka tidak ada wang tersebut. Jadi macam mana kementerian boleh menolong pihak-pihak begini.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Okey, saya nanti bincang Yang Berhormat selepas ini, kalau ada kes-kes yang mana kalau bolehlah kita cari, kerajaan memang kita tidak boleh bayar deposit untuk mereka, kerana tidak ada peruntukkan. Mungkin kita akan cari jalan yang lain Yang Berhormat. Tapi, mungkin saya akan tengoklah isu tentang deposit ini kalau boleh dia dengan izin, *waive*, mungkin kita dapat perjuangkan.

Akhir sekali isu Seputeh.....

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Latihan *gender* pun belum jawab lagi.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Latihan ya. Kita sebab masa tidak mengizinkan, saya satu malam pun boleh. Okey isu latihan *gender* Yang Berhormat, di bawah MPWK di semua kawasan Parlimen kita ada satu program yang dinamakan *Gender Agenda* telah pun diturunkan program aktiviti *gender* ini.

Keduanya Yang Berhormat, kita sebagai satu kerajaan, kita memang *gender* sensitif, kita ada *gender budgeting* 5 kementerian telah diberi kelulusan oleh kerajaan untuk kita ada kita punya kaedah-kaedahnya. *Insyallah* Yang Berhormat, satu demi satu langkah telah pun diambil untuk menentukan isu *gender* ini diberi perhatian.

Akhir sekali pengemis. Kita buat masa ini, tadi Ketereh pun ada tanya kes yang rayau, dengan izin, *neither here nor there*. Kita buat masa ini kita ada 2 pusat penempatan. Satu di Mersing, satu di Jerantut, di mana kes-kes seperti itu kita tempatkan. Tetapi malangnya ada peningkatan pada masa ini saya tengok mungkin sindiket-sindiket sama ada mereka mengemis ataupun tidak ada pembelaan yang berleluasa di jalanan. Pihak JKM bersama-sama dengan polis dan pihak berkuasa yang lain mengambil tindakan *ad-hoc* kalau kita dapat maklumat dan lain-lain.

Tapi kalau kita dapat duit lebih Yang Berhormat Ketereh, insya-Allah kita akan bina rumah-rumah untuk mereka ini. Saya rasa cukuplah jawapan, saya ucapkan terima kasih kepada semua. *Insyallah* kita akan membela nasib rakyat. Sekian. Assalamualaikum w.b.t

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM616,838,400 untuk Maksud B.48 di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM616,838,400 untuk Maksud B.48 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM114,121,100 untuk Maksud P.48 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2007 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM114,121,100 untuk Maksud P.48 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2007.

**Maksud B.49 [Jadual] –  
Maksud P.49 [Anggaran Pembangunan 2007] –**

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Kepala Bekalan B.49 dan Kepala Pembangunan P.49 di bawah Kementerian Pengajian Tinggi terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Alor Star.

**5.46 ptg.**

**Dato' Chor Chee Heung [Alor Star]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Perbincangan saya terhadap Kementerian Pengajian Tinggi pendek sahaja. Cuma dua tiga isu. Tuan Pengerusi, bila kita sentuh tentang isu pengajian tinggi, saya ingin pergi ke Butiran 40000 dan 5000 perbelanjaan mengurus, khususnya pemberian dan bayaran tetap kepada IPTA.

Seperti kita semua maklum Tuan Pengerusi, misi kerajaan mengenai IPTA, IPTS dan kolej-kolej di antara lain mencapai satu sistem pengajian tinggi bertaraf dunia yang membantu memenuhi aspirasi negara dalam melahirkan bangsa Malaysia yang berpengetahuan luas dalam era globalisasi dan juga menyediakan tenaga kerja yang mahir dan profesional untuk keperluan dalam memacu kemajuan negara. Kini kita sedang menghasilkan lebih ramai intelektual yang bertaraf dunia supaya Malaysia menjadi sebuah negara yang disegani oleh negara yang lain.

Oleh yang demikian Tuan Pengerusi, sebelum kita dapat, kita memang mempunyai satu perancangan. Tetapi sebelum kita boleh mencapai misi tersebut ini, yang cukup penting ialah yang pertama, *capital grant* kepada universiti-universiti khususnya IPTA. Sama ada *capital grant* yang diberikan macam pemberian tetap kepada IPTA, pada tahun depan ini sama ada ianya mencukupi supaya universiti-universiti dapat menggunakan *grant-grant* yang diberikan oleh kerajaan dari segi penyelidikan, menghantar pensyarah-pensyarah, profesor-profesor yang mengambil bahagian dalam forum antarabangsa dan lain-lain lagi.

Ini adalah cukup penting, sebab tanpa pemberian *grant* yang mencukupi memang profesor kita, pensyarah kita di universiti-universiti tidak dapat membuat penyelidikan. Ini kalau kita boleh tengok universiti-universiti terkemuka di negara lain, mereka ini dapat *grant* cukup-cukup banyak, Harvard, Oxford, kita dapat melihat. Mereka ini dapat cukup banyak, supaya mereka ini dapat membuat *research* selepas *research*, profesor mereka, pensyarah mereka ini dari segi *peers review* Tuan Pengerusi, kita boleh melihat antarabangsa, mereka ini mempunyai tahap antarabangsa yang cukup-cukup membanggakan.

Memang kita hendak harap supaya universiti di negara kita mencapai setakat itu juga, di *standing* antarabangsa. Kita harus memastikan supaya universiti-universiti di negara kita mencapai kecemerlangan seperti universiti terkemuka di dunia ini. Buat masa ini negara kita

mempunyai 18 IPTA dan saya percaya akan bertambah lagi. Kerajaan akan memberi kelulusan kepada negeri supaya IPTA dapat di wujudkan di negeri-negeri yang masih tidak mempunyai IPTA.

Maka saya ingin bertanya, adakah penubuhan universiti-universiti IPTA di negeri ini merupakan satu janji politik sebab pada pendapat saya bila kita sentuh tentang isu pendidikan, politik tidak ada. Tidak boleh menjadi satu faktor. Yang cukup penting ialah sama ada universiti-universiti di negara kita ini buat masa ini mencukupi bagi memenuhi keperluan di negara hari ini. Saya juga ingin bertanya kalau kita mempunyai 18 IPTA mungkin akan tambah lagi. Adakah kita mampu supaya kita dapat memelihara universiti IPTA untuk mencapai kecemerlangan atau pun kita hanya menumpukan terhadap dua tiga universiti yang agak mempunyai sejarah di negara kita yang lain itu kita hanya bagi mereka ini wujud dan bagilah oleh kerana begitu banyak penuntut yang ingin dapat tempat di universiti, tidak cukup maka mereka ditolak ke universiti-universiti yang lain.

Yang kedua, adakah geran seperti saya tanya tadi untuk tahun depan mencukupi untuk semua. Adakah *manpower* kita cukup? Kita mempunyai universiti khususnya IPTA *manpower* kita seperti pensyarah, *professor* dan lain-lain *expert* dengan izin cukup atau tidak? Sebab apa saya tidak melihat sepuluh tahun kebelakangan ini universiti-universiti yang boleh dikatakan mempunyai sejarah dan juga terkemuka di negara kita sendiri tidak pernah jemput *professor-professor* dan pensyarah-pensyarah untuk menjadi *visiting professor* tidak dengar sangat. Cuma sekali-skala ada *professor* dari Harvard, Oxford dia datang sekali dia bagi ucapan sedikit lepas itu dia orang balik ke negara. Sebab apa kita tidak menggalak supaya *professor-professor* dari negara lain datang sini buat sabbatical atau datang sini buat *research*. Kalau kita harap hendak mencapai kecemerlangan, banyak yang harus kita buat Tuan Pengerusi. Harus kalau kita hendak juga supaya memastikan universiti kita mencapai kedudukan dalam *top 100 university in the world* banyak yang harus dibuat. Saya ingin mencadangkan Tuan Pengerusi supaya kerajaan kita menumpukan perhatian terhadap dua tiga buah universiti cukup. Yang lain itu memang kita hendak juga menggalak kita supaya mencapai kecemerlangan tetapi kita tidak boleh buat 18 kali dapat.

Kita tumpukan tenaga terhadap tiga buah universiti mungkin Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia ataupun Universiti Pertanian. Tidak kira cuma kita betul-betul tumpu dalam tiga tahun ini yang tiga buah atau empat buah universiti ini betul-betul

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat mana ada Universiti Pertanian lagi?

**Dato' Chor Chee Heung [Alor Star]:** Universiti Putra minta maaf. Kita orang tua dah fasal dahulu Universiti Pertanian. So kita kena harus tumpukan perhatian terhadap dua tiga dan betul-betul dua tiga ini mencapai standard.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat boleh gulunglah.

**Dato' Chor Chee Heung [Alor Star]:** Sedikit lagi Yang Berhormat. Isu yang kedua Tuan Pengerusi ialah *employability*, dengan izin. Kita dengar melebihi 60,000 graduan yang masih menganggur. Apa sebabnya? Mungkin kita harus mengikut contoh di negara-negara jiran atau di negara lain saya tidak mahu kata Singapura supaya pemohon-pemohon hendak masuk universiti bukan ikut mereka suka. Dia ingat kursus yang mereka suka ikuti mereka buat permohonan. Kerajaan kena mengadakan satu garis panduan. Kita perlu *manpower* di sektor apa. Kita mungkin boleh galakan supaya pemuda-pemudi ini hendak masuk universiti pun harus mengikuti kursus yang diberikan panduan oleh kerajaan.

Tuan Pengerusi *last* sekali di bawah Butiran 070500 iaitu di bawah LAN (Lembaga Akreditasi Negara). Saya ingin bertanya pada Yang Berhormat Menteri sebab saya tahu Yang Berhormat Menteri ini seorang teknokrat bukan *politician* sangatlah walaupun seorang *politician* beliau seorang teknokrat beliau memang menumpukan sepenuh masa sebagai Menteri Pengajian Tinggi *so far* prestasi beliau cukup baik. *So* memang cukup baik kita dapat melihat sejak beliau menjadi Menteri kita dapat melihat. Saya ingin bertanya juga adakah kita mempunyai pegawai-pegawai penguat kuasa yang menjalankan pemeriksaan terhadap IPTA, IPTS. Sama ada IPTS ini memang berfungsi mengikut apa yang ditetapkan.

Saya lebih khuatir dari segi ijazah-ijazah yang dikeluarkan oleh IPTS, mereka ini memang dapat mengadakan begitu banyak kursus *twining* dengan universiti di luar negara hingga tidak mencapai piawaian yang kita harap-harapkan. Satu lagi masalah ialah ijazah universiti palsu. Sekarang terlalu ramai yang dikenali sebagai doktor ini, doktor itu, Phd ini, Phd itu semua ini sebenarnya adalah kebanyakan adalah hanya peniaga yang telah pun berani jadi kaya mereka ini membeli oleh kerana mereka tidak mempunyai peluang untuk mengikuti kursus di universiti maka, ada ke? MP tidak ada, MP yang ada Phd semua benar punya. Semua benar-benar mengikuti kursus tetapi di luar Dewan ini memang terdapat begitu ramai. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri sama ada bagaimana kita boleh mengawal keadaan ini. Adakah ini menjadi satu kesalahan kalau mereka ini menggunakan *title* doktor atau *professor* dan universiti yang memberikan ijazah ini University Beverly Hills, University Timbuktu dan lain-lain cukup banyak. Itu sahaja Tuan Pengerusi terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik Yang Berhormat cukup. Yang Berhormat bagi Ipoh Timur.

**5.57 ptg**

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Tuan Pengerusi saya sebut Butiran 010000. Kementerian Pengajian Tinggi sebenarnya satu antara lima kementerian yang dapat anggaran yang tertinggi dan ini memang sewajar oleh kerana sangat penting kementerian ini maksudnya ialah untuk mencapai satu sistem pengajian tinggi yang bertaraf dunia yang membantu

memenuhi aspirasi negara dalam melahirkan bangsa Malaysia yang berpengetahuan luas dalam era globalisasi. Memang kita menghadapi satu dilema globalisasi baru-baru ini apabila boleh dilihat dengan perkembangan baru-baru ini di mana Vietnam *Intel global chipmaker* boleh melaburkan sehingga USD1 bilion di Vietnam. Apa sebabnya oleh kerana dengan izin, *vibrant population and increasingly strengthen education system of strong workforce and a very forward looking government*. Dan ada disebutkan dengan izin, *where Intel goes the IT industry often tends to follow*. Tetapi di Malaysia Intel menghadapi *the great microchip robbery* RM100 juta yang menghadapi sama ada FDI akan takut dan lari.

Itulah satu dilema globalisasi yang kita hadapi dan sebab itu mustahak bahawa Kementerian Pengajian Tinggi boleh mengatasi masalah ini dan beberapa isu akan saya sebut dan yang pertama saya berharap Yang Berhormat Menteri boleh memberi penjelasan sama ada benar bahawa kerajaan sudah bersetuju untuk memperuntukkan RM500 juta kepada University Cambridge dan di mana Petronas dan Khazanah Nasional masing-masing telah menyerahkan RM190 juta sementara bakinya akan di kumpul dari sumbangan bank-bank asing yang berpangkalan di Malaysia. Oleh kerana kalau kita lihat dalam IPTA selain daripada UiTM, tidak ada sebuah universiti yang dapat lebih daripada RM500 juta ini. Kenapa buat keputusan yang macam ini oleh kerana apa yang lebih penting ialah menggunakan wang supaya universiti-universiti tempatan boleh mencapai kecemerlangan boleh dapat taraf dunia. Yang kedua, minggu lalu Yang Berhormat Menteri ada beritahu Dewan yang mulia ini bahawa graduan-graduan UiTM lebih *employable* berbanding dengan graduan-graduan tempatan yang lain oleh kerana *command* Inggeris mereka lebih kuat.

Yang pertama, bukankah benar bahawa sudah lima tahun kerajaan sudah mengarahkan UiTM buat satu dengan izin, *180 degrees switch* supaya menggunakan Inggeris sebagai *medium instruction* selain daripada bahasa asing dan tidak ada *transition period*. Bukan sahaja untuk kursus-kursus yang berasaskan sains tetapi untuk semua kursus-kursus berasas *arts* dan kemasyarakatan serta bahawa pengajaran dan penilaian untuk pelajar-pelajar semua digunakan seratus peratus dalam bahasa Inggeris. Kenapa ini tidak di...

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Dilaksanakan.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** ...diadakan dan adakah ini akan digunakan, dilaksanakan untuk semua universiti-universiti IPTA kalau mahu dapat situasi di mana graduan-graduan kita lebih *employable*. Sungguhpun Yang Berhormat kata bahawa graduan-graduan UiTM lebih *employable*, tetapi daripada satu jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Manusia pada bulan Jun yang menunjukkan bahawa graduan-graduan daripada UiTM adalah golongan yang terbesar sekali daripada *unemployed graduate*. UiTM, angka pada masa itu adalah 3,278 orang iaitu dua kali lebih besar daripada golongan yang kedua daripada Universiti Utara Malaysia ialah 1,532. Siapakah yang betul?



Nampaknya ini satu lagi contoh di mana kerajaan sendiri bercanggah sesama sendiri. Kita lihat sama ada Menteri Pelajaran dengan Timbalan Menteri Pelajarannya mengenai sekolah SJK(C) dan SJK(T) boleh bina atau tidak boleh bina? Sama ada mengenai NEP *equity* daripada Yang Berhormat Menteri, Timbalan Menteri Kewangan dan Menteri dalam Jabatan Perdana Menteri, apa ekuiti bumiputera? Nampaknya kenapa ada begitu *conflicting statements*, angka-angka dan data-data yang dikeluarkan oleh kerajaan sendiri?

Ketiga, saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri ada memberi jaminan bahawa pindaan kepada UUCA/AUKU akan dikemukakan dalam Parlimen pada bulan September. Ini sudah bulan Disember. Apa sudah berlaku? Oleh sebab ini mustahak, supaya kalau kita mahu satu iklim atau satu suasana di mana menggalakkan pelajar-pelajar kita, mahasiswa-mahasiswa kita, dan *academicians* kita boleh mencapai kecemerlangan. Iklim dan suasana akademik yang bebas. Bukan semacam di mana ada AUKU dan ada Surat Aku Janji. Kita menggalakkan mereka *cretin* dan bukan kecemerlangan. Di sini Dr. Azmi Sharom, *Associate Professor at the Faculty of Law, University of Malaya*, dalam The Star, 2 Oktober dalam satu rencana dan satu kolum iaitu, "*High jinks in students politics*". Ia ada membongkar mengenai keadaan dalam *campus election* khususnya. Banyak penyelewengan yang sepatutnya tidak berlaku.

Sama ada *fraud* dalam *election process* dan peraturan-peraturan. Dia tulis di sini, "*What the crazy rules. It makes a mockery of the idea of a true democracy.*" Kenapa Yang Berhormat Menteri boleh membenarkan keadaan semacam ini berlaku? *The system is set up to be so utterly sterile and insipid* di mana dia berkata dengan izin, "*University authorities then decide to get actively involved by clearly supporting one group of student candidates over another*". Ini mana adil? Dan, "*Certain activities which can be seen to be in contravention of the UUCA like the Selangor State Government's treating Aspirasi candidates to a stay in luxury hotel in Petaling Jaya prior to the elections this year, go unquestioned*" dan adalah juga kelakuan-kelakuan semacam samseng di Universiti Putra Malaysia di mana ada pelajar-pelajar yang mahu membantu pelajar-pelajar yang lain apabila universiti-universiti bermula dan semua undi-undi yang palsu pun semua berlaku.

Sebab itu akhirnya dia berkata, inilah kesimpulan-kesimpulannya dengan izin, "*As an educator, I pray that these allegations can be proven to be categorically untrue. Because if they are true, then what are we teaching our young people? That it is okay to have an electoral system that favors one group over or else? That it is okay to use one's power to behave in an unethical manner so that one can win?*" Ini semua soalan-soalan yang tepat dan patut direnung dan dikaji oleh Yang Berhormat Menteri dan semua IPTA. Tetapi apa yang berlaku, adakah pandangan Dr. Azmi Sharom diberi pertimbangan yang serius? Tidak! Dia diberi amaran! Dia diberi amaran oleh *Vice Chancellor* Universiti Malaya, Datuk Rafiah Salim dan tidak membenarkan beliau terus menulis kolum-kolum dalam surat khabar. Sebab itu, artikel itu

bertarikh 2 Oktober, artikel yang terakhir dalam The Star. Kenapa kita mahu menukar *academic* ke *freedom*?

Inilah jarang kita tengok ada *academicians* kita yang rela untuk memberi pandangan yang mungkin kritikal tetapi bernas dan patut digalakkan. Tetapi ini tidak. Kita ada seorang *Vice Chancellor* wanita yang sepatutnya memberi contoh untuk menggalakkan iklim yang lebih terbuka, dipaksa. Saya tidak tahu sama ada arahan daripada Yang Berhormat Menteri. Nanti kita harap ada satu keterangan supaya ini diberhentikan. Sekarang, kalau dia dibenarkan bahawa dia tidak boleh buat apa-apa komen mengenai hal ehwal Universiti Malaya. Kalau mahu komen, hal yang lain, tetapi tidak boleh. Bagaimana kita boleh *improve*? Bagaimana kita mahu universiti-universiti kita mencapai kecemerlangan taraf dunia? Tidak hairan kenapa kita sudah jatuh *ranking* kita dalam dunia tiga tahun berturut-turut.

Royal Professor Ungku Aziz ada berkata bahawa orang Melayu mungkin kalau ada "*kiasu*", iaitu mentaliti satu cara untuk mendapat kemajuan. Tetapi adakah kita rela ada "*kiasu*" ini? Kalau kita rela, kita mesti ada meritokrasi. Meritokrasi yang sebenarnya dan bukan yang palsu yang kita ada. Seperti meritokrasi untuk *ambition* masuk universiti-universiti untuk pelantikan, untuk kenaikan pangkat, *academicians* dan segala-galanya. Dalam IPTA, mengenai *ethnic relations* Yang Berhormat Menteri pun ada memberi penjelasan mengenai kurikulum ataupun Setiausaha Parlimen.

Mengenai kurikulum-kurikulum *ethnic relations*. Apa itu kurikulum-kurikulum *ethnic relations* yang kita akan ajar kepada pelajar-pelajar (mahasiswa-mahasiswi) kita? Bangsa Malaysia? Sekarang bangsa Malaysia dipersoalkan oleh Menteri Besar Johor mengenai sosial kontrak? Apa itu sosial kontrak?

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Dasarlah.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Bukan. Ini sebagai contoh, kenapa takut sosial kontrak? Di mana Menteri Pelajaran ada kata bahawa Perkara 1(a) ialah sosial kontrak. Bukan ini diluluskan oleh Parlimen 31 tahun selepas kemerdekaan? Mana itu dianggap sosial kontrak? Mengenai meritokrasi? Mengenai tujuan negara supaya membanteras rasuah? Adakah ini akan kita tanam di kalangan pelajar-pelajar di universiti? Adakah kita membenarkan mereka berdiri untuk menyuarakan kebencian mereka terhadap korupsi?

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat..

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Semacam pengisytiharan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat boleh gulunglah, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Ya, pengumuman yang berlaku. *Political corruption* yang berlaku dalam UMNO *pre-council*. RM600 juta diberi kepada Ketua Bahagian UMNO. RM200 sudah bajet. Ini *political corruption*.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, tetapi Yang Berhormat...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Adakah kita benarkan pelajar-pelajar?

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Tetapi Yang Berhormat, ini bukan pengajian tinggi.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** *Ethnic relations*. Sama ada dia membenarkan pelajar-pelajar untuk menyuarakan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, cukuplah.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** ...menyuarakan kebencian mengenai *political corruption* ini? Adakah kita benarkan? Adakah mereka membenarkan para pelajar dan *academician* berdiri dan berkata ini bukanlah sahaja *politic corruption*. Ini melanggar dengan Islam Hadhari. Kalau Islam Hadhari membenarkan ini, Islam Hadhari ialah *political corruption* juga.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, cukup Yang Berhormat. Cukuplah. Cukup Yang Berhormat. [*Dewan riuh*]

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Butiran? [*Dewan riuh*]

**Beberapa Ahli Yang Berhormat:** [*Menyampuk tanpa pembesar suara*]

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** IPTA, tak tahu?

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat. Baiklah Ipoh Timor.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Dan akhirnya saya harap ....

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** [*Bangun*]

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Apa itu? Takut pelajar-pelajar untuk menyuarakan kritikal fakulti dan bebas untuk ucap melawan korupsi, *political corruption* termasuk *corruption* dalam UMNO.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, cukuplah.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Cukup, ya. Mahu ganggu bukan?

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak payah, cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Baik, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Ampang.

**6.10 ptg.**

**Dr. Rozaidah binti Talip [Ampang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menjurus kepada Butiran 050100 - Universiti Malaya. Universiti Malaya adalah universiti tertua di Malaysia telah banyak sekali dikutuk terutamanya oleh Ketua Pembangkang atas penurunan dalam *ranking* THES. Tetapi kita melihat bahawa untuk Universiti Malaya mempertingkatkan setiap kriteria yang diguna pakai dalam THES ini memerlukan wang. Contohnya salah satu kriteria yang digunakan ialah nisbah pelajar antarabangsa. Dan untuk menarik lebih ramai pelajar antarabangsa, salah satu faktor yang saya rasakan begitu penting, yang harus ditawarkan oleh universiti adalah untuk menyediakan kemudahan penginapan. Dan ini tidak boleh berlaku

jika Universiti Malaya terpaksa mengeluarkan wangnya sendiri kerana Universiti Malaya merupakan satu-satunya universiti yang terletak di Lembah Klang dan sewanya sangat tinggi.

Apa yang berlaku sekarang, tempat penginapan yang ditawarkan oleh universiti, pelajar-pelajar antarabangsa ini menyewa empat orang sebilik. Dan jika keadaan ini berterusan, nama harum Malaysia tidak akan tersebar di luar negara kerana ianya tidak *conducive*, dengan izin. Dan kebanyakan pelajar-pelajar luar negara ataupun antarabangsa adalah yang membuat pasca ijazah ataupun *postgraduates studies*, dengan izin Tuan Pengerusi. Jadi bagaimanakah mereka hendak menyesuaikan keadaan jika mereka ingin membawa keluarga mereka bersama. Jadi faktor-faktor ini sebenarnya memberi satu tekanan kepada universiti tempatan terutamanya Universiti Malaya untuk mempertingkatkan *performance* mereka dalam THES.

Baru-baru ini Universiti Malaya terpaksa mengeluarkan wang sendiri Tuan Pengerusi sebanyak RM5.6 juta untuk memperbaiki setiap kriteria yang diguna pakai dalam THES supaya *ranking* kita naik, dan bukan sahaja memberikan satu kedudukan yang baik untuk Universiti Malaya tetapi kedudukan yang baik untuk negara kita. Jadi saya berharap dalam Bajet 2007, kementerian dapat menimbangakan secara serius tentang memberi peruntukan untuk menyediakan penginapan kepada pelajar-pelajar dari luar negara.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah Yang Berhormat, ada lagi?

**Dr. Rozaidah binti Talip [Ampang]:** Ada lagi. Bukan sahaja dari segi penginapan, sepatutnya di universiti-universiti ada pusat khidmat yang khas serta pegawai-pegawai yang khas untuk menjaga pelajar-pelajar dari luar negara.

Butiran kedua, ringkas sahaja Tuan Pengerusi. Butiran kedua ialah 050200 - Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM). Di mana kita lihat kelulusan yang diberikan berkurangan, sebenarnya PPUM memerlukan lagi RM15 juta untuk menampung perbelanjaan bekalan ubat-ubatan yang makin meningkat. Sebenarnya PPUM memohon sebanyak lebih RM300 juta tetapi tidak mendapat jumlah itu dan jumlah yang terkurang iaitu sebanyak RM15 juta, ini perlu kerana setiap tahun kita lihat bahawa terdapat peningkatan kos pembelian ubat-ubat disebabkan, satunya pertambahan bilangan pesakit. Keduanya, jenis dan kompleksiti penyakit yang telah mengakibatkan peningkatan kuantiti dan penggunaan ubat-ubat.

Dan secara puratanya Tuan Pengerusi, setiap tahun peningkatan bilangan pesakit di PPUM adalah sebanyak 20% hingga 25% setahun. Jadi saya harap kementerian dapat menimbangakan semula perkara ini supaya PPUM yang merupakan *teaching hospital* untuk Universiti Malaya juga dapat mempertingkatkan mutu. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, cukup. Yang Berhormat bai Dungun.

**6.14 ptg.**

**Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, beberapa minit sahaja.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ya, tiga minit.

**Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]:** Eh, lima minitlah, satu bulan tidak cakap. Pertamanya saya ingin menarik perhatian kepada Butiran 004000 – Pendidikan Politeknik dari segi anggaran projek, tetapi ia lebih kepada perkara yang berkaitan dengan Politeknik dan Kolej Komuniti yang juga dilihat dalam Butiran 030000.

Tiga tahun yang lalu, Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi, mantan Menteri Pengajian Tinggi mengumumkan salah satu daripada Kolej Komuniti yang akan dilaksanakan ialah di Parlimen Dungun. Cuma saya hendak tahu perkembangannya sama ada Kolej Komuniti di Parlimen Dungun ini akan dilaksanakan atau tidak. Adakah peruntukan yang sedia ada ini, salah satunya termasuk Kolej Komuniti di Parlimen Dungun.

Yang keduanya Tuan Pengerusi, ialah berkenaan Butiran Projek 02100 - Universiti Teknologi Mara. Saya melihat bahawa peruntukannya agak besar dan sebagaimana kita sedia maklum Tuan Pengerusi, hendak penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, iaitu baru-baru ini kementerian dan kerajaan Terengganu sendiri telah bekerjasama dengan arahan tertentu iaitu pelajar-pelajar UiTM akan ditambah daripada 100,000 kepada 200,000. Jadi salah satu daripada impaknya ialah penubuhan sebuah kampus baru di Bukit Besi yang kebetulannya berada dalam Parlimen saya. Jadi saya hendak tahu daripada peruntukan ini, kerana tanah telah disediakan oleh kerajaan negeri dengan bayaran *token* yang amat rendah iaitu RM1 sebagaimana saya dimaklumkan. Dan apakah sejumlah wang yang ada ini termasuk sekurang-kurangnya fasa pertama pembinaan kampus baru UiTM di Bukit Besi dalam kawasan Parlimen Dungun.

Yang ketiganya ialah, berkenaan dengan Butiran 04800, itu dah kata dah tadi. Dan akhir sekali iaitu berkenaan dengan Butiran 05007 berkenaan dengan Universiti Teknikal Malaysia-Jepun. Kita pun tahu bahawa ada perjanjian di antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Jepun dengan kerjasama beberapa universiti di Jepun. Di antaranya supaya dapat menubuhkan Universiti Teknikal Malaysia-Jepun. Tetapi apakah dengan peruntukan hanya RM10 juta ini anggaran projek dan apatah lagi anggaran bagi RM1 juta Universiti Teknikal Malaysia-Jepun ini akan menjadi realiti.

Sebagaimana Yang Berhormat Menteri sedia maklum, ketika Yang Berhormat Menteri selaku menteri yang menjaga, pengawal ataupun menguruskan hal ehwal EPU, *Economic Planning Unit* dulu, dari tahun 1992 lagi bahawa pengurusan pendidikan tinggi Jepun ini telah diadakan secara kerjasama di antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Jepun.

Malah dana terakhir iaitu dana pinjaman pendidikan tinggi 3 telah diluluskan kepada agensi MARA oleh EPU dan Kerajaan Malaysia berjumlah RM400 juta lebih adalah untuk memastikan supaya pelajar-pelajar di Malaysia dapat melanjutkan pelajaran ke Jepun dengan rangkaian yang sedia ada. Dan apakah kementerian berhasrat supaya UTMJ ini ataupun Universiti Teknikal Malaysia-Jepun ini yang dilihat agak lembap dilaksanakan dapat menyerahkan perkara ini kepada agensi yang sedia ada sekarang ini, yang telah menjalankan

tugas dan tanggungjawab sebagaimana dikehendaki dalam peruntukan ataupun butiran projek ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, Yang Berhormat bagi Sungai Petani.

**6.18 ptg.**

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Saya tidak akan jadi Ketua Pembangkang yang salah gunakan sesi ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, masuk kepada tajuk.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Ya, saya tidak akan salah gunakan berbincang mengenai dengan AUKU padahal ini bukan sesi AUKU lagi, sesi itu dah habis.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ya, masuk kepada tajuk Yang Berhormat.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Ya, tajuk dia, satu kita masuk kepada Butiran 050100 sehinggalah 052200. Iaitu peruntukan pada universiti-universiti kita. Di sini ingin saya persoalkan pihak kementerian, walaupun wang yang sebegitu banyak diperuntukkan pada setiap buah universiti. Saya ingin tahu juga tentang soal infrastruktur universiti-universiti lama terutama sekali di mana kemudahan-kemudahan pelajar saya tengok makin lama makin berkurangan dan tidak standard, kita panggil taraf dunialah bagi fasiliti-fasiliti yang diguna oleh pelajar.

Kalau kita pergi Universiti Malaya, UKM, USM, saya rasa kita punya kemudahan kepada pelajar amat terhad. Kita bercakap tentang universiti kita sebagai *world class* tetapi kita tidak sampai ke peringkat itu lagi. Maaf saya bercakap begini kerana saya sudah pergi beberapa buah universiti dan bertanya khabar mengenai dengan infrastruktur kemudahan pelajar tidak disediakan dengan begitu baik. Kita hanya bercakap menubuhkan beberapa buah universiti baru tetapi universiti-universiti yang sudah sedia ada tidak begitu dilengkapi.

Apatah lagi bilik-bilik pelajar untuk mereka berkumpul ataupun dengan izin, *students center* dan kemudahan-kemudahan seperti *computer room*, kemudahan-kemudahan lain yang maksud saya yang mana pelajar-pelajar telah bertambah tetapi kemudahan tidak juga ditambah.

Mengenai dengan Butiran 060400 – Lembaga Akreditasi Negara atau LAN. Di sini saya rasa pihak kementerian jangan sangat takut mengenai dengan orang kata menuduh bahawa universiti tidak mengeluarkan mahasiswa-mahasiswa yang ditentukan oleh pasaran. Di sini kita balik kepada konsep universiti. Universiti untuk membina pemikiran seseorang pelajar itu. Bukan ditentukan oleh *market forces*. Kalau kita hendak buat *market forces*, tidak perlulah kita buat universiti. Kita buat lebih banyak lagi pembikinan politeknik yang mana kita hendakkan pekerja mahir.

Di universiti, kita bukan sekadar untuk membina minda mereka tetapi lebih kepada kursus-kursus yang saya rasa diperlukan oleh pelajar. Jadi di sini saya bersetuju sangat dengan Yang Berhormat Menteri mengatakan kursus-kursus universiti janganlah kita anggap bahawa

salah kursus, maka penuntut itu tidak dapat pekerjaan. Ini jangan kita takut. Kita bina universiti, pegang kepada konsep universiti. Kalau tidak, kita banyakkkan politeknik.

Ini saya masuk pula Butiran 05004 – Bahagian Kebajikan Pelajar Luar Negara. Di sini ingin saya tegaskan juga kepada Yang Berhormat Menteri supaya MSD atau Malaysian Students Department kita dahulu kita juga bangkit mengenai dengan pegawai-pegawai agama mestilah kita lengkapi juga dengan pegawai-pegawai agama yang berkelayakan. Bukan pegawai agama hanya dengan nama ustaz sahaja yang kita lengkapi tetapi tidak menjalankan tugas seperti kaunselor juga kepada pelajar-pelajar ini dalam soal-soal agama dan sebagainya.

Seperkara lagi yang saya ingin bangkitkan dan berkali-kali saya bangkitkan ialah mengenai Butiran 05011 dan Butiran 05012 iaitu mengenai dengan Penyelidikan Fundamental (Latihan Penyelidikan Universiti). Di sini saya sekali lagi tidak ada ertinya kalau kita ada universiti tetapi tidak menjalankan penyelidikan. Sekali lagi saya tegas kepada Yang Berhormat Menteri...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat boleh gulung.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Ya. Supaya penyelidikan ini kita tambahkan peruntukan-peruntukan supaya pensyarah muda kita terutama sekali dapat melaksanakan kajian-kajian mereka dan dapatan itu dapat membantu pihak kerajaan dan agensi-agensi kerajaan. Di sini saya juga ingin mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri supaya kementerian-kementerian lain ataupun agensi kerajaan yang lain menggunakan kepakaran universiti tempatan. Kalaulah kita tidak dapat kepakaran itu daripada universiti tempatan, barulah kita beralih kepada luar negara.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, Yang Berhormat, cukup masa.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Hanya yang terakhir sekali ingin saya bangkitkan di sini...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah, Yang Berhormat.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** ...ialah hasil penyelidikan tadi, apakah pihak kementerian tidak mahu menggalak ataupun menambahkan lagi peruntukan kepada universiti untuk menghasilkan kajian-kajian mereka tadi dalam bentuk buku ataupun makalah-makalah dan sebagainya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, cukup.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Dengan ini saya sokong segala peruntukan yang ada di dalam Kementerian Pengajian Tinggi. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Mambong.

**6.25 ptg.**

**Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya ingin merujuk satu Butiran iaitu P.05011 – Penyelidikan Fundamental. Kita perlu tahu bahawa penyelidikan fundamental adalah penting untuk sumbangan kepada pengumpulan pengetahuan ataupun *contribution to corpus of knowledge*, dengan izin, dan pembangunan

intelektual. Ini adalah amat penting. Oleh yang demikian, kementerian janganlah mengarah IPTA untuk menjalankan penyelidikan menjurus kepada *commercialization*. Biarlah MOSTI buat penyelidikan *commercialization* ini kerana yang penting adalah *contribution to corpus of knowledge*, dengan izin.

Dengan peruntukan yang hanya RM40 juta ini dan setiap tahun 500 cadangan telah pun dihantar kepada kementerian untuk *bidding funding* yang RM40 juta ini. Hanya kurang daripada 30% cadangan yang telah pun diluluskan setiap tahun. Lagipun terdapat hanya lima pakar yang *review* cadangan-cadangan ini. Jadi ini adalah bebanan kepada pakar-pakar ini. Itulah sebabnya mereka tidak dapat membuat penganalisisan dengan mendalam tentang cadangan-cadangan yang telah pun dihantarkan kepada kementerian.

Akhirnya, pensyarah muda di mana mereka belum lagi mendapat pengalaman, belum lagi mendapat pengetahuan yang mendalam tentang penyelidikan dalam bidang-bidang mereka, bidang ikhtisas mereka, mereka inilah yang amat kecewa tentang apa yang disarankan oleh kementerian setakat ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, cukuplah Yang Berhormat.

**Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Oleh yang demikian, saya pohon agar peruntukan ini ditingkatkan lagi dan lihatlah pensyarah-pensyarah muda kerana mereka ini belum berpengalaman lagi. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Rasah.

**6.27 ptg.**

**Dato' Goh Siow Huat [Rasah]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Izinkan saya turut membahaskan isu..

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ringkaskan, Yang Berhormat.

**Dato' Goh Siow Huat [Rasah]:** ...pengajian tinggi, Butiran 010000 – Pengurusan Kementerian. Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh sedikit tentang sijil-sijil pengajian tinggi. Sejak kebelakangan ini surat khabar ada menyiarkan berita tentang sijil palsu pengajian tinggi yang didapati semakin banyak berlaku di negara kita. Sijil-sijil palsu ini didapati dibeli dengan nilai wang ringgit yang bertujuan untuk mendapatkan pekerjaan berjawatan tinggi. Ini adalah satu penipuan kepada masyarakat kita. Sebagai contohnya, ada sebuah kilang telah mengambil seorang pekerja yang memiliki sijil pengajian tinggi luar negeri sebagai juru kimia di kilangnya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Bukan kilang yang buat sijil ya?

**Dato' Goh Siow Huat [Rasah]:** Ya. Tetapi selepas tempoh masa tiga bulan bekerja, syarikat kilang itu mendapati juru kimia itu tidak ada kelayakan langsung dalam bidang itu dan disyaki sijil pekerja ini mungkin adalah dibeli dengan wang ringgit.



Selain itu kita juga boleh dapati ramai pemegang sijil Ph.D yang membawa gelaran Doktor juga menjadi satu kekeliruan kepada orang ramai kerana seseorang itu boleh memiliki sijil Ph.D ini melalui:

- (i) pemberian penghormatan berdasarkan sesuatu sumbangan iaitu *honorable*, dengan izin; atau
- (ii) seseorang itu dapat menghabiskan pendidikan di institusi pengajian tinggi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Boleh gulung Yang Berhormat.

**Dato' Goh Siow Huat [Rasah]:** Oleh itu saya rasa, kerajaan patut ambil tindakan sekeras-kerasnya ke atas pemilik sijil palsu itu dan juga pusat pengajian tinggi yang mengeluarkan sijil palsu itu dan adalah di harapkan dengan tindakan keras itu dapat mengelakkan penipuan sijil palsu dari terus berlaku di negara kita dan kerajaan patut ada satu kaedah untuk membezakan sijil-sijil PhD dan ini juga dapat menjadi satu keadilan kepada pemegang sijil PhD yang betul-betul telah menghabiskan pendidikan tinggi dengan jangka masa tertentu, sekian terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Kepong, pandang sinilah Yang Berhormat.

**6.31 ptg.**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Kita mesti bagi sokongan kepada Menteri Pengajian Tinggi kerana dia sedang berusaha untuk memperbaiki keadaan di IPTA dan IPTS negara kita dan Butiran 01000....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, kita tolong beri peluang kepada Menteri untuk jawab pada malam ini.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Memang saya hendak bagi dia peluang, banyak peluang hendak bagi dia. Butiran 010000 - Pengurusan Kementerian dan sebagainya dan yang pertama saya berharap dapat memberitahu kepada kita setakat mana kajian ke atas Akta universiti dan Kolej Universiti dan bilakah pindaan akan dibentangkan dalam Dewan ini. Seterusnya mengenai usaha pihak kementerian untuk memperbaiki standard setiap IPTA dan senarai di dalam universiti-universiti yang terkemuka di dunia ini, kita pun bincang dengan banyak dan setakat manakah jawatankuasa Yang Berhormat yang sedang berusaha untuk meningkatkan semua IPTA terutamanya *premier* universiti seperti Universiti Malaya dan sebagainya dan saya hendak tahu usaha-usaha yang diambil oleh Yang Berhormat sudah berhasil ataupun tidak.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] **mempengerusikan Jawatankuasa]**

Seterusnya baru-baru ini saya dengar tujuh Kolej Universiti akan ditukar nama kepada universiti yang sepenuhnya dan setakat ini apakah usaha yang sudah diambil untuk berbuat demikian dan apakah rasionalnya untuk menjadikan semua universiti ke tahap universiti bukan Kolej Universiti dan di sini saya hendak ulangi apa yang disebutkan oleh pihak Yang Berhormat-Yang Berhormat yang lain mengenai universiti-universiti IPTA iaitu macam mana kita dapat menyesuaikan diri dengan perkembangan semasa termasuklah *dream economy* dan sebagainya macam mana, memang universiti-universiti memang wujud ekonomi mimpi. Itu bukan main-main.

Yang Berhormat Menteri pun tahu corak ekonomi semasa sudah berubah dan macam mana semua IPTA ataupun IPTS dapat menyesuaikan diri dengan perkembangan semasa ini, supaya graduan-graduan kita apabila keluar dari universiti dapat bekerja. Kalau kita ikut cara yang lama, saya ingat ribuan ataupun puluhan graduan yang keluar tidak dapat kerja kerana kita tidak menyesuaikan diri atau bekerjasama dengan industri-industri dan sebagainya. Akhir sekali mengenai Universiti Darul Iman Malaysia ini UDM kita ini, saya nampak peruntukannya hanya RM22.4 juta. Apakah tahap perkembangan universiti UDM ini? Sekian terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Tuaran.

**6.35 ptg.**

**Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin turut serta dalam perbahasan ini bagi Butiran 050000 - Institusi Pengajian Tinggi Awam dan juga bagi Butiran 060200 - Jabatan Pengusaha Institusi Pengajian Tinggi Awam. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri siapakah yang membuat keputusan membuat atau cadangan apabila diwujudkan jabatan-jabatan baru di mana-mana IPTA ataupun fakulti-fakulti baru. Dalam hal ini saya ingin bertanya apakah pihak kerajaan bercadang untuk mewujudkan satu Fakulti Pengajian Anak Negeri ataupun Orang Asal khususnya bagi orang asal atau anak negeri di Sabah dan Sarawak sebab kumpulan anak negeri ini adalah begitu unik yang tidak dapat dicari di mana-mana dunia hanya terdapat di Borneo sahaja.

Kalau kita pergi Taiwan, 'Universiti Tai Tong' sebagai contoh, walaupun kumpulan *indigenous people* dengan izin begitu sedikit, tetapi universiti itu membuat satu Fakulti Pengajian *Indigenous People of Taiwan*. Dalam hal ini saya berpendapat bahawa jika sekiranya pihak kerajaan ataupun pihak mana-mana IPTA atau mana-mana universiti menubuhkan fakulti ini, saya yakin dan percaya bahawa *polemic* yang diperbincangkan tentang hubungan etnik satu mata pelajaran yang begitu hangat diperbahaskan baru-baru ini, kita dapat atasi melalui kajian-kajian dan sebagainya, tentang etnik-etnik yang terdapat di negara kita ini seterusnya etnik-etnik orang asal atau *indigenous people*.

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya ingin beralih ke Butiran 051200 iaitu Universiti Malaysia Sabah. Saya difahamkan bahawa di Universiti Malaysia Sabah ini mempunyai juga sekolah pengajian perubatan ataupun *Medical Faculty*. Saya juga mendapati bahawa *Medical*

*Faculty* ini begitu masih muda, dan termasuklah ahli-ahli fakulti dia, ataupun pensyarah-pensyarahnya masih muda. Oleh sebab itu terpaksa pula diambil pensyarah-pensyarah dari luar negara, kerana kekurangan pensyarah-pensyarah tempatan untuk menjadi pensyarah dalam bidang perubatan.

Oleh sebab itu terdapat keraguan di kalangan masyarakat tentang kualiti graduan yang keluar dari fakulti itu nanti. Sebab bidang perubatan ini lain daripada lain. Perubatan ini apabila dia keluar sebagai seorang pengamal perubatan, dia akan berhadapan dengan ramai manusia. Jadi jika sekiranya kualiti graduan perubatan ini masih lagi diragui, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, apakah langkah-langkah untuk memastikan supaya kualiti dalam hal ini dapat dipertingkatkan dan keraguan-keraguan masyarakat itu dalam hal ini dapat dielakkan. Akhir sekali saya beralih ke Butiran 051400 iaitu Universiti Teknologi Mara, UiTM.

Saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kerana peruntukan yang begitu besar juga diberi kepada UiTM hampir RM1 bilion dan dalam hal ini saya ingin bertanya, apakah benar bahawa cawangan UiTM di Sepanggar di Sabah kampusnya tidak selamat sebab ia telah dibina di atas bukit dan berkecerunan tinggi dan sebagainya dan ada yang mengatakan bahawa ada beberapa bangunan yang tidak selamat. Saya ingin tanya apakah ini benar?

Seterusnya saya ingin bertanya apakah benar bahawa kursus Diploma Kejuruteraan Awam di UiTM Sabah itu tiba-tiba diberhentikan tahun ini dan pelajar-pelajarnya yang bermula pada semester satu sampai semester lima bermula pada bulan Januari ini akan dipindahkan di cawangan-cawangan di seluruh negara. Saya telah menerima aduan daripada para ibu bapa yang anak-anak mereka baru bermula dalam semester satu, tiba-tiba pula akan berpindah ke tempat-tempat lain disuruh memilih sama ada di Pulau Pinangkah, di Pahang dan tempat-tempat seperti Perlis dan sebagainya dan ibu bapa telah mengadu kepada saya sebagai wakil rakyat menyatakan bahawa walaupun kita telah diluluskan PTPTN untuk membiayai, meneruskan pengajian, tetapi kos perpindahan ini terpaksa di tanggung oleh ibu bapa.

Jadi, mereka telah meminta bantuan daripada wakil rakyat tetapi, itu satu isu, isu yang kita kluatir dan dipersoalkan oleh masyarakat ialah kononnya perpindahan ini kursus ini diberhentikan di UiTM cawangan Sabah sebab tiba-tiba disedari bahawa peralatan untuk mempelajari Diploma Kejuruteraan Awam di UiTM Sabah ini tidak mencukupi, ada kekurangan.

Jadi persoalannya di sini setelah sampai ke semester kelima kenapa tiba-tiba disedari dan kenapa boleh dimulakan kursus Diploma Kejuruteraan Awam di UiTM Sabah ini jika sekiranya tidak ada persediaan peralatan. Jadi ini yang amat membimbangkan. Bagaimana hal seperti ini boleh telah dimulakan dan saya ingin tahu berapakah sebenarnya bilangan pelajar yang terlibat dan bagaimana pula keadaan pensyarah-pensyarah. Siapakah pensyarah-pensyarah yang selama ini telah mendidik pelajar-pelajar sampai ke semester lima ini dan apakah jadi kepada pensyarah ini. apakah pensyarah ini turut serta dipindahkan ke kampus-kampus cawangan yang lain.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya cukup Yang Berhormat.

**Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Dengan kata-kata itu, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Beberapa Ahli: [Bangun]**

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu.

#### **6.40 ptg.**

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menarik perhatian 010000-Pengurusan kementerian berkaitan dengan Jabatan Pengurusan Institusi Pengajian Tinggi, Pengurusan IPTA dan juga IPTS, UKM dan juga Universiti Darul Iman.

Perkara yang pertama ialah tentang satu dasar iaitu asar 40/60. 40% sastera 60% sains. Saya kira dasar dari segi *generahnya* sesuai kita berkehendakkan ramai siswazah-siswazah kita mengikuti bidang yang kritikal bidang sains itu. Tetapi dari segi *particularnya*, dari segi individunya saya kira juga harus diberi penekanan iaitu membina seorang insan yang baik, membina seorang manusia yang baik dari segi mindanya, dari segi emosinya, dari segi fizikalnya dan sekali gus juga dari segi *spiritual intelligent* sebagai satu pakej yang menyeluruh.

Maka dalam konteks ini saya mengharapkan bahawa universiti-universiti tidak hanya tertumpu kepada hendak melahirkan teknokrat sahaja tanpa memikirkan dari segi pembangunan insan yang baik itu. Maka di sini saya ingin menyebut bahawa satu kajian sekarang ini telah dibuat oleh ASLI. Saya kira Menteri Pengajian Tinggi yang begitu biasa dengan kajian-kajian ini perlu mengadakan satu sindiket untuk membincangkan tentang kajian yang telah dibuat oleh ASLI iaitu yang bertajuk *Achieving High Performance In Tertiary Education* yang baru diterbitkan. Beberapa isu telah dibangkitkan di sini.

Di antara yang saya hendak sebutkan di sini ialah tentang *expenditure per student* dan disebutkan bahawa Malaysia terutama pengajian tinggi telah mendapat yang terbanyak sekali *expenditure per student*. *Percentage of GDP per capital* berbanding daripada Singapura dan juga Thailand. Tapi kajian ini menunjukkan bahawa dari segi *enrollment*, dari segi *research and development* dan juga dari segi *effectiveness* (keberkesanan) pensyarahnya dipertikaikan. Malah dari segi *enrollment* dikatakan bahawa Singapura jauh lebih tinggi. Kalau hendak dibandingkan pula dari segi *expenditure per student* mereka lebih rendah berbanding dengan Malaysia. Demikian juga dari segi *substance research* yang dihasilkan daripada universiti-universiti yang telah disebut dan diperbandingkan oleh ASLI itu dan saya mengharapkan supaya Kementerian Pengajian Tinggi dapat.....

**Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: [Bangun]**

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya Yang Berhormat bagi Setiu, bagi jalan.

**Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu, terima kasih Tuan Pengerusi. Apa yang disentuh oleh Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu saya melihat dari segi semangat patriotik pelajar-pelajar universiti. Kita di sekolah diajar dengan latihan lagu Negaraku dan sebagainya. Tetapi saya perhatikan bila sampai ke pusat pengajian tinggi semangat-semangat yang seperti ini semakin berkurangan. Sebab itu kita mengharapkan pelajar-pelajar ini dengan sifat patriotiknya supaya tamat belajar semangat patriotiknya terus kekal untuk sama-sama menuju ke arah negara, sayang negara dan sebagainya. Apa pandangan Yang Berhormat.

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** Terima kasih. Saya kira itu juga merupakan salah satu komponen dalam pembangunan modal insan yang baik. Saya *stresskan* perkataan yang baik itu bukan sekadar modal insan tapi perlu ditambah satu konsep baik ataupun yang seimbang ataupun yang holistik, yang menyeluruh yang bersepadu.

Saya juga ingin sebut tentang kajian ASLI ini berhubung dengan *micro managing* di universiti. Saya kira ini adalah merupakan suatu yang bertentangan dengan ciri-ciri keintelektualan, ciri-ciri intelektualisme, idealisme di menara gading di universiti-universiti ini. Saya juga ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri untuk memikirkan dan meneliti tentang apakah terdapat ciri-ciri *micro manage* di universiti-universiti kita ini yang boleh membentuk kepada kreativiti pensyarah-pensyarah dan juga mahasiswa-mahasiswa termasuk juga profesor-profesor yang berada di pusat-pusat pengajian tinggi.

Satu lagi perkara yang hendak disebut di sini ialah tentang pusat kembangan pendidikan. Saya ingin tarik perhatian tentang UKM. UKM mempunyai UKM Holding Sendirian Berhad. Saya kira ini dialu-alukan. Kita mengalu-alukan supaya setiap universiti ada punca pencariannya sendiri. Ada modalnya sendiri. Tidak hanya bergantung kepada subsidi ataupun *grant* yang diberi oleh pihak kerajaan dan UKM ini memiliki *Tiong Sat One* iaitu *micro satellite earth station* yang telah melakukan banyak *smart partnership* dengan GLC dan juga MNC (*Malaysian National Corporation*).

Ini adalah merupakan sesuatu yang dialu-alukan dan diharapkan universiti-universiti yang lain juga harus mengadakan pusat kembangan pendidikan ataupun *institutes of advance studies* ini supaya mereka dapat memberi fokus dalam bidang-bidang tertentu dan juga dapat menggerakkan RNDK (*Research Development and Commercialization*) dengan lebih aktif lagi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Habiskan Yang Berhormat.

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** Ya. Akhir sekali saya ingin menyebut tentang UDIM iaitu universiti.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tak payah tanyalah Yang Berhormat. Cakap sahaja.

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** Okay, Universiti Darul Iman Malaysia yang di Kuala Terengganu itu. Saya tengok di sini ialah peruntukan yang diperolehi ialah kira-

kira RM22 juta. Saya hendak tahu dua perkara. Pertamanya ialah apakah *competitive advantage* ataupun *niche* daripada universiti yang akan dibina di Kuala Terengganu itu.

Yang keduanya iaitu tentang perjawatan pensyarah-pensyarahnya yang sekarang ini mereka berada di KUSZA dan di KUSZA itu kategori mereka adalah DG iaitu didik guru. Apakah mereka itu akan *convert* kepada DS ataupun didik siswa. Terima kasih.

**Beberapa Ahli:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya Yang Berhormat bagi Lipis.

**6.46 ptg.**

**Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Bagi Maksud Bekalan dan Pembangunan 49 ini saya akan menyentuh tiga perkara sahaja. Yang pertama Butiran 020300-Pengurusan Kebajikan Pelajar. Jadi apa yang saya harapkan di sini ialah pihak kementerian memberikan perhatian yang bersungguh-sungguh yang serius kepada pelajar-pelajar terutamanya yang berada di luar negara agar elaun atau pembiayaan mereka diberi setimpal dengan tempat ataupun kota di mana mereka berada. Ini untuk memastikan para pelajar ini dapat menumpukan perhatian kepada pelajaran mereka dan tidak terpaksa bekerja sebelah malam atau petang dan sebagainya untuk menyara hidup mereka kerana bagi saya adalah amat sia-sia kalau pelajar-pelajar ini yang telah ditanggung banyak balik dengan tangan kosong.

Yang keduanya saya hendak menyentuh tentang 05009-Akademi Kepimpinan dan Penyelidikan Pengajian Tinggi Negara. Kita mengalu-alukan penubuhan akademi ini. Apa yang kita harapkan ialah akademi ini dapat mengeluarkan dengan izin *leader in teaching* (pemimpin dalam pengajaran) kerana bagi saya pensyarah universiti selain daripada menjalankan penyelidikan mereka perlu menjadi pengajar yang baik dan berkesan kerana dengan cara ini sahajalah baru dapat siswazah atau siswa-siswa yang berada di universiti memahami apakah bentuk pengajaran yang diberi kerana kadang-kadang walaupun penyelidikannya baik dan sebagainya tapi mereka tak dapat untuk meng*communicate*kan hasil penyelidikan mereka kepada pelajar-pelajar menyebabkan apabila pelajar keluar daripada universiti itu yang kadang-kadang mereka tak tahu apa-apa pun dalam bentuk topik yang diajar itu.

Yang akhir sekali ialah 005000-Universiti Putra Malaysia. Saya tengok Universiti Putra Malaysia ini sebagai sebuah universiti yang ulung dan saya rasa salah sebuah universiti yang lama tapi apa yang saya dapati di hadapan Fakulti Kejuruteraan dan sekitarnya memang tidak dipelihara, nampak macam kawasan setinggan. Jadi kawasan itu merupakan kawasan hadapan atau saya panggil sebagai laman kerana di situlah orang ramai sebenarnya nampak keadaan universiti itu. Jadi saya mengharapkan kementerian melihat dan memberitahu pengurusan universiti supaya memberi perhatian kepada kawasan hadapan itu supaya dapat dicantikkan dan tidak banjir selalu apabila waktu hujan. Jadi saya rasa setakat itu. Saya mohon menyokong.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Ipoh Barat.

6.49 ptg.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi Butiran 010000-Pengurusan Kementerian. Tuan Pengerusi di beberapa institusi pengajian tinggi semua universiti yang memberi kursus undang-undang. Saya ingin tahu kenapa kita kena ada satu untuk tiap-tiap universiti-universiti tempatan mengadakan kursus untuk empat tahun ini - *first year, second year, third year and fourth year*. Selepas itu mereka menjadi mengamalkan undang-undang sebagai peguam bela dan peguam cara. Tetapi bukankah seperti yang saya dapat serta difahamkan beberapa tahun dahulu ada cadangan-cadangan supaya kita mengadakan satu universiti *course* selama tiga tahun di setiap universiti, jurusan undang-undang selepas itu tahun yang akhir, tahun yang keempat itu adakan satu peperiksaan yang sesama *final exams* supaya semua orang, semua penuntut-penuntut yang belajar di pelbagai fakulti di Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan dan UiTM dan dapat mengadakan satu *degree*, satu profesional *degree* yang sama.

Saya katakan sedemikian adalah kerana macam di United Kingdom di mana kita semua tahu, semua universiti-universiti dan kolej-kolej hanya diwajibkan, hanya boleh memberi satu *degree* yang tidak lebih dari tiga tahun. Selepas itu pada tahun yang akhir, semua perlu mengambil satu peperiksaan yang sama di *Council of Legal Education*, dengan izin, yang menganjurkan peperiksaan yang sama.

Di negara ini, kita macam ada beberapa sistem, macam CLP - *Certificate of Legal Practice* untuk *Bachelor of Jurisdiction* dan peguam-peguam yang datang dari luar negara dan peguam-peguam yang sedang menjalankan jurusan undang-undang di fakulti-fakulti. Di negara ini ada sistem berbeza-beza di antara satu universiti dan yang lain. Kenapa kita tidak adakan bukan setarafkan semua ini? Ini adalah mustahak Tuan Pengerusi. Baru-baru ini saya ada jumpa beberapa profesor-profesor yang mengajar di universiti-universiti tempatan dalam arena undang-undang. Mereka mengatakan dan mereka hairan dan mereka sendiri berpendapat bahawa perlu adakan satu peperiksaan sama untuk semua yang menjalankan jurusan undang-undang.

Lagi satu Tuan Pengerusi, adalah mengenai pengambilan pelajar-pelajar ke universiti-universiti tempatan. Boleh saya dapat tahu berapa pelajar-pelajar yang berkualifikasi dari STPM, yang telah diserap di universiti-universiti tempatan, berapa yang memohon untuk masuk universiti dan berapa yang telah diambil. Berbanding dengan yang memohon dari matrikulasi kolej yang berapa yang telah memohon dan berapa yang telah di masuk ke universiti-universiti tempatan. Saya juga difahamkan, boleh saya dapat khusus iaitu untuk *critical courses* apakah sebab masyarakat India terutamanya tidak mendapat masuk dan belajar dari segi mendapat keutamaan walaupun ini telah dijanjikan oleh kerajaan untuk memberi pertolongan kepada masyarakat India akan tetapi tidak ditunaikan. Berapa ramai masyarakat India dan penuntut-penuntut India yang telah dimasukkan dan sedang belajar dalam *critical courses* di merata-rata universiti.

Akhir sekali adalah di UiTM dan memandangkan itu adalah universiti yang terbesar di negara ini dan mungkin akan satu universiti yang terbesar di rantau ini tidak lama lagi. Memandangkan ia menjalankan semua kursus dalam bahasa Inggeris, saya berpendapat itu adalah satu mungkin baik akan tetapi kenapa kita ada lain-lain universiti menggunakan bukan bahasa Inggeris tetapi bahasa Malaysia dan lain-lain. Seberapa banyakkah di UiTM pintunya terbuka untuk orang-orang untuk memohon .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, cukup.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Terutamanya dari bukan golongan Bumiputera yang sangat miskin dan golongan yang tidak upaya untuk mendapat tempat dan belajar di universiti UiTM, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Ledang

#### **6.54 ptg**

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada empat perkara sahaja dan saya himpunkan semua dalam Butiran 50000. Pertama, bekalan 50000 pertamanya isu bahasa. Sebagaimana yang kita sedia maklum, pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris telah pun diajar di peringkat sekolah. Jadi persoalan saya, apakah persediaan, universiti-universiti dalam negara Malaysia ini, ke atas pelajar-pelajar yang akan masuk universiti apabila sampai masanya kelak kerana sekarang kebanyakan universiti telah pun mengajar dalam bahasa Melayu. Mungkin ada universiti yang tertentu yang ada pendiriannya sendiri seperti UTM dan sebagainya tetapi bagi UKM yang selama ini berpegang yang ditubuhkan atas asas bahasa Malaysia, jadi apakah pendirian kementerian dan apa pula persiapan semua universiti juga kementerian yang mungkin akan berlaku persaingan di pasaran buruh nanti apabila pelajar-pelajar ini keluar sama ada mereka boleh berbahasa Inggeris kerana mereka telah pun berbahasa Inggeris ataupun mereka tidak mampu berbahasa Inggeris kerana mereka mempertahankan bahasa Malaysia di peringkat universiti.

Kedua, Tuan Pengerusi saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada kementerian kerana telah diwujudkan satu butiran untuk akademik, kepimpinan dan penyelidikan pengajian tinggi negara. Cuma cadangan saya mungkin sudah sampai masanya kalau KPI atau *Key Performance Index* ini diaplikasikan kepada semua peringkat pengurusan universiti sampaikan kepada dekan dan sebagainya. Supaya akhirnya universiti akan mendapat kesan yang baik di dalam mempertingkatkan taraf universiti-universiti di seluruh negara.

Ketiga Tuan Pengerusi, sama juga dengan perkara yang macam tadi, saya perhatikan tidak seperti dahulu mungkin dahulu pelajar-pelajarnya kurang tetapi sekarang pelajar ramai, mungkin penduduknya kurang dan sekarang penduduknya ramai. Maksud saya ialah khidmat bakti siswa belum lagi menyerlah di seluruh negara, di Sipitang saya rasa macam tidak ada, di Ledang tahun lepas saya belum terima apa-apa lagi, tahun ini. Jadi kalau boleh semangat bakti siswa ini dapat



disuburkan di seluruh negara supaya bukan sahaja seluruh rakyat menerima pengalaman baru. Khidmat daripada siswa-siswi tetapi juga siswa-siswi akan menerima pengalaman yang baru di tempat-tempat lain. Mereka lebih berani ke hadapan, terutamanya dalam memimpin dalam persatuan-persatuan apabila mereka betul-betul berdepan dengan masyarakat.

Akhirnya Tuan Pengerusi, yang ini mungkin terlepas pandang. Saya perhatikan banyak kafeteria, dengan izin Tuan Pengerusi di universiti-universiti yang saya lihat seolah-olah telah pun dikendalikan oleh bukan warga Malaysia. Saya perhati, banyak berlaku sama ada taukenya warga Malaysia telah pun di subletkan atau diserahkan kepada orang lain ataupun mereka makan gaji. Tetapi bagi saya biarkan universiti kita, mencerminkan bahawa semua kafeterianya diuruskan oleh warga kita.

Sekian terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, saya benarkan dua orang sahaja bercakap, saya beri Yang Berhormat bagi Bukit Bintang, ya. Sila, Yang Berhormat bagi Bukit Bintang, maaf Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, Bukit Mertajam.

**6.58 ptg**

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** *[Ketawa]* Terima kasih, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya sedikit juga berbahas, saya ingin berbincang Universiti Kebangsaan Malaysia. Universiti Kebangsaan Malaysia pada 1974 telah menutup banyak persatuan pelajar pada waktu itu. Termasuklah Persatuan Mandarin dan sampai hari ini dia masih belum kembalikan atau masih belum membenarkan kewujudan persatuan Mandarin ini. Tetapi di Universiti Malaya dan di Universiti Sains Malaysia mereka telah membenarkan adanya Persatuan Mandarin. Persatuan Mandarin ini dia terbuka kepada semua yang berminat untuk belajar Mandarin dan saya rasa sekarang kerajaan memang menggalakkan pelajaran bahasa Mandarin ini di sekolah kebangsaan, di UiTM dan di banyak institut tinggi lagi, kerajaan juga yang menggalakkan pembelajarannya. Jadi saya tidak dapat mengapa polisinya berlainan untuk UKM, dia tidak boleh menjadi satu dan mengatakan bahawa ia adalah satu persatuan tidak boleh membenarkan persatuan yang hanya ada ahli yang datang dari satu kaum.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Penjelasan Yang Berhormat, boleh tidak sekejap?

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Ya, boleh, boleh.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Saya sebenarnya tidak berapa faham, saya hendak minta penjelasan. Apabila sebut Mandarin ianya adalah bahasa.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Ya, bahasa.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Tetapi bila disebut Cina ia adalah bangsa, boleh bersetuju dengan saya? Terima kasih.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Ya, memang saya setuju yang ini, dan pagi ini saya pun telah dengar dan tadi Ketereh yang katakan sekolah Cina dan sekolah Mandarin. Saya memang setuju dengan beliau. Kalau kita katakan bahawa kita tidak boleh membenarkan satu persatuan yang ahlinya datang dari satu kaum. Ini tidak terpakai kepada bahasa Mandarin kerana sekarang pun ada ramai orang pelajar-pelajar Melayu yang juga pandai dalam bahasa Mandarin di dalam sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan pun ada pelajar. Ada seorang sampai ke Universiti Beijing. Dia memang orang Melayu dan sekiranya ini yang menjadi syarat ini tidak terpakai untuk Persatuan Bahasa Mandarin. Tetapi dia terpakai kepada UMNO kerana UMNO menghadkan ahlinya kepada orang Melayu sahaja.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Eh, tidak!

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]:** Pembetulan, tidak.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Tidak betul? Ada lagi siapa?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]:** Tidak, tidak, tidak. Tidak betul.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Bumiputera pun boleh?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]:** Bumiputera, bumiputera.

**Seorang Ahli:** Keluar tajuk.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Ini hak jugalah. Ini ahlinya lebih terhad kalau berbanding kepada Persatuan Bahasa Mandarin.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]:** *What about DAP?*

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** MCA tidak boleh wujud. MIC pun tidak boleh wujud kerana ahlinya dihadkan kepada satu kaum. Saya haraplah dengan Yang Berhormat Menteri yang dikatakan lebih terbuka dan lebih selaras dengan globalisasi ini bolehlah memberi perhatian. Saya rasa satu memorandum telah pun dihantar kepada beliau.

Satu lagi di MU, saya difahamkan hari itu Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan mengatakan bahawa *private wings* di Hospital Universiti bukan dikendalikan oleh Kementerian Kesihatan tetapi oleh Kementerian Pendidikan Tinggi kerana dia tidak ada permit untuk mengoperasi satu hospital. Itu adalah universiti mengajar sahaja dan dia boleh adakan satu *private wings* yang memberi perkhidmatan berdasarkan pembayaran.

Saya ingin tahu *private wings* di Hospital Universiti ini di bawah siapa? Kementerian inikah atau Kementerian Kesihatan supaya kita tahu dan kita boleh menyelesaikan masalahnya, dia tak ada satu permit untuk mengoperasi sesuatu hospital *private wings*.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, cukup Yang Berhormat.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Kerana dia tak ada CF. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Jerai, lepas itu kementerian menjawablah.

**7.03 mlm**

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi yang baik budi. Saya ada dua sahaja. Pertamanya berkenaan dengan IPTS. Saya hendak ucapkan tahniahlah kepada kementerian dan khususnya kepada UiTM yang telah diberi amanah untuk kita memperbesarkan lagi UiTM, memperbanyakkan lagi pelajar-pelajar kita untuk melanjutkan pelajaran dan telah terbukti UiTM telah mengeluarkan banyak graduan-graduan yang telah berkhidmat untuk negara.

**Dato' Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]:** *[Bangun]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Tuan Pengerusi...

**Dato' Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]:** Ya, ya Kuala Pilah. UiTM tadi. Hendak mencelah sedikit tentang UiTM.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Hendak mencelah sedikitlah ya.

**Dato' Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]:** Tuan Pengerusi, saya rasa terpanggil untuk hendak bersama-sama dengan Yang Berhormat bagi Jerai berkenaan dengan UiTM ini. Saya sudah banyak kali sebut di dalam Dewan yang mulia ini bahawa Negeri Sembilan merupakan negeri dalam Malaysia yang tidak mempunyai kampus tetap UiTM. *The only state in the country* dengan izin, yang tidak ada kampus tetap UiTM.

Saya terpanggil untuk berkata sekali lagi supaya hendak mengetahui perancangan daripada pihak Yang Berhormat Dato' Seri Menteri. Saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat datang sendiri ke Dewan yang mulia ini untuk menjawab hal berkenaan kementerian. Saya mahu tahu supaya lega saya, sebab akhir-akhir bila kita balik ke kawasan...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat hendak ambil alih Yang Berhormat bagi Jerai ya?

**Dato' Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]:** Ya?

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Hendak ambil alih Jerai? *[Dewan riuh]*

**Dato' Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]:** Ya, itu untuk apalah Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, cukuplah Yang Berhormat. Ya, Yang Berhormat bagi Jerai habiskan dan boleh gulung.

**Dato' Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]:** Setuju atau tidak dengan saya supaya kampus ini dapat disegerakan untuk Kuala Pilah.

**Tuan Bernard S. Maraat@Ben [Pensiangan]:** *[Bangun]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Kuala Pilah kerana Perlis, negeri kecil pun ada UiTM. Dari...

**Tuan Bernard S. Maraat@Ben [Pensiangan]:** Yang Berhormat bagi Jerai beri laluan, sedikit sahaja.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** *[Ketawa]*

**Tuan Bernard S. Maraat@Ben [Pensiangan]:** Terima kasih, mencelah sedikit Tuan Pengerusi. Hari satu perkara saya hendak susur kemudian sebagai UiTM ini di bawah Butiran 051400. Ini mengenai dengan francais UiTM.

Baru-baru ini kerajaan telah memutuskan untuk menaik taraf sejumlah kolej swasta sebagai kampus francais UiTM. Saya ingin tahu dan mungkin Dewan ingin tahu bilakah ini akan dilaksanakan dan berapakah belanja yang akan kita belanjakan dalam kita mengendalikan inisiatif seumpama ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Bernard S. Maraat@Ben [Pensiangan]:** Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Jerai, cukuplah Jerai.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Hei! Saya buka, depa masuk, kemudian saya akan tutup pula.

Tuan Pengerusi, tak apa. Ilham saya telah disampaikan oleh Yang Berhormat bagi Pensiangan tadi. Memang kita kena membantu IPTS. IPTS yang benar-benar mempunyai tenaga pelajar dan mengikut standard yang diluluskan oleh kementerian sebab mereka ini dibantu untuk boleh menjalankan urusan IPTS ini kerana kita lihat banyak juga IPTS yang merungut dan saya berharap dengan kewujudan francais UiTM ini, maka pihak kerajaan akan menyalurkan pelajar-pelajar *intake* IPTS dan memberi sokongan, memberi bantuan kepada mereka supaya IPTS–IPTS terutama sekali IPTS-IPTS bumiputera yang menghadapi masalah pada hari ini.

Saya terbaca dalam akhbar di mana seorang profesor itu yang mengatakan jangan... Profesor yang tidak nampak itu...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Datuk Profesor Dr. Ismail Salleh, Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ya?

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Datuk Profesor Dr. Ismail Salleh, Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ya, Ismail, saya lupa. Datuk Profesor Dr. Ismail Salleh mengatakan jangan memperlekeh-lekehkan IPTS bumiputera ini. Tenaga pelajar ada, mungkin kerana pelajar tidak cukup kerana diserap IPTA, jadi tenaga pelajar-pelajar Melayu kurang...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Sebut '*politek*' sedikit.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ya?

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Politeknik, sebutlah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai] :** Ya?

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Politeknik.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Hah, Politeknik sekalilah. Lagi satu di Perhimpunan Agung UMNO baru-baru ini, pelajar-pelajar di luar negara kita merintih dan merayu supaya pengkajian semula kos sara hidup mereka itu harus diambil kira kerana kita tidak mahu anak-anak bangsa kita berdagang ataupun melanjutkan pelajar ke luar negara dengan keadaan yang tidak menentu ekonomi mereka.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sudah, cukuplah Yang Berhormat, ya.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Boleh sedikit lagi Tuan Pengerusi? Sedikit sahaja.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Kasihan Yang Berhormat bagi Ketereh, kasihan.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Sedikit sahaja. Yang Berhormat, Yang Berhormat setuju atau tidak dengan saya kalau saya katakan bahawa dalam tajuk bajet ini, ada Politeknik dan ada Kolej Komuniti. Tetapi politeknik bajetnya datang daripada Kementerian Pengajian Tinggi tetapi guru di Politeknik duduk di bawah Kementerian Pelajaran.

Apakah Yang Berhormat bersetuju kalau saya katakan ini patut diperbetulkan. Gurunya juga mesti duduk di bawah Kementerian Pengajian Tinggi bukan bangunan Politeknik sahaja duduk di Kementerian Pengajian Tinggi. Terima kasih.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Saya bersetuju yang amat di atas pandangan Yang Berhormat bagi Ketereh tentang kewujudan guru dan sekolah itu dan saya berharap Yang Berhormat Dato' Menteri dapat mengkaji balik tanggapan dan harapan anak bangsa kita yang merantau untuk menuntut pelajaran di Persidangan UMNO itu. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, saya jemput Yang Berhormat Menteri, sila.

#### **7.08 mlm**

**Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Mustapa bin Mohamed]:** Tuan Pengerusi, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang bercakap untuk menyokong dan membahaskan belanjawan di peringkat Jawatankuasa B49 – Kementerian Pengajian Tinggi dan saya merakamkan setinggi-tinggi tahniah kerana di sepanjang ingatan saya inilah mungkin kali pertama di mana kita berdebat dengan penuh tertib dan tidak ada emosi.

Biasanya kalau bercakap tentang pengajian tinggi, banyak sekali hal-hal yang di luar bidang pengajian tinggi yang kadang-kadang emosional tetapi hari ini begitu waras dan baik sekali dan saya sungguh rasa bersyukur dan dalam Dewan Yang Mulia ini ada beberapa Naib Canselor daripada universiti-universiti di Malaysia dan mereka juga menghantar mesej kepada

saya. Mereka hantar mesej kepada saya menyatakan penghargaan kepada Yang Berhormat sekalian di atas pandangan yang diberikan tadi.

Yang Berhormat bagi Alor Star berkaitan dengan sama ada peruntukan mencukupi untuk *research*. Memanglah duit sentiasa tidak cukup tetapi kita bersyukur dengan apa yang ada dan yang pertamanya kita ada sediakan RM200 juta untuk *fundamental research* yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Mambong tadi dan kita juga ada sediakan peruntukan untuk pensyarah-pensyarah menghadiri *international forum* tetapi sudah pasti ia tidak mencukupi untuk kesemuanya sekali.

Oleh itu, kita akan sentiasa memastikan bahawa peruntukan digunakan sebaik mungkin dan jika tidak mencukupi, tadi Yang Berhormat bagi Ampang ada sebut umpamanya berkaitan dengan Pusat Perubatan Universiti Malaya di mana peruntukan dikurangkan kira-kira RM12 juta pada tahun depan berbanding tahun ini. Jika ubat-ubatannya naik mendadak, sudah pasti kerajaan akan menimbangankan peruntukan tambahan.

Seperti kita sedia maklum, ini merupakan belanjawan cadangan kerajaan. Jika ada asas-asas yang kukuh termasuklah PPUM Universiti Malaya tidak cukup untuk membiayai pembelian ubat, sudah pasti kerajaan akan menimbangkannya.

Tuan Pengerusi, memanglah kita sudah pun membuat keputusan untuk memberi tumpuan kepada empat buah universiti di segi penyelidikan. Pada hari ini kita ada 20 buah universiti awam. Yang ke-19 ialah Universiti Malaysia Kelantan dan yang ke-20 ialah Universiti Pertahanan Nasional. Jadi hari ini sudah ada 20 buah universiti awam dan kerajaan membuat keputusan untuk menukarkan corak empat buah universiti yang *established* dengan izin, dan negara kita menjadi *Research University*.

Ini selari dengan kehendak Yang Berhormat bagi Alor Star. Dari segi penyelidikan kita akan tambah peruntukan dari segi bilangan pelajar-pelajar pasca siswazah, Ph.D, *postdoctoral*, kita akan tambah kemudahan-kemudahan ini supaya kita benar-benar dapat mewujudkan universiti yang bertaraf dunia. Sekarang ini kita bercakap tentang universiti bertaraf dunia.

Untuk makluman Yang Berhormat, kita sekarang ini sedang menyediakan beberapa kajian termasuklah satu yang kita minta Bank Dunia untuk menanda aras universiti kita dengan universiti-universiti di luar negara. Insya-Allah, hasil kajian ini termasuklah Laporan Wan Zahid yang dikemukakan pada bulan Mei lalu dan beberapa kajian yang lain pada awal tahun depan seperti yang saya umumkan dalam Perhimpunan Agung UMNO, kerajaan akan ada satu rangka tindakan yang jitu dan mantap untuk memastikan bahawa kualiti universiti kita akan meningkat lagi.

Berkaitan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Alor Star mengenai *employability graduates*, sama ada kita hendak ikut negara-negara tertentu. Memanglah kita berpandukan kepada 60-40 seperti yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat bagi Sungai Petani, umpamanya 60 ini sains dan 40 ialah *humanities* atau pun *social sciences*.

Pada masa ini kita belum lagi mencapai tahap tersebut dan adalah mustahil untuk kita *guarantee* atau jamin setiap siswazah itu mendapat pekerjaan. Tetapi kita sebaik mungkin bersama Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Sumber Manusia dan lain-lain agensi kerajaan, termasuklah Jabatan Perkhidmatan Awam, kita sentiasa melihat kepada keperluan negara dan kita sesuaikan dengan keperluan tersebut. Dalam pada itu ada bidang-bidang ilmu tertentu, sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Sungai Petani yang harus kita galakkan di segi penyelidikan dan lain-lainnya.

Dari segi LAN yang dibangkitkan, kita sedar bahawa pihak Lembaga Akreditasi Negara dan juga pihak pengurusan IPTS dalam negara kita ini, kita mempertingkatkan lagi penguatkuasaan khususnya pengurusan IPTS. Ini yang penting untuk memastikan kualiti baik dan saya telah pun membuat keputusan, bermula tahun depan kita akan mengadakan perundingan dengan IPTS negara kita ini untuk memastikan bahawa ada satu kaedah untuk menanda aras mereka. Kita akan memperkenalkan satu sistem untuk menggregkan IPTS ini.

Ini perkara baru dan kita akan berunding dengan IPTS supaya rakyat yang membelanjakan wang yang besar untuk anak-anak mereka belajar di IPTS dapat melihat sendiri mana IPTS yang berkualiti. Ini kita rasa akan menjadikan mereka lebih kompetitif, dengan itu mereka akan mengeluarkan graduan yang terbaik.

Berkaitan dengan doktor dan Ph.D palsu yang dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat, memang kita sedar perkara ini berlaku. Ada beberapa laporan yang kita terima dan untuk makluman, Lembaga Akreditasi Negara sudah pun menyediakan satu *Register of Ph.Ds*, Universiti Malaya, UKM, UPM dan *Multimedia University* bermula dengan empat universiti ini harapan kita. Kita ada juga rangkaian dengan beberapa pihak antarabangsa yang membolehkan kita menyemak dan kita sedar perkara ini berlaku. Ada juga yang menggunakan gelaran '*bogus professor*'. Ini adalah satu perkara yang kita sedang teliti dan insya-Allah tindakan akan diambil.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita sedang meminda ataupun sedang membincangkan pindaan kepada beberapa akta dan dalam pindaan akta ini kita akan memasukkan satu klausa untuk membolehkan kerajaan mengambil tindakan dengan tegas terhadap mereka yang memalsukan ijazah mereka.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor bercakap tentang Vietnam dan tentang *competition*. Ini satu perkara yang memang kerajaan sedar. Dalam dunia global hari ini, kerajaan tahu. Tidak perlulah pembangkang mengingatkan kita. Kerajaan sedar bahawa untuk menjadikan negara kita negara cemerlang, kita perlu komparatif, bukan sahaja Vietnam tetapi negara-negara lain untuk menarik pelabur asing dan lain-lain. Jadi, universiti-universiti akan tingkatan kualiti mereka.

Hari ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mempengerusikan *International Advisory Panel on Biotechnology*, dengan izin. Pakar-pakar dari seluruh dunia datang untuk bermesyuarat dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan mereka mempunyai komen yang begitu

bernas, bagaimana boleh kita tingkatkan mutu kualiti universiti kita supaya kita dapat bersaing bukan sahaja dalam bidang biotek dan IT tetapi juga bidang-bidang lain. Ini satu *priority* di bawah pentadbiran sekarang untuk melahirkan modal insan berkualiti kerana kita tahu kalau modal insan tidak berkualiti kita akan kalah dalam pertandingan dengan negara-negara seperti Vietnam dan lain-lain.

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh bangun, hendak bagi jalan?

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Yang Berhormat Menteri, saya terpanggil. Tuan Pengerusi, kalau saya tidak bangun rasa tidak selesai kerana Yang Dihormati Ketua Pembangkang - yang dihormatilah kita panggil. Yang Berhormat bagi Ipoh Timor tadi menyebut pelajar disekat, tidak ada kebebasan, bercanggah dengan Islam Hadhari. Dia tunjuk kepada saya, benar atau tidak. Jadi, saya rasa disekat atau bebas ia ada peraturannya, tidak bercanggah dengan Islam Hadhari. Macam mana pandangan Yang Berhormat Menteri?

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Tuan Pengerusi, Islam Hadhari ini satu pendekatan yang kita pakai untuk memastikan kita mempunyai pemikiran yang progresif bagi memastikan bahawa Islam ini dapat memajukan umat Islam. Untuk mengaitkan AUKU dengan Islam Hadhari itu, boleh kita kaitkan. Nanti, saya akan sampai ke situ. Sekejap lagi, ya?

Mengenai Universiti Cambridge yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, angka yang disebutkan tadi RM500 juta, saya ingin memaklumkan bahawa belum ada sebarang keputusan muktamad. Saya sedar bahawa ada beberapa makalah dan dalam *website* dibangkitkan perkara ini. Saya ingin memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa kerajaan belum membuat sebarang keputusan berkaitan perkara ini. Oleh itu tohmahan dan juga kritikan yang dilemparkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Timor itu adalah dengan izin, *premature*.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Penjelasan. Penjelasan mengenai perkara ini. Yang pertama adakah keputusan dibuat dan kedua bukannya benar bahawa Petronas dan Khazanah sudah menyerahkan sebanyak RM190 juta masing-masing kepada Universiti Cambridge. Pertama ialah adakah keputusan dibuat dan kenapa buat begitu?

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Seperti yang saya kata, perkara ini tidak berbangkit kerana peruntukan belum disediakan oleh mana-mana badan termasuk Petronas. Jadi *this is premature*, tidak berbangkit dan saya rasa tidak perlulah kita panjangkan perbahasan ini kerana isunya belum muktamad dan peruntukan belum disediakan oleh mana-mana pihak mengikut angka yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat tadi.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Penjelasan yang terakhir dalam perkara ini, boleh? Ini kerana amat penting.



Oleh kerana Yang Berhormat kata menggunakan perkataan '*premature*', mengatakan bahawa bukan muktamad, bererti bahawa ada perkara ini, bukan? Apakah alasan justifikasi supaya ada perkara ini dalam perbincangan?

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Tuan Pengerusi, kita berbincang dengan semua pihak di dunia untuk mengadakan *smart partnership* dengan *Centre of Excellence in Research* termasuklah baru-baru ini umpamanya seperti - terima kasih, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor pun hadir. Apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melancarkan Kursi Ungku Aziz, kita telah menjemput Prof. Jeffrey Sachs daripada Colombia University, seorang tokoh dalam bidang pembangunan. Kita bercakap dengan universiti-universiti terkemuka di dunia. Kita ada hubungan, seperti kita sedia maklum dengan MIT dan kita ada MUST dalam negara kita.

Jadi, kita berhubung dengan semua universiti dan Universiti Cambridge memang kita ada hubungan dan kita ada beberapa perbincangan. Saya pun ada berjumpa dengan mereka kira-kira tiga minggu yang lalu. Ini satu perkara biasa dalam usaha kita untuk mengadakan *smart partnership* dengan universiti-universiti terkemuka di dunia.

Berkaitan dengan angka yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, katanya penganggur-penganggur terdiri daripada pelajar-pelajar UiTM. Saya ingin tekankan di sini bahawa mengikut kajian kami, apa yang dipanggil *crisis study*, secara puratanya, mengikut purata di peringkat kebangsaan, seramai 60% daripada pelajar kita mendapat pekerjaan selepas enam bulan mereka bergraduan. Semua universiti. Itu *national average*. Tetapi bagi UiTM, kita dapati bahawa peratusan yang mendapat pekerjaan selepas enam bulan bergraduan ialah 64%.

Maknanya ia lebih tinggi daripada nasional *average*. Itu yang pertama. Yang keduanya, angka yang disebut oleh Yang Berhormat yang memetik kenyataan Timbalan Menteri Sumber Manusia itu, sudah semestinyalah yang pertama angka itu berubah. Angka ini berubah hari-hari. Yang keduanya, sudah semestinyalah oleh kerana *enrolment* UiTM itu sekarang ini hampir 90,000 dan graduannya pun hampir 30,000 setahun. UUM yang disebut oleh Yang Berhormat tadi graduannya 4,000 setahun, *enrolment* 20,000 sudah pastinyalah angka *absolute number*, sudah pasti Yang Berhormat faham, tidak perlu saya sebut. Yang Berhormat pun seorang yang pintar juga.

Oleh kerana bilangannya tiga kali ganda lebih tinggi daripada pelajar UM sudah pastinya *absolute terms*, dengan izin, bilangan yang belum dapat kerja di UiTM lebih tinggi. Tetapi saya hendak tekankan bahawa berdasarkan kajian yang kementerian lakukan, *employability* para graduan UiTM lebih tinggi daripada universiti-universiti lain secara puratanya. Itu untuk memberi penjelasan kerana Yang Berhormat menuduh kita, angka-angka yang katanya bercanggah di antara kementerian dengan kementerian.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat juga merujuk kepada *crazy rules*, katanya untuk pilihan raya kampus, jadi kita semua baca artikel yang ditulis oleh seorang pensyarah Universiti Malaya dan mengikut Universiti Malaya ada beberapa perkara yang sebagai seorang ahli akademik kita

harus profesional objektif, ini yang penting. Mengikut laporan Universiti Malaya dua perkara yang tidak tepat.

Yang pertama, umpamanya artikel tersebut menyatakan bahawa *campaign period*, atau tempoh berkempen cuma satu dua hari sahaja, walhal kempen *campaign period* enam tujuh hari. Apabila saya mendapat pandangan daripada beberapa tokoh dalam negara kita bahawa perlu dilanjutkan tempoh kempen, maka serta-merta kita benarkan pelajar-pelajar berkempen untuk tempoh enam hari. Tetapi artikel tersebut menyatakan bahawa kempen cuma satu dua hari. Maka, ini tidak benar.

Sebagai seorang ahli akademik kita harus objektif, kita tidak harus memutarbelitkan kenyataan. Itu yang pertama. Yang keduanya, artikel tersebut mempertikaikan ketulusan, menyatakan bahawa keputusan ini adalah merujuk kepada pilihan raya di Fakulti Undang-undang. Di dalam pengundian memang sehari pelajar begini, pelajar begitu, itu memang suatu perkara yang biasa, tidak semestinya kita mengundi hari ini sama hasilnya esok. Ini yang berlaku di Fakulti Undang-undang Universiti Malaya.

Jadi, artikel berkenaan menyatakan bahawa ada penyelewengan, tohmahan. Ini adalah satu perkara, bagi Universiti Malaya, mengikut laporan yang diberikan kepada saya, ini adalah satu amalan yang kurang baik. Bagi seorang ahli akademik ia harus objektif. Yang penting fakta. Saya tidak ada masalah, saya terbuka, saya boleh terima kritikan tetapi hendaklah berasaskan fakta. Dalam kes ini, sekurang-kurangnya dua fakta tidak betul. Kalau kita tulis di dalam akbar, fakta tidak betul masyarakat mempunyai persepsi yang negatif.

*"Macam mana Yang Berhormat?"* Yang Berhormat bagi Ipoh Timor sudah pun terpengaruh dengan artikel dalam akhbar tersebut, walhal saya beri jaminan di sini bahawa fakta dua itu tidak betul, *campaign period* enam hari dan tohmahan menyatakan bahawa ada penyelewengan dalam kiraan undi dalam *Law Faculty*, yang mana perlu dibuat pengundian kali kedua adalah tidak benar sama sekali. Itu sebagai penjelasan

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Penjelasan! Saya boleh terima fakta yang pertama ialah silap, satu hari apabila ada enam hari untuk kempen. Kedua, itulah pandangan, sama ada benar atau tidak benar, ini belum ditentukan. Tetapi tidak kira, ada dua silap atau tiga kesilapan kenapa ia tidak boleh, tidak dibenarkan dibetulkan dengan satu penjelasan. Kenapa perlu keluar satu larangan, *prohibition*, kepada Dr. Asmi Shahrom daripada terus menulis rencana mengenai hal ehwal di dalam universiti. Bukankah kita membenarkan, membiarkan *in the heat of debate, discussion* supaya apa yang benar boleh muncul.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Tuan Pengerusi, kita harus ada *freedom with the responsibility*, ada kebebasan tetapi tanggungjawab, itu yang pertama. Dalam hal ini kita ada Akta 605. Akta 605 berkata bahawa seorang pegawai awam tidak boleh mengeluarkan kenyataan awam tanpa kebenaran tetapi kita tidak ambil tindakan. Kalau ikut akta ini boleh ambil tindakan *surchage* terhadap pegawai-pegawai ini tetapi kerajaan mempunyai pandangan yang

terbuka di bawah pentadbiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kita bukan ambil tindakan yang *punitive*.

Kalau kita hendak *punitive* kita boleh ambil tindakan kerana jelas dalam Akta 605 menyatakan bahawa tindakan *surchage* ataupun tindakan lain boleh diambil terhadap mana-mana pegawai yang mengeluarkan kenyataan. Tetapi kita tidak ambil tindakan. Tindakan yang diambil oleh Universiti Malaya ialah tindakan dalam bentuk *advisory*, bentuk nasihat dan kita rasa itu merupakan tindakan yang terbaik dalam konteks universiti. Terima kasih, saya rasa.....

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Penjelasan.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** .....tidak perlulah. Cukup sudah.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Ha!

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Tuan Pengerusi, saya sudah hendak selesai. *Last*.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Ya, *last*. Nampaknya daripada penjelasan Yang Berhormat Menteri menunjukkan sangat *charitable* tetapi sebenarnya peraturan-peraturan ini semua – yang patut dihapuskan. Hujah-hujah bahawa tindakan *surchage* dan lain-lain boleh diambil, benar tidak diambil tetapi bukanlah asas yang patut dikemukakan. Kalau kita mahu satu iklim yang liberal untuk akademia.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Iklim liberal, ya. *We all for it*, dengan izin, tetapi *freedom responsibility* dan fakta-fakta kena betul. Itu sahaja. Terima kasih banyak.

Seterusnya berkaitan dengan meritokrasi di universiti. Perkara ini dibangkitkan setiap kali oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, seolah-olah kita tidak mengamalkan meritokrasi. Saya ingin menekankan dan menegaskan di sini bahawa kita, daripada pengambilan, kenaikan pangkat, pelantikan, memang kadang-kadang ada tohmahan dan persepsi bahawa kita tidak mengamalkan meritokrasi tetapi saya memberi jaminan di sini bahawa kerajaan memandang serius perkara ini dan di bawah budaya berprestasi tinggi yang diperkenalkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri maka isu-isu meritokrasi ini akan diberi perhatian.

Berkaitan dengan *ethnic relation subject* yang sudah pun diperkenalkan, saya ingin memaklumkan bahawa draf sudah pun selesai, sudah disemak oleh pihak berkenaan, oleh pakar-pakar dan tujuannya ialah bukan untuk menimbulkan kebencian terhadap sesiapa tetapi sebaliknya modul ini adalah bertujuan untuk merapatkan hubungan kaum dan saya telah pun mengambil kira pandangan-pandangan yang disuarakan dalam Dewan yang mulia ini tentang draf awal yang disediakan dan kita yakin draf ini akan menyumbang terhadap usaha-usaha untuk memantapkan lagi perpaduan kaum dalam negara kita.

Mengenai pandangan Yang Berhormat bagi Ampang, iaitu pihak Universiti Malaya menghadapi tekanan dari segi *facilities* dan keperluan untuk meningkatkan kemudahan untuk pelajar ke luar negara, perlunya ada pusat khidmat khas untuk pelajar luar negara. Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Ampang yang memberi cadangan

tersebut dan kita akan terus meningkatkan usaha bagi menyediakan kemudahan yang lebih baik, bukan sahaja untuk pelajar luar negara, pelajar negara kita pun.

Kerajaan sedar bahawa ada beberapa kekangan kewangan tetapi Insya-Allah kita akan pastikan masalah-masalah ini akan dapat diatasi. Saya sudah sebut tadi mengenai Pusat Perubatan Universiti Malaya, kekurangan peruntukan memang, RM12 juta tetapi kalau tidak cukup sudah pasti kerajaan, tidak akan kerajaan hendak menganiaya rakyatnya kalau tidak cukup untuk beli ubat, kita tidak sanggup melihat pesakit mati.

Satu lagi iaitu berkaitan dengan Hospital Bukit Mertajam membangkitkan berkaitan dengan sayap, *private wing*, memang ada di Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan, di USM pun ada. Kita ada tiga hospital universiti, satu di Petaling Jaya, satu di Cheras, satu di Kota Bharu, semuanya ada *private wing*. Cuma Yang Berhormat mempertikaikan tentang lesen, saya akan semak perkara ini tetapi hakikat bahawa *wing* itu ada, sudah pasti menunjukkan bahawa ada kebenaran - walau bagaimanapun, kita akan semak perkara ini.

Yang Berhormat bagi Dungun bertanyakan berkaitan dengan .....

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Penjelasan! Penjelasan mengenai dengan *private wings* ini. Ada orang menyatakan bahawa *private wings* ini telah memberi kesan kepada *waiting time for* pesakit yang tidak mampu membayar, ia telah menjadikan bahawa rawatan perubatan, menjadi satu komoditi, siapa yang boleh bayar, ia diberi perkhidmatan yang lebih cepat.

Saya berpendapat bahawa walaupun tujuannya adalah murni mungkin, ia hendak mengekalkan doktor-doktor di universiti untuk terus berkhidmat di sektor awam tetapi dia telah disalahgunakan. Ini kerana kalau profesionnya atau spesialis yang mengajar juga di universiti, mereka adalah sangat sibuk, kalau mereka yang menggunakan mereka terus juga memberi perkhidmatan selepas waktu kerja. Saya difahamkan bahawa ada banyak salah guna. Saya haraplah ini membuat kajian balik tentang '*private wing*' ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Menteri boleh habiskan dalam 10 minit?

**Dato' Mustapa Mohamed:** Boleh insya-Allah. Tuan Pengerusi, kita tidak ada laporan daripada HUKM Cheras ataupun Hospital Universiti Petaling Jaya ataupun HUSM Kubang Kerian mengenai perkara ini, perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Dungun, tanya sama ada rancangan untuk membina kampus UiTM di Bukit Besi, Ya ada. Memang ada, Yang Berhormat bagi Dungun sudah keluar? Tidak ada? Yang Berhormat bagi Dungun juga bertanya tentang Universiti Teknikal Jepun pada masa ini kita memang ada persetujuan antara kedua-dua Perdana Menteri tiga tahun dahulu dan tiada banyak masalah dan sekarang kita cuma tubuhkan *Malaysia Japan University Center* di jalan Semarak, sudah ada empat tenaga, iaitu seorang pengarah daripada pensyarah daripada UTM yang berkelulusan PhD dari Jepun dan tiga orang pensyarah yang dibayar gaji oleh universiti Jepun. Jadi tahun depan kita akan mulakan kursus jangka pendek, kita menjangkakan universiti ini akan dengan

izin, *fully operation* tahun 2009 kerana perlu perancangan 2009. Jadi sekarang ini cuma pusat *Malaysia Japan University Center* sahaja.

Mengenai Yang Berhormat bagi Ketereh, terima kasih banyak memperjuangkan guru-guru, pensyarah politeknik, yang mana ini bukan kali pertama Yang terhormat bagi Ketereh membangkitkan perkara dan kita telah pun mengadakan perbincangan secara prinsipnya, ada kemajuan tetapi belum ada hitam putih lagi, sudah ada kemajuan sejak Yang Berhormat bagi Ketereh bangkitkan perkara ini, kita sudah berurusan dengan pihak tertentu termasuklah JPA, ada kemajuan tetapi belum ada hitam putih lagi. Terima kasih Yang Berhormat bagi Ketereh.

Yang Berhormat bagi Sungai Petani, bercakap tentang kemudahan universiti lama universiti baru. Memang ada persepsi bahawa universiti baru ini kemudahan lebih baik, lebih canggih umpamanya di UNIMAS, UMS, oleh kerana baru, maka kemudahan pelajarannya, memanglah oleh kerana baru dan sebaliknya di universiti-universiti lama ini ada persepsi bahawa ia kurang sedikit, kerajaan sedar perkara ini dan tindakan sedang diambil untuk memperbaiki kemudahan-kemudahan di universiti-universiti yang lebih lama ini.

Mengenai LAN saya sudah cakap tadi, jawapan kepada Yang Berhormat mengenai kebajikan pelajar. Beberapa Ahli Yang Berhormat membangkitkan, termasuklah Yang Berhormat bagi Jerai dan juga Yang Berhormat bagi Dungun membangkitkan tentang biasiswa, membangkitkan di Perhimpunan Agung UMNO. Kita telah minta JPA supaya menyegerakan, kadang-kadang proses mengambil masa bertahun-tahun dan kita mendapat pandangan daripada pelajar kita di Dublin umpamanya, di UK agar kerajaan prihatin dan kita telah mengarahkan JPA supaya mengambil tindakan segera untuk mengkaji elaun tersebut.

Mengenai ustaz, pegawai agama yang berkekeluargaan dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Sungai Petani. Sekarang ini kita ada empat jawatan ustaz di seluruh dunia, mereka berkekeluargaan dan kerajaan secara prinsipnya bersetuju untuk menambah bilangan ustaz ini penting termasuklah ustazah bukan ustaz sahaja. Dalam perhimpunan Agung UMNO pun dibangkitkan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Penjelasan sikit boleh, sikit sahaja. Boleh tidak saya memohon daripada pihak kementerian supaya memaklumkan kepada JPA supaya membantu pelajar-pelajar kita yang melanjutkan pelajaran dalam bidang keagamaan di Mesir, di Jordan dan sebagainya, kerana mereka ini menghadapi masalah kerana pergi atas wang sendiri. Jadi harus juga mereka mendapat seperti pelajar-pelajar yang lain yang menuntut pelajaran di luar negara. Terima kasih.

**Dato' Mustapa Mohamed:** Terima kasih atas pandangan tersebut, kita ambil perhatian. Berkaitan dengan Yang Berhormat bagi Sungai Petani, pensyarah muda harus diberikan galakan, saya hendak maklumkan bahawa di bawah *fundamental research* RM200 juta kementerian kita memang ada dua *track*, dua *channel*, satu untuk *researcher* yang *established*,

dengan izin, bagi pensyarah muda kita menyediakan kemudahan yang khusus untuk menggalakkan mereka membuat penyelidikan.

Yang Berhormat bagi Mambong, saya sudah jawab tadi mengenai permohonan ilmu intelektual bukan sahaja semata-mata pengkomersialan, memang kerajaan sudah pun mengambil tindakan dengan menyediakan RM200 juta. Selain itu, kerajaan menyediakan RM1.2 bilion di bawah *science fund* ataupun tabung sains di bawah MOSTI. Kebanyakan daripada tabung wang setakat ini, dalam sehari dua ini akan disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya dimaklumkan bahawa kebanyakan daripada dana daripada *science fund* ini yang banyak menumpu kepada *fundamental research* akan diperolehi penyelidik-penyelidik universiti.

Jadi kita ada RM200 juta *science fundamental research* di bawah Kementerian Pengajian Tinggi, ada lagi RM1.2 bilion di bawah MOSTI, *science fund* dan sehari dua ini peruntukan pertama akan dikeluarkan. Ini sudah pasti akan memberikan galakan kepada pensyarah termasuklah kepada pensyarah muda.

Saya sudah menjawab soalan Yang Berhormat bagi Rasah berkaitan dengan sijil palsu jurukimia yang dibangkitkan oleh beliau, kita mengambil berat perkara ini.

**Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Yang Berhormat mohon penjelasan. Adakah benar hanya lima orang sahaja pakar yang menyemak cadangan-cadangan...

**Dato' Mustapa Mohamed:** Ya, saya belum sampai. Terima kasih. Adalah tidak benar kita mempunyai satu panel dan bilangannya ramai dan keputusannya sudah pun dibuat tetapi kalau ada isu-isu masalah, Yang Berhormat boleh kemuka pada saya, kalau ada yang tidak puas hati, hubungi saya *direct* dan kita akan siasat perkara tersebut.

Yang Berhormat bagi Kepong, seperti sidang-sidang lepas membangkitkan tentang AUKU dan saya hendak maklumkan bahawa selesai dan sekarang akan pergi ke Kabinet selepas ini dan akan datang oleh kerana saya difahamkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri bahawa bilangan, bil-bil tahun ini terlalu banyak maka mustahil untuk kita timbangkan rang undang-undang dalam sesi Parlimen akan datang. Berkaitan dengan *ranking* dengan AUKU saya hendak maklumkan sekali lagi, banyak kali maklumkan bahawa saya tidak bersetuju dengan pandangan-pandangan pembangkang bahawa AUKU ini telah menjejaskan prestasi pelajar-pelajar kita.

Berkaitan dengan kursus di sesuaikan dengan kursus di sesuaikan dengan keadaan semasa. Yang Berhormat Perdana Menteri telah mengarahkan kurikulum dipinda ini juga disebut dalam Perhimpunan Agung UMNO dan kita sudah pun meminda kurikulum berkaitan dengan ICT dengan kerjasama dengan pihak InfoSys sebagai contoh. Kita sedang merangka kurikulum baru untuk keusahawanan, ini akan diperkenalkan. Tadi ada pertanyaan daripada Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu berkaitan dengan Universiti Darul Iman termasuklah Yang Berhormat bagi Kepong juga bertanya perkara ini. *Niche* areanya Islam, Sains Kesihatan dan Sains Hayat,

ini antara *niche area* UDM, UDM mengambil alih KUZA dan saya ingin maklumkan bahawa Kuala Terengganu bahawa kerajaan sudah bersetuju secara prinsip untuk menempatkan pensyarah-pensyarah UDM sama dengan pensyarah-pensyarah yang lain. Dengan lain perkataan di bawah 'DS' cumanya *detail* termanya sedang diteliti oleh JPA, terma-termanya kita perlu *work out the details*.

Berkaitan Yang Berhormat bagi Tuaran, bagaimana fakulti baru siapa yang menimbangkannya, ditimbangan oleh Kementerian Pengajian Tinggi dan juga JPA. JPA kerana apa, kerana melibatkan perjawatan, pencen dan lain-lain. Kementerian Pengajian Tinggi kena melihat kepada keperluan fakulti iaitu prosedurnya berkaitan Pengajian Orang Asal, memang ada subjek ini tetapi fakultinya belum ada dan kita akan kaji kemungkinan ini.

UMS memanglah sebuah universiti yang muda dan fakulti pengajian perubatannya pun muda. Ada beberapa kekangan kita pun faham dan sedar bahawa beberapa pensyarah adalah muda dan ada pensyarah yang perlu diambil luar negara. Tetapi kualitinya tidak kita pertikaikan. Daripada laporan kita terima, doktor-doktor yang keluar dari UMS tidak ada kurang kualitasnya daripada doktor-doktor lain. Jadi jangan khuatir dengan doktor-doktor yang dihasilkan oleh Fakulti Perubatan UMS.

**Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Penjelasan, pensyarah yang dari luar saya nyatakan tadi ialah di datangkan dari Mnymar. Jadi masyarakat mempunyai kebimbangan sebab ini pensyarah dari Mynmar. Kalau dia dari negara-negara Komanwel barangkali kita boleh. Jadi itu persoalan. Adakah pihak kementerian berpuas hati dengan pensyarah-pensyarah dari Mnymar ini mengajar di fakulti atau *School of Medicine* di UMS. Terima kasih.

**Dato' Mustapa Mohamed:** Sebelum universiti mengambil seorang tenaga pensyarah, ia harus berpuas hati melalui satu proses *interview*. Saya yakin bahawa UMS berpuas hati dengan pensyarah berkenaan. Tetapi *the subject to review* dengan izin, dan doktor Mynmar bukan bermakna doktornya berkualiti rendah. Universiti-universiti di sana pun baik, dan ada di antara mereka mendapat *qualification* daripada UK dan lain-lain. Satu masa dahulu tahun 50-an,60-an Mynmar memang *top* daripada kita. Insya-Allah kita ambil perhatian perkara ini.

Berkaitan dengan UiTM yang dibangkitkan iaitu di Sabah oleh Yang Berhormat bagi Tuaran juga memanglah bangunan pentadbiran ini di *certified* oleh JKR tidak selamat. Kita sudah mengeluarkan peruntukan untuk membina beberapa blok bangunan baru di UiTM Kota Kinabalu. Berkaitan dengan perpindahan fakulti ataupun Diploma Kejuruteraan Awam, saya akan semak perkara ini, saya akan berhubung dengan Ahli Yang Berhormat Tuaran untuk mengetahui keadaan terkini.

Seterusnya...

**Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Penjelasan, penjelasan Yang Berhormat. Berhubung dengan status Diploma Kejuruteraan Awam di UiTM Sabah ini, saya berharap Yang Berhormat Menteri mengkaji dengan baik. Sebab jika sekiranya benar yang dia ini dipindahkan,

ini juga menunjukkan bahawa status UiTM Sabah yang sudah meningkat. Dulunya hanya Diploma in *Business Studies* dan sebagainya. Sekarang sudah ada kejuruteraan, lepas itu tiba-tiba dipindah dan sebagainya hanya dari segi prasarana ataupun kemudahan-kemudahan yang ada. Ini akan, ke belakang pula. *You have already move forward* lepas itu ke belakang pula. Jadi saya berharap Yang Berhormat Menteri tolong pertimbangkan supaya pengajian ini dapat dipertahankan di negeri tersebut. Ini peruntukan besar ini Yang Berhormat.

**Dato' Mustapa Mohamed:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi saya memohon izin lima minit lagi tadi janji 10 minit saya khatir tidak dapat saya akan jawab beberapa pertanyaan utama Yang Berhormat bagi Setiu berkaitan semangat patriotik. Universiti semua telah diarahkan sebelum mengadakan majlis-majlis besar dimulakan lagu Negaraku tetapi kita tahu bahawa itu bukan ukurannya. Negaraku mustahak tetapi hal-hal lain saya beri jaminan bahawa pelajar-pelajar kita akan diterapkan dengan unsur-unsur patriotik.

Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu menyebut mengenai *micro manage* dasar kita ialah untuk *delegate authority* untuk mengurangkan kerenah birokrasi dan perkara ini sedang berjalan dan saya sudah maklumkan kepada Naib Canselor bahawa pendekatan kita ialah untuk mengurangkan kerenah birokrasi. Berkaitan UKM Holdings penubuhan *Institute of Advance Studies* ini satu perkara yang penting apabila kita menambah bilangan pelajar *post graduate*. Dan untuk makluman Universiti Malaya telah pun bersetuju untuk mengadakan institut ini diperkasakan dan satu bangunan nilainya kira-kira RM70 juta sudah pun diluluskan pembelian oleh pihak perbendaharaan dan ini akan dijadikan pusat *post graduate* yang mantap di Universiti Malaya. Saya sudah jawab berkaitan dengan universiti

**Seorang ahli:** Yang Berhormat UKM Persatuan Bahasa Mandarin.

**Dato' Mustapa Mohamed:** Tidak sampai lagi belum Yang Berhormat Lipis kebajikan pelajar insya-Allah kita selalu jaga di luar negara Yang Berhormat bagi Lipis juga membangkitkan tentang Fakulti Kejuruteraan UPM terima kasih atas cadangan tersebut saya pun sentiasa lalu kawasan tersebut dan pandangan Yang Berhormat tadi ada setingan dicantikkan, banjir selalu terima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat bagi Lipis.

Yang Berhormat bagi Ipoh Barat berkaitan dengan undang-undang ini isu pokok isu yang penting cadangan beliau ini melibatkan beberapa pihak termasuk *Bar Council, Attorney General Chambers* dan beberapa pihak lagi dan ia memerlukan kajian lanjut sebelum dapat diberikan pertimbangan. Mengenai UiTM, kursus-kursus memang dalam bahasa Inggeris dan bermula tahun depan kursus-kursus dalam *engineering* dan sains tahun satu akan dilaksanakan sepenuhnya dalam bahasa Inggeris semua universiti. Untuk mengambil kira pelajar-pelajar yang kurang fasih dalam bahasa Inggeris akan ada tempoh peralihan ini sejajar dengan pengajaran sains dan matematik dalam bahasa Inggeris di sekolah-sekolah kesinambungan daripada dasar itu maka tahun depan semua kursus sains dan teknologi universiti akan ada diajar dalam bahasa



Inggeris akan tetapi ada tempoh peralihan. Berkaitan dengan Yang Berhormat bagi Ledang iaitu Akademi dan Pengajian Tinggi *Key Performance Indicator* saya tidak ada masa dah...

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Saya hendak tanya mengenai pengambilan pelajar ke UiTM bukan bumiputera..

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Kita akan jawab kemudian. Ok Yang Berhormat bagi Ledang, Bakti Siswa belum menyerlah di kawasan Ledang. Terima kasih atas pandangan tersebut setiap cuti sekolah cuti universiti ini merupakan satu kegiatan utama pelajar-pelajar mereka ke seluruh negara dan kita ambil perhatian atas pandangan Yang Berhormat bagi Ledang tadi. Bukan warga negara menjadi pemimpin universiti saya kurang pasti di universiti mana tetapi kita harus ada sikap terbuka kerajaan mengambil keputusan bahawa kita harus ada sikap terbuka sedikit kerana kalau kita hendak *take the best brain* kita tidak boleh mengehadkan tenaga akademik itu kepada satu negara sahaja.

Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam mengenai Persatuan Pelajar Mandarin kita tidak menyekat para pelajar-pelajar menjalankan kegiatan kebudayaan dan bahasa dan Yang Berhormat sedia maklum bahawa di UKM dibenarkan pesta tanglung juga di UUM dan saya telah mengadakan perbincangan dengan pemimpin pelajar termasuklah pelajar China dan mereka telah memberi pandangan memorandum pun ada dan perkara ini sedang dikaji oleh kerajaan ini melibatkan dasar dan sebelum sesuatu diambil tindakan saya hendak maklumkan bahawa saya faham masalah ini saya telah dimaklumkan dan saya sudah berjumpa dengan semua pelajar termasuk pelajar Cina dan perkara ini perlu dikaji oleh kerajaan.

Yang Berhormat bagi Jerai, Yang Berhormat bagi Kuala Pilah amat prihatin kepada penduduk kawasannya dan saya telah banyak kali memberi jaminan kepada Yang Berhormat bagi Kuala Pilah tidak ada masalah UiTM di Kuala Pilah dan insya-Allah tahun depan kalau Yang Berhormat jemput saya untuk pecah tanah saya akan ke Kuala Pilah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** IPTS *franchise* UiTM.

**Dato' Mustapa Mohamed:** *Franchise* UiTM IPTS sekarang ini telah lulus 20 yang dah ada. Yang Berhormat baru lulus 19 menjadikan 39 tetapi yang penting seperti yang ditekankan oleh Naib Canselor UiTM dalam *interview* beliau ialah kualiti ini penting tidak boleh kompromi saya rasa semua ahli Yang Berhormat bersetuju ini penting kualiti itu mustahak. Walaupun kita *franchise* yang penting ialah kualiti insya Allah kita agenda bumiputera ada. Kalau merosot prestasi pelajar UiTM ramai alumni UiTM di Dewan ini yang saya rasa lebih 30 alumni UiTM Dewan ini sudah pasti tidak ingin melihat prestasi UiTM merosot. Tuan Pengerusi saya amat menghargai pandangan yang diadakan dalam keadaan yang amat telus dan rasional terima kasih banyak dan kita ambil perhatian atas segala pandangan diberikan terima kasih Tuan Pengerusi

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Peraturan mesyuarat . Adakah sidang ini sah ke?

**Tuan Pengerusi Datuk [Dr. Yusof bin Yacob]:** Saya pun ada Peraturan Mesyuarat 99 Yang Berhormat. *[Dewan riuh]*

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Ada *specific rule* ke?

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Saya pun ada peraturan Yang Berhormat .

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Kalau Menteri tidak mahu jawab tidak usah masuk parlimen.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] :** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM6,799,647,000 untuk Maksud B.49 di bawah Kementerian Pengajian Tinggi jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM6,799,647,000 untuk Maksud B.49 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] :** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM3,595,000,000 untuk Maksud P.49 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2007 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM3,595,000,000 untuk Maksud P.49 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2007.

Majlis bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, urusan kita hari ini selesai. Dewan ditangguh sehingga jam 10.00 pagi besok.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 7.46 malam***

**6 November 2006****AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP. (Pasir Salak) - UMNO
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, PJN., PIS. (Kulai) - MCA
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK. (Sipitang) - UMNO

**MENTERI**

1. **Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO**
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) - UMNO
3. **Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA**
4. “ **Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC**
5. “ **Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN**
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) – UPKO
7. ” Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Effendi bin Norwawi - Senator
8. “ **Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO**
9. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
10. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
11. ” **Menteri Penerangan, Datuk Seri Zainuddin bin Maidin (Merbok) - UMNO**
12. “ **Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA**
13. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
14. “ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) – UMNO
15. “ Menteri Pelajaran, Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) – UMNO
16. Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) - UMNO

17. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato’ Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO
18. “ **Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO**
19. “ Menteri Pengangkutan, **Dato’ Sri** Chan Kong Choy, P.N.B.S., S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S.(Selayang) – MCA.
20. “ Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop - Senator
21. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Dato’ Zulhasnan Rafique, D.I.M.P., A.M.N., (Setiawangsa) - UMNO
22. “ Menteri Pelancongan, Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
23. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
24. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
25. ” Menteri Pengajian Tinggi, Dato’ Mustapa Mohamed (Jeli) - UMNO
26. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato’ Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M., D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
27. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, **Dato’ Seri** Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO
28. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato’ Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO
29. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
30. “ Menteri Kesihatan, **Datuk Seri** Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
31. “ Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) - UMNO
32. “ **Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato’ Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO**

### TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mah Siew Keong (Telok Intan) - GERAKAN
2. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. “ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA
4. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
5. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Liow Tiong Lai (Bentong) – MCA
6. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato’ Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO

7. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO
8. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
9. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) - UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato’ Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
16. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA
17. “ Timbalan Menteri Penerangan, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN
18. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Fu Ah Kiow (Kuantan) - MCA
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato’ Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
20. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato’ Mohd. Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO
21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato’ S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tengah) - MIC
23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato’ Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
24. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato’ Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO
25. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Dato’ Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
27. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP
28. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato’ Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS
29. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato’ Kong Cho Ha (Lumut) - MCA

30. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ng Lip Yong (Batu) - GERAKAN
31. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
32. ” Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
34. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
35. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
37. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO
39. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman - Senator

#### **SETIAUSAHA PARLIMEN**

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
2. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
3. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
4. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato' Yong Khoon Seng (Stampin) - SUPP
5. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
6. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO
7. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) - PBB
8. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
9. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO
10. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC
11. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, **Datin Paduka** Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA

12. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO
13. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA
14. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA
15. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Senator Dato' Dr. S. Vijayarantnam - Senator
16. ” Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO
17. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO
18. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
19. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN
20. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

#### **AHLI-AHLI**

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. “ Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. “ Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. “ Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) – PAS
6. “ Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir (Kulim Bandar Baharu) - UMNO
7. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
8. “ Dato' Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
9. “ Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
10. “ Dato' Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
11. “ Dato' Seri Adenan bin Satem (Batang Sadong) - PBB
12. Yang Berhormat Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
13. “ Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titawangsa) - UMNO
14. “ Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) - UMNO
15. “ **Datuk Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO**
16. “ Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRS
17. “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
18. “ Datuk Bung Mokhtar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO

19. “ Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO
20. “ Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - UMNO
21. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
22. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
23. “ Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
24. “ Dato' Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
25. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
26. “ Dato' Chua Jui Meng (Bakri) – MCA
27. “ Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
28. “ Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
29. “ Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
30. “ Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP
31. “ Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
32. “ Dato' Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
33. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
34. “ Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
35. “ Dato' Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
36. “ Dato' Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
37. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
38. “ Dato' Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
39. “ Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
40. “ **Datuk** Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
41. “ Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
42. “ Tan Sri Dato' Hew See Tong (Kampar) - MCA
43. “ Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
44. “ Datuk Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
45. “ Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
46. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
47. Yang Berhormat Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS
48. “ Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
49. “ Dato' Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
50. “ **Datuk** Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
51. “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
52. “ Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
53. “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
54. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
55. “ Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO



56. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO
57. “ Tan Sri Dato’ Dr. K.S. Nijhar (Subang) - MIC
58. “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
59. “ Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) – DAP
60. “ Dato’ Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) - GERAKAN
61. “ Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
62. “ Tan Sri Law Hieng Ding (Sarikei) – SUPP
63. “ **Datuk Seri** Dr. Leo Michael Toyad (Mukah) - PBB
64. “ Dato’ Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA
65. “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
66. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
67. “ Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
68. “ Dato’ Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) – MCA
69. “ Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
70. “ Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
71. “ Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
72. “ Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
73. “ Dato’ Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
74. “ Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Ketereh) – UMNO
75. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
76. “ Dato’ Dr. Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
77. “ Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
78. “ Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
79. “ Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
80. “ Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
81. “ Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
82. “ Dato’ Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
83. Yang Berhormat Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
84. “ Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
85. “ Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
86. “ Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
87. “ Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
88. “ Dato’ Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
89. “ Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
90. “ Dato’ Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
91. “ Datuk Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
92. “ Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO

93. “ Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
94. “ Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
95. “ Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
96. “ Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
97. “ Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
98. “ Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
99. “ Dato’ Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
100. “ Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S, S.S.A., K.M.N, S.S.A.P, (Kuala Langat) - UMNO
101. “ Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
102. “ Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
103. “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
104. “ Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulong) – UMNO
105. “ Dato’ Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
106. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
107. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
108. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
109. “ **Dato’** Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
110. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
111. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
112. “ Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) - UMNO
113. “ Tengku Razaleigh bin Tengku Hamzah, (Gua Musang) – UMNO
114. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
115. “ Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
116. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
117. “ Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
118. Yang Berhormat Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
119. “ Dato’ Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
120. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - KEADILAN
121. “ Dato’ Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
122. “ Dato’ Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
123. “ Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
124. “ Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
125. “ Datuk Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
126. “ Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA
127. “ Dato’ Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
128. “ Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

**DEWAN RAKYAT**

**Ketua Pentadbir Parlimen**  
Haji Kamaruddin Mohamed Baria

**Setiausaha Dewan Rakyat**  
**Datuk Mahmood bin Adam**

**Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)**  
Roosme binti Hamzah

**PETUGAS-PETUGAS**  
**PENERBITAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd Hassan  
Hajah Supiah binti Dewak  
Kamisah binti Sayuti  
Sarimah binti Haji Amran  
Ab. Talip bin Hasim  
Hadzirah binti Ibrahim  
Jamilah Intan binti Haji Bohari  
Hairan bin Mohtar  
**Nurziana binti Ismail**  
Suriyani binti Mohd. Noh  
Habibunisah binti Mohd. Azir  
Aisyah binti Razki  
Yoogeswari a/p Muniandy  
Nor Liyana binti Ahmad  
Zatul Hijanah binti Yahya  
Nurul Asma binti Zulkepli  
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Norasmawati binti Mohamed Nor  
Nor Hamizah binti Haji Hassan  
Zaida Zuriani binti Mohd Zamli  
Azmir bin Mohd Salleh  
Norhasani binti Yaacob